




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SABAH
TAHUN 2009




JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 **NEGERI SABAH**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SABAH
TAHUN 2009**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	3
Jabatan Tanah Dan Ukur <i>Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	3
Majlis Perbandaran Sandakan, Pejabat Daerah Ranau, Pejabat Daerah Keningau Dan Pejabat Daerah Kecil Sook <i>Program Bantuan Rumah</i>	22
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah <i>Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar</i>	36
Jabatan Pertanian Negeri Sabah <i>Program Pembangunan Komoditi Tanaman</i>	49
Jabatan Air Negeri Sabah <i>Pengurusan Air Tidak Berhasil (Non Revenue Water)</i>	72
Jabatan Kerja Raya <i>Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau</i>	93
Kementerian Belia Dan Sukan Negeri Sabah <i>Program Pembinaan Dan Pembangunan Kompleks Sukan</i>	101
Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) <i>Program Pinjaman Industri Kecil Perikanan</i>	121
Majlis Ugama Islam Negeri Sabah <i>Pengurusan Tanah Wakaf</i>	130

PERKARA**MUKA SURAT**

Majlis Perbandaran Sandakan	142
Majlis Daerah Keningau	
<i>Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar</i>	

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Pendahuluan	157
<i>Tuaran Crumb Sdn. Bhd.</i>	157
<i>Sedcovest Holdings Sdn. Bhd.</i>	168

BAHAGIAN III - PERKARA AM

Pendahuluan	187
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/ Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun 2008	187
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun 2008	203
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	203
PENUTUP	207



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sabah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2009 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 10 buah Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri iaitu Jabatan Tanah Dan Ukur, Majlis Perbandaran Sandakan, Pejabat Daerah Ranau, Pejabat Daerah Keningau, Pejabat Daerah Kecil Sook, Majlis Daerah Keningau, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah, Jabatan Pertanian Negeri Sabah, Jabatan Air Negeri Sabah, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Belia Dan Sukan Negeri Sabah, Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN), Majlis Ugama Islam Negeri Sabah serta dua Syarikat Kerajaan Negeri iaitu Syarikat Tuaran Crumb Sdn. Bhd. dan Syarikat Sedcovest Holdings Sdn. Bhd.


3. Pengauditan terhadap program/aktiviti adalah berkaitan dengan Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Program Bantuan Rumah, Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar (*Urban Drainage*), Program Pembangunan Komoditi Tanaman, Pengurusan Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water*), Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau, Program Pembinaan Dan Pembangunan Kompleks Sukan, Program Pinjaman Industri Kecil Perikanan, Pengurusan Tanah Wakaf, Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar, Pengurusan Syarikat Tuaran Crumb Sdn. Bhd. dan Syarikat Sedcovest Holdings Sdn. Bhd. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada semua polisi, program dan projek yang telah dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/ Agensi Negeri Sabah pada tahun 2009 masih terdapat kelemahan. Di antara kelemahan yang ditemui dalam aktiviti perlombongan pasir ialah berlakunya hakisan sungai yang memberi kesan

kepada alam sekitar seperti pencemaran kualiti air sungai dan keruntuhan tebing sungai di samping penguatkuasaan yang lemah terhadap pengusaha perlombongan pasir tanpa lesen. Selanjutnya, terdapat banyak kecacatan dalam melaksanakan Program Bantuan Rumah dan Program Pembinaan Pembangunan Kompleks Sukan seperti mutu kerja, reka bentuk tidak sesuai, spesifikasi kerja tidak dipatuhi, bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak sempurna dan pembelian tidak munasabah terhadap perolehan peralatan dan kelengkapan. Kitaran penyenggaraan terhadap Sistem Saliran Bandar tidak mencukupi menyebabkan berlaku mendapan di dalam saliran dan projek tanaman dalam Program Pembangunan Komoditi Tanaman tidak disenggara dan dipantau. Pengurusan kawalan NRW pula menghadapi masalah aktiviti sambungan haram terutamanya di kawasan setinggan. Bagi Program Pinjaman Industri Kecil Perikanan didapati standard saiz perusahaan tidak ditetapkan dan peminjam gagal memasarkan produk secara komersil manakala Pengurusan Tanah Wakaf tidak teratur. Selain itu, Pengurusan Sisa Pepejal lemah dari aspek kerja kutipan, dan kawalan di tapak pelupusan. Manakala, bagi dua Syarikat didapati kedudukan kewangan bagi tahun 2008 tidak kukuh, kawalan pengurusan kewangan lemah dan prestasi operasi syarikat tidak memuaskan. Secara amnya, kelemahan ini sekiranya tidak diperbaiki boleh menjejaskan imej Kerajaan Negeri, Syarikat dan perkhidmatan awam.

4. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2008 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha menjadikan perkhidmatan awam satu mekanisme dalam melaksana dan menterjemah segala program dan dasar awam seperti memastikan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber secara mampan, menyediakan kemudahan awam yang sempurna, membasmi kemiskinan, meningkatkan aktiviti ekonomi pertanian negara dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan **“Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

9 Julai 2010



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. **Jabatan Tanah Dan Ukur - *Aktiviti Perlombongan Dan Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar***

Aktiviti perlombongan pasir di Negeri Sabah lebih tertumpu kepada aktiviti pengambilan pasir sungai bagi memenuhi keperluan sektor pembinaan dan pembangunan infrastruktur. Antara agensi Kerajaan yang bertanggungjawab adalah Jabatan Tanah Dan Ukur (Jabatan Tanah) serta Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS). Peranan Jabatan Tanah adalah memproses *Temporary Occupation Licences* (TOL) dan Lesen Pemindahan Bahan. Manakala, kelulusan *Environment Impact Assessment* (EIA) oleh JPAS. Hasil pengauditan yang dijalankan mendapati ketidakpatuhan syarat lesen, EIA dan garis panduan oleh pengusaha pasir telah memberi kesan kepada alam sekitar. Antaranya, hakisan tebing sungai serta pencemaran habuk dan bunyi. Pada masa yang sama, terdapat kerosakan jalan raya yang disebabkan oleh lori dan jentera pasir tidak dibaiki oleh pengusaha pasir. Kesan daripada pelanggaran syarat lesen, EIA dan garis panduan telah menyebabkan Kerajaan Negeri menanggung kos untuk membaik pulih kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti perlombongan pasir. Selain itu, terdapat pengusaha pasir masih beroperasi walaupun lesen mereka telah tamat tempoh. Pelbagai tindakan seperti tangkapan, penyitaan, kompaun dan notis pemberhentian kerja telah dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan JPAS, namun tindakan penguatkuasaan supaya syarat lesen EIA dan garis panduan yang telah ditetapkan dipatuhi, didapati kurang efektif kerana pengusaha pasir masih belum mendapat kelulusan lesen pemindahan bahan.

2. **Majlis Perbandaran Sandakan, Pejabat Daerah Ranau, Pejabat Daerah Keningau Dan Pejabat Daerah Kecil Sook - *Program Bantuan Rumah***

Program Bantuan Rumah (PBR) merupakan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin tegar memiliki rumah yang selesa. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Negeri Sabah telah diperuntukkan sejumlah RM169.40 juta bagi melaksanakan pembinaan 4,740 unit rumah di bawah program ini. Pada keseluruhannya, prestasi pelaksanaan PBR adalah baik dari aspek penyiapan rumah yang diluluskan di mana rumah-rumah PBR telah berjaya disiapkan pada tahun yang sama. Bagaimanapun, beberapa kelemahan diperhatikan iaitu tiga kes pemilihan tapak yang tidak sesuai, 440 kes ketidakpatuhan reka bentuk dan spesifikasi, 90 kes bahan binaan dan hasil kerja tidak berkualiti dan sembilan kes kelulusan pembayaran dibuat terhadap projek yang tidak sempurna. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan Agensi Pelaksana iaitu Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan mematuhi

sepenuhnya prosedur yang ditetapkan dalam garis panduan dan meningkatkan penyeliaan terhadap kerja kontraktor bagi menentukan PBR dilaksanakan dengan teratur.

3. Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah - *Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar (Urban Drainage)*

Penyenggaraan infrastruktur saliran bandar yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mencegah banjir di kawasan bandar dengan menggunakan konsep Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi mengurus air ribut (*storm water*) yang mula digunakan pada tahun 2001 dan juga mengadakan kemudahan-kemudahan saliran utama bagi kawasan bandar. Penyenggaraan sistem perparitan utama juga mengambil kira faktor kebersihan agar dapat mewujudkan persekitaran yang selesa dan sihat kepada penduduk setempat dan kawasan berhampiran. Pada tahun 2007 hingga 2009, JPS telah menerima peruntukan berjumlah RM54.09 juta bagi melaksanakan penyenggaraan sistem saliran bandar. Kelemahan yang dikenal pasti adalah kitaran kerja penyenggaraan sistem saliran bandar yang tidak mencukupi menyebabkan saliran di kawasan tertentu ada mendapan, saliran dipenuhi sampah, halangan penyenggaraan serta pagar keselamatan dan penghadang parit tidak disenggara. Selain itu, saliran besar yang bertembung dengan sungai yang kecil tidak dapat menampung limpahan air dari saliran apabila berlaku curahan hujan yang luar biasa mengakibatkan berlaku banjir kilat. JPS perlu mengenal pasti kawasan rezab saliran dengan jelas untuk diwartakan bagi membolehkan penyenggaraan dilaksanakan dengan berkesan dan membuat perancangan secara menyeluruh terhadap sistem saliran bandar selaras dengan konsep Manual Saliran Mesra Alam (MSMA).

4. Jabatan Pertanian Negeri Sabah - *Program Pembangunan Komoditi Tanaman*

Jabatan Pertanian Negeri Sabah melaksanakan Program Pembangunan Komoditi Tanaman bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan dan pendapatan para petani di Negeri Sabah. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, daripada RM13.92 juta peruntukan Kerajaan Negeri, sejumlah RM10.57 juta daripadanya telah dibelanjakan. Manakala peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM6.25 juta dan RM5.09 juta daripadanya dibelanjakan. Secara keseluruhannya, terdapat kelemahan pelaksanaan Program Pembangunan Komoditi Tanaman yang mana sebanyak 51% sasaran pendapatan petani yang ditemu bual belum tercapai, tujuh daripada 23 projek tanaman yang dilawati tidak disenggara dengan baik, enam daerah yang dipilih tidak mematuhi polisi dan prosedur tanaman yang ditetapkan dan stor tidak disenggara dengan baik kerana lapan bahagian utama TPS tidak dipatuhi bagi enam daerah yang dipilih. Jabatan disyorkan mengkaji semula polisi dan prosedur berkaitan supaya bersesuaian dengan keadaan geografi dan demografi negeri Sabah, menyediakan latihan dan bimbingan serta memantau pelaksanaan projek dengan lebih berkesan agar objektif program dapat dicapai.

5. Jabatan Air Negeri Sabah - *Pengurusan Air Tidak Berhasil (NRW)*

Pengurusan kawalan NRW adalah untuk mengurangkan kadar NRW ke tahap optimum. Pelaksanaan projek pengurusan kawalan NRW oleh Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah dapat menurunkan kadar NRW daripada 57% pada tahun 2005 kepada 49.4% pada tahun 2009. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti dari isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan di mana tiga daripada 52 buah meter pengeluaran tidak berfungsi dan 14 buah lagi meter pengeluaran tidak dibuat verifikasi, penggunaan sah yang dibilkan hanya 48.3% daripada jumlah isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan menyebabkan anggaran kehilangan hasil sebanyak RM140.17 juta setahun, kehilangan fizikal yang begitu tinggi iaitu sebanyak 44.1% dan anggaran kehilangan komersil RM11 juta setahun serta pelaksanaan projek NRW secara holistik, di mana aspek pengurusan kebocoran semasa tempoh tanggungan kecacatan, tidak dilakukan. Sehubungan itu, pihak JANS perlu menumpukan aspek verifikasi terhadap meter pengeluaran, penggantian meter pengguna yang sudah berusia, memantau pengurusan kawalan NRW dan pelaksanaan projek NRW. Kerajaan Negeri juga perlu menangani aktiviti sambungan haram terutama di kawasan setinggan dengan lebih berkesan.

6. Jabatan Kerja Raya - *Projek Skim Pembentukan Fasa II, Tawau*

Projek ini merupakan projek lanjutan daripada Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) yang diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) di bawah Program Pembangunan Negeri Sabah. Objektif projek adalah untuk mempertingkatkan sistem pelupusan kumbahan di bandar Tawau terutama di pusat komersil dengan menyiapkan elemen-elemen utama yang dicadangkan dalam Fasa II yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 1995 seperti mana cadangan dalam Pelan Induk Kajian Kebolehlaksanaan Pembentukan Tawau. Projek Skim Pembentukan Fasa II, Tawau dibahagikan kepada dua kontrak iaitu Kontrak 1 dan Kontrak 2. Peruntukan yang diluluskan dalam RMKe-9 bagi Kontrak 1 dan Kontrak 2 masing-masing adalah berjumlah RM55 juta dan RM30 juta. Manakala dalam RMKe-10 sejumlah RM20 juta diperuntukkan sebagai tambahan untuk pelaksanaan Kontrak 2. Hasil pengauditan terhadap projek Skim Pembentukan Fasa II mendapati beberapa kelemahan seperti kos bagi Kontrak 1 meningkat sejumlah RM5.61 juta, projek lewat disiapkan dan ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak. Jabatan perlulah memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual dan berfungsi sewajarnya.

7. Kementerian Belia Dan Sukan Negeri Sabah - *Program Pembinaan Dan Pembangunan Kompleks Sukan*

Kementerian Belia Dan Sukan Negeri Sabah (KBS) bertanggungjawab untuk melaksanakan Program Pembinaan Dan Pembangunan Kompleks Sukan di Negeri Sabah. KBS melalui agensinya, Lembaga Sukan di Negeri Sabah berperanan secara langsung untuk memastikan pelaksanaan program ini berjalan lancar. Program ini dirangka untuk memastikan kemudahan sukan sejajar dengan keperluan semasa masyarakat. Sejumlah

RM68.87 juta telah diperuntukkan di bawah RMKe-9 untuk membina dan menaik taraf sembilan buah kompleks sukan. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 sejumlah RM13.30 juta telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya, Program Pembinaan Dan Pembangunan Kompleks Sukan tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Antara kelemahan program ini adalah kerosakan terhadap bangunan dan kemudahan sukan selepas disiapkan, tiga item berjumlah RM9,400 dibekalkan tidak mengikut spesifikasi seperti dalam kontrak serta kos perolehan *bed set* bernilai RM8,000 tidak munasabah. Bagi meningkatkan keberkesanan program ini, tindakan penambahbaikan perlu diambil seperti menjalankan pemeriksaan yang teliti untuk mengenal pasti kecacatan semasa tempoh tanggungan kecacatan, pengesahan kerja siap hendaklah dilakukan dengan betul, menjalankan kajian pasaran serta menyediakan Senarai Kuantiti berdasarkan butiran item.

8. Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN) - Program Pinjaman Industri Kecil Perikanan

Program Pinjaman Industri Kecil Perikanan merupakan salah satu program yang dijalankan KO-NELAYAN bagi membantu para nelayan dan pengusaha makanan berasaskan hasil-hasil laut yang menghadapi masalah kewangan semasa menjalankan aktiviti dan mempertingkatkan tahap produktiviti. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk pinjaman modal dan peralatan. Di bawah RMKe-9, peruntukan sejumlah RM7.50 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan setakat bulan Disember 2009, sejumlah RM4.66 juta telah dibelanjakan. Hasil pengauditan mendapati ada kelemahan dalam pelaksanaan program seperti standard saiz perusahaan tidak ditetapkan, 13 peminjam dengan jumlah pinjaman RM74,089 tidak meneruskan perusahaan, 82 peminjam gagal memasarkan produk secara komersial dan pengendalian perusahaan pengeringan tidak teratur. KO-NELAYAN disyorkan mengkaji semula had pinjaman, menyediakan garis panduan yang komprehensif serta memberikan latihan industri dan bimbingan khusus berkaitan pemasaran, pembungkusan dan pelabelan bagi memastikan objektif program tercapai.

9. Majlis Ugama Islam Sabah - Pengurusan Tanah Wakaf

Pengurusan dan pentadbiran Agama Islam di Sabah ditadbir urus oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) melalui Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah Tahun 2004. Secara keseluruhannya, pengurusan tanah wakaf oleh MUIS adalah tidak memuaskan. Kelemahan yang dikenal pasti adalah proses permohonan pewakaf tidak diatur dengan teratur, hanya empat daripada 94 fail tanah wakaf atau 4.25% yang disemak telah selesai pewakafannya dan geran tanah telah diletak hak milik MUIS. MUIS tidak menyediakan Daftar Tanah Wakaf dan maklumat tanah wakaf hanya berdasarkan senarai 239 bidang tanah perkuburan, 702 buah Masjid, 836 buah Surau, 185 buah Sekolah Ugama Islam dan empat bidang tapak tanah. Bagaimanapun bilangan sebenar tanah diwakafkan kepada MUIS tidak dapat dikenal pasti. Rekod dan fail tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta perletakan hak dan pembatalan hak tidak dilaksanakan mengikut syarat yang telah ditetapkan. Perkara ini berlaku disebabkan perjawatan yang terhad, kakitangan tidak

berkemahiran dalam bidang hartanah dan peruntukan untuk mengurus tanah wakaf tidak disediakan. Akibatnya tanah wakaf terbiar, tidak disenggara dan terdapat aktiviti tanpa kebenaran. Pihak Audit mengesyorkan agar MUIS menerima pakai Manual Pengurusan Tanah Wakaf yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji bagi menguruskan tanah wakaf dengan cekap dan berkesan.

10. *Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Keningau - Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar*

Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk mengurus sisa pepejal dengan teratur bagi meningkatkan tahap kebersihan dan kualiti hidup masyarakat setempat. Purata sisa pepejal yang diurus di Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Keningau adalah masing-masing 220 metrik tan dan 40 metrik tan sehari. Pada tahun 2009, Majlis Perbandaran Sandakan membelanjakan sejumlah RM5.10 juta manakala Majlis Daerah Keningau sejumlah RM0.43 juta sebagai bayaran kepada kontraktor bagi mengurus sisa pepejal di kawasanya. Sisa pepejal yang tidak diurus dengan teratur, cekap dan sistematik, memberi kesan buruk kepada alam sekitar. Hasil pengauditan mendapati, pengurusan sisa pepejal di Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Keningau tidak memuaskan kerana kekerapan kutipan tidak memadai, bilangan tong sampah yang tidak mencukupi manakala penyenggaraan tapak pelupusan kurang sempurna yang telah menyumbang pencemaran kepada kualiti air di permukaan tanah dan kualiti air sungai.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

11. *Tuaran Crumb Sdn. Bhd.*

Tuaran Crumb Sdn. Bhd. (TCSB) adalah sebuah syarikat milik penuh Lembaga Industri Getah Sabah yang ditubuhkan pada bulan April 1985 dengan modal saham dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal berbayar berjumlah RM5 juta. Pada tahun 2008, TCSB mencatatkan keuntungan berjumlah RM2,640. Pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan TCSB adalah kurang memuaskan. Beberapa kelemahan seperti sasaran pengeluaran tidak dicapai, kos penyenggaraan mesin dan kadar pusing ganti pekerja yang tinggi. Selain itu, pengurusan kewangan syarikat adalah tidak memuaskan kerana Polisi/Garis Panduan berkaitan pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, perolehan dan pengurusan aset tidak disediakan. Pihak Audit mengesyorkan Pengurusan Syarikat meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan kewangan dan menyediakan Garis Panduan serta Polisi Pengurusan Sumber Manusia yang lengkap dan menyeluruh.

12. *Sedcovest Holdings Sendirian Berhad*

Sedcovest Holdings Sdn. Bhd. (Sedcovest) adalah sebuah syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) yang ditubuhkan pada tahun 1995 dengan modal saham dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM1.50 juta. Kelemahan yang berlaku dalam pengurusan aktiviti utama Sedcovest adalah seperti pelaksanaan 23 projek usaha sama tanpa perjanjian, pelantikan konsultan tidak melalui jawatankuasa dan konsultan/kontraktor tidak melaksanakan tugas dengan memuaskan kerana terdapat 12 premis perniagaan belum diberi sijil menduduki di mana sembilan daripadanya telah beroperasi dan lima projek lewat disiapkan. Selain itu, penyenggaraan premis dan pemantauan terhadap peserta kursus didapati tidak memuaskan. Sehubungan dengan itu, adalah disarankan agar Lembaga Pengarah/pihak pengurusan Sedcovest dan SEDCO berusaha meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan kewangan serta aktiviti syarikat supaya operasi syarikat dapat berjalan dengan lancar.



BAHAGIAN I AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Berdasarkan kepada Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit program atau aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2009 sebanyak 10 aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi telah dipilih dan dikaji. Hasil pengauditan tersebut dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan dan hasil isu yang dibangkitkan, dilaporkan di **Bahagian** ini.

JABATAN TANAH DAN UKUR

2. AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN PENGAMBILAN PASIR SERTA KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

2.1 LATAR BELAKANG

2.1.1 Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah (Jabatan Tanah) bertanggungjawab mengurus dan menjaga sumber tanah Negeri Sabah mengikut Ordinan Tanah Bab 68. Salah satu peranan Jabatan Tanah adalah memproses *Temporary Occupation Licences* (TOL) dan mengeluarkan lesen di bawah Seksyen 23, Ordinan Tanah Bab 68, dikenali sebagai Lesen Pemindahan Bahan yang memberi kebenaran kepada individu atau syarikat (pengusaha) mengambil pasir, batu, tanah dan galian lain sama ada di atas tanah milik Kerajaan atau tanah bergeran. Perlombongan pasir di Negeri Sabah lebih tertumpu kepada pengambilan pasir sungai untuk memenuhi keperluan sektor pembinaan dan pembangunan infrastruktur. Bagi tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 14 kelulusan TOL dan lesen pasir sungai telah dikeluarkan di seluruh Negeri Sabah dengan purata pengeluaran pasir sungai berjumlah 195,770 meter padu setahun. Pada tahun 2007, 2008 dan 2009, kutipan hasil lesen pasir, batu, tanah dan galian lain termasuk bayaran TOL pengambilan pasir dan batu adalah masing-masing sejumlah RM0.23 juta, RM0.68 juta dan RM1.21 juta.

2.1.2 Pengurusan aktiviti perlombongan pasir yang baik boleh mengurangkan mendapan pasir di dasar sungai, mengelakkan kejadian banjir dan menjana ekonomi Kerajaan Negeri Sabah melalui bayaran TOL oleh pengusaha. Bagaimanapun, kegiatan pengambilan pasir sungai secara tidak terkawal boleh menimbulkan beberapa masalah seperti hakisan tebing sungai, pencemaran kualiti air sungai, mendapan di bahagian saluran pengambilan air (*water intakes*), gangguan kepada kehidupan akuatik dan kemusnahan flora dan fauna.

2.1.3 Sehubungan itu, bagi menangani serta mengurangkan kesan aktiviti pengambilan pasir terhadap alam sekitar, Laporan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar atau *Environmental Impact Assessment* (EIA) daripada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah (JPAS) wajib disediakan setelah lesen pengambilan pasir diluluskan oleh Jabatan Tanah dan Pejabat Hasil Bumi. Selain itu, ulasan secara bertulis daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah (JPS) mengenai kesesuaian lokasi dari segi keadaan fizikal tapak yang dimohon diperlukan. Begitu juga, Jabatan Air Negeri Sabah perlu mengulas berkaitan potensi gangguan terhadap sumber bekalan air akibat pembentukan mendapan pasir di sekitar kawasan *water intakes* manakala Jabatan Perikanan Negeri Sabah perlu memberikan komen mengenai kawasan yang dimohon sama ada ia tidak mengganggu ekosistem ke atas kehidupan akuatik seperti ikan. Jabatan Mineral Dan Geosains juga diperlukan untuk membuat anggaran kuantiti batu pasir sungai di kawasan yang diluluskan TOL.

2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir dilaksanakan dengan teratur serta dipantau dengan sewajarnya agar kesan terhadap alam sekitar adalah pada tahap minimum.

2.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada senarai pengusaha aktif yang berdaftar di Jabatan Tanah serta laporan aduan awam di JPAS bagi tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Jabatan Tanah, JPAS dan JPS dengan membuat semakan terhadap fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan dengan permohonan lesen pengambilan pasir, penguatkuasaan dan pemantauan oleh pihak berkuasa. Lapan pengusaha berlesen di daerah Papar, Beaufort dan Tuaran telah dipilih untuk dilawati. Temu bual dengan pegawai agensi yang terlibat, pengusaha dan orang awam dijalankan untuk mendapatkan komen atau ulasan terhadap aktiviti pengambilan pasir. Sampel air sungai yang diambil oleh pegawai JPAS dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia Negeri Sabah. Selain itu, sebanyak 100 borang soal selidik diedarkan kepada penduduk setempat bagi mendapatkan maklum balas mereka terhadap aktiviti pengambilan pasir.

2.4 PENEMUAN AUDIT

Lawatan Audit telah dijalankan di daerah Papar, Beaufort dan Tuaran pada bulan Julai hingga Oktober 2009 bersama-sama dengan pegawai dari Pejabat Pemungut Hasil Tanah Daerah (PPHT), JPAS dan JPS. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan mendapati terdapat pelanggaran syarat lesen, EIA dan garis panduan oleh pengusaha pasir. Ini telah menyebabkan berlakunya hakisan tebing sungai, pencemaran habuk dan bunyi serta kerosakan jalan raya oleh lori dan jentera pasir. Kesan daripada pelanggaran syarat lesen, EIA dan garis panduan juga telah mengakibatkan Kerajaan Negeri menanggung kos

untuk membaik pulih kerosakan yang disebabkan oleh aktiviti perlombongan pasir seperti kos penyenggaraan jalan raya antara RM70,000 hingga RM2.50 juta. Selain itu, terdapat pengusaha pasir masih beroperasi walaupun lesen mereka telah tamat selama tiga hingga empat tahun. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

2.4.1 Kualiti Air Sungai

Ujian kualiti air sungai telah dijalankan oleh pihak JPAS iaitu masing-masing pada 5 Ogos 2009 di Sungai Padas, Beaufort, 18 Ogos 2009 di Sungai Tuaran, Tuaran dan 9 September 2009 di Sungai Papar, Papar. Tujuan ujian ini adalah untuk menguji sama ada berlaku pelanggaran parameter-parameter air seperti kekeruhan (*turbidity*), pepejal terampai, minyak dan gris, nilai pH, *Chemical Oxygen Demand* (COD) dan *Biological Oxygen Demand* (BOD). Keputusan ujian kualiti air sungai adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Keputusan Kualiti Air Sungai Di Daerah Beaufort, Tuaran Dan Papar

Bil.	Parameter Ujian Air	Standard INWQS	Daerah Beaufort				Daerah Tuaran				Daerah Papar			
			Kg. Binunuk		Kg. Suasa		Kg. Dugang		Kg. Simpangan		Kg. Lakut		Kg. Manggis	
			P 1	P 2	P 1	P 2	P 1	P 2	P 1	P 2	P 1	P 2	P 1	P 2
1.	<i>Turbidity</i>	50NTU	37	TM	19	120	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM	TM
2.	Pepejal Terampai	50mg/l	61	TM	11	230	53	60	55	50	28	7	16	<5
3.	Minyak Dan Gris	10mg/l	<10	TM	TM	<10	<10	<10	<10	<10	<10	<10	<10	<10
4.	pH	6-9	7.7	TM	7.4	7.5	6.8	7.0	7.4	7.5	6.9	6.9	7.2	7.3
5.	Warna	150 TCU	30	TM	30	30	30	30	10	10	30	20	20	20
6.	COD	25mg/l	<6	TM	7	<6	6	10	10	11	<6	<6	<6	<6
7.	BOD	3mg/l	<2	TM	<2	2	<2	<2	<2	<2	<2	<2	<2	<2

Sumber: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah

Nota: * INWQS merujuk kepada Interim National Water Quality Standard Class IIA

TM – Tiada Maklumat

P 1 – Lokasi sampel air sungai diambil jarak 100 meter 'downstream' dari tapak aktiviti pengusaha pasir

P 2 – Lokasi sampel air sungai diambil jarak 100 meter 'upstream' dari tapak aktiviti pengusaha pasir

Keputusan ujian kualiti air sungai di **Jadual 2.1**, menunjukkan parameter air *turbidity* di daerah Beaufort mencatatkan 120 NTU berbanding 50 NTU standard yang dibenarkan. Manakala, parameter air pepejal terampai masing-masing di daerah Tuaran dan Beaufort mencatatkan antara 53mg/l hingga 230mg/l berbanding 50mg/l piawaian yang dibenarkan. Pihak JPAS memaklumkan kadar pelanggaran parameter air adalah kecil dan boleh dirawat sebagai sumber bekalan air mentah. Kualiti air sungai juga boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti pembukaan tanah untuk pertanian, pembalakan serta pelbagai aktiviti pembangunan lain.

Pada pendapat Audit, tahap pencemaran air sungai adalah terkawal kerana pelanggaran parameter adalah kecil. Bagaimanapun, pemantauan terhadap aktiviti pengambilan pasir adalah perlu bagi mengelakkan dari sumber bekalan air mentah terjejas secara berterusan pada masa hadapan.

2.4.2 Hakisan Dan Runtuhan Tebing Sungai

Seksyen 40(3), Enakmen Sumber Air Sabah menyatakan kawasan rizab sungai (*riparian reserve*) berfungsi untuk melindungi isi padu atau aliran air dalam badan air serta menghalang penurunan kualiti sumber air dan kerosakan persekitaran akuatik. Pihak JPS memaklumkan pencerobohan *riparian reserve* boleh menyebabkan struktur tanah dalam kawasan berkenaan menjadi tidak kukuh dan mengakibatkan tebing sungai terhakis dan runtuh. Aktiviti perlombongan pasir secara tidak terkawal dan faktor semula jadi boleh menjadi penyumbang kepada hakisan dan runtuh tebing sungai. Penemuan Audit semasa menjalankan pemeriksaan lapangan dan menyusuri sungai adalah seperti berikut:

a) Daerah Papar

i) Aktiviti Memproses Pasir Dalam Kawasan *Riparian Reserve*

Mengikut syarat perjanjian alam sekitar oleh JPAS, sebarang aktiviti pengambilan pasir, simpanan pasir (*stockpile*) dan pembinaan struktur memproses pasir tidak dibenarkan dalam kawasan *riparian reserve* iaitu jarak 20 hingga 30 meter dari tebing sungai. Lawatan Audit bersama pegawai JPAS dan JPS mendapati struktur mencuci pasir dan *stockpile* berada dalam kawasan *riparian reserve* iaitu masing-masing 15 meter dan 10 meter dari tebing sungai seperti di **Foto 2.1** dan **Foto 2.2**.

Foto 2.1
Struktur Mencuci Pasir
Berada 15 Meter Dari Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Lakut, Papar
Tarikh: 22 Julai 2009

Foto 2.2
Kedudukan *Stockpile*
Berada 10 Meter Dari Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Lakut, Papar
Tarikh: 22 Julai 2009

Maklum balas daripada pihak JPAS menyatakan pengusaha berkenaan telah diarah untuk menghentikan aktiviti pengambilan pasir kerana penilaian semula laporan EIA oleh pihak JPAS belum diluluskan. Pihak JPS pula menyatakan penguatkuasaan terhadap kawalan aktiviti dalam kawasan rizab sungai adalah berdasarkan kepada laporan EIA yang telah diluluskan oleh JPAS. Manakala, pihak Jabatan Tanah menyatakan *riparian reserve* tidak boleh di warta kerana keadaan profil sungai yang sering berubah.

ii) **Aktiviti Pengambilan Pasir Dijalankan Di Bahagian Tepi Sungai**

Garis Panduan Untuk Memproses Permohonan dan Menetapkan Syarat-syarat Pengambilan Pasir Sungai oleh JPS menyatakan aktiviti pengambilan pasir hendaklah dijalankan di sepertiga bahagian tengah sungai. Ketidakpatuhan terhadap garis panduan berkenaan boleh menyebabkan tebing sungai mudah terhakis dan runtuh. Lawatan Audit bersama pegawai JPS di Kg. Kabang, Papar mendapati aktiviti pengambilan pasir dijalankan di bahagian tepi sungai seperti di **Foto 2.3**.

Foto 2.3
Aktiviti Pengambilan Pasir
Di Bahagian Tepi Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Kabang, Papar
Tarikh: 23 Julai 2009

Lawatan Audit bersama pegawai JPS di Kg. Kayau, Papar mendapati hakisan tebing sungai berlaku seperti di **Foto 2.4**.

Foto 2.4
Hakisan Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Kayau, Papar
Tarikh: 23 Julai 2009

Maklum balas daripada pihak JPAS mengenai **Foto 2.3** dan **Foto 2.4** menyatakan bahawa pengusaha berkenaan telah diarahkan untuk menghentikan operasi aktiviti pengambilan pasir tetapi tidak diarah untuk mengemukakan laporan EIA kerana belum memperoleh kelulusan TOL. Selain itu, pihak JPAS memaklumkan tanpa kelulusan laporan EIA, pengusaha cenderung melanggar syarat alam sekitar kerana pengusaha tidak mempunyai panduan khusus yang perlu dipatuhi.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan oleh pihak berkuasa terhadap keperluan kelulusan EIA bagi aktiviti perlombongan pasir adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat pengusaha pasir menjalankan aktiviti tanpa kelulusan EIA sehingga memberi kesan kepada alam sekitar.

b) Daerah Tuaran

i) Hakisan Tebing Sungai

Lawatan Audit bersama pegawai JPS dan PPHT di Kg. Lakang, Tuaran mendapati tebing sungai rumah pam JPS, Tuaran yang terletak berhampiran dengan kawasan aktiviti pengambilan pasir mengalami hakisan seperti di **Foto 2.5**.

Foto 2.5
Hakisan Tebing Sungai
Bersebelahan Rumah Pam JPS, Tuaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Lakang, Tuaran
Tarikh: 17 Ogos 2009

Temu bual Audit dengan seorang penduduk di Kg. Roun, Tuaran mendapati kawasan tempat kediamannya mengalami hakisan tebing sungai akibat aktiviti pengambilan pasir berhampiran dengan rumah pam JPS seperti **Keratan Akhbar 2.1**.

Keratan Akhbar 2.1
Hakisan Tebing Sungai Di Kampung Roun, Tuaran
(Akhbar Berita Harian bertarikh 20 Mei 2009)



Lawatan Audit bersama pihak JPS ke kawasan berkenaan mendapati jarak di antara kawasan kediaman penduduk berkenaan dengan tebing sungai adalah kurang 20 meter. Manakala, jarak di antara aktiviti pengambilan pasir dengan kawasan kediaman penduduk berkenaan adalah lebih kurang 200 meter. Pihak JPS memaklumkan bahawa hakisan tebing sungai mudah berlaku di kawasan berkenaan kerana mempunyai liku tebing yang cekung (*concave bank*) seperti di **Foto 2.6**.

Foto 2.6
Liku Tebing Yang Cekung (Concave Bank)



Sumber: Google Earth

Maklum balas daripada pihak JPS mengenai **Foto 2.5** dan **Foto 2.6** menyatakan pengusaha berkenaan dilantik oleh pihak JPS bagi tujuan membersihkan sisa-sisa pasir yang mendap dan tersumbat dalam saluran pam pengairan milik JPS. Bagaimanapun, pengusaha berkenaan telah diarahkan untuk menghentikan operasi dan dinasihatkan agar memohon kelulusan berkaitan pengambilan pasir daripada Jabatan Tanah serta kelulusan EIA daripada pihak JPAS.

Selain itu, semakan Audit mendapati garis panduan *Environmental Impact Assessment (EIA)-Guidelines For River Sand And Stone Mining* (Oktober 2000) ada menyatakan jarak minimum antara dua pengusaha pasir adalah 1,000 meter bagi mengurangkan impak hakisan tebing sungai. Lawatan Audit bersama pihak JPS dan PPHT di sepanjang sungai Tuaran mendapati terdapat tiga pontun sedang beroperasi dengan jarak 50 meter di antara satu pontun dengan pontun yang lain. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak PPHT Tuaran bahawa tiga pontun berkenaan dimiliki oleh tiga pengusaha yang berbeza. Pihak Audit mendapati tebing sungai di kawasan aktiviti pengambilan pasir berkenaan turut mengalami hakisan. Kedudukan tiga pontun yang sedang beroperasi dan kawasan hakisan adalah masing-masing seperti di **Foto 2.7** dan **Foto 2.8**.

Foto 2.7
Kedudukan Tiga Pontun Yang Sedang Beroperasi Dengan Jarak 50 Meter Di Antara Satu Dengan Yang Lain



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Dungang, Tuaran
Tarikh: 17 Ogos 2009

Foto 2.8
Hakisan Tebing Sungai Dalam Kawasan Tiga Pontun Yang Sedang Beroperasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Dungang, Tuaran
Tarikh: 17 Ogos 2009

Semasa lawatan berkenaan, pihak Audit dimaklumkan oleh pihak JPS bahawa hakisan dan runtuh tebing sungai mudah berlaku di sepanjang Sungai Tuaran kerana faktor semula jadi seperti kejadian banjir dan struktur tebing sungai yang tidak kukuh.

Maklum balas daripada pihak JPS menyatakan jarak minimum aktiviti pengambilan pasir di antara satu pengusaha dengan pengusaha yang lain tidak ada ditetapkan dalam Garis Panduan Untuk Memproses Permohonan dan Menetapkan Syarat-syarat Pengambilan Pasir Sungai. Manakala, pihak JPAS memaklumkan kelulusan EIA diberikan kepada setiap pengusaha kerana tiada halangan daripada pihak JPS. Pihak

JPAS turut menyatakan bahawa JPAS dalam proses mengemas kini garis panduan yang sedia ada dengan mengambil kira kesesuaian garis panduan yang diguna pakai oleh semua pihak berkuasa yang terlibat.

Pada pendapat Audit, aktiviti perlombongan pasir secara tidak terkawal boleh menjadi penyumbang kepada hakisan dan runtuh tebing sungai. Bagaimanapun, faktor semula jadi seperti kejadian banjir, liku tebing sungai yang cekung dan hujan lebat turut menjadi pemangkin kepada hakisan tebing sungai.

2.4.3 Pencemaran Habuk Dan Bunyi

Aktiviti perlombongan pasir yang dijalankan secara tidak terkawal boleh menyebabkan berlaku pencemaran habuk dan bunyi yang berpunca daripada pengangkutan lori muatan pasir, jentera serta bunyi bising struktur mencuci pasir. Antara syarat perjanjian alam sekitar yang perlu dipatuhi oleh pengusaha pasir bagi mengurangkan pencemaran habuk adalah seperti menyiram air di permukaan jalan raya yang menjadi laluan pengangkutan lori/jentera dan menyediakan *washing bay* untuk mencuci tayar lori/jentera sebelum keluar dari kawasan aktiviti pengambilan pasir. Manakala, untuk meminimumkan bunyi bising jentera dan struktur mencuci pasir, pengusaha pasir dikehendaki membina pagar di sekeliling kawasan aktiviti pengambilan pasir.

a) Daerah Papar

Lawatan Audit bersama pegawai JPAS di Kg. Manggis, Papar mendapati kawasan aktiviti memproses pasir hanya terdapat pintu masuk seperti di **Foto 2.9**.

Foto 2.9
Kawasan Operasi Tidak Berpagar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Manggis, Papar
Tarikh: 22 Julai 2009

Temu bual Audit dengan pengusaha berkenaan mendapati kawasan aktiviti memproses pasir tidak dipagar kerana pokok-pokok yang ada di sekeliling kawasan aktiviti pengambilan pasir berfungsi sebagai *natural barrier* yang boleh mengurangkan bunyi bising jentera dan struktur mencuci pasir. Selain itu, pihak Audit mendapati impak aktiviti pengambilan pasir terhadap kualiti bunyi kepada penduduk setempat di daerah Papar

adalah minima kerana jarak rumah penduduk dengan kawasan aktiviti pengambilan pasir adalah di antara 500 meter hingga satu kilometer. Lawatan Audit di tempat yang sama mendapati, keadaan jalan raya keluar masuk yang digunakan oleh lori muatan pasir tidak disiram dengan air dan menyebabkan permukaan jalan raya bertanah serta berdebu seperti di **Foto 2.10**.

Foto 2.10
Keadaan Jalan Raya Bertanah/Berdebu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Manggis, Papar
Tarikh: 22 Julai 2009

Temu bual Audit dengan penduduk berhampiran kawasan aktiviti pengambilan pasir pula mendapati penduduk terdedah kepada masalah habuk setiap kali lori atau jentera pasir keluar masuk dari kawasan aktiviti pengambilan pasir ke jalan raya kampung.

Maklum balas daripada pihak JPAS menyatakan pada masa pemeriksaan fizikal yang dijalankan oleh JPAS, pengusaha telah mematuhi syarat yang ditetapkan, antaranya menyiram permukaan jalan raya yang menjadi laluan lori muatan pasir. Bagaimanapun, pemantauan secara berterusan terhadap pematuhan syarat oleh pengusaha tidak dapat dibuat kerana kekangan sumber manusia.

b) Daerah Beaufort

Lawatan Audit ke kawasan *stockpile* pengusaha di daerah Beaufort mendapati kawasan penyimpanan pasir dan batu sungai adalah terbuka dan berdekatan dengan jalan raya seperti di **Foto 2.11**.

Foto 2.11
Keadaan Jalan Raya
Dilitupi Pasir Dan Tidak Berpagar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Binunuk, Beaufort
Tarikh: 2 Julai 2009

Temu bual Audit dengan penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan penyimpanan pasir mendapati penduduk kampung terdedah kepada masalah kesihatan seperti batuk, asma dan sakit mata. Selain itu, penduduk kampung turut mengadu pakaian mereka yang baru dicuci dan dijemur di ampaian kain dilitupi habuk.

Maklum balas daripada pihak JPAS menyatakan pihaknya telah mengarahkan pengusaha berkenaan memasang pagar di sekeliling kawasan memproses pasir bagi meminimumkan bunyi bising dan masalah habuk kepada penduduk setempat.

c) Daerah Tuaran

Temu bual Audit dengan penduduk yang tinggal berdekatan dengan kawasan aktiviti pengambilan pasir di daerah Tuaran mendapati mereka mengalami masalah batuk dan rumah berhabuk setiap kali lori yang membawa muatan pasir melalui jalan raya yang berhampiran rumah mereka seperti di **Foto 2.12** dan **Foto 2.13**.

Foto 2.12
Simpang Keluar Masuk Lori Dan Jentera Berhampiran Dengan Rumah Penduduk



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Kota Tuaran, Tuaran
 Tarikh: 19 Ogos 2009

Foto 2.13
Tingkap Rumah Penduduk Yang Berhabuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Kota Tuaran, Tuaran
 Tarikh: 19 Ogos 2009

Maklum balas daripada pihak JPAS menyatakan pengusaha pasir berkenaan telah menyediakan tangki air untuk mencuci tayar lori muatan pasir dan menyiram air di permukaan jalan raya yang menjadi laluan lori muatan pasir bagi mengurangkan masalah habuk kepada penduduk kawasan berhampiran.

Pada pendapat Audit, pencemaran habuk dan bunyi akibat aktiviti pengambilan pasir telah menyebabkan kesihatan serta ketenteraman penduduk kampung terganggu. Bagaimanapun, tindakan pemantauan yang berterusan dari pihak berkuasa boleh meminimumkan masalah pencemaran habuk dan bunyi khasnya kepada penduduk setempat.

2.4.4 Kerosakan Jalan Raya

Garis panduan *Environmental Impact Assessment (EIA)-Guidelines For River Sand And Stone Mining* (Oktober 2000) menyatakan pengusaha pasir perlu menyenggara dan membaiki jalan raya rosak yang disebabkan oleh pengangkutan lori dan jentera pasir. Lawatan Audit di Kg. Lupak Poring di daerah Beaufort mendapati, jalan raya yang menjadi laluan lori mengangkut muatan pasir ada yang mengalami kerosakan seperti di **Foto 2.14** dan **Foto 2.15**.

Foto 2.14
Jalan Raya Berlubang
Dan Ditakungi Air Apabila Hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Lupak Poring, Beaufort
 Tarikh: 7 Ogos 2009

Foto 2.15
Jalan Raya Mengalami
Kerosakan Dan Berlubang



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kampung Lupak Poring, Beaufort
 Tarikh: 7 Ogos 2009

Maklum balas daripada pihak JPAS menyatakan bahawa kawalan mitigasi untuk menyenggara dan membaiki jalan raya yang rosak akibat laluan pengangkutan lori/jentera pasir ada dinyatakan dalam laporan EIA.

Bagaimanapun, temu bual Audit dengan pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR) mendapati, punca kerosakan jalan raya bukan sahaja disebabkan oleh lori atau jentera pasir, tetapi juga oleh jentera berat dan lori balak lebih muatan, lori mengangkut kelapa sawit dan traktor. Butiran mengenai kerosakan jalan raya yang telah disenggara oleh JKR disebabkan aktiviti pengangkutan pasir adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Laporan Kerosakan Jalan Raya Daerah Papar Dan Beaufort Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Daerah	Nama Jalan	Punca Kerosakan Jalan Raya	Kos Penyelenggaraan (RM)
2007	Papar	Jalan Bambangan Tamui, Jalan Padawan Biau, Jalan Sapat Moogon, Jalan Kabang	Laluan pengangkutan lori muatan pasir.	206,262
	Beaufort	Jalan Bintuka, Jalan Binunuk	Laluan pengangkutan jentera dan lori untuk kerja penyelenggaraan jalan raya, pengangkutan lori muatan pasir.	70,000
2008	Papar	Jalan Bambangan Tamui, Jalan Padawan Biau, Jalan Sapat Moogon, Jalan Kabang	Laluan pengangkutan lori muatan pasir.	372,863
	Beaufort	Jalan Bintuka, Jalan Binunuk	Laluan pengangkutan jentera dan lori untuk projek Loji Rawatan Air, <i>Water Piping Project</i> , pengangkutan lori muatan pasir dan kerja penyelenggaraan jalan raya.	230,000

Tahun	Daerah	Nama Jalan	Punca Kerosakan Jalan Raya	Kos Penyelenggaraan (RM)
2009	Papar	Jalan Manggis, Kaiduan Tampasak	Kenderaan lebih muatan dan laluan pengangkutan lori muatan pasir.	1,242,136
	Beaufort	Jalan Bintuka, Jalan Binunuk	Laluan pengangkutan jentera dan lori untuk kerja penyelenggaraan jalan raya, pengangkutan lori muatan pasir, banjir dan hakisan tebing sungai.	2,500,000

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa terhadap pengusaha pasir adalah kurang memuaskan kerana kerosakan jalan raya tidak dibaiki oleh pengusaha pasir dan pada masa yang sama meningkatkan kos penyelenggaraan jalan raya yang rosak oleh Kerajaan Negeri.

2.4.5 Aktiviti Perlombongan Pasir Dengan Lesen Tamat Tempoh

Seksyen 23A, Ordinan Tanah Bab 68 menyatakan adalah menjadi kesalahan kepada seseorang individu atau syarikat yang menjalankan aktiviti mengambil dan memindah bahan seperti batu, pasir dan lain-lain galian tanpa lesen kecuali mendapat kelulusan secara bertulis daripada Pengarah Jabatan Tanah. Lawatan Audit di daerah Papar, mendapati dua pengusaha masih beroperasi walaupun lesen mereka telah tamat tempoh. *Stockpile* dan jentera pengusaha pasir adalah seperti di **Foto 2.16** dan **Foto 2.17**.

Foto 2.16
Stockpile Dan Jentera
Pengusaha Lesen Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Lakut, Papar
Tarikh: 22 Julai 2009

Foto 2.17
Stockpile Dan Jentera
Pengusaha Lesen Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Manggis, Papar
Tarikh: 22 Julai 2009

Semakan Audit terhadap fail pengusaha mendapati tempoh sah laku lesen telah tamat masing-masing pada 31 Disember 2005 dan 24 Julai 2006. Pengusaha berkenaan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen kepada PPHT Papar masing-masing pada 20 Disember 2005 dan 18 Julai 2006. Namun, sehingga 31 Disember 2009 kelulusan belum

diperolehi walaupun permohonan pengusaha berkenaan masing-masing telah melebihi tempoh tiga hingga empat tahun.

Maklum balas Jabatan Tanah menyatakan tindakan penguatkuasaan tidak dikenakan terhadap pengusaha ini kerana permohonan pembaharuan lesen masih di peringkat mendapatkan kelulusan. Selain itu, bayaran TOL akan dikutip daripada pengusaha berkenaan bermula daripada tarikh TOL pengusaha berkenaan tamat setelah mendapat kelulusan kelak. Jabatan Tanah turut menyatakan kelulusan masih belum diberikan kepada pengusaha berkenaan kerana menunggu ulasan daripada JPAS, JPS serta Jabatan Mineral dan Geosains Sabah.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan Seksyen 23A, Ordinan Tanah Bab 68 adalah kurang memuaskan kerana telah menyebabkan hasil kepada Kerajaan Negeri lewat dipungut.

2.4.6 Maklum Balas Penduduk Setempat

Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada penduduk setempat dan penduduk kawasan berhampiran dengan aktiviti pengambilan pasir di daerah Papar, Beaufort dan Tuaran. Borang soal selidik diedarkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan serta membuat penilaian terhadap kesan aktiviti pengambilan pasir kepada penduduk setempat. Hasil maklum balas penduduk adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Penilaian Maklum Balas Penduduk Terhadap
Aktiviti Pengambilan Pasir Di Daerah Papar, Beaufort Dan Tuaran

Kesan Aktiviti Pengambilan Pasir	Penilaian								
	Ya (%)			Tidak (%)			Tidak Pasti (%)		
	Papar	Beaufort	Tuaran	Papar	Beaufort	Tuaran	Papar	Beaufort	Tuaran
Kualiti air sungai terjejas (Keruh/kotor)	100	74	92	0	9	4	0	17	4
Hakisan dan tebing sungai runtuh berlaku	90	100	93	0	0	7	10	0	0
Pencemaran habuk oleh lori/jentera berlaku	83	65	15	0	35	85	17	0	0
Bunyi bising oleh lori/jentera dan mesin berlaku	47	65	15	33	35	85	20	0	0
Kesesakan lalu lintas akibat laluan lori/jentera	67	61	11	27	39	89	6	0	0
Masalah kesihatan (batuk,asma/sakit mata)	83	65	22	0	35	78	17	0	0

Sumber: Jabatan Audit Negara

Secara keseluruhannya, hasil maklum balas responden menunjukkan sejumlah 100% responden dari daerah Papar, 74% responden dari daerah Beaufort dan 92% responden dari daerah Tuaran bersetuju kualiti air sungai di daerah masing-masing telah terjejas kesan daripada aktiviti pengambilan pasir. Sejumlah 90% responden dari daerah Papar, 100% responden dari daerah Beaufort dan 93% responden dari daerah Tuaran bersetuju aktiviti pengambilan pasir telah menyebabkan hakisan dan runtuh tebing sungai. Selain itu, hasil maklum balas responden di daerah Papar dan Beaufort menunjukkan peratusan responden yang mengalami pencemaran habuk, bunyi, masalah kesihatan dan kesesakan lalu lintas adalah tinggi iaitu antara 65% hingga 83%. Maklum balas responden dari daerah Tuaran bersetuju kesan aktiviti pengambilan pasir kurang memberikan impak terhadap pencemaran habuk, bunyi, kesihatan dan kesesakan lalu lintas iaitu antara 78% hingga 89%.

Pada pendapat Audit, berdasarkan maklum balas responden mengenai aktiviti pengambilan pasir, ianya adalah tidak memuaskan kerana peratusan maklum balas responden yang mengalami masalah kualiti air sungai terjejas, berlaku hakisan tebing sungai, keselamatan, kesihatan dan keselesaan penduduk setempat terganggu adalah tinggi.

2.4.7 Pemantauan

Aspek pemantauan dan penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan objektif pengurusan aktiviti pengambilan pasir dan perlindungan alam sekitar tercapai. Semakan Audit terhadap aspek penguatkuasaan dan pemantauan oleh Jabatan Tanah, JPAS dan JPS mendapati:

2.4.7.1 Jabatan Tanah Dan Ukur

Seksyen 168, Ordinan Tanah Bab 68 menyatakan seseorang individu atau pengusaha yang tidak mempunyai kelulusan TOL atau tanah bergerak dan Lesen Pemindahan Bahan boleh dikenakan denda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau penjara tidak kurang lima tahun atau kedua-duanya sekali. Selain itu, Seksyen 173 hingga 184, Enakmen Tanah (Pindaan) 2004 menyentuh mengenai aspek penguatkuasaan, antaranya kuasa pegawai penguatkuasa, prosedur serta tindakan penguatkuasaan seperti pendakwaan, denda dan penyitaan. Antara penemuan Audit terhadap aspek penguatkuasaan Jabatan adalah seperti berikut:

a) Penguatkuasaan Hanya Dijalankan Oleh Bahagian Penguat Kuasa Ibu Pejabat Jabatan Tanah

Pihak Audit mendapati tindakan penguatkuasaan hanya boleh dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat Jabatan Tanah. Bahagian Penguatkuasaan di daerah hanya menjalankan pemeriksaan dan mengemukakan laporan mengenai aktiviti pengambilan pasir yang beroperasi tanpa lesen kepada Ibu Pejabat untuk tindakan selanjutnya. Sepanjang tahun 2007 hingga 2009, Jabatan Tanah telah merekodkan sebanyak 28 kes tangkapan melibatkan 54 orang ditahan, 34 aset termasuk kenderaan telah disita dan kompaun dikenakan berjumlah RM0.58 juta.

b) Laporan Pengeluaran Pasir Suku Tahunan Tidak Dikemukakan Oleh Pengusaha

Menurut syarat kelulusan TOL, pengusaha dikehendaki mengemukakan Laporan Pengeluaran Pasir setiap suku tahunan kepada Jabatan Tanah yang bertujuan memantau dan memastikan jumlah pengeluaran pasir oleh pengusaha adalah mengikut kadar isi padu pasir yang telah ditetapkan. Pemeriksaan Audit terhadap fail pengusaha yang aktif dan berlesen mendapati tidak ada Laporan Pengeluaran Pasir dikemukakan oleh pengusaha.

Maklum balas Jabatan Tanah menyatakan bilangan sumber manusia di daerah adalah terhad kepada seorang atau dua orang anggota penguatkuasa. Selain itu, Jabatan Tanah tidak dapat mengambil tindakan perundangan/mahkamah terhadap pengusaha tanpa lesen yang ditangkap kerana pegawai undang-undang yang bertauliah belum dilantik.

Pada pendapat Audit, tindakan pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Tanah dari aspek penguatkuasaan seperti kompaun dan penyitaan adalah memuaskan di mana pengusaha yang didapati menjalankan aktiviti perlombongan pasir tanpa lesen telah dikenakan tindakan sewajarnya. Bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Tanah belum berkesan kerana masih ada pengusaha menjalankan aktiviti perlombongan pasir tanpa lesen walaupun pelbagai tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan.

2.4.7.2 Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

JPAS terlibat secara langsung dalam menangani isu berkaitan alam sekitar seperti yang ditetapkan dalam Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002. Kaedah pemantauan JPAS adalah dengan menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap pematuan Perjanjian Syarat-syarat Alam Sekitar melalui Laporan Pematuan Syarat Alam Sekitar atau *Environment Compliance Report* (ECR) yang dikemukakan oleh pengusaha. Seksyen 51 hingga 54, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar menetapkan tindakan yang boleh dikenakan terhadap pengusaha yang gagal mematuhi syarat alam sekitar, lesen dan notis pemberhentian adalah seperti denda, pendakwaan dan penjara. Antara penemuan Audit terhadap aspek penguatkuasaan Jabatan adalah seperti berikut:

a) Pengusaha Pasir Hanya Diberikan Amaran Bertulis Dan Kompaun

Pihak Audit mendapati JPAS hanya memberikan amaran secara bertulis kepada pengusaha yang melanggar syarat alam sekitar, manakala kompaun dikenakan apabila pengusaha mengulangi kesalahan yang sama. Kompaun yang dikenakan terhadap pengusaha yang melanggar syarat alam sekitar adalah rendah iaitu di antara RM5,000 hingga RM10,000.

b) Pemeriksaan Lapangan Tidak Dilaksanakan

Semakan Audit selanjutnya, mendapati JPAS ada menyediakan jadual lawatan pemeriksaan tahunan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pemeriksaan lapangan tidak dilaksanakan mengikut jadual perancangan. Selain itu, pihak Audit

mendapati pihak JPAS tidak menjalankan pemeriksaan ke lapangan bagi memastikan ketepatan Laporan ECR yang dikemukakan oleh pengusaha. Semakan lanjut Audit terhadap keperluan sumber manusia JPAS pula mendapati hanya seramai 20 orang kakitangan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti penilaian dan penguatkuasaan alam sekitar berbanding sejumlah 553 kawasan aktiviti yang perlu dipantau termasuk kawasan aktiviti pertanian, pembalakan, perlombongan, pelancongan dan lain-lain lagi di seluruh Negeri Sabah. Selain daripada kekurangan anggota, JPAS turut mengalami kekangan dari segi masa, logistik dan kewangan.

Maklum balas daripada pihak JPAS menyatakan surat amaran hanya diberikan kepada pengusaha yang gagal mematuhi syarat alam sekitar bagi memberi peluang kepada pengusaha berkenaan mengambil tindakan pembetulan sebelum tindakan kompaun atau mahkamah dikuatkuasakan. Selain itu, pihak JPAS dalam proses meminda Enakmen sedia ada termasuklah mengemas kini kadar kompaun kepada RM100,000. Pemeriksaan lapangan tidak dapat dilaksanakan bagi memastikan ketepatan laporan ECR kerana JPAS kekurangan kakitangan dan kekangan masa. Bagaimanapun, pihak JPAS telah mengambil inisiatif dengan menjalankan pemeriksaan sekurang-kurangnya setahun sekali terhadap setiap pengusaha pasir yang beroperasi di seluruh Negeri Sabah.

Pada pendapat Audit, tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak JPAS adalah memuaskan kecuali pelaksanaan jadual pemantauan dan penguatkuasaan yang terhad disebabkan oleh kekurangan anggota dan logistik berbanding skop kerja yang luas.

2.4.7.3 Jabatan Pengairan Dan Saliran


Semakan Audit mendapati JPS berperanan memberikan ulasan teknikal terhadap permohonan pengusaha dalam dua peringkat iaitu peringkat permohonan atau pembaharuan TOL dan tanah bergeran oleh Jabatan Tanah serta pada peringkat kelulusan Laporan EIA oleh JPAS. Bagaimanapun, temu bual Audit dengan pihak JPS mendapati pihak JPS tidak dimaklumkan secara bertulis oleh Jabatan Tanah mengenai kelulusan permohonan pengusaha. Selain itu, laporan ECR tidak dikemukakan sama ada oleh pengusaha atau JPAS bagi membolehkan pihak JPS maklum mengenai langkah-langkah kawalan yang telah dijalankan oleh pengusaha bagi memastikan aktiviti pengambilan pasir tidak menjejaskan morfologi sungai. Pihak Audit mendapati JPS ada menjalankan pemantauan secara berkala bagi meninjau kesan hakisan tebing sungai. Temu bual Audit dengan JPS mendapati kerja-kerja membaik pulih tebing sungai iaitu memasang struktur penahan tebing sungai atau *armour rock revetment* ada dilakukan seperti di **Foto 2.18** dan **Foto 2.19**. Bagaimanapun, JPS hanya melaksanakan kerja membaik pulih tebing sungai berdasarkan kepada kes kecemasan kerana peruntukan kewangan yang terhad.

Foto 2.18
Armour Rock Revetment
Bagi Menahan Tebing Sungai
Daripada Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Ulu Sapat, Papar
Tarikh: 22 Julai 2009

Foto 2.19
Armour Rock Revetment
Bagi Menahan Tebing Sungai
Daripada Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jambatan Tamparuli, Tamparuli
Tarikh: 17 Ogos 2009

Pada pendapat Audit, kerja-kerja membaik pulih tebing sungai oleh pihak JPS adalah baik.

2.5 RUMUSAN DAN SYOR

Pada keseluruhannya, pematuhan syarat alam sekitar oleh pengusaha pasir dan penglibatan Jabatan dalam menangani isu seperti hakisan tebing sungai, pencemaran habuk dan bunyi, kerosakan jalan raya serta pengusaha pasir beroperasi dengan lesen yang telah tamat tempoh adalah memuaskan. Jabatan Tanah dan JPAS telah berusaha mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengusaha tanpa lesen dan pengusaha yang tidak mematuhi perjanjian syarat alam sekitar seperti mengeluarkan notis pemberhentian kerja, mengenakan kompaun dan membuat penyitaan aset pengusaha tanpa lesen. Antara syor-syor yang dicadangkan untuk tujuan pencegahan dan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- a)** Mengambil tindakan undang-undang terhadap pengusaha pasir yang tidak mematuhi syarat lesen, EIA dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.
- b)** Mengkaji semula prosedur dan tempoh kelulusan permohonan lesen agar lesen dapat dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan Jabatan Tanah.
- c)** Memohon perjawatan tambahan terutama di Bahagian Penguat Kuasa JPAS agar tindakan penguatkuasaan serta pemantauan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
- d)** Mewujudkan koordinasi dan komunikasi yang berkesan di kalangan agensi Kerajaan agar setiap agensi dapat bekerjasama mengurus alam sekitar secara mampan.
- e)** Memohon peruntukan kewangan untuk program membaik pulih hakisan tebing sungai.
- f)** Mewartakan satu kawasan khas atau *zoning* bagi aktiviti pengambilan pasir agar dapat membantu Jabatan mengawal rizab sumber pasir dan aktiviti pengambilan pasir dengan lebih berkesan.

**MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN, PEJABAT DAERAH RANAU,
PEJABAT DAERAH KENINGAU DAN PEJABAT DAERAH KECIL SOOK**

3. PROGRAM BANTUAN RUMAH

3.1 LATAR BELAKANG

3.1.1 Program Bantuan Rumah (PBR) merupakan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin tegar memiliki rumah yang sempurna. Pada tahun 2007, bantuan rumah kepada penduduk miskin tegar dilaksanakan di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Mulai tahun 2008, program ini dikenali sebagai Program Bantuan Rumah. Bantuan PBR terdiri daripada membaik pulih rumah atau membina rumah baru sama ada jenis rumah papan atau rumah batu bata. PBR yang dilaksanakan di Negeri Sabah kesemuanya adalah membina rumah baru.

3.1.2 Penyelaras program iaitu Pejabat Pembangunan Negeri Sabah (PPNS) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) bertanggungjawab memilih penduduk miskin tegar yang layak diberi bantuan rumah berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh Agensi Pelaksana. Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai Agensi Pelaksana pula bertanggungjawab mengenal pasti rakyat miskin tegar yang layak dan berdaftar di bawah Sistem Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SSPKR) atau Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih). Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Negeri Sabah telah membina 4,740 unit rumah di bawah program ini dengan peruntukan berjumlah RM169.40 juta seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Peruntukan PBR Negeri Sabah Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Sumber Kewangan	Penyelaras	Agensi Pelaksana	Agensi Pembayar	Harga Seunit (RM)	Bil. Unit	Amaun (RM Juta)
2007	Persekutuan	PPNS	Pejabat-pejabat Daerah dan PBT	PPNS	21,000	1,000	21.00
2008	Persekutuan	PPNS	Pejabat-pejabat Daerah dan PBT	PPNS	40,000	325	13.00
		KPLBS	Pejabat-pejabat Daerah dan PBT	Kementerian Kewangan Negeri	25,000	420	10.50
2009	Persekutuan	KPLBS	Pejabat-pejabat Daerah dan PBT	Felcra Berhad	40,000	2,371	100.00
		PPNS	Pejabat-pejabat Daerah dan PBT	PPNS	40,000	624	24.90
Jumlah						4,740	169.40

Sumber: Rekod KPLBS Dan PPNS

3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Bantuan Rumah diurus dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi membantu rakyat miskin tegar memiliki rumah yang sempurna.

3.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

3.3.1 Skop pengauditan adalah merangkumi pelaksanaan PBR bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di peringkat KPLBS, PPNS, Agensi Pelaksana dan Felcra Berhad selaku Agensi Pembayar. Daerah yang dipilih untuk pengauditan terperinci ialah Daerah Sandakan, Ranau, Keningau dan Daerah Kecil Sook.

3.3.2 Pengauditan dijalankan dengan menyemak semua dokumen yang berkaitan pelaksanaan PBR termasuk rekod kelulusan peruntukan dan pelaksanaan projek, dokumen pemilihan penerima bantuan, dokumen perolehan, dokumen sebut harga/kontrak, laporan kemajuan kerja, dokumen penyeliaan kerja pembinaan, tuntutan dan baucar bayaran serta rekod penyerahan rumah. Lawatan fizikal, temu bual dan perbincangan dengan pegawai Agensi Pelaksana juga dijalankan untuk mendapatkan foto, maklumat atau penjelasan lanjut bagi mengesahkan pendapat Audit. Selain itu, maklum balas pengguna berkaitan tahap kepuasan dan pendapat penerima PBR juga dibuat melalui pengedaran borang soal selidik. Pemilihan sampel secara rawak terhadap pelaksanaan pembinaan PBR di empat daerah tersebut adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Bilangan Sampel Dipilih Di Daerah Sandakan, Ranau, Keningau Dan Sook

Daerah	Bilangan Unit	Sampel Dipilih (Unit)	Peratus (%)
Sandakan	84	24	28.6
Ranau	109	31	28.4
Keningau	124	40	32.3
Sook	71	21	29.6
Jumlah	388	116	29.9

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara Dan Agensi Pelaksana

3.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pelaksanaan PBR di Daerah Sandakan, Ranau, Keningau dan Daerah Kecil Sook telah dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2009. Pada keseluruhannya, pelaksanaan PBR adalah baik dari aspek penyiapan rumah yang diluluskan di mana rumah-rumah PBR telah berjaya dilaksanakan pada tahun yang sama. Bagaimanapun, beberapa kelemahan diperhatikan iaitu tiga kes pemilihan tapak yang tidak sesuai, 440 kes ketidakpatuhan reka bentuk dan spesifikasi, 90 kes bahan binaan dan hasil kerja tidak berkualiti dan sembilan kes tuntutan pembayaran dibuat terhadap projek yang

tidak sempurna. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

3.4.1 Prestasi Program Bantuan Rumah

Program Bantuan Rumah diselaras oleh PPNS dan KPLBS serta dilaksana oleh Pejabat-pejabat Daerah dan PBT. Sejumlah RM13.44 juta telah diperuntukan kepada Daerah Sandakan, Ranau, Keningau dan Daerah Kecil Sook bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 bagi melaksanakan pembinaan 388 unit rumah PBR.

Setakat Disember 2009, Majlis Perbandaran Sandakan, Pejabat Daerah Ranau, Pejabat Daerah Keningau dan Pejabat Daerah Kecil Sook selaku Agensi Pelaksana telah berjaya melaksanakan 386 atau 99.5% daripada 388 unit yang diluluskan dan dua masih dalam proses pelaksanaan. Dari aspek perbelanjaan pula, secara puratanya keempat-empat daerah mencatat peratusan perbelanjaan sebanyak 99.3%. Baki peruntukan yang belum dibelanjakan itu merupakan peruntukan bagi dua unit rumah PBR yang masih dalam proses pelaksanaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Prestasi Program Bantuan Rumah Di Daerah Sandakan, Ranau, Keningau
Dan Daerah Kecil Sook Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009

Daerah	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan		Bil. Diluluskan (Unit)	Bil. Dilaksanakan	
		(RM Juta)	Peratus (%)		(Unit)	Peratus (%)
Sandakan	3.10	3.06	98.7	84	83	98.8
Ranau	3.35	3.34	99.7	109	109	100
Keningau	4.15	4.15	100	124	124	100
Sook	2.84	2.80	98.6	71	70	98.6
Jumlah	13.44	13.35	99.3	388	386	99.5

Sumber: Agensi Pelaksana

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan PBR adalah baik kerana setakat Disember 2009 Agensi Pelaksana telah berjaya melaksanakan 99.5% daripada bilangan unit rumah PBR yang diluluskan.

3.4.2 Tapak Rumah Tidak Sesuai

Kajian terhadap keselamatan dan kesesuaian tapak rumah tidak dijalankan menyebabkan terdapat rumah dibina di tapak yang tidak sesuai. Lawatan fizikal Audit ke rumah PBR bersama Juruteknik Agensi Pelaksana mendapati dua kes di Daerah Sandakan dan satu kes di Daerah Ranau rumah dibina di kawasan curam dan lereng bukit. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Rumah PBR Dibina Atas Tapak Yang Tidak Sesuai

Daerah	Lokasi Penerima PBR	Penemuan Audit
Sandakan	Kg. Rancangan Sg. Manila	Dibina di kawasan curam.
	Kg. Rancangan Sg. Manila	Dibina di kawasan lereng bukit.
Ranau	Kg. Waang	Tapak bahagian hadapan rumah curam dan terdapat rekahan tanah yang menunjukkan kemungkinan akan berlaku runtuhan. Keretakan yang agak serius pada rumah juga kemungkinan besar disebabkan oleh struktur tanah yang tidak kukuh.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Rumah PBR yang dibina di kawasan cerun dan bahagian hadapan rumah yang curam adalah seperti di **Foto 3.1**.

Foto 3.1
Tapak Bahagian Hadapan Rumah Yang Curam



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Waang, Ranau
Tarikh: 6 Ogos 2009*

Agensi Pelaksana dalam maklum balasnya menyatakan bahawa rumah berkenaan terpaksa dibina di tapak tersebut kerana penerima PBR berkenaan tidak mempunyai tanah atau tapak lain.

Pada pendapat Audit, pemilihan tapak adalah baik kecuali tapak di kawasan curam dan lereng bukit. Keadaan ini adalah membahayakan keselamatan rumah dan penghuninya.

3.4.3 Kerja Pembinaan Tidak Berkualiti

Bantuan PBR terdiri daripada membaik pulih rumah atau membina rumah baru sama ada jenis dua bilik atau tiga bilik dan rumah papan atau rumah batu bata. PBR yang dilaksanakan di Negeri Sabah kesemuanya adalah membina rumah baru tiga bilik. Pembinaan rumah hendaklah mematuhi reka bentuk dan spesifikasi yang ditetapkan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) seperti

penggunaan bahan serta kualiti kerja yang baik dari segi kemasan, kesempurnaan, ketahanan dan sebagainya.

Lawatan fizikal Audit bersama Juruteknik Agensi Pelaksana di Daerah Sandakan, Ranau, Keningau dan Daerah Kecil Sook telah dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2009. Tujuan Lawatan adalah untuk menentukan sama ada reka bentuk dan spesifikasi yang ditetapkan telah dipatuhi serta menilai kualiti kerja pembinaan. Hasil lawatan fizikal Audit adalah seperti berikut:

a) Ketidakpatuhan Reka Bentuk Dan Spesifikasi

Lawatan Audit ke 116 unit rumah PBR iaitu 24 unit di Daerah Sandakan, 31 unit di Daerah Ranau, 40 unit di Daerah Keningau dan 21 Unit di Daerah Kecil Sook mendapati reka bentuk dan spesifikasi bagi 29 jenis kerja tidak dipatuhi. Ia melibatkan 440 kes iaitu 107 kes di Daerah Sandakan, 126 kes di Daerah Ranau, 178 kes di Daerah Keningau dan 29 kes di Daerah Kecil Sook seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Kes Ketidakpatuhan Spesifikasi Yang Ditetapkan
Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Spesifikasi Yang Tidak Dipatuhi	Bilangan Kes				Jumlah Bilangan (Kes)
		MPS	PDR	PDK	PDKS	
1.	Siling menggunakan papan lapis dan bukan siling lekap papan simen (UAC <i>superflex</i> atau setara).	20	15	21	6	62
2.	Batu bata lubang angin di bahagian atas semua 8 tingkap dan 2 pintu (rumah batu bata) tidak dipasang.	-	21	31	2	54
3.	Longkang yang dibina tidak menggunakan 230mmØ Longkang Konkrit Tuang Dulu Bertetulang Gred 25 seperti ditetapkan.	-	12	24	15	51
4.	Besi pelindung bagi semua tingkap tidak dipasang.	15	16	14	-	45
5.	Tingkap ram tetap di antara paras siling dan bumbung di bahagian sisi kiri dan kanan (rumah batu bata 3 bilik) tidak dipasang.	-	8	25	-	33
6.	Dinding tandas yang sepatutnya batu bata simen digantikan dengan separuh papan lapis.	17	-	4	-	21
7.	Sinki dan paip sinki tidak dipasang.	3	12	4	2	21
8.	Tandas dan bilik air tidak dibina.	3	10	2	-	15
9.	Lantai tandas dan bilik air tidak dipasang dengan seramik.	9	-	5	-	14
10.	Dua tingkap di sisi kiri tidak dipasang.	-	3	10	-	13
11.	Dinding bilik bagi rumah batu bata kesemuanya menggunakan papan lapis, sepatutnya 2 kaki tinggi batu bata simen dan 8 kaki tinggi papan lapis di atasnya.	-	4	8	-	12
12.	Meja dapur tidak dipasang.	6	2	3	-	11
13.	Longkang di sekeliling rumah (rumah batu bata) tidak dibina.	-	3	8	-	11
14.	Tingkap ram tetap di bahagian atas semua 8 tingkap (rumah papan 3 bilik) tidak dipasang.	6	3	-	2	11

Bil.	Spesifikasi Yang Tidak Dipatuhi	Bilangan Kes				Jumlah Bilangan (Kes)
		MPS	PDR	PDK	PKS	
15.	Paip sinki tidak dipasang.	10	-	-	-	10
16.	Papan kenyataan projek tidak dipaparkan.	-	-	8	-	8
17.	Tandas dan bilik air disatukan.	-	-	6	-	6
18.	Paip tandas tidak dipasang.	6	-	-	-	6
19.	Batu Asas Tiang bagi rumah papan tidak dibina.	-	2	2	2	6
20.	Dinding bilik tidak dibina hingga ke aras siling.	6	-	-	-	6
21.	Dinding di sisi kiri dan kanan bagi rumah batu bata tidak menggunakan batu bata simen sepenuhnya, bahagian di antara paras siling dan bumbung hanya dipasang dengan papan lapis.	-	5	-	-	5
22.	Dinding bilik tidak dicat.	4	-	-	-	4
23.	Pintu utama menggunakan jenis PVC.	-	-	3	-	3
24.	Tangga di bahagian belakang rumah bagi rumah papan tidak dipasang dengan susur tangan.	-	2	-	-	2
25.	Lantai bagi rumah papan menggunakan papan lapis, sepatutnya papan.	-	2	-	-	2
26.	Hanya 2 lampu dipasang daripada 7 lampu dan 2 soket yang ditetapkan.	-	2	-	-	2
27.	Suis utama dan papan meter elektrik serta pendawaian berkaitan tidak dipasang.	-	2	-	-	2
28.	Tiang bagi rumah batu bata menggunakan kayu jenis Belian dan bukan konkrit.	-	2	-	-	2
29.	Keluasan rumah tidak dipatuhi (masing-masing kurang 1.2 kaki dan 1.5 kaki).	2	-	-	-	2
Bilangan Keseluruhan Kes		107	126	178	29	440

Sumber: Lawatan Fizikal Audit

Nota: MPS: Majlis Perbandaran Sandakan

PDK: Pejabat Daerah Keningau

PDR: Pejabat Daerah Ranau

PKS: Pejabat Daerah Kecil Sook

Contoh gambar ketidakpatuhan kepada reka bentuk dan spesifikasi adalah seperti berikut:

- i) Sinki dan paip sinki tidak dipasang seperti di **Foto 3.2** dan **Foto 3.3**.

Foto 3.2
Sinki Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Nunuyan Laut, Sandakan
Tarikh: 4 Ogos 2009

Foto 3.3
Paip Sinki Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Berhala Darat, Sandakan
Tarikh: 5 Ogos 2009

- ii) Lantai tandas tidak dipasang dengan seramik dan paip tandas tidak dipasang seperti di **Foto 3.4** dan **Foto 3.5**.

Foto 3.4
Lantai Tandas Tidak Dipasang Seramik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Toboh Baru, Keningau
Tarikh: 8 Disember 2009

Foto 3.5
Paip Tandas Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Bokara, Sandakan
Tarikh: 5 Ogos 2009

iii) Tingkap di sisi kiri dan lubang angin tidak dipasang seperti di **Foto 3.6** dan **Foto 3.7**.

Foto 3.6
Dua Tingkap Di Sisi Kiri
Rumah Tidak Dipasang
(Rumah Batu Bata 3 Bilik)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Tagudon Baru, Ranau
Tarikh: 6 Ogos 2009

Foto 3.7
Lubang Angin Daripada
Batu Bata Di Bahagian Atas
Pintu Dan Tingkap Tidak Dipasang
(Rumah Batu Bata 3 Bilik)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Purokagis, Keningau
Tarikh: 8 Disember 2009


iv) Batu asas tiang rumah tidak dibina mengikut gambarajah seperti di **Foto 3.8**.

Foto 3.8
Batu Asas Tiang Rumah Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Inandung, Sook
Tarikh: 18 November 2009


Gambarajah
Batu Asas Tiang Rumah Mengikut Lukisan



Sumber: Garis Panduan Program Bantuan Rumah,
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

- v) Dinding tandas tidak mengikut spesifikasi dan lantai menggunakan papan lapis seperti di **Foto 3.9** dan **Foto 3.10**.

Foto 3.9
Separuh Daripada Dinding Batu Bata Untuk Tandas Dan Bilik Mandi Digantikan Dengan Papan Lapis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Istimewa, Sandakan
Tarikh: 4 Ogos 2009

Foto 3.10
Keseluruhan Lantai Rumah Tidak Menggunakan Papan Sebaliknya Papan Lapis



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kantas Baru, Ranau
Tarikh: 5 Ogos 2009

- vi) Dinding bilik tidak dicat dan longkang di sisi kiri dan kanan tidak dibina seperti di **Foto 3.11** dan **Foto 3.12**.

Foto 3.11
Dinding Bilik Tidak Dicat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Bokara, Sandakan
Tarikh: 5 Ogos 2009

Foto 3.12
Longkang Di Sekeliling Rumah Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Purokagis, Keningau
Tarikh: 8 Disember 2009

b) Bahan Binaan Dan Kerja Tidak Berkualiti

Lawatan fizikal Audit terhadap 116 unit rumah PBR yang terdiri daripada 24 unit di Daerah Sandakan, 31 unit di Daerah Ranau, 40 unit di Daerah Keningau dan 21 unit di Daerah Kecil Sook juga mendapati kerja dan bahan binaan yang digunakan bagi 9 butiran kerja adalah tidak berkualiti. Ia melibatkan 90 kes iaitu 11 kes di Daerah

Sandakan, 18 kes di Daerah Ranau, 42 kes di Daerah Keningau dan 19 kes di Daerah Kecil Sook seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Kes Kualiti Kerja Dan Bahan Binaan Yang Tidak Berkualiti
Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009

Bil.	Kelemahan Kualiti Kerja Dan Bahan Binaan	Bilangan Kes				Jumlah Bilangan (Kes)
		MPS	PDR	PDK	PDKS	
1.	Dinding rumah retak.	-	9	9	4	22
2.	Cat tidak sempurna (selapis).	4	3	11	3	21
3.	Bumbung bocor (kesan kebocoran di siling).	4	-	11	4	19
4.	Pembinaan longkang konkrit tidak sempurna.	-	-	7	2	9
5.	Kayu Kasau/tiang rumah disambung.	-	-	4	3	7
6.	Tiang rumah yang digunakan pecah/tidak sempurna.	-	2	-	3	5
7.	Susunan kayu dinding tidak rapat.	3	-	-	-	3
8.	Siling rumah tertanggal.	-	2	-	-	2
9.	Pemasangan dinding bilik (papan lapis) dan kerangka pintu bilik tidak kemas.	-	2	-	-	2
Bilangan Keseluruhan Kes		11	18	42	19	90

Sumber: Lawatan Fizikal Audit

Nota: MPS: Majlis Perbandaran Sandakan

PDK: Pejabat Daerah Keningau

PDR: Pejabat Daerah Ranau

PDKS: Pejabat Daerah Kecil Sook

Contoh gambar kerja dan bahan binaan yang tidak berkualiti adalah seperti berikut:

- i) Dinding rumah retak dan kesan kebocoran di siling seperti di **Foto 3.13** dan **Foto 3.14**.

Foto 3.13
Dinding Rumah Retak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Toboh Laut, Keningau
Tarikh: 8 Disember 2009

Foto 3.14
Kesan Kebocoran Di Siling



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Air, Sandakan
Tarikh: 5 Ogos 2009

- ii) Tiang rumah yang pecah dan tidak sempurna seperti di **Foto 3.15**.

Foto 3.15
Tiang Rumah Yang Digunakan Pecah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Inandung, Sook
Tarikh: 18 November 2009

- iii) Susunan dinding papan tindih kasih yang tidak rapat dan siling rumah tertanggal seperti di **Foto 3.16** dan **Foto 3.17**.

Foto 3.16
Dinding Papan Tindih Kasih Yang Tidak Dipasang Rapat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Istimewa, Sandakan
Tarikh: 4 Ogos 2009

Foto 3.17
Siling Rumah Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kaparingan, Ranau
Tarikh: 5 Ogos 2009

Analisis Audit mendapati masalah ketidakpatuhan terhadap reka bentuk dan spesifikasi serta penggunaan bahan dan hasil kerja yang tidak berkualiti ini antara lainnya disebabkan kelemahan pemantauan terhadap kerja kontraktor oleh Agensi Pelaksana. Pihak Audit mendapati tidak ada rekod yang menunjukkan penyeliaan terhadap kerja kontraktor telah dilaksanakan seperti laporan pemeriksaan atau sebarang arahan bertulis kepada kontraktor mengenai kerja yang tidak sempurna atau tidak mematuhi spesifikasi. Lukisan yang disediakan juga tidak jelas dan terperinci dan boleh menimbulkan kekeliruan serta ketidakseragaman semasa pembinaan. Sebagai contoh bagi rumah jenis batu-bata, struktur

tiang sahaja dinyatakan tiang konkrit tetapi tidak dinyatakan pada rasuk lantai dan bumbung. Besi tetulang bagi struktur konkrit juga tidak dinyatakan di dalam lukisan.

Pembayaran terhadap kerja yang tidak dilaksanakan sepenuhnya atau tidak berkualiti merugikan pihak Kerajaan. Selain itu, pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi atau tidak berkualiti memberi kesan kepada jangka hayat rumah yang siap dibina dan boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan kepada penghuni seperti berikut:

- a) Binaan menggunakan kayu jenis Belian bagi menggantikan tiang konkrit seperti ditetapkan dalam spesifikasi memberi kesan kepada ketahanan rumah. Memandangkan rasuk lantai dibina daripada konkrit dan dinding menggunakan batu bata simen, maka tiang lebih sesuai dibina dengan konkrit. Ini disebabkan tiang konkrit lebih baik untuk mengikat dinding batu bata berbanding dengan tiang kayu.
- b) Memasang lantai rumah menggunakan papan lapis bagi menggantikan papan seperti ditetapkan dalam spesifikasi memberi kesan kepada kekuatan dan ketahanan lantai rumah kerana mudah rosak apabila terkena air.
- c) Tidak ada ciri keselamatan pada tingkap rumah kerana besi pelindung tidak dipasang.
- d) Pengudaraan dalam rumah tidak lancar kerana tingkap ram tetap (rumah papan) dan batu bata lubang angin (rumah batu bata) tidak dipasang.
- e) Tiang rumah yang pecah dan tidak sempurna menjejaskan kekuatan dan ketahanan rumah.

Agensi Pelaksana dalam maklum balasnya mengakui isu ketidakpatuhan terhadap spesifikasi serta kerja dan penggunaan bahan yang tidak berkualiti ini. Selain itu, Agensi Pelaksana juga menyatakan bahawa tindakan telah diambil untuk membina, memasang atau membaiki kerja yang tidak mengikut spesifikasi serta penggunaan bahan dan hasil kerja yang tidak berkualiti tersebut.

Pada pendapat Audit, kerja pembinaan rumah PBR ini tidak memuaskan kerana ketidakpatuhan reka bentuk dan spesifikasi serta kerja pembinaan yang tidak berkualiti menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni.

3.4.4 Pembayaran Dibuat Terhadap Projek Yang Tidak Sempurna

Agensi Pelaksana bertanggungjawab mengesahkan projek disiapkan dengan sempurna dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Sijil pengesahan siap kerja dikeluarkan oleh Agensi Pelaksana untuk menyokong pembayaran kepada kontraktor.

Lawatan fizikal Audit ke rumah PBR di Daerah Sandakan pada 4 hingga 6 Ogos 2009 mendapati sembilan kes rumah PBR telah disahkan siap dan tuntutan pembayaran telah dibuat walaupun masih terdapat kerja belum dilaksanakan seperti pemasangan pintu, sinki, paip tandas dan bilik air, pembinaan tandas dan kerja mengecat seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Kerja-kerja Di Daerah Sandakan Telah Disahkan Siap
Dan Dibayar Penuh Walaupun Ada Kerja Yang Tidak Dilaksanakan

Bil.	Lokasi	Tarikh Disahkan Siap	Tarikh Pembayaran	Kerja Belum Dibuat Pada Tarikh Lawatan Fizikal Audit (4 hingga 6 Ogos 2009)
1.	Kg. Nunuyan Laut	31.5.2009	27.7.2009	Sinki tidak dipasang.
2.	Kg. Istimewa	15.7.2009	03.8.2009	- Penyambungan paip air tidak disediakan bagi dapur dan tandas. - Pendawaian elektrik tidak sempurna. - Cat selapis sahaja bagi dinding di dalam rumah.
3.	Kg. Bokara	30.5.2009	02.7.2009	- Tandas dan bilik mandi tidak disediakan. - Sinki dan paip tidak dipasang. - Dinding bilik tidur tidak dicat. - Pendawaian elektrik tidak sempurna.
4.	Kg. Berhala Darat	15.5.2009	17.6.2009	- Dinding bilik tidur tidak dicat. - Cat selapis sahaja bagi dinding di dalam rumah. - Tandas dan bilik mandi tidak dipasang paip.
5.	Kg. Berhala Darat	30.5.2009	14.8.2009	- Mangkuk tandas tidak dipasang. - Dinding bilik tidur tidak dicat.
6.	Kg. Berhala Darat	08.6.2009	24.8.2009	- Sinki tidak dipasang. - Tandas tidak disediakan.
7.	Kg. Berhala Darat	08.6.2009	24.8.2009	Tandas tidak disediakan.
8.	Kg. Sumangat	31.5.2009	17.6.2009	- Tandas, bilik mandi dan sinki di bahagian dapur tidak dipasang paip. - Pintu bilik tidak dipasang.
9.	Kg. Sumangat	31.5.2009	17.6.2009	Tandas, bilik mandi dan sinki di bahagian dapur tidak dipasang paip.

Sumber: Lawatan Fizikal Audit

Majlis Perbandaran Sandakan dalam maklum balasnya mengakui perkara ini dan menyatakan bahawa tindakan telah diambil untuk menyempurnakan kerja-kerja yang belum disiapkan semasa lawatan Audit.

Pada pendapat Audit, pengesahan siap kerja adalah tidak memuaskan kerana rumah yang belum disiapkan dengan sempurna telah disahkan siap dengan sepenuhnya dan dibayar.

3.4.5 Maklum Balas Penerima Bantuan PBR

Pihak Audit telah mendapatkan maklum balas mengenai bantuan PBR melalui pengedaran borang soal selidik kepada 78 penerima bantuan PBR yang terdiri daripada 20 penerima di Daerah Sandakan, 14 penerima di Daerah Ranau, 32 penerima di Daerah Keningau dan 12 penerima di Daerah Kecil Sook. Tujuan soal selidik ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas responden terhadap tahap kejayaan PBR. Sebanyak 96% responden memberi pandangan yang baik terhadap PBR dan 100% responden menyatakan

PBR memberi keselesaan kepada mereka berbanding dengan rumah asalnya yang telah usang. Bagaimanapun, terdapat 20% responden mengadu terdapat kerosakan seperti ada keretakan pada dinding dan kebocoran siling rumahnya. Maklum balas responden mengenai pelaksanaan PBR adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Maklum Balas Responden Mengenai PBR

Bil.	Soalan	Peratus Maklum Balas					Peratus (%)
		Jawapan	Daerah				
			MPS (%)	PDR (%)	PDK (%)	PDKS (%)	
1.	Pandangan responden mengenai PBR secara keseluruhan.	Baik	100	93	91	100	96
		Sederhana	-	7	3	-	3
		Kurang Memuaskan	-	-	6	-	1
2.	Sama ada terdapat kerosakan rumah semasa diserahkan.	Ya	5	13	22	42	20
		Tidak	95	87	78	58	80

Sumber: Pengedaran Borang Soal Selidik Dan Temubual Audit

Nota: MPS: Majlis Perbandaran Sandakan PDR: Pejabat Daerah Ranau
PDK: Pejabat Daerah Keningau PDKS: Pejabat Daerah Kecil Sook

Pada keseluruhannya, responden berpendapat program ini adalah baik dan telah memberi keselesaan serta meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

3.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pelaksanaan PBR adalah baik dari segi keupayaan Agensi Pelaksana menyiapkan rumah yang telah diluluskan. Peruntukan bantuan rumah yang diluluskan pada tahun 2007 hingga 2009 bagi empat daerah yang dipilih untuk pengauditan iaitu Daerah Sandakan, Ranau, Keningau dan Daerah Kecil Sook telah dilaksanakan pada tahun yang sama. PBR juga didapati memberi manfaat kepada penduduk khususnya golongan miskin tegar yang sangat memerlukan bantuan rumah yang lebih baik dan selesa. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek pemilihan tapak PBR yang tidak sesuai, ketidakpatuhan terhadap reka bentuk dan spesifikasi serta hasil kerja dan penggunaan bahan binaan yang tidak berkualiti dan tuntutan pembayaran terhadap projek yang tidak siap sepenuhnya. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- a) Lukisan yang disediakan perlu jelas dan terperinci untuk mengelakkan kekeliruan dan ketidakseragaman semasa pembinaan.
- b) Agensi Pelaksana meningkatkan penyeliaan terhadap kerja kontraktor bagi memastikan pembinaan siap, berkualiti dan dibayar dengan teratur. Lawatan fizikal bagi mengesahkan rumah PBR yang telah siap perlu dilakukan.
- c) Agensi Pelaksana dan KPLBS mempertimbangkan untuk menambah logistik termasuk kakitangan teknikal di peringkat Agensi Pelaksana supaya pengurusan dan pemantauan pelaksanaan projek dapat dibuat dengan lebih cekap dan berkesan.


4. PENYENGGARAAN SISTEM SALIRAN BANDAR

4.1 LATAR BELAKANG

4.1.1 Pada akhir bulan Disember 1997, fungsi pembangunan saluran bandar diserahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menyelaraskan dan mempertingkatkan kecekapan pembangunan saluran bandar di Negeri Sabah. Mulai tarikh tersebut JPS telah mengambil alih tanggungjawab merancang, mereka bentuk, melaksana dan menyenggara infrastruktur saluran bandar di Sabah.

4.1.2 Penyenggaraan infrastruktur saluran bandar yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mencegah banjir di kawasan bandar dengan menggunakan konsep Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang dilaksanakan pada tahun 2001 bagi mengurus air ribut (*storm water*) dan juga mengadakan kemudahan-kemudahan saluran utama bagi kawasan bandar. **Peta 4.1** adalah merupakan lokasi kerja penyenggaraan sistem saluran bandar di Sabah.

Peta 4.1
Lokasi Kerja-Kerja Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar Di Negeri Sabah



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

4.1.3 Bagi memastikan sistem saluran sentiasa berfungsi dengan berkesan, bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 JPS telah menerima peruntukan di bawah perbelanjaan mengurus masing-masing berjumlah RM18.80 juta, RM16 juta dan RM19.29 juta bagi program penyenggaraan sistem perparitan utama. Peruntukan dan perbelanjaan bagi tempoh berkenaan adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
2007	18.80	15.56	82.77
2008	16.00	14.90	93.13
2009	19.29	18.59	96.37
Jumlah	54.09	49.05	90.68

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada penyenggaraan sistem saliran bandar telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan serta berfungsi secara optimum bagi mencapai matlamat JPS untuk mencegah banjir dan mewujudkan kemudahan-kemudahan saliran utama di kawasan bandar.

4.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi penyenggaraan kawasan sistem saliran bandar bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JPS, Pejabat JPS Daerah Penampang/Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Papar. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen kontrak dan fail yang berkaitan dengan penyenggaraan sistem saliran bandar. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga dijalankan. Selain itu, untuk tujuan pengesahan, lawatan fizikal projek juga dilaksanakan bagi memastikan penyenggaraan sistem saliran telah dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan serta berfungsi secara optimum.

4.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai 2009 hingga Oktober 2009 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan program penyenggaraan sistem saliran bandar adalah kurang memuaskan. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM49.05 juta atau 90.68% daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM54.09 juta yang diterima dalam tempoh tersebut. Bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan sistem saliran di seluruh Negeri Sabah, sebanyak 16 kontrak telah ditandatangani yang bernilai RM61.92 juta. Semakan Audit mendapati, masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan penyenggaraan sistem saliran bandar antaranya kitaran kerja penyenggaraan tidak mencukupi, pagar keselamatan/penghadang parit (*guardrail*), penutup parit (*mild steel cover drain*) dan papan tanda keselamatan tidak disenggara dan terdapat halangan untuk melaksanakan kerja penyenggaraan.

4.4.1 Prestasi Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar

Penyenggaraan sistem saliran utama perlu mengambil kira faktor kebersihan agar dapat mewujudkan persekitaran yang selesa dan sihat kepada penduduk setempat serta kawasan

berhampiran. Mengikut kontrak perjanjian, dua skop kerja penyenggaraan yang dilaksanakan secara berjadual iaitu:

- **Type A** - pembersihan parit termasuk *grass removal, clearing of debris, silts and vegetation such as water hyacinth, water weed and maintenance of bank.*
- **Type B** - kerja penyenggaraan meliputi *grass cutting and clearing of weeds, bushes scrub and maintenance of bank and remove rubbish on embankment.*

Semua kerja penyenggaraan adalah berdasarkan kepada *Bill of Quantities*, Spesifikasi Kerja dan *Schedule 1 Summary of Tender* dalam kontrak perjanjian dan juga arahan daripada Pengarah JPS selaku Pegawai Penguasa.

a) Kitaran Kerja Tidak Mencukupi

Mengikut skop kerja penyenggaraan, antara kerja yang perlu dilaksanakan adalah membuang mendapan mengikut jadual yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak atau pun mengikut arahan semasa pegawai penguasa. Berdasarkan *Standard Operating Procedure* semasa yang diguna pakai JPS bagi penyenggaraan sistem saliran, kerja penyenggaraan dilakukan purata empat kitaran setahun selain bergantung kepada jumlah peruntukan yang diterima dan mengikut keadaan atau keperluan sesuatu tempat. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

i) Daerah Tawau

Mengikut kontrak No. JPS/N/SAB/S/121/2009 - *Maintenance Of Major Drains And Associated Works, Package 2 Tawau*, kekerapan kerja penyenggaraan *Type A* sistem saliran di Jalan Sin Onn/Sg. Tawau ialah sekali setahun dengan kos berjumlah RM32,848 setahun. Manakala bagi kekerapan kerja penyenggaraan *Type B* ialah sebanyak tujuh kali dengan kos berjumlah RM43,113 setahun seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Kitaran Kerja Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar Tawau

Lokasi Drain	Panjang (Meter)	Kitaran Kerja Setahun		Kos Per Kitaran (RM)		Jumlah Kos Setahun (RM)	Jumlah Kos Untuk 3 Tahun (RM)
		Type A	Type B	Type A	Type B		
Jalan Sin Onn/Sg. Tawau	2053	1	7	32,848	6,159	75,961	227,883

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan *Type A* sistem saliran di Jalan Sin Onn/Sg. Tawau telah dilaksanakan pada 31 Mac 2009. Bagaimanapun, lawatan fizikal Audit ke kawasan saliran berkenaan mendapati beberapa kawasan saliran dipenuhi mendapan terutama di bahagian lengkok saliran. Antara punca yang dikenal pasti adalah kitaran pelaksanaan kerja penyenggaraan *Type A* yang dilakukan hanya sekali setahun seperti ditetapkan dalam kontrak disebabkan peruntukan yang terhad, berbanding dengan *Standard Operating Procedure* iaitu 4

kali setahun. Keadaan mendapan di dalam saliran adalah seperti di **Foto 4.1**. Manakala bagi kerja penyenggaraan *Type B*, semasa lawatan Audit mendapati kerja berkenaan telah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti di **Foto 4.2**.

Foto 4.1
Keadaan Saliran Semasa Lawatan Audit
(Type A)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Saliran Jalan Sin Onn/ Sg. Tawau
Tarikh: 4 Ogos 2009

Foto 4.2
Kerja Pemotongan Rumput
Yang Dilaksanakan (Type B)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rainbow, Tawau
Tarikh: 4 Ogos 2009

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan sistem saliran adalah kurang memuaskan kerana kekerapan penyenggaraan hanya sekali setahun berbanding dengan *Standard Operating Procedure* iaitu 4 kali setahun.

ii) Daerah Sandakan

Mengikut kontrak No. JPS/N/SAB/S/124/2008 - *Maintenance Of Major Drains And Associated Works, Package 1 Sandakan*, kerja penyenggaraan *Type A* di sistem saliran *Drain 36*, Karamunting, Sandakan hendaklah dibuat empat kali setahun seperti di **Jadual 4.3**. Bagaimanapun, kekerapan empat kali setahun itu tidak dijadualkan, sebaliknya bergantung kepada arahan daripada Pegawai Penguasa.

Jadual 4.3
Kitaran Kerja Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar Sandakan

Drain No.	Lokasi Drain	Panjang (Meter)	Kitaran Kerja Setahun	Kos Per Kitaran (RM)	Jumlah Kos Setahun (RM)	Jumlah Kos Untuk 3 Tahun (RM)
			Type A	Type A		
36	Karamunting	247.30	4	2,967	11,870	35,611

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Lawatan fizikal Audit ke kawasan saliran berkenaan didapati masih terdapat mendapan dalam saliran walaupun kerja penyenggaraan telah dilaksanakan mengikut arahan Pegawai Penguasa. Kali terakhir kerja penyenggaraan dijalankan ialah pada 25 April 2009 dan setakat tarikh pengauditan belum ada arahan kerja penyenggaraan berikutnya daripada Pegawai Penguasa. Keadaan mendapan di dalam saliran adalah seperti di **Foto 4.3**.

Foto 4.3
Keadaan Saliran Semasa Lawatan Audit (Type A)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Drain 36 Karamunting, Sandakan
Tarikh: 22 Julai 2009

Hasil temu bual dengan pegawai JPS, antara punca berlakunya mendapan ialah pasir atau tanah dari kawasan tapak pembangunan memenuhi saluran setiap kali selepas hujan turun berterusan.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan sistem saluran adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat mendapan dan ditumbuhi rumput.

iii) Daerah Lahad Datu

Mengikut kontrak No. JPS/N/SAB/S/128/2008 - *Maintenance of Sg. Pancuran Storm Water Detention Pond And Associated Facilities*, Lahad Datu, kontrak penyenggaraan *desilting of pond* keseluruhannya dilaksanakan secara *lum sump* untuk tempoh 3 tahun yang berjumlah RM480,000.

Semakan Audit selanjutnya mendapati, kekerapan kerja penyenggaraan sepanjang tempoh tiga tahun tidak dinyatakan dalam kontrak. Bagaimanapun, kerja penyenggaraan oleh kontraktor dilaksanakan mengikut arahan daripada Pegawai Penguasa dari semasa ke semasa.

Lawatan fizikal Audit ke kawasan *Detention Pond* Lahad Datu pada 13 Ogos 2009 mendapati, kawasan tersebut dipenuhi mendapan serta ditumbuhi rumput dan kerja penyenggaraan terakhir dilaksanakan ialah pada 31 Mac 2009. Keadaan mendapan dalam *Detention Pond* Lahad Datu adalah seperti di **Foto 4.4** dan **Foto 4.5**.

Foto 4.4
Kawasan *Detention Pond* Yang
Dipenuhi Mendapan Dan Ditumbuhi Rumput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Pancuran Storm Water Detention Pond
Lahad Datu
Tarikh: 13 Ogos 2009

Foto 4.5
Keadaan Mendapan
Di Kawasan Tengah *Detention Pond*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Pancuran Storm Water Detention Pond
Lahad Datu
Tarikh: 13 Ogos 2009

Pegawai JPS menjelaskan bahawa antara punca yang menyebabkan mendapan ini berlaku ialah saluran menerima pasir atau tanah dalam kuantiti yang banyak setiap kali hujan turun berterusan walaupun kerja penyenggaraan telah dilaksanakan.

Pihak JPS memaklumkan, kekerapan atau jumlah kitaran kerja mempengaruhi kebersihan sistem saluran khususnya dari mendapan tanah atau pasir. Peruntukan yang terhad menyebabkan kitaran kerja tidak dapat dibuat dengan kerap. Bagaimanapun, pihak JPS akan meneliti semula bilangan kitaran kerja, jadual kerja serta anggaran kos yang terlibat bagi kerja-kerja penyenggaraan di masa akan datang. Sekiranya peruntukan tidak mencukupi, pihak JPS akan meneliti keutamaan terhadap parit-parit utama yang perlu diberi perhatian khusus. Pihak JPS dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengesyorkan kawalan kelodak di punca (tapak pembinaan) dijadikan syarat utama semasa kerja-kerja tanah sesuatu pembangunan seperti dalam garis panduan MSMA. Di samping itu, pemantauan di tapak pembangunan bersama dengan agensi berkaitan dibuat secara bersepadu dan berkala bagi memastikan keberkesanan kawalan kelodak ini dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan sistem saluran adalah kurang memuaskan kerana kitaran kerja tidak dapat dibuat dengan kerap di kawasan *Detention Pond* disebabkan peruntukan yang terhad.

b) Saliran Dipenuhi Sampah

Skop penyenggaraan juga meliputi kerja mengalihkan sampah bagi memastikan keadaan saluran sentiasa bersih dan mewujudkan persekitaran yang selesa kepada penduduk setempat dan kawasan berhampiran.

Semakan Audit terhadap laporan pengesahan siap kerja penyenggaraan bagi bulan Julai 2009 mendapati kerja penyenggaraan yang dilaksanakan di saliran Jalan JKR Putatan adalah memuaskan seperti di **Foto 4.6**. Bagaimanapun, lawatan fizikal Audit ke saliran berkenaan pada bulan Ogos 2009 mendapati saliran telah dipenuhi sampah semula walaupun kerja penyenggaraan telah dilaksanakan seperti di **Foto 4.7**.

Foto 4.6
Saliran Yang Telah Dibersihkan



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Negeri Sabah
Lokasi: Saliran Jalan JKR Putatan
Tarikh: Julai 2009

Foto 4.7
Saliran Dipenuhi Sampah Sarap Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Saliran Jalan JKR Putatan
Tarikh: 27 Ogos 2009

Pihak JPS memaklumkan, sampah yang masuk ke dalam sistem saliran adalah di luar kawalan pihak JPS dan telah mengesyorkan pihak PBT mengambil tindakan susulan. Selain itu, pihak JPS juga telah bekerjasama dengan pihak PBT membina perangkap sampah di beberapa lokasi yang sesuai seperti di Taman Fortuna dan Batu 2 Jalan Penampang sebagai usaha untuk menghalang sampah masuk ke dalam sistem saliran.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja penyenggaraan sistem saliran adalah memuaskan. Bagaimanapun, saliran telah dipenuhi sampah semula walaupun kerja penyenggaraan saliran telah dilaksanakan.

4.4.2 Banjir Kilat

Penyenggaraan sistem saliran bandar adalah untuk memberi perkhidmatan cemerlang dalam pengurusan banjir serta mewujudkan persekitaran yang terlindung daripada ancaman banjir. Kegagalan sistem saliran dan perparitan berfungsi dengan baik sedikit sebanyak boleh menyumbang kepada berlakunya banjir. Bagi melindungi harta dan nyawa serta mengurangkan kerosakan akibat banjir, JPS telah menggariskan 3 strategi bagi mengurangkan masalah banjir iaitu:

- Melaksanakan program dan strategi bagi jangka panjang dan jangka pendek untuk pembangunan kemudahan-kemudahan saliran utama di kawasan bandar.
- Menjalankan kerja-kerja penyenggaraan sistem saliran bandar yang berjadual.

- Mengurangkan 'storm water peak discharge' melalui konsep MSMA untuk semua pembangunan.

Lawatan fizikal Audit di Daerah Tawau mendapati di penghujung saluran Jalan Sin On/Sg. Tawau yang bersaiz besar bertembung dengan Sungai Tawau yang bersaiz kecil. Apabila berlaku curahan hujan yang luar biasa menyebabkan Sungai Tawau yang bersaiz kecil itu tidak dapat menampung limpahan air dari saluran mengakibatkan berlakunya banjir kilat. Kedudukan saluran Jalan Sin On/Sg. Tawau yang bertembung dengan Sungai Tawau adalah seperti di **Foto 4.8** dan **Foto 4.9**.

Foto 4.8
Sungai Tawau Bersaiz 4 Meter
Yang Menampung Limpahan
Air Daripada Saliran Bersaiz 15.5 Meter



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Saliran Jalan Sin Onn/Sg. Tawau, Tawau
Tarikh: 5 Ogos 2009

Foto 4.9
Drain 25 Jalan Sin Onn
Berukuran Besar Dengan Kelebaran 15.5 Meter



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Saliran Jalan Sin Onn/Sg. Tawau, Tawau
Tarikh: 5 Ogos 2009

Pihak JPS memaklumkan, banjir kilat yang berlaku antara lain disebabkan sistem perparitan yang tidak sempurna. Bagi mengatasi masalah ini, satu kajian pelan induk saluran sedang dijalankan bagi Bandar Tawau dan Sandakan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah tersebut. Kajian di bandar-bandar utama lain akan dicadangkan dalam RMKe-10.

Pada pendapat Audit, masalah banjir kilat di kawasan tertentu adalah berpunca dari keadaan sungai yang bersaiz kecil tidak dapat menampung limpahan air dari saluran.

4.4.3 Pagar Keselamatan Dan Penghadang Parit Tidak Disenggara

JPS hendaklah memastikan aspek keselamatan di kawasan sistem saluran antaranya seperti pagar keselamatan/penghadang parit (*Guardrail*) dan papan tanda yang bersesuaian hendaklah sentiasa berada dalam keadaan sempurna agar keselamatan orang awam atau penduduk sekitar sentiasa terjamin.

Semakan Audit terhadap skop kerja yang dinyatakan di dalam *Bill Of Quantities* bagi kontrak kerja penyenggaraan di daerah Sandakan dan Tawau mendapati, butiran untuk menyenggara pagar keselamatan/penghadang parit (*Guardrail*) dan papan tanda yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor ada dinyatakan seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Butiran Kerja Penyenggaraan Aspek Keselamatan

Bil.	No. Kontrak	Item	Perkara	Amaun (RM)	Catatan
1.	Package II(Sandakan) JPS/N/SAB/S/121/2005	5	Allow to replacement, repair and painting of hand rails including clean down, prime and paint three (3) coats of gloss enamel paint on metal surfaces;	63,971.20	Provisional sum
2.	Spillway (Tawau) JPS/N/SAB/134/2006	C C.1	Other Works Provisional sum for repair handrails, river bank stabilisation works, removal of damaged RC pieces, spot repairs of existing RC diversion channel etc.	30,000	Provisional sum

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah

Lawatan fizikal Audit di daerah Sandakan dan Tawau mendapati pagar keselamatan/penghadang parit (*Guardrail*) dan penutup parit di kawasan saliran telah rosak dan tidak disenggara seperti di **Foto 4.10** dan **Foto 4.11**.

Foto 4.10
Drainage Sump Tidak
Ditutup Dengan Mild Steel Cover/Grill
Yang Membahayakan Keselamatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Saliran Taman Sibuga, Sandakan
Tarikh: 23 Julai 2009

Foto 4.11
Safety Handrail Yang Rosak
Dan Hilang Belum Disenggara Dan Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Spillway, Tawau
Tarikh: 5 Ogos 2009

Pihak JPS memaklumkan, akan mengambil perhatian dan tindakan susulan ke atas masalah tersebut.

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan pagar keselamatan dan penghadang parit tidak memuaskan kerana masih terdapat pagar dan penghadang yang rosak dan tidak disenggara.

4.4.4 Halangan Penyenggaraan

Secara keseluruhannya, sistem perparitan bandar dibina merentasi kawasan bandar, perumahan dan industri. Sehubungan itu, sistem saliran perlu bersih dan bebas daripada

halangan yang boleh menghalang proses penyenggaraan. Berdasarkan spesifikasi kerja dalam perjanjian kontrak, kontraktor dikehendaki membersihkan dan menyenggara rizab sistem perparitan iaitu minimum 2 meter dari tepi pagar atau bendul tepi jalan (*road side kerb*).

Lawatan fizikal Audit di kawasan perparitan bagi daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau mendapati rizab perparitan (*drain reserve*) sukar disenggara dan tidak disenggara disebabkan faktor berikut:

a) Kawasan Perumahan, Setinggan Dan Perindustrian

Saliran yang melalui kawasan perumahan sukar hendak disenggara kerana terdapat pemilik premis kediaman membuat sambungan rumah mereka hingga ke rizab saluran seperti di **Foto 4.12** hingga **Foto 4.15**.

Foto 4.12
Bahagian Dapur Rumah
Dibina Hingga Ke Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Km 6. Jalan Karamunting, Sandakan
Tarikh: 22 Julai 2009

Foto 4.13
Pagar Konkrit Rumah
Dibina Hingga Ke Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Saliran Jalan Sin On/Sg. Tawau, Tawau
Tarikh: 4 Ogos 2009

Foto 4.14
Pagar Rumah Dibina Hingga
Ke Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lido, Penampang (Item 18),
Kota Kinabalu
Tarikh: 7 Julai 2009

Foto 4.15
Struktur Rumah
Dibina Hingga Ke Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Lido, Penampang (Item 18),
Kota Kinabalu
Tarikh: 7 Julai 2009

Pemeriksaan Audit juga mendapati, setinggan membina tempat kediaman di atas dan rizab perparitan. Ini merupakan halangan kepada kerja-kerja penyenggaraan seperti di **Foto 4.16** dan **Foto 4.17**.

Foto 4.16
Perumahan Setinggan Dibina
Di Atas Dan Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Karamunting (Item 149-153), Sandakan
Tarikh: 22 Julai 2009

Foto 4.17
Perumahan Setinggan
Di Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Drain 17, Tawau
Tarikh: 6 Ogos 2009

Selain itu, premis yang membuat sambungan pada bangunan hingga ke tepi saluran di kawasan perindustrian juga merupakan halangan bagi kerja penyenggaraan saluran. Keadaannya adalah seperti di **Foto 4.18** hingga **Foto 4.23**.

Foto 4.18
Dinding Premis Dibina Hingga Ke Saliran
Dan Lantai Premis Dibina Di Atas Saliran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Basin 23, K.M 1.5 Jalan Leila, Sandakan
Tarikh: 22 Julai 2009

Foto 4.19
Pagar Premis Dibina Hingga
Ke Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Leila, Sandakan
Tarikh: 4 Ogos 2009

Foto 4.20
Pagar Dibina Hingga Ke
Tepi Saliran Menyebabkan Penyenggaraan
Tidak Dapat Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Basin 23 , K.M 1.5 Jalan Leila Sandakan
 Tarikh: 22 Julai 2009

Foto 4.21
Gerai-Gerei Perniagaan Dibina
Di Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Drain 26 A, Jln Chong Thien Vun, Tawau
 Tarikh: 4 Ogos 2009

Foto 4.22
Premis Perniagaan
Dibina Di Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
 Negeri Sabah

Foto 4.23
Gerai-Gerei Di Bina
Di Rizab Perparitan



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
 Negeri Sabah

Pihak JPS memaklumkan, halangan terhadap rizab pada sistem saliran menyebabkan jentera tidak dapat digunakan dalam kerja-kerja pembersihan. Sebahagian sistem saliran yang diterima daripada pihak JKR tidak jelas kedudukannya kerana ianya termasuk dalam rezab jalan raya. Proses menentukan rizab bagi parit yang diterima daripada JKR akan dibuat oleh Jabatan Tanah Dan Ukur. Sementara itu, pihak JPS sedang dan akan melantik juruukur berlesen bagi menentukan rizab sistem saliran. Rizab akan dikenal pasti bagi memudahkan spesifikasi kerja dapat ditentukan dan memudahkan kerja-kerja penyeliaan serta pemantauan ke atas rizab sistem saliran.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan kawasan rizab saliran tidak memuaskan kerana terdapat halangan di tepi saliran yang menyukarkan penyenggaraan.

4.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, penyenggaraan sistem saliran bandar adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan penyenggaraan seperti kitaran kerja tidak mencukupi, pagar keselamatan/penghadang parit, penutup parit dan papan tanda keselamatan tidak disenggara dan halangan penyenggaraan yang masih boleh diperbaiki. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut adalah disyorkan Jabatan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a) Jabatan perlu menambah kekerapan kerja pembersihan di kawasan yang kritikal.
- b) Mewujudkan peruntukan untuk aksesori bagi tujuan penyenggaraan pagar keselamatan/penghadang parit (*Guardrail*), penutup parit dan papan tanda keselamatan.
- c) Menyemak dan mengenal pasti kawasan rizab saliran (*drain reserve*) dengan jelas dan diwartakan.
- d) Melaksanakan konsep MSMA untuk semua pembangunan infrastruktur sistem saliran.

5. PROGRAM PEMBANGUNAN KOMODITI TANAMAN

5.1 LATAR BELAKANG

5.1.1 Jabatan Pertanian Sabah (Jabatan) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bertanggungjawab menjalankan aktiviti pembangunan tanaman pertanian dan masyarakat tani. Jabatan juga membantu menggalakkan pertumbuhan industri pertanian tanaman secara teratur dan seimbang dengan mengambil kira aspek alam sekitar. Selain itu, Jabatan Pertanian juga memberi dorongan kepada para pengusaha pertanian tanaman meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan berdasarkan visi dan misi Jabatan.

5.1.2 Objektif Program Pembangunan Komoditi Tanaman adalah untuk membantu petani mengusahakan tanah mereka dengan pelbagai tanaman yang disyorkan oleh Jabatan. Bagi menjayakan program ini, petani yang dikenal pasti, akan diberi insentif dan bantuan pengeluaran. Bantuan pengeluaran yang diberikan kepada para petani adalah berupa bahan tanaman, baja, racun, bahan kimia, peralatan ladang, khidmat nasihat dan latihan agar dapat meningkatkan pengeluaran makanan dan pendapatan para petani.

5.1.3 Program Pembangunan Komoditi Tanaman terdiri daripada enam program iaitu Pembangunan Tanaman Sayur-Sayuran, Pembangunan Tanaman Singkat Masa, Pembangunan Tanaman Industri, Pengeluaran Bahan-Bahan Tanaman, Pembangunan Tanaman Buah-Buahan dan Pembangunan Tanaman Padi. Untuk menjayakan program ini, Jabatan Pertanian Sabah telah diperuntukkan sejumlah RM130.96 juta oleh Kerajaan Negeri Sabah dan RM52.94 juta oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9). Pembangunan Tanaman Singkat Masa, Pembangunan Tanaman Industri dan Pembangunan Tanaman Buah-Buahan mendapat peruntukan daripada Negeri berjumlah RM13.68 juta dan Persekutuan berjumlah RM6.05 juta seperti di **Jadual 5.1**.


Jadual 5.1
Peruntukan Diluluskan Dan Perbelanjaan Sebenar Program
Pembangunan Tanaman Singkat masa, Tanaman Indusri Dan Buah-Buahan

Tahun	Negeri			Persekutuan		
	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
2006	0.55	0.52	95	1.90	1.84	96.8
2007	4.20	3.25	77.4	1.40	1.24	88.6
2008	4.46	3.86	86.5	1.30	1.05	80.8
2009	4.47	3.58	80.1	1.45	0.96	66.2
Jumlah	13.68	11.46	83.8	6.05	5.09	84.1

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

5.1.4 Taburan kawasan pembangunan komoditi tanaman mengikut program Pembangunan Tanaman Singkat Masa, Pembangunan Tanaman Industri dan Pembangunan Tanaman Buah-buahan adalah seperti di **Peta 5.1**.

Peta 5.1
Taburan Kawasan Pembangunan Komoditi Tanaman



Petunjuk:

	Tanaman Singkat Masa <i>*Keledek, Kacang, Halia, Jagung.</i>
	Tanaman Industri <i>*Kelapa, Kopi, Koko.</i>
	Tanaman Buah-Buahan <i>*Pisang, Durian, Rambutan, Langsat.</i>

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada program yang dijalankan telah diurus secara teratur dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

5.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi program bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Sebanyak tiga program daripada enam dipilih untuk pengauditan iaitu Pembangunan Tanaman Singkat Masa, Pembangunan Tanaman Industri dan Pembangunan Tanaman Buah-Buahan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan memeriksa fail berkaitan, minit mesyuarat Jawatankuasa Kelompok yang terlibat, daftar dan rekod bekalan bahan bantuan pertanian. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan peserta yang terlibat dijalankan bertujuan untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi. Lawatan ke tapak projek ke daerah Papar, Tuaran, Penampang, Kota Marudu, Ranau dan Tenom pula untuk mendapatkan bukti dan memastikan pelaksanaan program. Analisis terhadap aspek yang berkaitan seperti prestasi pencapaian sasaran dan prestasi pelaksanaan juga dibuat untuk menentukan pencapaian matlamat program secara keseluruhannya.

5.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pelaksanaan Program Pembangunan Komoditi Tanaman di enam daerah yang dipilih iaitu daerah Papar, Penampang, Tuaran, Kota Marudu, Ranau dan Tenom telah dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2009 mendapati pada umumnya, program Pembangunan Komoditi Tanaman tidak mencapai matlamatnya. Sebanyak 51% sasaran pendapatan petani yang ditemu bual belum tercapai, tujuh daripada 23 projek tanaman yang dilawati tidak disenggara dengan baik, enam daerah yang dipilih tidak mematuhi tujuh polisi dan prosedur tanaman yang ditetapkan, pemantauan dibuat tidak memberikan impak yang berkesan dan stor tidak disenggara dengan baik kerana lapar bahagian utama TPS tidak dipatuhi bagi enam daerah yang dipilih.

5.4.1 Sasaran Pendapatan Bulanan Petani Belum Tercapai

Mengikut Ringkasan Cadangan Projek Pembangunan Tanaman (RCP), Anggaran Aliran Kewangan Sehektar yang dikeluarkan Pejabat Pertanian Daerah dan maklumat dalam laman web, Jabatan mensasarkan jumlah pendapatan peserta projek akan mendapat pendapatan yang lumayan antara RM2,000 hingga RM80,000 sebulan jika mengikut panduan penanaman yang ditetapkan. Bagi tanaman singkat masa, peserta akan mendapat pendapatan tiga hingga empat bulan selepas tempoh penyenggaraan tanaman. Manakala, bagi tanaman jangka panjang hanya akan mendapat pendapatan selepas tempoh penyenggaraan iaitu satu hingga sembilan tahun bergantung kepada jenis tanaman. Oleh itu, peserta projek tanaman jangka panjang digalakkan untuk menjalankan aktiviti integrasi seperti tanaman jangka pendek, penternakan lebah madu dan haiwan di tapak projek tanaman jangka panjang mereka bagi memperoleh pendapatan dalam tempoh singkat dan memastikan projek dilaksanakan secara mampan.

Temu bual Audit dengan tujuh peserta (lima peserta projek tanaman singkat masa dan dua peserta projek tanaman jangka panjang) mendapati, purata pendapatan mereka antara RM500 hingga RM3,000 masih belum mencapai 51% daripada sasaran pendapatan yang ditetapkan. Bagaimanapun, maklumat ini tidak dapat disahkan dengan rekod kerana peserta tidak menyelenggara Rekod Ladang dengan kemas kini. Tanpa maklumat berkenaan, pihak Jabatan tidak dapat memastikan dan mengukur pencapaian Program Pembangunan Komoditi Tanaman (PPKT) sama ada telah mencapai objektifnya atau tidak.

Perkara ini berlaku kerana kawasan tapak projek kurang sesuai, tanaman diserang penyakit, projek tanaman tidak disenggara dengan baik atau tidak diurus dengan sempurna dan pemantauan yang kurang berkesan daripada Jabatan. Pemantauan yang berkesan daripada Jabatan adalah penting kerana ia melibatkan pandangan masyarakat terhadap komitmen Kerajaan melalui projek-projek yang dilaksanakan terutama dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat amnya dan petani/peserta khususnya. Perbandingan antara sasaran pendapatan dengan purata pendapatan peserta adalah seperti di **Jadual 5.2**. Keadaan ini juga memberi tanggapan bahawa projek yang dilaksanakan tidak berjaya kerana petani tidak mencapai pendapatan yang disasarkan.

Jadual 5.2
Perbandingan Sasaran Pendapatan Dengan Purata Pendapatan Peserta Yang Ditemubual

Bil.	Jenis Tanaman/ Tahun	Lokasi	Keluasan Diusahakan (Ha)	Anggaran Pendapatan Bulanan (RM)	Purata Pendapatan Bulanan (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus (%)
A.	Tanaman Singkat Masa						
1.	Jagung Manis/ 2009	Kg. Sugiang Baru, Tenom	1.21	3,630	1,000	2,630	27.5
2.	Cili Padi/ 2008	Kg. Kotud, Kota Marudu	0.22	946	560	386	59.2
3.	Cili Padi/ 2008	Kg. Tonsom, Kota Marudu	0.33	1,419	500	919	35.2
4.	Cili Padi/ 2009	Kg. Mandahan, Papar	0.40	1,740	1,000	740	57.5
5.	Cili Padi/ 2008	Kg. Regi, Papar	0.81	3,480	900	2,580	25.9
B.	Tanaman Jangka Panjang						
6.	Pisang Tanduk/ 2007	Kg. Rasak Laut, Kota Marudu	0.48	3,600	3,000	600	83.3
7.	Kopi/ 2007	Kg. Togis, Ranau	1.00	635	500	135	78.7
Jumlah				15,450	7,460	7,990	48.3
Peratus (%)					49	51	

Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia

Semakan Audit mendapati dua petani yang mengikuti program ini telah berjaya dengan cemerlang dalam projek tanaman yang dilaksanakan. Peserta terlibat berjaya kerana mengamalkan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia dan menjalankan aktiviti integrasi meliputi tanaman buah-buahan dan ternakan ikan. Temu bual bersama dua peserta berkenaan memaklumkan bahawa, purata pendapatan mereka adalah antara RM5,000 hingga RM15,000 sebulan. Tapak projek tanaman yang terlibat iaitu di Tenom dan Papar adalah seperti di **Foto 5.1** dan **Foto 5.2**.

Foto 5.1
Tanaman Jambu Batu Seluas
12 Ekar Menghasilkan Purata
Pendapatan RM15,000 Sebulan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Ulu Kimanis, Papar
 Tarikh: 29 Julai 2009

Foto 5.2
Aktiviti Integrasi
Seluas 4 Hektar Menghasilkan
Purata Pendapatan RM5,000 Sebulan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Lindapun Ulu Tepoh, Tenom
 Tarikh: 10 September 2009

Pada pendapat Audit, sasaran pendapatan peserta/petani adalah belum tercapai.

5.4.2 Projek Tanaman Tidak Disenggara Dengan Baik

Berdasarkan garis panduan dan kursus yang diberikan, projek tanaman hendaklah disenggara dengan baik seperti dibaja, diracun, dikawal dari serangan penyakit dan binatang perosak secara terancang dan berjadual. Perkara ini perlu dilakukan agar projek tanaman menghasilkan pulangan yang disasarkan. Lawatan Audit di 23 tapak projek mendapati tujuh projek tidak disenggara dengan baik. Pihak Audit mendapati, tapak projek tanaman ditumbuhi lalang, tanaman diserang penyakit, kualiti buah kurang baik dan tanaman belum berhasil.

Temu bual dengan pegawai menjelaskan bahawa keadaan ladang yang sedemikian adalah kerana peserta tidak mengurus ladang mengikut garis panduan yang ditunjuk ajar semasa latihan, para peserta kurang komitmen terhadap projek yang diusahakan dan peserta mempunyai aktiviti lain yang lebih menguntungkan. Temu bual dengan peserta pula menjelaskan bahawa tapak projek tanaman dilanda banjir dan kemarau di samping bahan bantuan tanaman seperti baja dan racun tidak mencukupi. Penyenggaraan yang tidak teratur boleh menjejaskan kualiti dan kuantiti hasil tanaman. Senarai projek tanaman yang tidak disenggara dengan baik adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Senarai Projek Tanaman Yang Tidak Disenggara Dengan Baik

Bil.	Lokasi	Jenis Tanaman/ Tahun	Keluasan Projek/ Peserta (Ha)/(Org)	Catatan
1.	Kg. Benoni, Papar	Mangga/ 2007	15.71/5	Tanaman kurang dibaja dan rumput tidak diracun.
2.	Kg. Lanas, Papar	Buah-Buahan/ 2007	4.6/6	Tanaman kurang dibaja dan rumput tidak diracun.
3.	Kg. Lingan Lama, Papar	Pisang Runggu/ 2007	5/5	Tanaman kurang dibaja, - rumput tidak diracun dan diserang penyakit.
4.	Kg. Kelanahan, Papar	Kelapa Pandan/ 2004	10/9	Rumput tidak diracun dan kemarau.
5.	Kg. Regi, Papar	Cili Padi/ 2008	3/5	Tanaman diserang penyakit dan rumput tidak diracun.
6.	Kg. Tonsom, Kota Marudu	Cili Padi/ 2008	2/6	Tanaman kurang subur dan tidak dibersihkan.
7.	Kg. Sugiang Baru, Tenom	Kopi/ 2008	0.4/1	Tanaman dipenuhi semak samun.

Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia

JPS memaklumkan bahawa projek tanaman yang tidak disenggara dengan baik telah diambil tindakan seperti kawasan tanaman dibersihkan, dibaja dan rumput rumpai serta tumbuhan liar diracun.

Keadaan tujuh tapak projek tanaman yang tidak disenggara dengan baik dan empat daripadanya telah diambil tindakan selepas teguran Audit adalah seperti di **Foto 5.3** hingga **Foto 5.13**.

Foto 5.3
Kawasan Tapak Projek
Tanaman Mangga Dan Durian
Tidak Disenggara Dan Tidak Diracun



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Kg. Lanas, Papar
Tarikh: 31 Julai 2009

Foto 5.4
Kawasan Tapak Projek Tanaman
Cili Padi Tidak Disenggara, Dibaja
Dan Hasil Tanaman Kurang Memuaskan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Tonsom, Kota Marudu
 Tarikh: 19 Ogos 2009

Foto 5.5
Kawasan Tapak Projek
Tanaman Kopi Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Sugiang Baru, Tenom
 Tarikh: 9 September 2009

Foto 5.6
Keadaan Tapak
Projek Tanaman Mangga
Sebelum Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Benoni, Papar
 Tarikh: 31 Julai 2009

Foto 5.7
Keadaan Tapak Projek
Tanaman Mangga Selepas Disenggara



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
 Lokasi: Kg. Benoni, Papar
 Tarikh: 9 April 2010

Foto 5.8
Kawasan Tapak Projek Tanaman Pisang
Sebelum Disenggara Dan Diserang Penyakit



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Lingan Lama, Papar
 Tarikh: 31 Julai 2009

Foto 5.9
Kawasan Tapak Projek Pisang Digantikan
Dengan Tanaman Sayur Cekur Manis



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
 Lokasi: Kg. Lingan Lama, Papar
 Tarikh: 9 April 2010

Foto 5.10
Keadaan Kawasan Tapak
Projek Tanaman Kelapa Sebelum Disenggara,
Dibaja Dan Diserang Penyakit




Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Kelanahan, Papar
 Tarikh: 31 Julai 2009

Foto 5.11
Keadaan Selepas Kawasan Tapak
Projek Tanaman Kelapa Disenggara



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
 Lokasi: Kg. Kelanahan, Papar
 Tarikh: 9 April 2010

Foto 5.12
Keadaan Tapak Projek
Tanaman Cili Padi Sebelum
Disenggara Dan Diserang Penyakit



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Kg. Regi, Papar
Tarikh: 29 Julai 2009

Foto 5.13
Keadaan Selepas Tapak Projek
Dibersihkan Untuk Pusingan Yang Seterusnya



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
Lokasi: Kg. Regi, Papar
Tarikh: 9 April 2010

Pada pendapat Audit, penyenggaraan tujuh projek tanaman adalah kurang memuaskan kerana tanaman tidak dibaja, diracun dan dibersihkan menyebabkan pertumbuhan tanaman projek terjejas serta kualiti dan kuantiti hasil tanaman tidak memenuhi kehendak pasaran.

5.4.3 Polisi Dan Prosedur Tanaman Tidak Dipatuhi

Polisi dan prosedur yang diwujudkan adalah berdasarkan garis panduan yang mesti dipatuhi bagi memastikan projek yang dilaksanakan akan mencapai objektif program. Kaedah pelaksanaan projek pembangunan tanaman Jabatan Pertanian Sabah di bawah program-program seperti Subsidi Tanaman Jangka Pendek, Subsidi Tanaman Jangka Panjang, Skim Pemulihan Tanaman, Skim Bantuan Pekebun-Pekebun Kecil dan Program Pembangunan Komoditi Tanaman adalah seragam mengikut polisi dan prosedur yang ditetapkan.

Semakan Audit mendapati Pejabat Pertanian Daerah berikut tidak mematuhi sebahagian daripada tujuh polisi dan prosedur seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Pejabat Pertanian Daerah Yang Tidak Mengikut Polisi Dan
Prosedur Pelaksanaan Projek Pembangunan Tanaman, Jabatan Pertanian Sabah

Bil.	Polisi dan Prosedur	Penampang	Papar	Tuaran	Kota Marudu	Ranau	Tenom
1.	Keluasan minimum	X	X	X	X	X	/
2.	Kecerunan tidak melebihi 25°	X	/	/	X	/	/
3.	Bilangan peserta minimum 5	/	X	X	/	X	X
4.	Projek bersaiz ekonomik	/	/	/	X	X	X
5.	Aktiviti Integrasi	X	X	X	X	X	X
6.	Tabung Kewangan Projek	X	X	X	X	X	X
7.	Maklumat Dan Dokumen	X	X	X	X	X	X

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Nota: (/) Polisi Dan Prosedur Dipatuhi (X) Polisi Dan Prosedur Tidak Dipatuhi

a) Tapak Projek Tanaman Kurang Daripada Keluasan Minimum Yang Ditetapkan

Polisi dan Prosedur Pelaksanaan Projek Pembangunan Tanaman Jabatan Pertanian Sabah menetapkan bahawa tanah untuk projek harus berstatus tanah bergeran, tanah sudah diukur, tanah rezab dengan kebenaran pemegang amanah atau tanah kerajaan yang telah diwartakan dengan kelulusan pihak yang berkenaan. Selain itu, minimum keluasan tanah untuk projek tanaman singkat masa adalah lima hektar dan tanaman jangka panjang bagi tanaman buah-buahan dan tanaman industri adalah 10 hektar.

Semakan Audit mendapati keluasan tanah untuk projek tanaman di lokasi berikut kurang daripada minimum tanah yang ditetapkan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 5.5** dan **Jadual 5.6**.

Jadual 5.5
Tapak Projek Program Tanaman
Singkat Masa Yang Kurang Daripada Lima Hektar

Bil.	Lokasi	Tanaman	Keluasan (Hektar)	Perbezaan (Hektar)
1.	Kg. Kawang, Papar	Cili Padi	0.7	4.3
2.	Kg. Beringis/ Kg. Regi, Papar	Cili Padi	2.5	2.5
3.	Kg. Benoni/Kg. Mandahan	Cili Padi	2.0	3.0
4.	Kg. Kotud, Kota Marudu	Cili Padi	2.0	3.0
5.	Kg. Tonsom, Kota Marudu	Cili Padi	3.0	2.0

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Jadual 5.6
Tapak Projek Program Tanaman Jangka Panjang Yang Kurang Daripada 10 Hektar

Bil.	Lokasi	Tanaman	Keluasan (Hektar)	Perbezaan (Hektar)
1.	Kg. Muruk, Ranau	Seedless Lemon	1.00	9.00
2.	Kg. Simpang Poring, Ranau	Duku Langsung	1.52	8.48
3.	Kg. Gontung, Tuaran	Seedless Lemon	2.00	8.00
4.	Kg. Gontung, Tuaran	Kelapa	2.00	8.00
5.	Kg. Rasak Laut, Kota Marudu	Pisang	2.00	8.00
6.	Kg. Muruk, Ranau	Duku Langsung	2.00	8.00
7.	Kg. Rasak Tigaman, Kota Marudu	Pisang	5.00	5.00
8.	Kg. Logkou Baru, Kg. Wangkod, Kg. Simpangan 26KM, Tuaran	Pisang	8.00	2.00
9.	Kg. Timpangoh, Penampang	Nenas	5.00	5.00
10.	Kg. Babagon Sarapong, Penampang	Nenas	5.00	5.00

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

b) Bilangan Peserta Projek Kurang Daripada Lima Orang

Polisi dan prosedur menetapkan bahawa projek yang terlibat hendaklah diuruskan secara berkumpulan oleh satu jawatankuasa atau badan yang terdiri daripada peserta sendiri dan menerima bantuan Jabatan Pertanian berdasarkan kepada keperluan sebenar projek dan keadaan tapak yang dicadangkan. Polisi Jabatan menetapkan bilangan peserta adalah lima orang atau lebih dalam satu kelompok di mana sekurang-kurangnya tiga orang peserta boleh membaca dan menulis khususnya Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Projek.

Semakan Audit terhadap projek tanaman yang dijalankan mendapati, bilangan peserta di enam projek kurang daripada lima orang. Perkara ini berlaku disebabkan oleh bilangan peserta/petani yang memohon dan yang berminat adalah kurang dan keluasan yang ingin diusahakan adalah kecil. Enam projek dan bilangan petani yang terlibat adalah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Enam Projek Tanaman Dilaksanakan Kurang Daripada Lima Peserta

Bil.	Lokasi	Tanaman	Keluasan (Hektar)	Bil. Petani (Orang)
1.	Kg. Kawang, Papar	Cili Padi	0.7	2
2.	Kg. Gontung, Tuaran	Seedless Lemon	2	2
3.	Kg. Gontung, Tuaran	Kelapa	2	1
4.	Kg. Muruk, Ranau	Seedless Lemon	1	1
5.	Kg. Nanapukan, Ranau	Limau Bali	4	1
6.	Kg. Bamban, Tenom	Kopi	3	2

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

c) Kecerunan Tapak Projek Tanaman Melebihi 25°

Polisi dan prosedur menetapkan bahawa tapak projek hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti tapak projek mempunyai *soil association/soil series* yang sesuai/disyorkan untuk tanaman yang dicadangkan, kecerunan tanah kurang daripada 25°, ketinggian tapak kurang 1,000 meter dari aras laut (kecuali tanaman tanah tinggi), perhubungan jalan yang baik (*all weather road*) dan ada sumber air yang cukup setiap masa (tidak termasuk air hujan).

Lawatan Audit ke tapak projek tanaman pada bulan Julai hingga Oktober 2009 mendapati empat tapak projek tanaman dilaksanakan di kawasan bukit yang mempunyai kecerunan melebihi 25°. Empat tapak projek tanaman yang terlibat adalah seperti di **Jadual 5.8** dan **Foto 5.14** hingga **Foto 5.17**.

Jadual 5.8
Tapak Projek Tanaman Yang Melebihi Kecerunan 25°

Bil.	Lokasi/Tanaman	Tahun	Tanaman	Kecerunan Dalam RCP	Kedudukan Fizikal
1.	Kg. Tonsom, Kota Marudu	2008	Cili Padi	Tidak Dicapat	Kecerunan tapak projek tanaman melebihi 25° seperti di Foto 5.14 .
2.	Kg. Kotud, Kota Marudu	2008	Cili Padi	10.15°	Kecerunan tapak projek tanaman melebihi 25° seperti di Foto 5.15 .
3.	Kg. Timpangoh, Penampang	2008	Nenas	> 25°	Kecerunan tapak projek tanaman melebihi 25° seperti di Foto 5.16 .
4.	Kg. Sarapong, Penampang	2008	Buah-Buahan	> 25°	Kecerunan tapak projek tanaman melebihi 25° seperti di Foto 5.17 .

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Nota: RCP - Ringkasan Cadangan Projek Pembangunan Tanaman

Foto 5.14
Projek Tanaman Cili Padi Di Kawasan
Yang Berkecerunan Melebihi 25°



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Tonsom, Kota Marudu
 Tarikh: 13 Ogos 2009

Foto 5.15
Projek Tanaman Cili Padi Di Kawasan
Yang Berkecerunan Melebihi 25°



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Kotud, Kota Marudu
 Tarikh: 13 Ogos 2009

Foto 5.16
Projek Tanaman Nenas Kawasan
Yang Berkecerunan Melebihi 25°



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Timpangoh, Penampang
 Tarikh: 14 Julai 2009

Foto 5.17
Projek Penanaman
Buah-Buahan Di Kawasan
Tanah Yang Berkecerunan Melebihi 25°



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Sarapong, Penampang
 Tarikh: 4 Disember 2009

d) Rekod Pengeluaran Dan Penerimaan Bahan Bantuan Pertanian Tidak Diselenggara Dengan Baik

Mengikut perenggan 5.5 Polisi dan Prosedur, JPPPD dikehendaki menyimpan semua maklumat/dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan projek dalam setiap fail projek berkenaan. Ini termasuklah rekod permohonan pengeluaran stok bahan input pertanian dari stor dan rekod pengakuan terimaan oleh peserta. Manakala di pihak petani/peserta, dikehendaki menyimpan dan menyelenggara Rekod Ladang dan Kad Petani yang disediakan Jabatan. Semua rekod dan dokumen yang digunakan hendaklah diselenggara dengan lengkap, kemas kini dan difailkan dengan teratur. Ini adalah untuk

memastikan maklumat penting pelaksanaan projek disimpan dengan baik dan mudah untuk dirujuk semula.

Semakan Audit terhadap fail projek mendapati semua rekod pengeluaran dan penerimaan bahan bantuan pertanian di semua enam Pejabat Pertanian Daerah yang dilawati tidak diselenggara dengan baik. Perkara ini juga telah dilaporkan dalam Laporan Audit Projek Pembangunan Tanaman yang dipertanggungjawabkan kepada Pegawai Pertanian (Seksyen Pembangunan Komoditi). Rekod yang tidak kemas kini menyebabkan terimaan bantuan bahan input pertanian daripada jabatan dan hasil jualan petani tidak dapat disahkan. Rekod butiran pengagihan dan penerimaan bahan input pertanian bagi tujuh projek pertanian adalah seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Rekod Penerimaan Dan Pengeluaran Bantuan Jabatan Pertanian Kepada Peserta Program

Bil.	Lokasi	Jenis Tanaman	Fail Projek Tanaman Yang Diselenggara		Rekod Ladang Peserta/Petani	
			Borang Kelulusan Permohonan	Dokumen Pengesahan Penerimaan	Rekod Ladang	Kad Petani
1.	Kg. Regi, Papar	Cili padi	/	/	X	T.B
2.	Kg. Timpangoh, Penampang	Nenas	X	X	X	X
3.	Kg. Tonsom, Kota Marudu	Cili Padi	X	X	X	T.B
4.	Kg. Kotud, Kota Marudu	Cili Padi	X	X	X	T.B
5.	Kg. Logkau, Tuaran	Pisang	/	X	X	X
6.	Kg. Pamilaan, Tenom	Koko	/	X	X	X
7.	Kg. Sugiang, Tenom	Jagung	X	X	X	X

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Nota: (I) Ada (X) Tidak Dibuat (T.B) Tidak Berkaitan.

Maklum balas daripada JPS menyatakan bahawa, kelulusan projek tanaman kepada setiap daerah adalah berdasarkan Buku Rancangan Jabatan dan peruntukan semasa bagi setiap program tanaman singkat masa, tanaman buah-buahan dan tanaman industri. Bagaimanapun, bagi memudahkan penyediaan Ringkasan Cadangan Projek Pembangunan Tanaman (RCP), Kertas Kerja Pelaksanaan Projek Pembangunan Tanaman dan pemantauan, fail projek mengikut jenis tanaman dan kampung disediakan di setiap Pejabat Daerah Pertanian. Oleh itu, Jabatan Pertanian Sabah telah mengeluarkan satu surat arahan kepada semua Pegawai Pertanian Kanan, Pegawai Pertanian dan Pegawai Penguasa Pertanian di setiap daerah supaya membuat penambahbaikan dengan segera dan mematuhi Polisi Dan Prosedur Pelaksanaan Projek Pembangunan Tanaman Jabatan Pertanian Sabah dan memastikan semua rekod-rekod pengeluaran, penerimaan dan ladang diselenggara dengan kemas kini.

Pada pendapat Audit, pematuhan polisi dan prosedur oleh Jabatan dalam pelaksanaan projek tanaman adalah kurang memuaskan.

5.4.4 Tabung Kewangan Projek Tidak Diwujudkan

Polisi dan prosedur menetapkan satu tabung kewangan perlu diwujudkan oleh Jawantankuasa Pelaksana Projek iaitu peserta projek. Sumber kewangan tabung adalah

melalui kutipan daripada peserta pada permulaan projek, dan/atau melalui penyimpanan sebahagian pendapatan yang diperolehi daripada penjualan hasil projek. Tabung akan diurus dan digunakan oleh peserta bagi tujuan pelaksanaan projek seterusnya untuk memastikan pelaksanaan projek secara mampan.

Semakan Audit terhadap Tabung Kewangan Projek di setiap projek tanaman yang diusahakan mendapati ianya tidak diwujudkan oleh semua Jawatankuasa Pelaksana Projek tanaman yang terlibat. Dengan ini, pihak Jabatan tidak dapat mengesahkan pengurusan kewangan program secara berkelompok ini diurus dengan baik dan berkesan.

Pendapat Audit, tabung kewangan projek yang dirancang oleh Jabatan tidak memuaskan kerana tidak dapat dilaksanakan dengan sepatutnya.

5.4.5 Stor Tidak Disenggara Dengan Baik

Pengurusan stor adalah satu aspek pengurusan kewangan yang sangat penting kerana barang-barang dalam stor merupakan modal kerajaan yang tersimpan dalam bentuk barang-barang bagi tujuan memberi perkhidmatan kepada pelanggan dengan kos yang minimum. Peraturan mengenai pengurusan stor telah dikeluarkan pada tahun 1982 dan dinamakan sebagai Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor (TPS) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1995. Kesan daripada pengurusan stor yang lemah, tidak teratur dan tidak cekap boleh menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian besar akibat pembaziran modal yang terikat dalam bentuk stok, keusangan, kesusutan nilai dan kecurian.

Barang-barang yang dibeli dan disimpan dalam stor Jabatan Pertanian adalah baja, racun dan bahan bantuan pertanian lain untuk diagihkan kepada petani. Baja dan racun adalah bahan yang amat diperlukan dalam memastikan tanaman tumbuh subur dan mendatangkan hasil mengikut jadual dan tempoh sepatutnya. Oleh itu, penyimpanan yang bersesuaian diperlukan bagi memastikan baja, racun dan bahan bantuan lain tidak terdedah kepada faktor-faktor yang boleh merosakkan kualitinya. Hasil lawatan Audit di stor Jabatan Pertanian Sabah mendapati lapan bahagian utama TPS tidak dipatuhi seperti di **Jadual 5.10**.

Jadual 5.10
Polisi Dan Prosedur Stor Jabatan Pertanian
Daerah Yang Tidak Mengikut Panduan Tatacara Pengurusan Stor

Bil.	Polisi Dan Prosedur	Papar	Kota Marudu	Ranau	Tenom
1.	Organisasi Stor	/	X	X	/
2.	Penerimaan	/	X	X	/
3.	Merekod Stok	X	X	X	X
4.	Penyimpanan	X	X	X	X
5.	Pengeluaran	/	X	X	/
6.	Pemeriksaan	X	X	X	X
7.	Keselamatan	/	X	/	/
8.	Pelupusan	/	X	X	/

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Nota: (/) Polisi Dipatuhi (X) Polisi Tidak Dipatuhi

a) Stor Diselenggara Oleh Seorang Kakitangan Sahaja

Mengikut TPS, organisasi stor hendaklah seberapa yang praktik terdiri daripada lima bahagian iaitu Bahagian Kawalan Stok, Bahagian Lejar, Bahagian Penstoran, Bahagian Pembungkusan dan Penghantaran dan Bahagian Akaun. Tujuan organisasi stor diwujudkan adalah untuk memastikan semua pemesanan, pembungkusan, penerimaan, kawalan stok, penyimpanan stok, pemverifikasian stok dan perakaunan stok telah diselenggara dengan baik, lengkap, kemas kini, bersih dan selamat.

Semakan Audit mendapati, tiga stor di Pejabat Pertanian Daerah iaitu Penampang, Kota Marudu dan Ranau diselenggara oleh seorang kakitangan sahaja bagi setiap stor. Perkara ini berlaku disebabkan kekurangan kakitangan dan tidak ada peruntukan. Kedudukan perjawatan dan bilangan kakitangan stor adalah seperti di **Jadual 5.11**.

Jadual 5.11
Perjawatan Dan Bilangan Kakitangan
Menyelenggara Stor Pejabat Pertanian Daerah

Bil.	Lokasi	Jawatan	Jawatan Diisi
1.	Penampang	Penyelenggara Stor Gred N11	1
2.	Kota Marudu	Pembantu Rendah Am Gred R1	1
3.	Ranau	Penyelenggara Stor Gred N11	1
4.	Papar	Pembantu Pertanian Gred G17 Pembantu Rendah Am Gred N1	1 1
5.	Tuaran	Pembantu Kerani Gred N17 Pekerja Am Gaji Hari Jaga Gred A1	1 1 1
6.	Tenom	Penyelenggara Stor Gred N17 Pembantu Rendah Am Gred R1	1 1

Sumber: Carta Organisasi Pejabat Pertanian Daerah

b) Dokumentasi Untuk Pemesanan Dan Pengeluaran Barang Tidak Digunakan

Mengikut TPS, barang-barang hanya boleh dikeluarkan atas pemesanan yang ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa dan semua pemesanan dan pengeluaran barang-barang hendaklah menggunakan Baucar Pemesanan Barang-Barang (Kew.300-A2) (Untuk Stor Jabatan), Baucar Laporan Terimaan Barang-Barang (Kew.300-E), Kad Kawalan Stok (Kew.300-J1), (Kew.300-J2), (Kew.300-J3), Kad Petak (Kew.300-J4), Label Masuk Dahulu – Keluar Dahulu (Kew.300-P) dan lain-lain lagi.

Semakan Audit mendapati, dokumentasi untuk pemesanan dan pengeluaran seperti kehendak TPS tidak digunakan di stor Pejabat Pertanian Daerah. Rekod yang diselenggara bagi merekodkan pemesanan dan pengeluaran barang-barang stor Pejabat Pertanian Daerah adalah Borang Pengeluaran Barang-Barang, Kelulusan Permohonan Barang-Barang dan Buku Daftar Peralatan Pejabat (Kew.314). Bagaimanapun, semakan lanjut mendapati borang tersebut tidak diisi dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan fizikal ke atas baki stok barang-barang mendapati perbezaan baki di antara rekod dengan fizikal seperti di **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12
Baki Fizikal Stor Berbeza Dengan Baki Rekod

Bil.	Lokasi Stor	Jenis Barang	Baki Mengikut Dalam Rekod (Unit)	Baki Mengikut Pemeriksaan Fizikal (Unit)	Perbezaan (Unit)
1.	Kota Marudu	Baja NPK Green	31	324	293
		Baja CIRP	37	52	19
		<i>Knapsack Sprayer</i>	Nil	30	30
2.	Tenom	Baja Urea	45	80	35

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

c) Sistem Penyimpanan Stok Tidak Mengikut TPS

TPS menetapkan bahawa faktor keselamatan, kemudahan pengeluaran, verifikasi dan kekemasan stor, peraturan menyusun atur barang-barang seperti senang dikendali, memudahkan pengeluaran stok mengikut masuk dahulu keluar dahulu, kesenangan penyemakan stok dan rancangan pusingan stok, susunan atau lapisan yang paling selamat antara dua atau tiga meter dan susunan barang diselang - selikan supaya lebih kukuh. Selain itu, landasan - landasan atau pelet hendaklah diletakkan di bawah susunan atau tindanan barang-barang untuk mengelak daripada bersentuh dengan lantai secara langsung terutama sekali jika ianya lantai simen atau simpanan di luar bangunan. Ruangan di antara tindanan hendaklah cukup luas untuk dijadikan lorong bekerja atau berjalan dan juga sebagai batas kebakaran.

Semakan Audit di stor Pejabat Pertanian Daerah di Kota Marudu, Ranau, Papar dan Tenom mendapati, sistem penyimpanan stok tidak mengikut TPS yang berkuatkuasa. Stok baja dan bahan bantuan pertanian dalam stor tidak disimpan dengan tersusun mengikut sistem masuk dahulu keluar dahulu, diletak di atas simen tanpa menggunakan pelet, susunan atau tindanan tidak kemas dan tidak ada ruangan di antara tindanan untuk dijadikan lorong bekerja atau berjalan dan juga sebagai batas kebakaran.

Maklum balas daripada Jabatan Pertanian Sabah memaklumkan, surat arahan untuk penambahbaikan telah dikeluarkan dengan segera kepada semua pegawai pertanian daerah. Pejabat Pertanian Daerah telah mengambil beberapa tindakan dengan segera seperti senggaraan stok dan bangunan stor mengikut TPS.

Stok baja tidak disusun dengan teratur mengikut TPS dan tindakan segera yang diambil oleh Pejabat Pertanian Daerah berkaitan selepas teguran Audit adalah seperti di **Foto 5.18** hingga **Foto 5.27**.

Foto 5.18
Keadaan Stok Baja
Sebelum Disusun Dengan
Kemas Dan Ada Lorong Bekerja



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Kota Marudu
 Tarikh: 2 Disember 2009

Foto 5.19
Keadaan Selepas
Susunan Stok Baja Disusun
Dengan Kemas Dan Ada Lorong Bekerja



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Kota Marudu
 Tarikh: 8 April 2010

Foto 5.20
Keadaan Stor Stok Racun Rumpai
Disimpan Bersama-Sama Baja



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Kota Marudu
 Tarikh: 2 Disember 2009

Foto 5.21
Keadaan Stok Racun Rumpai Selepas
Disimpan Berasingan Daripada Baja



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Kota Marudu
 Tarikh: 8 April 2010

Foto 5.22
Keadaan Stok Baja Disusun
Berselang-Seli Dan Tidak Menggunakan Pelet



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Ranau
 Tarikh: 28 Ogos 2009

Foto 5.23
Keadaan Stok Baja Setelah Disusun
Berselang-Seli Dan Menggunakan Pelet



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Ranau
 Tarikh: 14 April 2010

Foto 5.24
Keadaan Stok Baja Yang Tidak
Disusun Berselang-Seli Dan Tidak Teratur



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Papar
 Tarikh: 28 Julai 2009

Foto 5.25
Keadaan Stok Baja Selepas
Disusun Kemas Dan Teratur



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Papar
 Tarikh: 8 April 2010

Foto 5.26
Keadaan Stok Baja Tidak Disusun
Kemas Dan Tidak Menggunakan Pelet



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Tenom
Tarikh: 10 September 2009

Foto 5.27
Keadaan Stok Baja Selepas
Disusun Kemas Dan Menggunakan Pelet



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Tenom
Tarikh: 8 April 2010

d) Keselamatan Dan Kebersihan Bangunan Stor Tidak Terjamin Dan Terpelihara

TPS menetapkan bahawa keselamatan dan kebersihan stor hendaklah sentiasa diberi perhatian oleh Ketua Jabatan dengan mematuhi Arahan Keselamatan Kerajaan, mempunyai kawalan keselamatan yang sesuai, mencukupi dan berkesan, terhindar daripada bahaya banjir atau bahang matahari, ancaman makhluk perosak dan tidak menyimpan barang-barang yang rosak, usang dan sebagainya. Kawalan keselamatan yang sesuai bergantung kepada keperluan dan kesesuaian penempatan Stor Pusat, Stor Utama dan Stor Unit dengan mematuhi ciri-ciri seperti sekeliling kawasan stor hendaklah dipagar, alat-alat pemadam api disediakan dan lain-lain lagi.

Pemeriksaan Audit terhadap keselamatan dan kebersihan di stor Pejabat Pertanian Daerah mendapati, kawasan bangunan stor tidak berpagar, terdedah kepada banjir (Kota Marudu), keadaan stor yang tidak bersih, tidak ada alat pemadam api, bangunan stor tidak disenggara dan menyimpan barang-barang rosak dan usang. Perkara ini adalah disebabkan pengurusan stor dibuat oleh seorang pegawai dan pemeriksaan serta pemverifikasian stor tidak dijalankan mengikut TPS. Ciri-ciri keselamatan dan kebersihan yang tidak dipatuhi serta keadaan bangunan stor adalah seperti di **Jadual 5.14** , **Keratan Akhbar 5.1** dan **Foto 5.28** dan **Foto 5.29**.

Jadual 5.14
Ciri-Ciri Keselamatan Dan Kebersihan Stor Jabatan
Pertanian Daerah Yang Tidak Terjamin Dan Terpelihara

Bil.	Keselamatan Dan Kebersihan	Papar	Kota Marudu	Ranau	Tenom
1.	Kawasan berpagar	/	X	/	/
2.	Selamat dari banjir/hujan	/	X	X	/
3.	Keadaan yang bersih	X	X	X	X
4.	Alat pemadam api	X	X	X	X
5.	Bangunan disenggara	X	X	X	/
6.	Tidak menyimpan barang rosak dan usang	X	X	X	X

Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia

Nota: / - Dipatuhi X - Tidak Dipatuhi

Keratan Akhbar 5.1
Kedudukan Stor Pertanian Daerah Di Bandar Kota Marudu
Dilanda Banjir Pada 04 Januari 2009



Sumber: Daily Express

Foto 5.28
Kawasan Bangunan Stor
Tidak Berpagar



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Stor di Pejabat Pertanian Kota Marudu
 Tarikh: 12 Ogos 2009

Foto 5.29
Baja Yang Rosak Akibat
Banjir Pada 4 Januari 2009



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Stor di Pejabat Pertanian Kota Marudu
 Tarikh: 12 Ogos 2009

Bagaimanapun, selepas teguran Audit, Pejabat Pertanian Daerah berkaitan telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap keselamatan dan kebersihan stor seperti **Foto 5.30** hingga **5.37**.

Foto 5.30
Keadaan Peralatan Rosak Masih Disimpan
Dalam Stor Dan Belum Dibuat Pelupusan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Kota Marudu
Tarikh: 12 Ogos 2009

Foto 5.31
Keadaan Selepas Peralatan Rosak
Dikeluarkan Dan Dibuat Pelupusan




Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Kota Marudu
Tarikh: 8 April 2010

Foto 5.32
Keadaan Atap Stor Yang Rosak
Menyebabkan Baja Terdedah Kepada Hujan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Ranau
Tarikh: 26 Ogos 2009

Foto 5.33
Keadaan Atap Stor Selepas Diperbaiki



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Ranau
Tarikh: 14 April 2010

Foto 5.34
Keadaan Stor Yang
Tidak Bersih, Menyimpan Monitor Yang
Rosak Dan Siling Yang Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Ranau
 Tarikh: 26 Ogos 2009

Foto 5.35
Keadaan Stor Selepas
Dibersihkan dan Disusun Rapi



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
 Lokasi: Stor Pejabat Pertanian Ranau
 Tarikh: 14 April 2010

Foto 5.36
Keadaan Stor Yang Tidak Bersih
Dan Menyimpan Motorsikal Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Stor di Pejabat Pertanian Tenom
 Tarikh: 10 September 2009

Foto 5.37
Keadaan Stor Yang Telah Di Bersihkan



Sumber: Jabatan Pertanian Sabah
 Lokasi: Stor di Pejabat Pertanian Tenom
 Tarikh: 14 April 2010

e) Verifikasi Stok Tidak Dilaksanakan

Mengikut TPS, Pegawai Pengawal hendaklah memilih pegawai-pegawai yang sesuai dan bukan bertugas di organisasi stor untuk memeriksa stok. Verifikasi stok hendaklah dibuat secara mengejut berasaskan kepada rancangan verifikasi stok fizikal yang disediakan. Berdasarkan Laporan Verifikasi Stok tersebut, Pegawai Pengawal dikehendaki mengambil tindakan yang sesuai termasuk pelupusan dan hapuskira tertakluk kepada Panduan 228 TPS.

Semakan Audit mendapati pemverifikasian stok di empat stor Pejabat Pertanian Daerah yang dilawati tidak dilaksanakan. Ini adalah kerana tidak ada Pemverifikasi Stok yang dilantik di Pejabat Pertanian Daerah. Oleh itu, tindakan pemeriksaan rekod stok, fizikal stok, pengesahan keadaan stok dan tindakan pelupusan dan hapus kira tidak dapat dilakukan.

Maklum balas daripada Jabatan Pertanian Sabah memaklumkan, surat arahan untuk pengwujudan jawatankuasa pemverifikasi segera kepada daerah terlibat dan semua pegawai pertanian daerah.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan stor di Jabatan Pertanian Sabah kurang memuaskan kerana tidak disenggara dengan baik.

5.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pelaksanaan Program Pembangunan Komoditi Tanaman ini mempunyai kelemahan dari segi pematuhan polisi dan TPS, pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan program yang kurang cekap dan berkesan. Kesannya, objektif program untuk membantu meningkatkan pengeluaran makanan dan pendapatan petani belum tercapai sepenuhnya. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut, adalah disyorkan supaya Jabatan Pertanian Sabah memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a)** Jabatan Pertanian hendaklah melaksanakan pemantauan dengan lebih kerap mengikut jadual yang ditetapkan agar projek tanaman yang didapati bermasalah dapat dilaksanakan segera dan mengambil tindakan alternatif agar projek tanaman dapat diteruskan dengan lebih terurus.
- b)** Jabatan Pertanian perlu menyediakan latihan yang komprehensif dan membimbing peserta agar objektif program berjalan lancar.
- c)** Jabatan Pertanian perlu mematuhi polisi dan prosedur yang ditetapkan dan mengkaji semula polisi dan prosedur mengenai keluasan tanah yang patut dimiliki oleh peserta, jumlah bilangan peserta projek secara berkumpulan dan keadaan geografi tapak projek tanaman agar objektif program dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

6. PENGURUSAN AIR TIDAK BERHASIL (*NON REVENUE WATER*)

6.1 LATAR BELAKANG

6.1.1 Air merupakan satu keperluan asas dalam kehidupan dan perlu diuruskan dengan cekap supaya sentiasa mencukupi. Kehilangan air di dalam sistem bekalan air agihan merupakan masalah yang perlu diatasi dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Kehilangan air atau air tidak berhasil bukan sahaja suatu pembaziran, malah dari segi ekonomi ia satu kehilangan hasil kepada negara. Definisi Air Tidak Berhasil atau *Non Revenue Water* (NRW) ialah jumlah kuantiti air yang disalurkan ke dalam sistem bekalan air tetapi tidak memberi pulangan hasil kepada Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). Secara teknikal, NRW ialah jumlah pengeluaran air bersih (terawat) yang dibekalkan dan ditolak dengan jumlah penggunaan yang dibil menggunakan meter dan penggunaan yang dibil tanpa meter (Laporan *International Water Association* (IWA) 1997).

6.1.2 **Objektif utama pengurusan kawalan NRW adalah untuk mengurangkan kadar NRW ke tahap optimum.** Sejajar dengan objektif tersebut, Kerajaan Negeri Sabah melalui JANS melaksanakan lapan projek pengurusan kawalan NRW bagi memastikan matlamat tersebut tercapai. Ini selaras dengan salah satu teras utama Misi Nasional dalam usaha pembangunan negara seperti dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) iaitu meningkatkan tahap dan kemampunan kualiti hidup. Pengurusan kawalan NRW di peringkat Ibu Pejabat JANS dilaksanakan oleh Seksyen Agihan dan Kebocoran, manakala di peringkat Pejabat Air Bahagian atau pun Daerah dilaksanakan oleh Unit Kawalan Kebocoran/NRW atau Unit Penyenggaraan dan Pembaikan Kebocoran. JANS mengurus bekalan air terawat melalui 49 buah loji rawatan air di seluruh Negeri Sabah. Sebahagian loji rawatan air di daerah diuruskan oleh tiga syarikat konsesi yang melibatkan kawasan Kota Kinabalu, Papar, Tuaran, Sandakan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau. Pada tahun 2009, terdapat sejumlah 225,527 akaun di dalam sistem pembilan JANS.

6.1.3 Di bawah RMKe-9, Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan peruntukan sejumlah RM50 juta, manakala pinjaman dan geran daripada Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM85 juta dan RM50 juta bagi melaksanakan pengurusan kawalan NRW di Negeri Sabah. Perbandingan di antara sasaran dengan kadar pencapaian NRW bagi Negeri Sabah sejak tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Peratusan Kadar Pencapaian NRW Berbanding
Sasaran Di Negeri Sabah Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Tahun	2006 (%)	2007 (%)	2008 (%)	2009 (%)
Sasaran	63	60	57	53
Kadar Pencapaian NRW	58	56	51.7	49.4

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Berdasarkan **Jadual 6.2**, bagi tahun 2007 purata kadar NRW nasional ialah 37.7% manakala kadar NRW bagi Negeri Sabah ialah 55% dan merupakan negeri yang mempunyai kadar NRW tertinggi di Malaysia.

Jadual 6.2
Kadar NRW (%) Negeri Di Malaysia Bagi Tahun 2007

Bil.	Negeri	Kadar NRW (%)
1.	Pulau Pinang	16.86
2.	Melaka	28.60
3.	Perak	29.97
4.	Johor	31.12
5.	Sarawak	31.50
6.	Terengganu	31.60
7.	Perlis	34.16
8.	W.P. Labuan	34.72
9.	Selangor	34.75
10.	Kedah	45.17
11.	Pahang	45.20
12.	Kelantan	48.49
13.	N. Sembilan	53.15
14.	Sabah	55.00
Purata Nasional		37.70

Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kawalan NRW dilaksanakan dengan teratur, cekap, ekonomi dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

6.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pelaksanaan pengurusan kawalan NRW yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan Geran Persekutuan bagi tempoh empat tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2009. Kaedah pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap fail dan dokumen, lawatan fizikal serta temu bual dengan pegawai terlibat pengurusan kawalan NRW di Ibu Pejabat JANS, JANS Bahagian Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

6.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2009, mendapati pada keseluruhannya pengurusan kawalan NRW adalah kurang memuaskan dan masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Sejumlah RM185 juta telah diperuntukkan di bawah RMKe-9 untuk melaksanakan projek pengurusan kawalan NRW. Pada tahun 2009, kadar pencapaian NRW ialah 49.4% berbanding sasaran ditetapkan 53%. Tahap NRW ini dapat ditentukan dengan melaksanakan audit terhadap kuantiti air yang disalurkan ke dalam sistem agihan berpandukan kepada Imbangan Air. Imbangan Air menjelaskan komponen asas NRW yang dikira adalah berdasarkan amalan terbaik (*best practice*) dan diguna pakai oleh *International Water Association* (IWA). **Berdasarkan Imbangan Air terkini iaitu tahun 2008 seperti di Rajah 6.1, didapati NRW bagi Negeri Sabah ialah sebanyak 155,760,247 m³ setahun iaitu 51.7% daripada jumlah isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan sebanyak 301,275,511 m³ setahun.** JANS menganggarkan kehilangan hasil berjumlah RM140.17 juta setahun.

Rajah 6.1
Imbangan Air Negeri Sabah Pada Tahun 2008 (m³ setahun)

Imbangan Air Negeri Sabah Pada Tahun 2008 (m ³ setahun)				
System Input Volume 301,275,511 m ³ /year	Authorized Consumption 145,531,620 m ³ /year (48.3%)	Billed Authorized Consumption 145,515,264 m ³ /year (48.29%)	Billed Metered Consumption 145,515,264 m ³ /year (48.29%)	Revenue Water 145,515,264 m ³ /year (48.29%)
			Billed Unmetered Consumption 0 m ³ /year	
		Unbilled Authorized Consumption 16,356 m ³ /year (0.01%)	Unbilled Metered Consumption 0 m ³ /year	Non Revenue Water (NRW) 155,760,247 m ³ /year (51.71%)
			Unbilled Unmetered Consumption 16,356 m ³ /year (0.01%)	
	Water Losses 155,743,891 m ³ /year (51.7%)	Commercial Losses 22,977,299 m ³ /year (7.6%)	Unauthorized Consumption 11,700,988 m ³ /year (3.9%)	
			Customer Meter Inaccuracies and Data Handling Errors 11,276,311 m ³ /year (3.7%)	
		Physical Losses 132,766,592 m ³ /year (44.1%)		

Sumber: Rekod JANS

Berdasarkan Imbangan Air di atas, aspek yang ditemui dan boleh dipertingkatkan adalah isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan di mana tiga daripada 52 buah meter pengeluaran tidak berfungsi dan 14 buah lagi meter pengeluaran tidak dibuat verifikasi, penggunaan sah yang dibilkan hanya 48.3% daripada jumlah isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan, kehilangan fizikal yang begitu tinggi iaitu sebanyak 44.1% dan anggaran kehilangan komersil sebanyak RM11 juta setahun serta pelaksanaan projek NRW secara holistik di mana aspek pengurusan kebocoran semasa tempoh tanggungan


kecacatan tidak dilakukan. Penjelasan lanjut mengenai aspek di atas adalah seperti di perenggan berikut:

6.4.1 Isi Padu Kemasukan Air Ke Dalam Sistem Agihan

Isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan adalah jumlah pengeluaran air berdasarkan meter pengeluaran di loji rawatan air. Semua meter pengeluaran perlu berfungsi dan dibuat verifikasi. Pada umumnya, verifikasi meter pengeluaran dilaksanakan sekali setiap enam bulan hingga satu tahun mengikut panduan manual pembuat/pengilang bagi memastikan ketepatan bacaan isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan.


Hasil lawatan Audit di dua loji rawatan air di daerah Kota Kinabalu, satu di Sandakan dan dua di Tawau yang diselia oleh syarikat konsesi mendapati meter pengeluaran berfungsi dan dibuat verifikasi seperti di **Foto 6.1** dan **Foto 6.2**.

Foto 6.1
Meter Pengeluaran Yang Berfungsi Dan Dibuat Verifikasi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Rawatan Air Moyog, Penampang
Tarikh: 10 September 2009

Foto 6.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Rawatan Air Moyog, Penampang
Tarikh: 10 September 2009

Berdasarkan maklumat daripada JANS setakat Disember 2009 mengenai status meter pengeluaran di 19 daripada 49 buah loji rawatan air di seluruh Negeri Sabah mendapati, tiga daripada 52 buah meter pengeluaran tidak berfungsi iaitu masing-masing satu di loji rawatan air daerah Nabawan, Kudat dan Kota Marudu. Ini menyebabkan isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan dibuat secara anggaran. Empat belas buah lagi meter pengeluaran tidak dibuat verifikasi iaitu masing-masing di Loji Bingkor Keningau (lima buah), Loji Kampung Keningau (tiga buah), Loji Tondulu Tambunan (empat buah) dan Loji Batu 58 Beaufort (dua buah).

Perkara ini berlaku disebabkan JANS kurang memberi penekanan tentang pentingnya meter pengeluaran dibuat verifikasi dan menyediakan jadual perancangan verifikasi berdasarkan panduan manual meter pengeluaran berkenaan. Meter pengeluaran yang tidak dibuat verifikasi dan rosak menyebabkan bacaan isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan tidak tepat dan menjejaskan integriti pengiraan Imbangan Air.

JANS memaklumkan akan memastikan meter pengeluaran dibuat verifikasi berdasarkan panduan manual meter pengeluaran. Selain itu, tindakan untuk penggantian meter pengeluaran yang rosak akan dibuat secara berperingkat bagi mengelakkan gangguan kepada pengguna kerana ia melibatkan pemberhentian operasi loji.

Pada pendapat Audit, 14 buah meter pengeluaran di loji rawatan air JANS yang tidak dibuat verifikasi dan tiga buah lagi di loji daerah Nabawan, Kudat dan Kota Marudu yang tidak berfungsi telah menjejaskan integriti pengiraan imbalan air.

6.4.2 Penggunaan Sah Yang Dibilkan

Nilai penggunaan sah yang dibilkan dalam Imbalan Air diperolehi daripada sistem pengurusan pembilan. Pembilan ke atas penggunaan sah merupakan aktiviti yang menjana hasil kepada JANS. Pembilan melibatkan dua aspek utama iaitu bil dikeluarkan (*bill issued*) dan bil kutipan (*bill collected*). Pengeluaran bil yang teratur membolehkan pemegang akaun menerima bil dan memudahkan mereka membuat pembayaran.

Berdasarkan maklumat daripada JANS, pada tahun 2008 terdapat sejumlah 217,524 akaun pengguna. Imbalan Air tahun 2008 menunjukkan peratus komponen penggunaan sah yang dibilkan hanya 48.3% (145,515,264 m³ setahun) daripada jumlah isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan berjumlah 301,275,511 m³ setahun. Peratusan ini adalah kedua terendah berbanding lima buah negeri yang dijalankan pengauditan seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Peratusan Penggunaan Sah Yang Dibilkan

Bil.	Negeri	Peratus (%) Penggunaan Sah Yang Dibilkan
1.	Pulau Pinang	83.1
2.	Kelantan	51.1
3.	Pahang	49.0
4.	Sabah	48.3
5.	Negeri Sembilan	46.8

Sumber: Operator Bekalan Air Negeri

Berdasarkan Imbalan Air, peratus komponen penggunaan sah yang dibilkan rendah disebabkan peratus kehilangan air yang tinggi. Jumlah bil dikeluarkan dan bil kutipan bagi pengguna domestik dan industri masing-masing untuk tempoh 2006 hingga 2009 seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Peratusan Bilangan Bil Kutipan Di Negeri Sabah

Bil.	Butiran	2006		2007		2008		2009	
		Domestik	Industri	Domestik	Industri	Domestik	Industri	Domestik	Industri
1.	Bilangan akaun	175,065	29,402	180,500	31,148	184,230	33,294	191,495	34,032
2.	Bilangan bil dikeluarkan	845,696	147,981	911,210	165,222	958,319	179,230	965,954	186,564
3.	Bilangan bil kutipan	537,012	89,389	594,773	99,721	613,150	106,823	619,837	113,731
4.	Peratusan bilangan bil kutipan	63	60	65	60	64	60	64	61

Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah

Nota: Bill reading cycle dilaksanakan setiap bulan, dua bulan dan tiga bulan sekali

Berdasarkan **Jadual 6.4**, purata peratusan bilangan bil kutipan daripada bilangan bil dikeluarkan bagi tempoh empat tahun hanya 62%. Perkara ini disebabkan bil yang dikeluarkan tidak kesemuanya dijelaskan oleh pemegang akaun tepat pada masanya dan ini menjejaskan kutipan hasil JANS. Selain itu, bagi jumlah isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan yang tidak dapat dibilkan akibat kehilangan air tentunya merupakan kehilangan hasil kepada JANS.

JANS memaklumkan usaha berterusan yang sedang dilaksanakan melalui projek pengurusan kawalan NRW mampu mengurangkan kadar NRW ke tahap optimum dan seterusnya penggunaan sah yang dibilkan meningkat.

Pada pendapat Audit, penggunaan sah yang dibilkan adalah kurang memuaskan kerana hanya 48.3% daripada jumlah isi padu kemasukan air ke dalam sistem agihan dibilkan manakala selebihnya adalah NRW.

6.4.3 Kehilangan Fizikal

Kehilangan fizikal ialah kehilangan air yang dapat dilihat, boleh dikesan dan juga kehilangan bawah tanah yang tidak dapat dikesan. Ia terbahagi kepada tiga iaitu kebocoran dan pecah pada sesalur (utama, agihan dan retikulasi), kebocoran pada paip perhubungan hingga ke meter pelanggan serta kebocoran dan limpahan tangki simpanan. Berdasarkan Imbangan Air bagi tahun 2008, **peratus kehilangan fizikal adalah tinggi iaitu sebanyak 44.1%**. Pengurusan kawalan kehilangan fizikal yang efisien perlu bagi mengatasi masalah ini dengan tumpuan diberikan kepada empat komponen utama iaitu tindakan pembaikan yang pantas dan berkualiti, pengurusan tekanan air yang baik, pengurusan aset dan jajaran paip serta pengawalan kebocoran.

Pihak Audit menumpukan pemeriksaan kepada aspek tindakan pembaikan yang pantas terhadap aduan paip pecah dan bocor yang diterima oleh JANS. Aduan paip pecah dan bocor oleh pengguna hendaklah diambil tindakan segera bagi mengelakkan kehilangan air semakin bertambah. Berdasarkan piagam pelanggan Bahagian Kebocoran dan Agihan, JANS menyatakan tindakan akan diambil dalam masa 24 jam selepas menerima laporan atau aduan daripada pengguna tertakluk kepada saiz, jenis, keadaan dan kedudukan paip.

Untuk memastikan setiap aduan telah diambil tindakan, buku daftar aduan yang teratur dan kemas kini hendaklah diselenggara. Bagi mendapatkan tempoh pembaikan terhadap aduan paip pecah dan bocor yang diambil oleh JANS, pihak Audit telah membuat semakan terhadap 32 sampel aduan yang direkodkan dalam buku daftar aduan pada setiap tahun untuk tempoh 2007 hingga 2009 bagi daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Semakan Audit mendapati, tempoh pembaikan yang diambil terhadap aduan paip pecah dan bocor adalah seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Tempoh Tindakan Pembaikan Diambil Dari
Tarikh Aduan Berdasarkan Buku Daftar Aduan Paip Pecah Dan Bocor

Bil.	Daerah	Tempoh Tindakan Pembaikan Diambil Dari Tarikh Aduan (Hari)	Bilangan Sampel Aduan Diambil Tindakan			Jumlah Sampel Aduan
			2007	2008	2009	
1.	Kota Kinabalu	1	32	32	31	96
		2 hingga 3	Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes
		4 hingga 6	Tiada kes	Tiada kes	1	1
		Lebih 6	Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes
2.	Sandakan	1	Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes	Tiada kes
		2 hingga 3	3	2	Tiada kes	5
		4 hingga 6	17	7	3	27
		Lebih 6	12	23	29	64
3.	Tawau	1	Tidak direkod	Tidak direkod	Tidak direkod	Tidak direkod
		2 hingga 3	Tidak direkod	Tidak direkod	Tidak direkod	Tidak direkod
		4 hingga 6	Tidak direkod	Tidak direkod	Tidak direkod	Tidak direkod
		Lebih 6	Tidak direkod	Tidak direkod	Tidak direkod	Tidak direkod

Sumber: Buku Daftar Aduan Paip Pecah Dan Bocor Di Peringkat JANS Daerah

Berdasarkan **Jadual 6.5**, didapati JANS Kota Kinabalu mengambil tindakan pembaikan yang cepat terhadap setiap aduan iaitu purata satu hari sahaja. Bagaimanapun, JANS Sandakan mengambil masa yang lama untuk tindakan pembaikan. Daripada 96 sampel aduan yang disemak, sebanyak 67% mengambil tempoh melebihi enam hari, 28% antara empat hingga enam hari dan hanya 5% antara satu hingga tiga hari. JANS Tawau pula tidak merekodkan tarikh tindakan pembaikan diambil. Selain itu, tindakan yang diambil terhadap aduan juga tidak direkod dalam buku daftar aduan yang diselenggara. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan tempoh tindakan pembaikan yang diambil terhadap setiap aduan. Kehilangan air adalah satu kehilangan hasil Kerajaan Negeri dan tindakan mempercepatkan tempoh pembaikan dapat mengelakkan pembaziran.

JANS memaklumkan akan mempertingkatkan lagi kecekapan mengendalikan aduan pengguna termasuk sistem rekod yang kemas kini untuk tindakan diambil terhadap setiap aduan.

Pada pendapat Audit, berdasarkan sampel tempoh pembaikan terhadap aduan paip pecah dan bocor oleh JANS Kota Kinabalu adalah baik, manakala bagi JANS Sandakan adalah kurang memuaskan. Di JANS Tawau pula, buku daftar aduan tidak merekodkan tarikh tindakan diambil terhadap setiap aduan.

6.4.4 Kehilangan Komersil

Kehilangan komersil ialah kehilangan air akibat daripada penggunaan yang tidak dapat direkodkan. Terdapat dua kategori kehilangan komersil iaitu penggunaan tanpa kebenaran dan meter di bawah bacaan atau kesilapan pengendalian data. Berdasarkan Imbangan Air bagi tahun 2008, nilai bagi kehilangan komersil adalah sebanyak 7.6% yang merangkumi penggunaan tanpa kebenaran sebanyak 3.9% dan meter di bawah bacaan sebanyak 3.7%.

a) Penggunaan Tanpa Kebenaran

Mengikut Seksyen 7(1)(a) Enakmen Bekalan Air Sabah 2003, adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri untuk mengurus pengeluaran, pengagihan dan kutipan hasil di Negeri Sabah. Mengikut Seksyen 23(1) pula, setiap pembinaan paip bekalan di mana-mana premis bagi pembekalan air mestilah mendapat persetujuan daripada Pihak Berkuasa Air Negeri. Di samping itu, apa-apa penyambungan paip perkhidmatan ke sesalur utama atau ke paip perkhidmatan lain yang menyalahi undang-undang merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 50. Mengikut Seksyen 31, Pihak Berkuasa Air Negeri boleh memotong bekalan air ke premis yang tidak dibenarkan. Seksyen 48(1) Enakmen yang sama, Pihak Berkuasa Air Negeri boleh mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini tidak melebihi 50% daripada denda maksimum bagi kesalahan yang boleh dihukum.

Semakan Audit terhadap Imbangan Air bagi tahun 2008, mendapati JANS menganggarkan terdapat 26,783 sambungan haram di Negeri Sabah pada tahun 2008. Kegiatan mencuri air juga turut mendapat liputan akhbar seperti di Keratan Akhbar 6.1.

Keratan Akhbar 6.1 Aktiviti Curi Air Di Kawasan Setinggalan (Utusan Malaysia Bertarikh 28 Julai 2009)

Aktiviti curi air jejas bekalan di Tawau

TAWAU 27 Julai – Kegiatan mencuri air secara berleluasa oleh penduduk tempatan dan warga asing di beberapa perkampungan setinggalan di daerah ini merupakan antara faktor yang menyebabkan gangguan bekalan air sering berlaku di sini.

Pembantu Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah, Pang Yuk Ming berkata, lebih mengejutkan, terdapat sebuah perkampungan yang kesemua penduduknya mendapatkan bekalan air paip secara haram.

“Berdasarkan maklumat dari Jabatan Air Tawau, hanya dua premis di kampung berkenaan yang mampu

nyai meter air. Itu pun bukannya rumah tetapi kilang,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Yuk Ming berkata, aktiviti tidak sihat itu perlu dibendung bagi mengelak kerugian besar kepada negeri.

Beliau menambah, jumlah pengeluaran air bersih ketika ini sebenarnya hanya cukup untuk menampung keperluan kira-kira 500,000 rakyat yang menetap di daerah ini.

Bagaimanapun ujamnya, ketika ini penduduk Tawau dianggarkan sudah mencecah hampir satu juta orang termasuk pekerja asing yang mempunyai dokumen, penduduk tidak berstatus,

pendatang haram dan sebagainya.

“Ketika ini kita ada dua loji yang mengeluarkan kira-kira 130 juta liter air sehari. Apabila Loji Air Balung siap akhir bulan depan, sebanyak 10 juta liter air sehari lagi akan dihasilkan. Bagaimanapun, jumlah berkenaan masih belum cukup untuk memenuhi keperluan keseluruhan penduduk Tawau,” katanya.

Yuk Ming berkata, satu lagi faktor yang menjejaskan kualiti pembekalan air di daerah ini adalah kerana sistem pengepaman air sedia ada di Loji Air Utara dan Loji Air Cinta Mata sudah gagal untuk beroperasi sebaik

mungkin.

“Oleh kerana sistem yang sedia ada tidak begitu baik, pam-pam air yang digunakan sering terpaksa dibersihkan dari sisa kotoran terutamanya sewaktu musim tengkujuh dan banjir,” kata beliau.

Kerja-kerja pembersihan pam jejasnya, secara tidak langsung menyebabkan proses pembekalan air terpaksa dihentikan seketika sekali gus menyebabkan berlaku lagi gangguan bekalan air kepada penduduk.

Yuk Ming berkata, pihaknya kini sedang mengkaji beberapa pendekatan yang difikirkan sesuai untuk me-

ngatasi masalah-masalah berkenaan demi kepentingan pengguna.

Antaranya ujar beliau, membina sebuah empangan di Loji Air Gudang Empat dan melakukan kerja-kerja membaiki pulih beberapa kolam air yang kini tidak digunakan bagi menambah jumlah pengeluaran bekalan air bersih.

“Kita akan mencari pendekatan berhubung isu kes curi air di kampung-kampung setinggalan. Pendekatan ini perlu kerana jika dibiarkan, kes curi air akan terus berlaku kerana air merupakan satu kemudahan asas untuk setiap penduduk,” katanya.

Selain itu, mengikut rekod operasi bersepadu dan sambungan haram yang dijalankan oleh JANS bagi tempoh empat tahun kebelakangan ini menunjukkan peningkatan bilangan kes seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Bilangan Kes Sambungan Haram Ditemui Semasa
Operasi Bersepadu Dan Sambungan Haram Bagi Tahun 2006 Hingga 2009

Bil.	Daerah	Tahun	Bilangan Operasi	Bilangan Kes Ditemui		Bilangan Kumpaun Dikeluarkan	Jumlah Kumpaun (RM)
				Domestik	Komersil		
1.	Kota Kinabalu*	2006	14	12	2	Tiada	Tiada
		2007	24	33	2	Tiada	Tiada
		2008	6	46	Tiada kes	Tiada	Tiada
		2009	10	120	Tiada kes	Tiada	Tiada
2.	Sandakan	2006	2	325**	1	18	6,000
		2007	4	470**	2	55	23,900
		2008	2	440**	1	11	2,800
		2009	2	118**	Tiada kes	22	3,950
3.	Tawau	2006	4	Tiada rekod	Tiada rekod	Tiada	Tiada
		2007	4	146	Tiada kes	Tiada	Tiada
		2008	4	97	Tiada kes	Tiada	Tiada
		2009	6	79	Tiada kes	Tiada	Tiada

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Nota: * Pada tahun 2006 dan 2008, JANS Kota Kinabalu ada mengeluarkan kumpaun masing-masing sejumlah RM27,500 dan RM500 tetapi bukan semasa operasi di atas sebaliknya hasil aduan awam dan rondaan rutin.

** Rekod JANS Sandakan bercampur aduk semua jenis operasi dan rondaan rutin.

JANS juga menyertai operasi bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi di kawasan setinggan yang berisiko tinggi terhadap keselamatan anggota penguatkuasa JANS. **Foto 6.3** dan **Foto 6.4** adalah contoh sambungan haram di kawasan setinggan yang ditemui semasa operasi dijalankan.

Foto 6.3
Sambungan Paip Haram Yang
Ditemui Semasa Operasi Bersepadu



Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Lokasi: Kampung Lembaga Padi, Inanam
Tarikh: 17 April 2009


Foto 6.4
Sambungan Paip Haram Yang
Ditemui Semasa Operasi Bersepadu



Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Lokasi: Kampung Lembaga Padi, Inanam
Tarikh: 26 Februari 2009

Foto 6.5 dan **Foto 6.7** menunjukkan sambungan haram di kawasan setinggan yang telah dipotong oleh pihak JANS. Bagaimanapun, lawatan Audit bersama pihak JANS ke lokasi yang sama mendapati ianya telah disambung semula seperti di **Foto 6.6** dan **Foto 6.8**.

Foto 6.5
Sambungan Paip
Haram Yang Telah Dipotong



Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Lokasi: Kampung Lembaga Padi Seberang, Inanam
Tarikh: 19 April 2010

Foto 6.6
Sambungan Paip Haram Yang
Disambung Semula Semasa Lawatan Audit



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Kampung Lembaga Padi Seberang, Inanam
Tarikh: 10 Jun 2010

Foto 6.7
Sambungan Paip
Haram Yang Telah Dipotong



Sumber: Jabatan Air Negeri Sabah
Lokasi: Jalan Sepanggar
Tarikh: 16 April 2010

Foto 6.8
Sambungan Paip Haram Yang
Disambung Semula Semasa Lawatan Audit



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Jalan Sepanggar
Tarikh: 10 Jun 2010

Berdasarkan temu bual dengan pegawai JANS di pejabat JANS Bahagian Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau peningkatan kes penyambungan haram ini kerana wujud kawasan setinggan terutama yang diduduki oleh pendatang asing tanpa izin. Mengikut statistik daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Negeri Sabah bagi tiga daerah yang dilawat untuk empat tahun kebelakangan ini, jumlah koloni setinggan serta penghuninya adalah seperti di **Jadual 6.7**. Manakala antara

kawasan setinggian yang berlakunya aktiviti mencuri air yang tinggi adalah seperti di **Foto 6.10** hingga **Foto 6.12**.

Jadual 6.7
Statistik Kawasan Setinggian

Bil.	Daerah	Tahun	Jumlah Koloni	Bilangan Rumah (Buah)	Bilangan Isi Rumah (Orang)
1.	Kota Kinabalu	2006	TM	5,452	31,941
		2007	TM	3,684	22,938
		2008	25	3,010	18,865
		2009	26	4,276	22,938
2.	Sandakan	2006	TM	5,531	40,887
		2007	TM	5,531	39,183
		2008	29	4,960	34,720
		2009	29	4,843	33,901
3.	Tawau	2006	TM	6,063	37,723
		2007	TM	5,961	37,695
		2008	22	5,139	29,456
		2009	23	4,082	19,345

Sumber: Rekod Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah
TM -Tiada Maklumat

Foto 6.10
Lokasi Kawasan Setinggian Di Kota Kinabalu



Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah
Tarikh: 11 Mei 2009

Foto 6.11
Lokasi Kawasan Setinggan Di Sandakan



Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah
Tarikh: 11 Mei 2009

Foto 6.12
Lokasi Kawasan Setinggan Di Tawau



Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah
Tarikh: 11 Mei 2009

Pegawai JANS di pejabat JANS Bahagian Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau juga memaklumkan, walaupun operasi pemotongan dijalankan, sukar untuk memastikan keberkesannya kerana penduduk berkenaan masih tinggal di kawasan tersebut dan mereka boleh membuat sambungan semula pada bila-bila masa. Begitu juga rumah setinggan berkenaan yang dirobohkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, penghuninya akan berpindah ke tempat lain dan melakukan sambungan haram di tempat baru pula. Selain itu, kompaun tidak dapat dikenakan terhadap pendatang asing tanpa izin tersebut kerana sukar ditentukan tuan rumah setinggan yang sebenar selain tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Bagi mengatasi masalah sambungan haram di kawasan setinggan, Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah (KPI) telah mengemukakan

cadangan membekalkan air ke kawasan tersebut kepada Jemaah Menteri Sabah. Merujuk minit mesyuarat *post cabinet* KPI pada 20 September 2006, Jemaah Menteri Sabah telah bersetuju dengan cadangan tersebut. Bagaimanapun, merujuk minit mesyuarat *post cabinet* KPI pada 8 November 2006, cadangan tersebut ditangguhkan agar tidak bertentangan dengan dasar Kerajaan Persekutuan untuk menghantar balik pendatang asing tanpa izin ke negara asal di samping menangani masalah setinggian di seluruh negara.

Mengikut Seksyen 94 *Water Supply Regulations* 1961, kadar harga air di Negeri Sabah adalah RM0.90 bagi setiap 1,000 liter di semua kawasan kecuali di daerah Kota Belud iaitu RM0.45 dan bagi semua kategori pengguna. Berdasarkan anggaran jumlah 26,783 sambungan haram yang terdapat di seluruh Negeri Sabah dan anggaran penggunaan air oleh pihak JANS bagi seorang sebanyak 250 liter sehari, maka anggaran kehilangan air adalah sebanyak 6.70 juta liter sehari. Jika mengambil kira purata bilangan yang tinggal dalam sesebuah rumah ialah seramai lima orang, maka anggaran kehilangan air adalah lebih tinggi iaitu 33.5 juta liter sehari (33,500 m³ sehari atau 12,227,500 m³ setahun) mengakibatkan kehilangan hasil **berjumlah RM30,150 sehari atau RM11 juta setahun. Berdasarkan pengeluaran air berjumlah 301,275,511 m³ setahun pada tahun 2008, bermakna sejumlah 4.1% air telah hilang daripada sistem agihan. Ini merupakan kehilangan hasil yang besar kepada Kerajaan Negeri.** Kecurian air ini jelas mengurangkan kuantiti air di dalam sistem agihan yang boleh menjejaskan bekalan air kepada penduduk yang benar-benar membayar untuk menggunakan air.

JANS memaklumkan usaha penguatkuasaan terhadap penggunaan air tanpa kebenaran akan diteruskan termasuk kerjasama dengan agensi lain terutama di kawasan setinggian. Selain itu, sistem pemantauan penggunaan air sedang disediakan untuk memantau penggunaan air di kawasan setinggian bagi memastikan penggunaan tanpa kebenaran ini dapat dikawal.

Pada pendapat Audit, peratus penggunaan tanpa kebenaran terutamanya di kawasan setinggian sebanyak 4.1% adalah tidak memuaskan kerana nilainya yang tinggi menyebabkan kehilangan hasil kepada Kerajaan Negeri.

b) Meter Di Bawah Bacaan

Program penggantian meter secara berkala perlu dilakukan bagi mengurangkan bacaan meter tidak tepat atau meter di bawah bacaan (*meter under registration*). Keadaan ini berlaku kerana meter air tersekat, sudah berusia (*ageing*) atau rosak. Kerosakan meter boleh berlaku disebabkan oleh kualiti air, vandalisme dan jangka hayat meter. Jangka hayat sesuatu meter akan mempengaruhi kecekapan dalam merekod bacaan. Berdasarkan temu bual dengan Jurutera di Unit Kawalan Kebocoran dan Agihan, Ibu Pejabat, JANS amalan yang dilakukan ialah memberi keutamaan kepada meter yang berusia lebih dari tujuh tahun untuk diganti.

Semakan Audit di Unit Pembilan, Ibu Pejabat, JANS menunjukkan setakat Disember 2009 terdapat sejumlah 225,527 meter pengguna di seluruh Negeri Sabah. Namun, perancangan khusus untuk melaksanakan kerja penggantian meter yang sudah berusia tidak disediakan. Sebaliknya apa yang menjadi amalan adalah kerja penggantian meter dilakukan secara *ad-hoc*, bergantung kepada stok meter yang perlu digunakan untuk penyambungan baru. Peruntukan yang dimohon dan diluluskan bagi penggantian dan penyambungan meter baru adalah seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Peruntukan Penggantian Dan Sambungan
Meter Baru Bagi Tempoh 2006 Hingga 2009

Tahun	Jumlah Dimohon Dan Dibelanjakan (RM Juta)	Bilangan Meter Dibeli (Buah)
2006	16.00	38,985
2007	15.00	33,052
2008	16.50	24,070
2009	16.50	67,790

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Meter pengguna dikategorikan sebagai status aktif apabila meter sedang digunakan, dan meter yang tidak aktif adalah meter yang tidak digunakan kerana bekalan airnya telah dipotong tetapi akaun masih aktif. Berdasarkan rekod, bilangan meter yang aktif, tidak aktif dan usianya adalah seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9
Status Bilangan Dan Usia Meter

Bil.	Status	Tahun	Jajaran (Tahun)			Bilangan Keseluruhan Meter
			7 Dan Ke Bawah (Bil. Meter)	Lebih 7 Hingga 10 (Bil. Meter)	Lebih 10 (Bil. Meter)	
1.	Aktif	2006	123,748	20,369	3,258	147,375
		2007	138,581	34,191	6,865	179,637
		2008	133,536	46,595	14,110	194,241
		2009	131,159	47,302	21,583	200,044
2.	Tidak Aktif	2006	46,551	36,781	8,705	92,037
		2007	37,848	41,488	16,119	95,455
		2008	29,464	32,697	34,582	96,743
		2009	25,483	27,261	46,685	99,429

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Berdasarkan **Jadual 6.9**, setakat Disember 2009 terdapat sejumlah 68,885 buah meter yang aktif berusia lebih tujuh tahun tetapi masih digunakan. Penggantian meter yang berusia lebih tujuh tahun adalah proses berterusan dan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan peruntukan yang disediakan. Meter di bawah bacaan ini menyebabkan kerugian kepada JANS. Berdasarkan semakan terhadap Laporan Akhir Projek NRW daerah Sandakan Fasa II didapati pihak kontraktor ada menjalankan *serial test* dan *bench test* terhadap sampel 316 buah meter pengguna bagi menentukan meter di bawah bacaan. Hasil keputusan ujian seperti di **Jadual 6.10** menunjukkan meter di bawah bacaan (*under registration*) sebanyak 31.3% bagi meter yang sudah berusia 10 tahun. Ini merupakan satu nilai yang tinggi dan menyebabkan kehilangan hasil yang besar kepada Kerajaan Negeri.

Jadual 6.10
Purata Meter Di Bawah Bacaan Berdasarkan Usia Meter

Usia Meter (Tahun)	Meter Di Bawah Bacaan Dari <i>Serial Test</i> (%)	Meter Di Bawah Bacaan Dari <i>Bench Test</i> (%)	Purata Meter Di Bawah Bacaan (%)
1	3.0	4.5	3.8
2	4.5	5.0	4.8
3	5.0	5.5	5.3
4	7.0	6.0	6.5
5	9.0	7.0	8.0
6	11.5	9.0	10.3
7	14.5	12.5	13.5
8	18.0	17.5	17.8
9	23.0	24.0	23.5
10	30.0	32.5	31.3

Sumber: Laporan Akhir Projek NRW Sandakan Fasa II, Jabatan Air Negeri Sabah

JANS memaklumkan akan memohon peruntukan khusus untuk penggantian meter yang berusia melebihi tujuh tahun.

Pada pendapat Audit, penggantian meter berusia melebihi tujuh tahun pada tahun 2009 adalah tidak memuaskan kerana 34% belum diganti.

6.4.5 Projek NRW Holistik

Prestasi projek dapat dinilai dari segi pencapaian terhadap sasaran ditetapkan. Prestasi fizikal tiga projek NRW yang dipilih sebagai sampel adalah seperti berikut:

a) Projek Pengurangan NRW Kota Kinabalu Fasa I – Kos Projek RM30 Juta

Projek diwujudkan bertujuan untuk mengurangkan kadar kehilangan air di peringkat fizikal dan komersil di dalam sistem agihan air. Komponen utama projek adalah seperti berikut:

- i) ***District Metering Zone (DMZ)*** - Sebanyak 39 buah DMZ telah dibina dan beroperasi sepenuhnya. Lawatan Audit ke 15 buah DMZ mendapati kesemuanya beroperasi dengan baik. **Foto 6.13** dan **Foto 6.14** adalah contoh DMZ yang beroperasi dengan baik semasa lawatan Audit dijalankan.


Foto 6.13

DMZ Yang Beroperasi Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Sub-DMZ Seri Borneo, Taman Iramanis,
Kota Kinabalu
Tarikh: 14 September 2009

Foto 6.14



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Sub-DMZ Seri Borneo, Taman Iramanis,
Kota Kinabalu
Tarikh: 14 September 2009

- ii) **Pressure Reducing Valve (PRV)** - PRV merupakan sejenis peralatan untuk mengawal tekanan air dan berfungsi untuk mengawal tekanan air supaya tidak menyebabkan paip pecah. Lawatan Audit ke enam buah DMZ mendapati PRV berfungsi dengan baik dan dipasang di kawasan yang bertekanan tinggi.
- iii) **Geographic Information System (GIS)** - GIS yang disenggara adalah untuk memudahkan kerja pemetaan dan pengesanan kedudukan saluran paip bagi kerja penyenggaraan. Pemeriksaan Audit mendapati pemindahan data manual ke dalam sistem GIS telah dilaksanakan. Hasil lawatan Audit ke enam buah DMZ mendapati meter pengguna dan DMZ, pili bomba serta kolam simpanan air telah ditandakan di dalam sistem GIS.

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati sasaran kadar NRW yang perlu dicapai tidak dinyatakan. **Merujuk laporan terakhir kemajuan projek, kadar NRW pada awal projek adalah 46.4% telah menurun kepada 32.8% dan menyumbang penjimatan sebanyak 11.67 juta liter sehari.**

JANS memaklumkan akan mengkaji pendekatan pelaksanaan program termasuk menambah baik syarat kontrak.

Pada pendapat Audit, pencapaian Projek Pengurangan NRW Kota Kinabalu Fasa I tidak dapat dinilai kerana tidak ada sasaran ditetapkan di dalam kontrak.

b) Projek Pengurangan NRW Sandakan Fasa II – Kos Projek RM20 Juta

Projek diwujudkan bertujuan untuk mengurangkan kadar kehilangan air di peringkat fizikal dan komersil di dalam sistem agihan air. Komponen utama projek adalah seperti berikut:

- i) **District Metering Zone (DMZ)** - Sebanyak 13 buah DMZ dibina dalam Fasa II menjadikan keseluruhan DMZ berjumlah 69 termasuk yang dibina dalam Fasa I perlu dipantau. Lawatan Audit ke empat buah DMZ mendapati dua buah DMZ telah beroperasi dengan baik manakala dua buah DMZ lagi iaitu di Batu 10 dan Taman Mawar Sandakan tidak beroperasi kerana injap sempadan dan *by pass valve* telah dibuka akibat tekanan air rendah. Ini mengakibatkan aktiviti pengesanan dan kawalan kehilangan air bagi DMZ berkenaan tidak dapat dilaksanakan.
- ii) **Pressure Reducing Valve (PRV)** - Lawatan Audit ke empat buah DMZ mendapati dua buah DMZ mempunyai PRV yang masih berfungsi. Bagaimanapun, PRV di DMZ Batu 10 dan Taman Mawar tidak dapat dimanfaatkan disebabkan tekanan air rendah di kawasan tersebut. **Foto 6.15** dan **Foto 6.16** adalah contoh PRV di DMZ yang tidak berfungsi semasa lawatan Audit dijalankan.


Foto 6.15

PRV Di DMZ Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: DMZ Batu 10, Sandakan
Tarikh: 20 Ogos 2009

Foto 6.16



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: DMZ Batu 10, Sandakan
Tarikh: 20 Ogos 2009

- iii) **Geographic Information System (GIS)** - Pemeriksaan Audit mendapati pemindahan data manual ke dalam sistem GIS telah dilaksanakan. Hasil lawatan Audit ke empat buah DMZ mendapati meter pengguna dan DMZ, pili bomba serta kolam telah ditandakan di dalam sistem GIS.

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati sasaran kadar NRW yang perlu dicapai tidak dinyatakan. Merujuk *Final Report* Projek Pengurangan NRW Sandakan Fasa II, kadar NRW pada akhir projek ialah 41% iaitu menurun sebanyak 3% berbanding 44% pada awal projek. Ini telah menyumbang penjimatan sebanyak 5.6 juta liter sehari.

JANS memaklumkan, pembinaan DMZ dan PRV di awal pelaksanaan projek adalah mengambil kira bekalan air yang akan diterima dari loji rawatan air yang baru di Segaliud, Sandakan. Oleh itu, keadaan DMZ dan PRV yang tidak beroperasi akan beransur-ansur pulih apabila loji rawatan air yang baru di Segaliud beroperasi sepenuhnya secara berperingkat.

Pada pendapat Audit, pencapaian Projek Pengurangan NRW Sandakan Fasa II tidak dapat dinilai kerana tidak ada sasaran ditetapkan di dalam kontrak.

iv) Kenaikan *Base Line* Kadar NRW Fasa II

Program pengurangan NRW secara holistik hanya berkesan jika ianya dipantau dan disenggara secara berterusan termasuk selepas projek siap. Komponen seperti *Geographic Information System (GIS)*, *hydraulic modelling*, *leak detection* dan *pressure management* memerlukan pemantauan berterusan bagi mengelakkan kadar NRW di semua DMZ yang diwujudkan meningkat semula.

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati, wujud jarak masa empat bulan di antara Projek Pengurangan NRW Sandakan Fasa I dan Fasa II. Perbandingan di antara kadar NRW di akhir Fasa I dengan *base line* kadar NRW Fasa II mengikut *Final Report* Projek Pengurangan NRW Sandakan Fasa I dan laporan kemajuan projek Fasa II didapati kadar NRW di 16 daripada 44 DMZ dalam projek Fasa II telah kembali meningkat seperti di **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11
Kenaikan *Base Line* Kadar NRW Fasa II Sandakan

Bil.	Nama DMZ	Kadar NRW Akhir Fasa I (m ³) (a)	Baseline Kadar NRW Fasa II (m ³) (b)	Kenaikan (m ³) (b) - (a)
1.	Taman Sentosa	1,064.20	2,232	1,167.80
2.	Jalan Buli-Buli LCH	167.80	480	312.20
3.	Bandar Kim Fung	131.80	306	174.20
4.	Bandar Rama-Rama	46.10	578	531.90
5.	Taman Melanta	108.70	488	379.30
6.	Taman Rimba	128.90	511	382.10
7.	Jalan Buli-Buli Sim Area	928.60	1,042	113.40
8.	Jalan Buli-Buli Sim Kampung	758.90	759	0.10
9.	Grandview	903.60	1,045	141.40
10.	Sunny Estate	132.80	236	103.20
11.	BDC Medan Usaha	709.70	767	57.30
12.	Bandar Nam Tung	388.30	431	42.70
13.	Kampung Air/Bokara	828.10	1,074	245.90
14.	Karamunting Flats	261.50	355	93.50
15.	Tinusa 2	849.40	1,233	383.60
16.	Batu Putih	489.10	1,216	726.90
Jumlah		7,897.50	12,753	4,855.50

Sumber: *Final Report* Projek Pengurangan NRW Sandakan Fasa I dan *Progress Report* Fasa II

Semasa tempoh *time lapse* empat bulan tersebut tidak ada pihak yang melaksanakan pemantauan dari aspek pengurusan kebocoran terhadap projek Fasa I selepas ianya siap sehingga menyebabkan *base line* NRW bagi Fasa II telah kembali meningkat. Ini disebabkan kontrak tidak menyatakan dengan jelas pihak yang bertanggungjawab untuk melakukan pemantauan terhadap semua aspek pengurusan kebocoran semasa *defect liability period* Fasa I.

Semakan Audit juga mendapati JANS daerah tidak mempunyai unit khas yang bertanggungjawab sepenuh masa memantau pengurusan kawalan NRW. Perbandingan bilangan pegawai JANS terlibat dengan NRW di peringkat daerah berbanding kakitangan kontraktor dengan pelbagai pengkhususan tugas yang mampu memantau pengurusan kawalan NRW sepenuh masa adalah seperti di **Jadual 6.12**.

Jadual 6.12
Perbandingan Bilangan Kakitangan
JANS Dengan Kontraktor Yang Terlibat Dengan Pengurusan NRW Di Peringkat Daerah

Bil.	Bilangan Kakitangan JANS Daerah (Orang)				Bilangan Kakitangan Kontraktor (Orang)			
	Jawatan/ Gred	Kota Kinabalu	Sandakan	Tawau	Nama Jawatan	Kota Kinabalu	Sandakan	Tawau
1.	Jurutera Bahagian	1	1	1	Pengurus Projek	1	1	1
2.	Jurutera (J41)	1	1	1	Jurutera Kawalan NRW	1	1	1
3.	Pembantu Teknik (J29)	-	-	1	Jurutera Pembinaan/ Pembaikan	1	-	1
4.	Juruteknik (J17)	3	-	-	Jurutera Model Hidraulik	-	1	-
5.	Pembantu Tadbir (N17)	-	1	-	Juruteknik Pengesan Kebocoran	6	5	3
6.	Pekerja Rendah Awam (R3)	2	-	1	Juruteknik Pembinaan/ Pembaikan	6	-	2
7.	Pekerja Rendah Awam (R1)	-	1	1	Juruteknik GIS	1	1	1
8.	Tukang (R1)	3	1	-	-	-	-	-
Jumlah		10	5	5	Jumlah	16	9	9

Sumber: Rekod Jabatan Air Negeri Sabah

Berdasarkan **Jadual 6.12**, dapat diperhatikan JANS daerah tidak mempunyai ahli pasukan yang mencukupi untuk mengendalikan projek pengurusan kawalan NRW apabila siap dan diserahkan. Jadual di atas, juga menunjukkan kakitangan yang sama melakukan pelbagai tugas lain di samping memantau pengurusan kawalan NRW di kawasan lain yang tidak diliputi oleh projek tetapi terletak di bawah kawalan JANS daerah berkenaan. Berdasarkan **Jadual 6.11**, jelas menunjukkan tanpa pemantauan berterusan dalam masa empat bulan, kadar NRW telah meningkat dengan mendadak di 16 DMZ yang diwujudkan dan menjejaskan keberkesanan Projek Pengurangan NRW Sandakan Fasa II.

JANS memaklumkan akan mengkaji pendekatan pelaksanaan program termasuk menambah baik syarat kontrak dengan aspek pemantauan berterusan semasa tempoh tanggungan kecacatan bagi projek yang siap agar keberkesanan program dapat dikekalkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kawalan NRW Fasa II kurang memuaskan kerana kadar *base line* NRW di 16 DMZ meningkat pada permulaan Fasa II berbanding di akhir Fasa I disebabkan tidak ada pemantauan terhadap aspek pengurusan kebocoran semasa *defect liability period* Fasa I.

c) Projek Pengurangan NRW Tawau Fasa I – Kos Projek RM20 Juta

Projek diwujudkan bertujuan untuk mengurangkan kadar kehilangan air di peringkat fizikal dan komersil di dalam sistem agihan air. Komponen utama projek adalah seperti berikut:

- i) **District Metering Zone (DMZ)** - Sebanyak 44 buah DMZ telah dibina dan beroperasi sepenuhnya. Lawatan Audit ke dua buah DMZ mendapati telah beroperasi dengan baik. **Foto 6.17** dan **Foto 6.18** adalah contoh DMZ yang beroperasi dengan baik semasa lawatan Audit dijalankan.

Foto 6.17

DMZ Yang Beroperasi Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Taman Bahagia, Tawau
Tarikh: 19 November 2009

Foto 6.18



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Taman Bahagia, Tawau
Tarikh: 19 November 2009

- ii) **Pressure Reducing Valve (PRV)** - Lawatan Audit ke dua buah DMZ mendapati PRV berfungsi dengan baik dan dipasang di kawasan yang bertekanan tinggi.
- iii) **Geographic Information System (GIS)** - Pemeriksaan Audit mendapati pemindahan data manual ke dalam sistem GIS telah dilaksanakan.

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati sasaran kadar NRW yang perlu dicapai tidak dinyatakan. Bagaimanapun, kertas cadangan daripada kontraktor ada menyatakan sasaran penjimatan sehingga 20 juta liter sehari pada akhir projek. Merujuk

kepada laporan kemajuan terakhir pada bulan Jun 2009, kadar NRW pada awal projek sebanyak 72% telah menurun kepada 65% pada akhir projek. Semakan lanjut mendapati penjimatan daripada pengurusan kawalan NRW di DMZ adalah sebanyak 15.9 juta liter sehari dan penjimatan daripada limpahan kolam sebanyak 4.09 juta liter sehari yang dibuat secara anggaran juga dimasukkan sebagai penjimatan untuk menjadikan keseluruhannya berjumlah 19.99 juta liter sehari. Penjimatan tersebut telah mencapai sasaran yang ditetapkan kontraktor.

JANS memaklumkan akan mengkaji pendekatan pelaksanaan program termasuk menambah baik syarat kontrak.

Pada pendapat Audit, pencapaian Projek Pengurangan NRW Tawau Fasa I tidak dapat dinilai kerana tidak ada sasaran ditetapkan di dalam kontrak.

6.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, objektif pengurusan kawalan NRW untuk mengurangkan kadar kehilangan air ke tahap optimum masih belum berjaya sepenuhnya dan perlu dipertingkatkan. Bagi memastikan pengurusan kawalan NRW lebih berkesan untuk jangka panjang adalah disyorkan JANS memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a)** Pengurusan kawalan NRW perlu memberi fokus terhadap komponen utama yang menyumbang kepada NRW iaitu kehilangan fizikal dan komersil serta mensasarkan pencapaian maksimum terhadap pengeluaran bil dan kutipan hasil bil.
- b)** Setiap meter pengeluaran di loji rawatan air perlu dibuat verifikasi dan yang rosak perlu diganti segera.
- c)** Tindakan serius daripada Kerajaan Negeri bagi menangani masalah aktiviti sambungan haram terutamanya di kawasan setinggan.
- d)** Menambah baik syarat kontrak dengan memasukkan klausa sasaran kadar NRW yang perlu dicapai dan pemantauan berterusan termasuk semasa tempoh tanggungan kecacatan bagi projek yang siap.
- e)** JANS perlu mewujudkan pasukan khusus untuk NRW yang kompeten melalui *transfer of knowledge and technology* agar mampu meneruskan pemantauan terhadap projek yang telah siap. Pembinaan infrastruktur seperti DMZ dan PRV di sesuatu kawasan perlu mengambil kira bekalan air mencukupi sebelum infrastruktur tersebut dibina.

7. PROJEK SKIM PEMBENTUNGAN FASA II, TAWAU

7.1 LATAR BELAKANG

7.1.1 Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau adalah merupakan projek lanjutan daripada Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) yang diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) di bawah Program Pembangunan Negeri Sabah. Objektif projek adalah untuk mempertingkatkan sistem pelupusan kumbahan di bandar Tawau terutama di pusat komersil dengan menyiapkan elemen-elemen utama yang dicadangkan dalam Fasa II yang sepatutnya dilaksanakan pada tahun 1995 seperti mana cadangan dalam Pelan Induk Kajian Kebolehlaksanaan Pembentungan Tawau. Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau dibahagikan kepada 2 kontrak iaitu Kontrak 1 dan Kontrak 2. Peruntukan yang diluluskan dalam RMKe-9 bagi Kontrak 1 dan Kontrak 2 masing-masing adalah berjumlah RM55 juta dan RM30 juta. Manakala RMKe-10 pula memperuntukkan sejumlah RM20 juta peruntukan tambahan bagi pelaksanaan Kontrak 2. Kerja-kerja Fasa II merangkumi kawasan yang telah dikenal pasti tidak ada dan tidak lengkap dengan sambungan rangkaian paip pembentungan. Kaedah pelupusan kumbahan terus ke dalam laut dimansuhkan sebaliknya disalurkan ke Loji Rawatan Kumbahan di Jalan Tikau untuk dirawat sebelum dilepaskan ke Sg. Kinabutan Kecil. Selain itu, objektif projek ini adalah untuk mengurangkan pencemaran kumbahan terhadap persekitaran air, meningkatkan kebersihan dan kesihatan awam kawasan bandar dan pinggir bandar. Melalui pelaksanaan projek ini, kelengkapan kemudahan pembentungan di kawasan barat dan utara bandar Tawau dapat disediakan.

7.1.2 Kontraktor telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Sabah secara Lantikan Terus untuk melaksanakan Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau. Kos projek bagi Kontrak 1 dan Kontrak 2 masing-masing berjumlah RM51.74 juta dan RM48.48 juta. Butiran kos projek adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Butiran Kos Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau

Bil.	Butiran Kerja	Kos Projek (RM Juta)	
		Kontrak 1	Kontrak 2
1.	<i>General Items & Preliminaries</i>	5.47	4.61
2.	<i>Main Trunk Sewer</i>	26.13	15.47
3.	<i>Connections From STP</i>	0.39	-
4.	<i>Pump Stations & Sewage Sumps</i>	2.95	3.20
5.	<i>STP Civil Works</i>	1.86	0.33
6.	<i>STP Building Works</i>	1.09	0.57
7.	<i>Treatment Plant Structures</i>	6.64	10.82
8.	<i>M&E Installations</i>	7.21	5.77
9.	<i>Manholes & Sewers Cleaning And Connections Of New Sewer Pipe</i>	-	2.76
10.	<i>Diversion Of Influent Into IDEA-STP Pumping Station</i>	-	4.31
11.	<i>Upgrading To Existing Pump Stations</i>	-	0.64
Jumlah		51.74	48.48

Sumber: Rekod Perunding Pertama

Tempoh pembinaan bagi Kontrak 1 ialah dari 11 Februari 2006 hingga 10 Ogos 2008 (30 bulan). Manakala tempoh pembinaan bagi Kontrak 2 ialah dari 7 September 2009 hingga 6 Mac 2012 (30 bulan).

7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau (Kontrak 1) dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

7.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aktiviti penyediaan infrastruktur bagi Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau (Kontrak 1) bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail yang berkaitan dengan dasar dan perancangan projek, pemilihan kontraktor, dokumen kontrak, pengurusan dan pemantauan projek termasuk kos projek, Buku Harian Tapak, Minit Mesyuarat Tapak, rekod ujian, Arahan Perubahan Kerja dan kelulusan lanjutan masa. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas.

7.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2009 mendapati beberapa kelemahan seperti peruntukan diluluskan melebihi anggaran asal, peningkatan kos bagi Kontrak 1 sejumlah RM5.61 juta, projek lewat disiapkan dan ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak. Penjelasan lanjut berhubung dengan penemuan tersebut adalah seperti di bawah:

7.4.1 Peruntukan Diluluskan Melebihi Anggaran Asal

Di bawah RMKe-9, peruntukan asal yang dianggarkan bagi Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau adalah berjumlah RM55 juta. Bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan telah meningkat kepada RM105 juta. Ini disebabkan kajian kemungkinan yang disediakan pada tahun 2004 tidak mengambil kira anggaran kos sebenar secara menyeluruh. Kesannya, projek telah dipecah kepada 2 kontrak iaitu Kontrak 1 dan Kontrak 2 yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Sabah.

Butiran berkaitan kontrak asal Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau bagi kedua-dua kontrak adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Butiran Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau

Bil.	Perkara	Kontrak 1	Kontrak 2
1.	Nama Projek	Skim Pembentungan Fasa II (Kontrak 1)	Skim Pembentungan Fasa II (Kontrak 2)
2.	Lokasi	Bandar Tawau	Bandar Tawau
3.	Tapak Tanah	2 Rizab Jalan JKR dan 9 Tanah Persendirian	Rizab Jalan JKR dan 3 Tanah Persendirian
4.	Kaedah Perolehan	Lantikan Terus	Lantikan Terus
5.	Tarikh Surat Niat	13.12.2005	17.1.2008
6.	Tarikh Surat Tawaran	11.1.2006	17.8.2009
7.	Tempoh Pembinaan	11.2.2006 – 10.8.2008 (30 Bulan)	07.9.2009 – 6.3.2012 (30 Bulan)
8.	Tempoh Tanggungan Kecacatan	11.8.2008 – 10.8.2010 (24 Bulan)	7.3.2012 – 6.3.2013 (12 Bulan)
9.	Skop Kerja	Pembinaan dan penyiapan paip pembentungan (11km), 1 Sewage Treatment Plant, 5 Pump Station, 4 Sewage Sum, proses rawatan kumbahan serta perkara berkaitan.	Pembinaan dan penyiapan paip pembentungan (7.4km), 1 Sewage Treatment Plant, 3 Pump Station, proses rawatan kumbahan serta perkara berkaitan.
10.	Jumlah Kontrak	RM51.74 juta	RM48.48 juta
11.	Bon Pelaksanaan	Memilih opsyen penolakan 10% daripada jumlah bayaran interim sehingga mencapai 5% daripada jumlah kontrak.	Jaminan Bank berjumlah RM2,424,028 (5% daripada jumlah kontrak) yang sah sehingga 6.3.2014.
12.	Kawasan Terlibat	Jalan Utara, Jalan Salleh, Jalan Belunu, Jalan Kuhara, Jalan Timur, Jalan Tiku	Jalan Air Panas, Jalan Sin Onn, Jalan Damai, Tawau Lama, Taman Tawau, Jalan Tiku, Jalan Stephen Tan, Jalan Cole Adams, Jalan Dunlop

Sumber: Rekod Perunding Pertama

Maklum balas daripada pihak JKR menyatakan bahawa peruntukan asal berjumlah RM55 juta yang diluluskan bagi Skim Pembentungan Fasa II, Tawau adalah berdasarkan anggaran awal kos laporan interim yang dibuat pada tahun 2004 dan tidak dianggarkan secara terperinci. Bagaimanapun, setelah rekaan bagi keseluruhan projek tersebut siap pada tahun 2005, didapati kos sebenar adalah lebih tinggi daripada anggaran tersebut. Oleh yang demikian, tambahan kos sebanyak RM5 juta telah diluluskan bagi Kontrak 1 dan tambahan siling peruntukan sejumlah RM50 juta telah diluluskan bagi Kontrak 2 di mana RM30 juta telah diluluskan dalam RMKe-9 dan baki sebanyak RM20 juta dalam RMKe-10.

Pada pendapat Audit, anggaran kos projek yang dibuat adalah tidak tepat kerana tidak mengambil kira kos secara menyeluruh semasa Kajian Kemungkinan dilaksanakan.

7.4.2 Peningkatan Kos Bagi Kontrak 1

Kos Kontrak 1 pada asalnya adalah berjumlah RM51.74 juta. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2009, kos projek bagi Kontrak 1 ini telah meningkat kepada RM57.35 juta. Ini disebabkan terdapat dua perubahan kerja telah dibuat semasa pelaksanaan projek. Kesannya, peningkatan kos projek berjumlah RM5.61 juta. Butiran peningkatan kos bagi Kontrak 1 adalah seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Butiran Peningkatan Kos Bagi Kontrak 1

Bil.	Butiran Kerja	Kos Asal Projek (RM Juta)	Kos Perubahan Kerja (RM Juta)		Kos Terkini Projek (RM Juta)
			Kerja 1	Kerja 2	
1.	General Items & Preliminaries	5.47	-	(0.02)	5.45
2.	Main Trunk Sewer	26.13	1.57	2.70	30.40
3.	Connections From STP	0.39	-	-	0.39
4.	Pump Stations & Sewage Sumps	2.95	(0.03)	0.55	3.47
5.	STP Civil Works	1.86	-	0.20	2.06
6.	STP Building Works	1.09	-	0.16	1.25
7.	Treatment Plant Structures	6.64	0.30	(0.02)	6.92
8.	M&E Installations	7.21	-	0.20	7.41
Jumlah		51.74	1.84	3.77	57.35

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya, Sabah

Pada pendapat Audit, peningkatan kos bagi Kontrak 1 boleh dielakkan jika anggaran kos projek dibuat dengan tepat bagi mengelakkan sebarang perubahan kerja semasa pelaksanaan projek.

7.4.3 Projek Lewat Disiapkan

Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau (Kontrak 1) sepatutnya disiapkan pada 10 Ogos 2008. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2009 projek ini masih belum siap sepenuhnya. Aspek kelewatan pemilikan tapak tanah, perubahan kerja dan lanjutan masa menyebabkan projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual.

a) Kelewatan Pemilikan Tapak Tanah

Pemilikan tapak tanah adalah perlu dalam pelaksanaan projek agar bebas daripada sebarang bentuk sekatan yang boleh menghalang kelancaran pelaksanaan projek.

Berdasarkan Surat Tawaran (Kerja) dan dokumen kontrak yang ditandatangani, tarikh pemilikan tapak projek adalah pada 11 Februari 2006. Semakan Audit mendapati, sembilan tapak projek berkaitan diperolehi pada 10 Ogos 2006 iaitu lewat enam bulan dari tarikh asal. Kelewatan ini disebabkan urusan pemilikan tapak projek tidak diselesaikan terlebih dahulu. Akibatnya, pelaksanaan projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal.

Senarai pemilikan tapak tanah individu yang telah diwartakan dan tanah Kerajaan yang digunakan bagi tujuan Projek Skim Pembentungan Fasa II, Tawau (Kontrak 1) adalah seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Senarai Tapak Tanah Dalam Skim Pembentungan Fasa II, Tawau (Kontrak 1)

Bil.	Pemilik Individu/ Kerajaan	No. Geran	Lokasi	Tujuan Pemilikan	Pengambilan Keluasan Tanah (Meter Persegi)
1.	JKR	-	Jalan Salleh	PS 1	169
		-	Jalan Air Panas	PS 2	260
2.	Hwa Sen Holdings Bhd.	105392470	Jalan LCN	PS 3	256
3.	Yee Kui Siong dan 5 Peserta	105096277	Jalan Timur	PS 4	332
			Jalan Timur	SS3	76
4.	Pemborong Bumijaya Sdn. Bhd.	105129182	Jalan Timur	PS 5	256
5.	Majlis Perbandaran Tawau	105541651	Jalan Timur	PS 6	256
6.	Soo Chik Yee dan 3 Peserta	105361000	Jalan Datuk Chong Thian Vun	SS1	76
7.	Pang Yun Foon dan 5 Peserta	105310263	Jalan Timur	SS2	76
8.	Pang Nyuk Sang	105147171	Jalan Timur	SS4	76
9.	Liang Kwok Ting dan 1 Peserta	105335331	Jalan Tiku	Sewage Treatment Plant (STP)	25,000

Sumber: Rekod Perunding Pertama

b) Perubahan Kerja

Sebarang perubahan daripada kontrak kerja bermaksud perubahan terhadap perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan akan melibatkan perubahan kos kontrak. Selaras dengan klausa 25 syarat kontrak, pemeriksaan dan penilaian kerja terhadap sebarang perubahan kerja semasa pelaksanaan hendaklah dilakukan oleh Pengarah JKR selaku *Superintending Officer*.

Semakan Audit mendapati dua perubahan kerja telah dibuat terhadap projek ini yang melibatkan kos tambahan berjumlah RM5.61 juta daripada kos asal sejumlah RM55 juta yang telah diluluskan. Tambahan kos ini menyebabkan kos projek meningkat menjadi RM57.35 juta, melebihi peruntukan asal sebanyak RM2.35 juta. Butiran tambahan kos bagi perubahan kerja yang terlibat adalah seperti di **Jadual 7.3**.

c) Perubahan Tapak *Pump Station* 1

Semakan Audit mendapati tapak bagi *Pump Station* 1 telah ditukar ke lokasi baru iaitu di atas tanah sempadan *Reserve* JKR di Jalan Salleh. Pemindahan ke lokasi baru adalah disebabkan oleh bantahan daripada pemilik tanah bagi lokasi asal.

*Pihak JKR memaklumkan akan berusaha dan menangani masalah ini agar tidak berulang pada masa akan datang. Seterusnya, pihak JKR menerangkan bahawa perubahan kerja dan perubahan tapak *Pump Station* 1 yang berlaku tidak dapat dielakkan dan perubahan dibuat berdasarkan keperluan projek.*

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek adalah tidak memuaskan kerana projek tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan kelewatan selama enam bulan untuk pemilikan tapak projek.

7.4.4 Pematuhan Terhadap Syarat Kontrak

Berdasarkan kepada syarat kontrak dan Undang-Undang EIA, kontraktor hendaklah menyediakan papan tanda amaran kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan di kawasan pembinaan. Selain itu, kawasan pembinaan hendaklah dipagar bagi melindungi orang awam daripada sebarang kemalangan semasa kerja pembinaan sedang dijalankan. Buku Harian Tapak hendaklah diselenggara oleh Kontraktor yang dilantik dan Laporan Kemajuan Harian perlu disediakan dan disahkan bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar.

Lawatan Audit ke tapak pembinaan *Pump Station* dan *Sewage Sum* pada 5 Oktober 2009 mendapati, papan tanda amaran di semua sembilan tapak pembinaan tidak disediakan dan pagar di *Pump Station* 1, 2 dan 6 tidak dibina. Semakan Audit juga mendapati Buku Harian Tapak tidak disediakan oleh kontraktor dan Laporan Kemajuan Harian pula disediakan oleh kerani tanpa sebarang pengesahan. Ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak adalah disebabkan pematuhan kepada syarat kontrak tidak dipantau oleh pihak JKR atau wakilnya. Kesannya, kerja penyeliaan sukar dilaksanakan dan meningkatkan risiko kemalangan kepada orang awam.

Selepas teguran Audit, tindakan untuk menyediakan pagar dan papan tanda telah diambil oleh Kontraktor. **Foto 7.1** hingga **Foto 7.6** menunjukkan keadaan sebelum dan selepas pembinaan pagar dan papan tanda bagi *Pump Station* berkaitan.

Foto 7.1
Pump Station 1 Tidak Dilengkapi Pagar Dan Papan Tanda Semasa Lawatan Audit



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Salleh, Tawau
 Tarikh: 5 Oktober 2009

Foto 7.2
Pump Station 1 Telah Dilengkapi Pagar Dan Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Salleh, Tawau
 Tarikh: 27 Januari 2010

Foto 7.3
Pump Station 2 Tidak Dilengkapi Pagar Dan Papan Tanda Semasa Lawatan Audit



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Air Panas, Tawau
 Tarikh: 5 Oktober 2009

Foto 7.4
Pump Station 2 Telah Dilengkapi Pagar Dan Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Air Panas, Tawau
 Tarikh: 27 Januari 2010

Foto 7.5

Pump Station 6 Tidak Dilengkapi Pagar Dan Papan Tanda Semasa Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Timur, Tawau
Tarikh: 5 Oktober 2009

Foto 7.6

Pump Station 6 Telah Dilengkapi Pagar Dan Papan Tanda



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Timur, Tawau
Tarikh: 27 Januari 2010

Pihak JKR menjelaskan bahawa tindakan telah diambil terhadap isu papan tanda amaran dan pagar keselamatan serta penyediaan papan tanda projek yang dibangkitkan.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap syarat kontrak adalah memuaskan. Ini adalah kerana tindakan telah diambil terhadap teguran Audit.

7.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pelaksanaan projek ini adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti peruntukan diluluskan melebihi anggaran asal, peningkatan kos bagi Kontrak 1, projek lewat disiapkan dan ketidakpatuhan terhadap syarat kontrak. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan supaya Jabatan Kerja Raya memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a)** Memastikan anggaran kos dibuat dengan teliti dan menyeluruh bagi mengelakkan sebarang pemecahan kontrak dan tambahan kos berlaku.
- b)** Semua isu berkaitan dengan pemilikan tapak tanah perlu diselesaikan sebelum pelantikan Kontraktor dibuat.
- c)** Memastikan isu-isu keselamatan dan kemudahan di tapak projek disediakan selaras dengan kehendak kontrak.
- d)** Buku Harian Tapak hendaklah diselenggara oleh Kontraktor yang dilantik dan Laporan Kemajuan Harian perlu disahkan bagi memastikan pemantauan telah dilaksanakan seperti yang ditetapkan.

8. PROGRAM PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN KOMPLEKS SUKAN

8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Kementerian Belia Dan Sukan Negeri Sabah (KBS) bertanggungjawab melaksanakan Program Pembinaan Dan Pembangunan Kompleks Sukan di Negeri Sabah. KBS melalui agensinya, Lembaga Sukan Negeri Sabah (LSNS) berperanan secara langsung untuk memastikan pelaksanaan program pembangunan dan menaik taraf kompleks sukan berjalan dengan lancar.

8.1.2 Program Pembinaan Dan Pembangunan Kompleks Sukan dirangka untuk memastikan kemudahan sukan adalah seiring dengan kemajuan serta sejajar dengan keperluan semasa masyarakat. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), KBS telah diperuntukkan sejumlah RM82.27 juta untuk melaksanakan projek pembangunan kompleks sukan dan sejumlah RM68.87 juta untuk membina dan menaik taraf sembilan kompleks sukan. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 sejumlah RM14 juta telah diluluskan dan sejumlah RM13.3 juta daripadanya telah dibelanjakan. Bagi Kompleks Sukan Tawau, perolehan dilakukan secara rundingan terus dan kaedah pembinaan secara reka bina telah dilaksanakan pada tahun 2002 oleh Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia (KBSM) dengan kos pembinaannya berjumlah RM69.99 juta. Projek telah disiapkan pada Disember 2006 dan diserahkan kepada KBS pada Mei 2007. Lokasi kompleks sukan di Negeri Sabah adalah seperti di **Peta 8.1**.

Peta 8.1
Lokasi Kompleks Sukan Di Negeri Sabah



Sumber: Rekod Lembaga Sukan Negeri Sabah

8.1.3 Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, program membina dan menaik taraf meliputi Kompleks Sukan Tawau, Kompleks Sukan Sandakan, Kompleks Sukan Ranau, Kompleks Sukan Keningau dan Kompleks Sukan Kota Belud. Butiran mengenai kontrak pembinaan dan menaik taraf adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Butiran Kontrak Pembinaan Dan Menaik Taraf Kompleks Sukan

Kompleks Sukan	Tajuk Projek	Kaedah Perolehan	Nilai Kontrak (RM Juta)	Tarikh Patut Siap	Tarikh Siap
Tawau	Cadangan Mereka Bentuk, Membina dan Menyiapkan Kompleks Sukan Tawau Sabah Untuk KBS Secara Reka Bina & Rundingan Terus Di Atas Lot CL105830877 & Lot CL105830886.	Rundingan Terus	70.63	15.12.2004	15.12.2006
Sandakan	Cadangan Pembinaan Asrama Kompleks Sukan Sandakan (<i>Design and Build</i>).	Rundingan Terus	6.26	15.4.2007	19.2.2008
Sandakan	Projek Pembaikan dan Naik Taraf Kompleks Sukan Sandakan.	Rundingan Terus	10.10	15.5.2009	30.9.2009
Ranau	Cadangan Pembinaan Kompleks Sukan Ranau (Fasa 1A).	Rundingan Terus	15.36	15.8.2008	1.9.2009
Keningau	Menaik Taraf Asrama Kompleks Sukan dan Pembinaan Gelanggang Futsal.	Rundingan Terus	0.60	15.12.2008	28.2.2009
Keningau	Membaiki Asrama, Lampu-lampu, Parit, Pagar dan 'Bomba Fire Pillar' Kompleks Sukan Keningau.	Rundingan Terus	0.15	30.9.2008	30.9.2008
Kota Belud	Projek Naik Taraf Kompleks Sukan Kota Belud.	Rundingan Terus	4.86	28.2.2009	Belum Siap

Sumber: Rekod Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah

8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembinaan dan pembangunan kompleks sukan di Negeri Sabah telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

8.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan dan pembangunan kompleks sukan di Negeri Sabah. Liputan Audit ialah bagi tahun 2007 hingga 2009. Kaedah pengauditan adalah dengan menjalankan semakan terhadap rekod kewangan, fail dan dokumen projek, laporan berkaitan dengan pembinaan dan pengurusan projek kemudahan sukan, minit mesyuarat dan dokumen lain

yang berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai projek dan pengguna juga dilakukan. Selain itu, untuk tujuan pengesahan, lawatan fizikal projek juga dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan dan pembangunan kompleks sukan di Negeri Sabah telah dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan serta berfungsi secara optimum.

Lawatan Audit bersama pegawai LSNS ke lima buah kompleks sukan iaitu Kompleks Sukan Tawau, Sandakan, Ranau, Kota Belud dan Keningau juga dilakukan.

8.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2009 mendapati Program Pembinaan Dan Pembangunan Kompleks Sukan tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti spesifikasi kerja tidak dipatuhi bernilai RM25,875, tiga item tidak disempurnakan mengikut spesifikasi kontrak bernilai RM9,400, kos perolehan *bed set* tidak munasabah bernilai RM8,000 dan berlaku kerosakan terhadap bangunan dan kemudahan sukan selepas disiapkan. Penjelasan lanjut berhubung dengan penemuan Audit adalah seperti di bawah:

8.4.1 Spesifikasi Kerja Tidak Dipatuhi

Kontraktor hendaklah menyiapkan kerja berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Senarai Kuantiti dokumen kontrak yang dimeterai.

a) Kompleks Sukan Sandakan

Lawatan Audit ke Kompleks Sukan Sandakan mendapati set generator yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi kontrak. Mengikut Arahan Perubahan Kerja No.3 mengenai *Proposed Additional Mechanical & Electrical Works, Standby Generator Set Installation (Canopy Type)*, pembekalan set generator hendaklah mengikut spesifikasi kontrak seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Pembekalan Set Generator Tidak Mengikut Spesifikasi

Bil.	Klausa	Spesifikasi Kontrak	Kuantiti	Harga (RM)	Keadaan Fizikal
1.	2	"Supply and installation of Ni-Cad batteries bank c/w approved type battery charger (Dedicated Type) and all necessary wirings for generator starting system" seperti di Foto 8.1 .	1	16,875	Lead Acid Batteries dibekalkan seperti di Foto 8.2 .
2.	10	"Two (2) year service/maintenance for generator set in accordance to manufacturer recommendation inclusive of all consumable oil, filter, tools and etc."	1	8,000	Penyenggaraan tidak pernah dilakukan.
3.	13	"Allow training of owner's operator/staff for one(1) week."	1	1,000	Tiada latihan diberikan.
Jumlah				25,875	

Sumber: Arahan Perubahan Kerja No.3 Kontrak Cadangan Pembinaan Asrama Kompleks Sukan Sandakan (Design and Build)

Foto 8.1

Ni-Cad Batteries Yang Sepatutnya Dibekalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Tarikh: 20 Februari 2010

Foto 8.2

Lead Acid Batteries Yang Dibekalkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kompleks Sukan Sandakan
Tarikh: 22 Oktober 2009

Arahan Perubahan Kerja No.3 ini mengandungi pembekalan dan pemasangan set generator dan *Ni-Cad Batteries*. Pemeriksaan fizikal mendapati set generator yang dibekalkan ialah jenis *Diesel Standby Generator Set* berjenama *John Deere* 145kVA dan *Lead Acid Batteries* dengan kos masing-masing berjumlah RM200,250 dan RM16,875. Berdasarkan kajian pasaran yang dilakukan oleh pihak Audit, harga *Ni-Cad Batteries* adalah sekitar RM8,300 seunit. Ini menyebabkan perbezaan harga sebanyak RM8,575 bagi seunit *Ni-Cad Batteries*.

Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati pegawai yang bertanggungjawab menyenggara set generator tidak diberikan latihan manakala penyenggaraan untuk tempoh dua tahun seperti dalam kontrak tidak pernah dilakukan, masing-masing bernilai RM1,000 dan RM8,000.

KBS memaklumkan bahawa pembekalan dan pemasangan Ni-Cad Batteries berjumlah RM16,875 telah diganti dengan pembinaan struktur rumah set generator yang tidak termasuk dalam kontrak pembinaan Asrama Kompleks Sukan Sandakan. Pihak konsultan berpendapat, penggunaan Lead Acid Batteries adalah memadai serta kos pembelian Ni-Cad Batteries dapat dijimatkan dengan menggunakan peruntukan tersebut untuk pembinaan struktur rumah set generator.

b) Kompleks Sukan Keningau

Pemeriksaan Audit mendapati kerja yang dilakukan di Kompleks Sukan Keningau tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan di dalam Senarai Kuantiti. Lawatan Audit bersama pegawai Bahagian Kejuruteraan LSNS mendapati pembinaan tidak mengikut spesifikasi kontrak seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak

Bil.	Spesifikasi Kontrak	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)	Keadaan Fizikal
1.	BILL NO.3 – WATER TREATMENT Item 3.1 Pump House: "i. Valve Meter - Remove and replace with new similar pressure valve meter from 0 – 100kg/cm2."	1	500	500	Valve meter tidak dipasang. (Foto 8.3)
2.	BQ NO. 2.2 - COUNTER COMPLEX "i. Remove and cart away from fixed glasswindow w/c hw timber frame and replace with 6mm thk anodized aluminum glass frame window."	70	50	3,500	Ketebalan cermin kaunter yang dibekalkan adalah 2mm. (Foto 8.4)
3.	BQ NO. 5 – OTHERS Item 5.1.1: "Supply and fixed wash basin size: 395 x 382 x 172mm w/c self-closing pillar tap with push button, bright chrome plated including construct a concrete washing deck (rate to include plumbing works, new glazed tiles to top deck and walls)."	12	450	5,400	Wash Basin Tidak Dipasang, Concrete Washing Deck Tidak Dibina Dan Kepala Paip Tidak Diganti (Foto 8.5)


Sumber: Senarai Kuantiti Kontrak Bagi Kontrak Projek Membaiki Lampu-Lampu, Parit, Pagar dan Bomba Fire Pillar Kompleks Sukan Keningau

Foto 8.3
Injap Meter Lama Tidak Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Keningau
Tarikh: 27 Oktober 2009

Foto 8.4
Ketebalan Cermin Kaunter 6mm Dikurangkan Kepada 2mm



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Keningau
Tarikh: 28 Julai 2009

Foto 8.5
**Wash Basin Tidak Dipasang, Concrete
Washing Deck Tidak Dibina Dan Kepala Paip Tidak Diganti**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Keningau
Tarikh: 28 Julai 2009

Semakan Audit selanjutnya mendapati pembayaran telah dibuat walaupun kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi kontrak.

Perkara ini berlaku disebabkan pihak KBS atau LSNS sebagai wakil Pegawai Penguasa tidak membuat pemantauan dengan teliti mengakibatkan kualiti pembinaan rendah dan membazirkan wang Kerajaan.

Pihak KBS menjelaskan bahawa injap meter yang tidak dibekalkan mengikut spesifikasi dan pertukaran dilakukan kerana bekalan seperti ditetapkan tidak dapat dibekalkan, manakala bagi kerja yang tidak dilaksanakan, KBS telah mengarahkan kontraktor yang bertanggungjawab menyiapkan kerja tersebut.

Pada pendapat Audit, pengesahan terhadap kerja yang telah dilaksanakan tidak memuaskan. Pengesahan terhadap kerja disiapkan mengikut spesifikasi tidak dilakukan dengan teliti menyebabkan pembayaran dibuat terhadap kerja yang tidak disiapkan sepenuhnya.

8.4.2 Kos Perolehan Yang Tidak Munasabah Kompleks Sukan Keningau

Perolehan hendaklah dilakukan dengan cara yang paling sesuai dan menguntungkan Kerajaan. Mengikut surat kelulusan perolehan secara rundingan terus Kementerian Kewangan Negeri Sabah, kos perolehan yang munasabah hendaklah diperolehi sebelum perolehan dilaksanakan.

Semakan Audit terhadap Senarai Kuantiti bagi bekalan kelengkapan asrama Kompleks Sukan Keningau mendapati, perolehan bekalan dibuat pada harga yang tidak munasabah dan senarai kuantiti tidak spesifik seperti item 3.13 di **Keratan Senarai Kuantiti 8.1**.

Keratan Senarai Kuantiti 8.1

ITEM	Description of Work	Unit	Qty	Rate	Amount (RM)
3.12	Furniture a). Supply and fixed the following furnitures <u>Wooden Double Decker Red</u> I. Model WDD-6 (Solid Rubber Wood) Size: L 1995 x W965 x H1805mm Colour: Dirty Oak	No.	38	500	19,000
	<u>Single Mattress</u> Full Latex Single Mattress (c/w 10 years warranty) - Coco dream Model : X34 (72" x W36" x 6" Thk) (Half fibre matt)	No.	30	310	9,300
3.13	Bed Set <u>PILLOW</u> — High quality foam pillow Model : Coocure Foam <u>PILLOW CASE WHITE</u> — Model: White Cotton <u>SINGLE BEDSHEET WHITE (72" x 100")</u> — Model: White cotton	LS			8,000

Sumber: Rekod Kementerian Belia Dan Sukan Sabah

Semakan Audit mendapati kuantiti bagi perolehan item 3.13 iaitu *bed set (pillow, pillow case white dan single bed sheet white)* bernilai RM8,000 dinyatakan secara *lump sum (LS)* di dalam Senarai Kuantiti. Berdasarkan 38 katil bertingkat (*wooden double decker red*) seperti item 3.12 di Senarai Kuantiti yang sama, analisis harga mendapati purata harga bagi 38 *bed set* berkaitan adalah RM70 setiap satu seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4
Analisis (Audit) Harga Bagi Bed Set

Item	Huraian Kerja	Unit	Amaun (RM)	Kuantiti
3.13	Bed Set: i) <i>PILLOW</i> <i>High quality foam pillow</i> <i>Model: Coocure Foam</i>	LS*	8,000	38
	ii) <i>PILLOW CASE WHITE</i> <i>Model: White Cotton</i>			38
	iii) <i>SINGLE BEDSHEET WHITE (72"X100")</i> <i>Model: White Cotton</i>			38

Sumber: Rekod Kementerian Belia Dan Sukan Sabah

Nota: Harga pasaran bagi bantal, sarung bantal dan cadar adalah tidak bersamaan antara satu sama lain.

*LS- Lump Sum

Bagaimanapun, berdasarkan kajian pasaran oleh pihak Audit, harga sebiji bantal, sehelai sarung bantal dan sehelai cadar dengan kualiti yang sama atau lebih baik adalah antara RM10 sehingga RM20 seunit seperti di **Jadual 8.5**. Oleh yang demikian, perbezaan harga antara harga kontrak bagi *bed set* berbanding kajian harga pasaran Audit ialah RM5,988 (RM8,000 – RM2,052).

Jadual 8.5
Kajian Harga Pasaran

Bil.	Item	Harga Seunit (RM)	Kuantiti (Unit)	Amaun (RM)
1.	Bantal	10 hingga 20	38	760
2.	Sarung Bantal	18	38	532
3.	Cadar	17 hingga 20	38	760
Jumlah				2,052

Sumber: Jabatan Audit Negara

Perkara ini berlaku disebabkan kajian pasaran tidak dilakukan dan KBS tidak menyemak kadar harga bantal, sarung bantal dan cadar yang ditawarkan sebelum memuktamadkan rundingan terus. Ini mengakibatkan barangan yang dibekalkan tidak setimpal dengan nilai perolehan dan menjejaskan imej Kerajaan.

KBS bersetuju dengan penemuan Audit dan mengambil perhatian agar perkara ini tidak berulang di masa akan datang.

Pada pendapat Audit, perolehan bekalan oleh pihak KBS adalah tidak memuaskan. Bekalan diperolehi pada harga yang tinggi dan tidak munasabah kerana kajian pasaran tidak dilakukan. Tindakan hendaklah diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat dalam perolehan ini.

8.4.3 Kerosakan Bangunan Dan Kemudahan Sukan

Bangunan dan kemudahan sukan hendaklah dibina dan disiapkan dengan sempurna serta bebas daripada kerosakan. Lawatan Audit mendapati beberapa reka bentuk pembinaan tidak sesuai dan boleh menjejaskan keselesaan pengguna seperti di **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6
Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai

Bil.	Tempat	Keadaan Fizikal
1.	Stadium Hoki Kompleks Sukan Tawau	Stadium hoki ini hanya digunakan pada waktu siang kerana tidak dilengkapi lampu limpah. Kedudukan tempat duduk penonton yang menghadap matahari pada waktu petang menjejaskan keselesaan kerana matahari memancar terus kepada penonton seperti di Foto 8.6 .
2.	Dewan Tertutup Kompleks Sukan Tawau	Tangga tidak dibina di bilik tangki air sejuk bagi kerja-kerja penyelenggaraan seperti di Foto 8.7 dan Foto 8.8 .
3.	Bangunan Asrama Kompleks Sukan Tawau	Reka bentuk dewan makan terletak di bahagian tengah asrama seperti di Foto 8.9 , menjejaskan keselesaan dan keselamatan penghuni asrama.
8.	Bangunan Asrama Kompleks Sukan Tawau	Corong asap dari dapur asrama melalui bahagian luar bilik penghuni mengeluarkan bunyi bising dan mengganggu ketenteraman penghuni asrama seperti di Foto 8.10 .
5.	Asrama Kompleks Sukan Sandakan	Set generator dengan kos RM200,250 tidak boleh dimasukkan ke dalam bilik yang disediakan kerana saiz bilik kecil. Bilik tersebut digunakan sebagai bilik penyimpanan barang. Set generator diletakkan di luar bangunan dan dinding tidak dibina untuk melindungi set generator daripada tempas hujan dan bagi keselamatan pengguna seperti di Foto 8.11 dan Foto 8.12 .

Foto 8.6
Stadium Hoki Kompleks Sukan Tawau



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 1 September 2009

Foto 8.7
Tangga Untuk Ke Bilik
Tangki Air Sejuk Tidak Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.8
Tangga Sementara Yang
Digunakan Untuk Ke Bilik Tangki Air Sejuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.9
Dewan Makan Terletak
Di Bahagian Tengah Bangunan Asrama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.10
Corong Asap Dari Dapur Asrama
Melalui Bahagian Luar Bilik Penghuni



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.11
Bilik Generator
Digunakan Sebagai Bilik Penyimpanan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Sandakan
Tarikh: 21 Oktober 2009

Foto 8.12
Set Generator
Diletakkan Di Luar Bangunan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Sandakan
Tarikh: 21 Oktober 2009

Lawatan Audit juga mendapati kerosakan dan kecacatan pada pembinaan dan kelengkapan seperti di **Jadual 8.7**.

Jadual 8.7
Kerja Pembinaan Tidak Sempurna/Tidak Berkualiti

Bil.	Tempat	Keadaan Fizikal
1.	Stadium Hoki Kompleks Sukan Tawau	Tiang konkrit tidak sama rata dengan dinding seperti di Foto 8.13 .
2.	Laluan Ke Stadium Hoki Kompleks Sukan Tawau	Kerja pembinaan tidak sempurna. Terdapat paku terpacak di sepanjang laluan pejalan kaki ke arah stadium hoki. Paku ini tertinggal selepas <i>framework</i> ditanggalkan seperti di Foto 8.14 .
3.	Tempat Letak Kereta Stadium Hoki Kompleks Sukan Tawau	Permukaan turapan di kawasan tempat letak kereta stadium hoki kasar dan batu-batu telah tertanggal kerana bahan turapan/kerja penurapan yang tidak berkualiti seperti di Foto 8.15 . Kerja kemas permukaan konkrit di hadapan stadium juga tidak berkualiti seperti di Foto 8.16 .
4.	Gelanggang Skuasy Kompleks Sukan Tawau	Pintu kaca Dewan serbaguna pecah akibat digunakan sebagai gelanggang futsal ditutup dengan plastik seperti di Foto 8.17 . Jenis cat yang digunakan di dinding gelanggang skuasy tidak bersesuaian dan tertanggal akibat pantulan bola seperti di Foto 8.18 dan Foto 8.19 . Jenis cat tidak sepatutnya <i>epoxy</i> .
5.	Stadium Utama Kompleks Sukan Tawau	Trek balapan masih basah akibat hujan pada malam hari seperti Foto 8.20 . Trek balapan sepatutnya kering dalam masa 20 hingga 30 minit selepas hujan.
6.	Padang Bola Sepak Kompleks Sukan Tawau	Rumput kemuncup yang tidak sepatutnya tumbuh seperti di Foto 8.21 , tanah hitam tidak digunakan untuk pembinaan padang bola seperti di Foto 8.22 , rumput tumbuh tidak rata seperti di Foto 8.23 dan air bertakung di padang seperti di Foto 8.24 .
7.	Stadium Utama Kompleks Sukan Tawau	Tempat duduk penonton dan dinding astaka retak seperti di Foto 8.25 dan Foto 8.26 . Resapan air di beberapa bahagian tempat duduk penonton dan permukaan tempat duduk dibina alur untuk mengalirkan air yang bertakung di permukaannya seperti di Foto 8.27 dan Foto 8.28 . Corong laluan air dibina di bawah tempat duduk penonton seperti di Foto 8.29 .
8.	Dewan Tertutup Kompleks Sukan Tawau	Air melimpah disebabkan pengepam air automatik berfungsi secara manual seperti di Foto 8.30 . Siling rosak berpunca daripada resapan air yang melimpah dari tangki air di tingkat atas seperti di Foto 8.31 . Lantai reput dan rosak akibat resapan air dari tandas di sebelahnya seperti di Foto 8.32 .
9.	Rumah Pam Asrama Kompleks Sukan Sandakan	Getah injap pam air di rumah pam tidak berfungsi dengan baik dan air melimpah keluar apabila digunakan seperti di Foto 8.33 .
10.	Hadapan Stadium Hoki Kompleks Sukan Sandakan	Penanaman rumput di bahagian hadapan stadium hoki tidak dibuat dengan sempurna. Rumput ditanam di permukaan yang berbatu dan banyak yang telah mati seperti di Foto 8.34 .
11.	Rumah Pam Stadium Hoki Kompleks Sukan Sandakan	Longkang perimeter di rumah pam sedang dibina selepas projek disahkan siap seperti di Foto 8.35 . Sepatutnya dibina semasa pembinaan <i>apron</i> .
12.	Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Kota Belud	Besi tetulang yang dipasang bagi pembinaan tempat duduk penonton tidak mengikut spesifikasi. Besi tetulang jenis <i>mild steel</i> yang mempunyai gred dan kekuatan lebih rendah telah dipasang menggantikan besi tetulang jenis <i>high tensile steel</i> seperti di Foto 8.36 . Kerja yang telah siap didapati berongga dan tidak sempurna seperti di Foto 8.37 . <i>Stiffener</i> atau tiang tidak dibina di tengah-tengah dinding batu-bata seperti di Foto 8.38 . Tetulang <i>exmet</i> tidak dipasang di setiap lapisan keempat batu-bata bagi menguatkan dinding Foto 8.39 .

Sumber: Jabatan Audit Negara

Foto 8.13
Binaan Tiang Konkrit
Tidak Sama Rata Dengan Dinding



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
 Tarikh: 30 Oktober 2009

Foto 8.14
Paku Yang Masih Terpacak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
 Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.15
Permukaan Turapan
Kasar Dan Batu-Batu Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
 Tarikh: 30 Oktober 2009

Foto 8.16
Kerja Kemasan
Permukaan Konkrit Tidak Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
 Tarikh: 30 Oktober 2009

Foto 8.17
Pintu Kaca Pecah Akibat Pantulan Bola




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 2 September 2009

Foto 8.18
Lapisan Cat Di Dinding
Gelanggang Skuasy Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 2 September 2009

Foto 8.19
Lapisan Cat Di Dinding
Gelanggang Skuasy Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 2 September 2009

Foto 8.20
Trek Balapan Masih Basah Walaupun
Selepas 30 Minit Dibasahi Air Hujan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.21
Rumput Kemuncup Yang Tidak
Sepatutnya Tumbuh Di Padang Bola Sepak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.22
Tanah Hitam Tidak
Digunakan Untuk Padang Bola



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.23
Rumput Di Padang
Bola Sepak Tumbuh Tidak Sama Rata



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.24
Air Bertakung Di Padang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.25
Keretakan Di Tempat Duduk Penonton



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.26
Keretakan Di Dinding Astaka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.27
Resapan Air
Di Bahagian Bawah Tempat Duduk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.28
Permukaan Tempat Duduk
Dibina Alur Untuk Pengaliran Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
 Tarikh: 30 Oktober 2009

Foto 8.29
Corong Laluan Air Dibina
Di Bawah Tempat Duduk Penonton



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
 Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.30
Air Melimpah Disebabkan Pengepam
Air Automatik Berfungsi Secara Manual



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
 Tarikh: 3 September 2009

Foto 8.31
Siling Rosak Berpunca Daripada Resapan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
 Tarikh: 30 Oktober 2009

Foto 8.32
Lantai Bilik Mesyuarat Di Dewan
Tertutup Yang Telah Reput Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Tawau
 Tarikh: 30 Oktober 2009

Foto 8.33
Air Melimpah Keluar
Kerana Getah Injap Pam Air Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Sandakan
 Tarikh: 21 Oktober 2009

Foto 8.34
Rumput Tidak Ditanam Rapat



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Sandakan
 Tarikh: 28 Oktober 2009

Foto 8.35
Longkang Perimeter Dibina
Selepas Projek Disahkan Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Sandakan
 Tarikh: 28 Oktober 2009

Foto 8.36
Mild Steel Yang Dipasang
Sebagai Besi Tetulang Menggantikan
Jenis High Tensile Steel



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Kota Belud
 Tarikh: 26 Oktober 2009

Foto 8.37
Kerja Konkrit
Tidak Sempurna Dan Berongga



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Kota Belud
 Tarikh: 26 Oktober 2009

Foto 8.38
Stiffener Antara Tiang Tidak Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Kota Belud
 Tarikh: 26 Oktober 2009

Foto 8.39
Tetulang Exmet Tidak Dipasang
Pada Dinding Yang Sedang Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Kompleks Sukan Kota Belud
 Tarikh: 26 Oktober 2009

Kerosakan bangunan dan kemudahan sukan yang baru siap dibina antara lain disebabkan oleh kualiti bahan yang digunakan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan, kerja pembinaan kurang teliti dan tindakan mengenal pasti kecacatan terhadap bangunan dan kemudahan sukan semasa tempoh tanggungan kecacatan tidak dilaksanakan. Akibatnya, kemudahan yang disediakan tidak berkualiti dan menjejaskan imej Kerajaan.

KBS dalam maklum balasnya menyatakan bahawa Kompleks Sukan Tawau yang pembinaannya dilaksanakan oleh KBSM, pihak KBS hanya dijemput hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal setelah pembinaan kompleks hampir mencapai 50% siap. KBS telah memanggil mesyuarat bagi membaiki kerosakan, namun pihak KBSM dan kontraktor utama

tidak hadir setiap kali mesyuarat diadakan. Selain itu, laporan kerosakan juga telah dipanjangkan kepada pihak KBSM dan kontraktor yang terlibat untuk tindakan pembaikan, namun tiada tindakan diambil untuk membaiki kerosakan tersebut. Dalam tempoh tanggungan kecacatan yang bermula Disember 2006 dan berakhir Disember 2008, pihak KBS juga tidak dapat mengambil tindakan membaiki kerosakan kerana masih dalam tanggungjawab kontraktor dan Wang Jaminan Pelaksanaan Projek dipegang oleh pihak KBSM. *Bagi kompleks sukan di bawah tanggungjawabnya, tindakan untuk membaiki kerosakan telah diambil, manakala kerja pembinaan yang kurang teliti, KBS telah mengarahkan kontraktor untuk melaksanakan kerja berdasarkan spesifikasi yang sepatutnya.*

KBSM pula dalam maklum balasnya menyatakan bahawa Perunding Pengurusan Projek atau 'Project Management Consultant (PMC)' yang dilantik mewakili KBSM adalah bertanggungjawab mengurus projek sehingga selesai termasuk urusan reka bentuk projek mengikut kehendak dan keperluan pelanggan. Selain itu, kontraktor reka dan bina melalui perakuan PMC telah memperakukan projek adalah mematuhi spesifikasi dan kualiti pembinaan. Sehubungan itu, KBSM telah mengeluarkan Surat Perakuan Siap Kerja selain Sijil Menduduki Bangunan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Tawau pada September 2007. Lanjutan daripada penemuan Audit, KBSM gagal mendapat maklum balas PMC.

Pada pendapat Audit, pemeriksaan menyeluruh terhadap kerja pembinaan bangunan dan kemudahan sukan yang baru disiapkan sebelum diterima oleh pihak KBS tidak memuaskan. Kegagalan kerja penyeliaan untuk mengenal pasti kecacatan projek menyebabkan pembaikan terpaksa dilakukan.

8.5 RUMUSAN DAN SYOR

Pada keseluruhannya, pelaksanaan Program Pembinaan Dan Pembangunan Kompleks Sukan tidak memuaskan kerana pelaksanaannya tidak dipantau dengan baik menyebabkan kelemahan seperti spesifikasi kerja tidak dipatuhi bernilai RM 25,875, tiga item tidak disempurnakan mengikut spesifikasi kontrak bernilai RM9,400, kos perolehan *bed set* tidak munasabah bernilai RM8,000, kerosakan terhadap bangunan dan kemudahan sukan selepas disiapkan, reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai dan kerja pembinaan tidak sempurna/tidak berkualiti. Justeru itu, pencapaian objektif pelaksanaan pembangunan dan menaik taraf kompleks sukan telah tidak berjalan dengan lancar. Bagaimanapun, beberapa kelemahan perlu diberikan perhatian oleh KBS bagi menjamin kemudahan sukan yang disediakan berkualiti. Oleh itu, KBS perlu mengambil tindakan terhadap perkara-perkara seperti berikut:

- a)** Surcaj dikenakan terhadap pegawai yang bertanggungjawab dan kontraktor yang tidak melaksanakan kerja mengikut spesifikasi pembekalan *Ni-Cad batteries*, penyenggaraan dan latihan pengendalian set generator disenarai hitamkan.

- b)** Surcaj dikenakan terhadap pegawai yang membuat perolehan tidak munasabah dan memperakui kerja yang tidak disiapkan sepenuhnya serta menyenarai hitamkan kontraktor.
- c)** Ganti rugi berdasarkan klausa kontrak dikenakan terhadap konsultan bagi kerja pembinaan yang tidak disiapkan dengan sempurna.
- d)** Arahan Perubahan Kerja tidak dikeluarkan bagi kerja yang tidak merubah skop asal sebaliknya mempelawa sebut harga atau tender.

KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH (KO-NELAYAN)

9. PROGRAM PINJAMAN INDUSTRI KECIL PERIKANAN

9.1 LATAR BELAKANG

9.1.1 KO-NELAYAN telah ditubuhkan pada 20 April 1981 melalui Enakmen No. 4 Tahun 1981 dan merupakan sebuah agensi sosio-ekonomi Kerajaan Negeri Sabah. KO-NELAYAN diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Pemakanan bagi memainkan peranan penting memajukan masyarakat nelayan.

9.1.2 Program Pinjaman Industri Kecil Perikanan (PIKP) merupakan salah satu program yang dijalankan oleh KO-NELAYAN bagi membantu para nelayan dan pengusaha makanan berasaskan hasil-hasil laut yang menghadapi masalah kewangan semasa melaksanakan program dan mempertingkatkan tahap produktiviti mereka. Program PIKP disasarkan kepada golongan nelayan yang dikategorikan sebagai nelayan perseorangan, berkumpulan, Persatuan atau Ahli Persatuan Nelayan yang didaftarkan di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971 dan institusi yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang Malaysia atau yang berdaftar dengan mana-mana agensi yang mengusahakan salah satu objektifnya untuk memajukan Industri Perikanan. Objektif program ini bertujuan untuk membantu para nelayan dengan menyediakan pinjaman dengan kadar kos perkhidmatan yang rendah iaitu 3% setahun dalam bentuk modal pusingan (tunai) dan pembelian peralatan atau pembinaan tempat memproses. Jenis dan kadar pinjaman yang diberikan kepada nelayan melalui program PIKP adalah seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1
Jenis Dan Had Pinjaman PIKP

Bil.	Kategori Nelayan	Jenis Dan Had Pinjaman	
		Pusingan Modal (RM)	Peralatan/Pembinaan Tempat Memproses (RM)
1.	Perseorangan/Berkumpulan	1,000 hingga 10,000	20,000
2.	Persatuan/Institusi	10,000	100,000

Sumber: Rekod KO-NELAYAN

9.1.3 Dalam Rancangan Malaysia KeSembilan (RMKe-9), Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan peruntukan berjumlah RM7.50 juta di bawah program ini. Setakat bulan Disember 2009, sejumlah RM4.66 juta telah dibelanjakan melibatkan RM4.20 juta bagi pengeluaran pinjaman kepada seramai 834 orang peserta dan RM0.46 juta untuk kos pengurusan.

9.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada program PIKP yang dijalankan telah diurus secara ekonomi, cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

9.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan terhadap program PIKP adalah bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat KO-NELAYAN, Kota Kinabalu (Pejabat Wilayah Pantai Barat) dan Empat Pejabat Wilayah KO-NELAYAN (Kudat, Tawau, Sandakan dan Pedalaman). Semakan Audit dijalankan terhadap dokumen seperti senarai peminjam, perjanjian pinjaman, garis panduan program dan dokumen berkaitan dengan program PIKP. Selain itu, sebanyak 92 daripada 834 atau 11% peserta program PIKP di daerah Papar, Kota Belud, Tawau, Kudat, Sandakan dan Beaufort dipilih secara rambang untuk lawatan fizikal Audit. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai serta pihak yang terlibat dengan program PIKP juga dijalankan untuk mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan program.

9.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai 2009 hingga Oktober 2009 mendapati pada umumnya, program PIKP ini tidak mencapai matlamatnya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah standard saiz perusahaan tidak ditetapkan untuk pinjaman PIKP, 13 peminjam dengan jumlah pinjaman RM74,089 gagal meneruskan perusahaan, 82 peminjam gagal memasarkan produk secara komersil dan pengendalian perusahaan pengeringan kurang teratur. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan berikut:

9.4.1 Prestasi Pelaksanaan Program PIKP

Bagi tempoh RMKe-9, KO-NELAYAN telah mendapat peruntukan pembangunan berjumlah RM7.50 juta untuk disalurkan kepada nelayan yang menyertai program PIKP. Setakat bulan Disember 2009, KO-NELAYAN telah membelanjakan sejumlah RM4.66 juta untuk program PIKP iaitu 84.7% daripada RM5.50 juta peruntukan yang telah diluluskan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Selain itu, KO-NELAYAN juga telah mensasarkan seramai 534 orang peminjam bagi pinjaman modal dan 18 orang untuk pinjaman pembelian peralatan pemprosesan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, KO-NELAYAN telah mengeluarkan pinjaman kepada 834 peserta iaitu 282 peserta lebih daripada sasaran. Butiran sasaran, peruntukan dan prestasi perbelanjaan program PIKP bagi tempoh 2006 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 9.2** dan **Jadual 9.3**.

Jadual 9.1
Golongan Sasaran Berbanding Sebenar Program PIKP
Bagi Tempoh Tahun 2006 Hingga 2009

Tahun	Sasaran			Sebenar		
	Nelayan Perseorangan		Nelayan Berkumpulan/ Persatuan	Perseorangan		Nelayan Berkumpulan/ Persatuan
	Modal Pusingan (Orang)	Peralatan (Orang)	Modal Pusingan (Orang)	Modal Pusingan (Orang)	Peralatan (Orang)	Modal Pusingan (Orang)
2006	54	18	4	104	3	-
2007	160	-	-	109	12	-
2008	160	-	-	309	43	-
2009	160	-	-	240	14	-
Jumlah	534	18	4	762	72	0

Sumber: Rekod KO-NELAYAN

Jadual 9.2
Peruntukan Dan Prestasi Perbelanjaan Bagi Tempoh Tahun 2006 Hingga 2009

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar				Peratus Perbelanjaan (%)
		Modal Pusingan (RM Juta)	Peralatan (RM Juta)	Kos Pengurusan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	
2006	1.00	0.19	0.02	0.10	0.31	31.0
2007	1.50	0.79	0.04	0.14	0.97	64.7
2008	1.50	1.36	0.04	0.15	1.55	103.3
2009	1.50	1.64	0.12	0.07	1.83	122.0
Jumlah	5.50	3.98	0.22	0.46	4.66	84.7

Sumber: Rekod KO-NELAYAN

Semakan Audit terhadap rekod pinjaman dan lawatan fizikal Audit terhadap pelaksanaan program PIKP mendapati perkara berikut:

a) Standard Saiz Perusahaan Untuk Pinjaman PIKP Tidak Ditetapkan

Pinjaman yang diberikan kepada golongan sasaran iaitu para nelayan dalam bentuk modal pusingan dan pembelian peralatan atau pembinaan tempat pemprosesan terhadap perusahaan yang telah dijalankan adalah untuk membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Nelayan perlu memanfaatkan sepenuhnya pinjaman yang dibuat untuk memastikan perusahaan dapat meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan mereka. Lawatan fizikal Audit ke tapak projek mendapati saiz perusahaan adalah berbeza walaupun jumlah pinjaman yang diperolehi adalah sama. Perbezaan saiz perusahaan ini adalah disebabkan oleh tiada peraturan atau garis panduan yang perlu dipatuhi lebih-lebih lagi pihak KO-NELAYAN tidak membuat pemantauan lokasi untuk memantau aktiviti perusahaan terutamanya perusahaan bersaiz kecil. Ketidakteraturan saiz perusahaan menyebabkan matlamat KO-NELAYAN memberi pinjaman tidak tercapai terutamanya dari segi kuantiti dan kualiti produk. Kesannya wujud jurang perbezaan taraf hidup pengusaha. Perbandingan saiz perusahaan dengan jumlah pinjaman yang sama adalah seperti di **Foto 9.1** hingga **Foto 9.4**.

Foto 9.1
Perbandingan Saiz Perusahaan Ikan Masin
Jumlah Pinjaman RM5,000



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Menengah Weston, Beaufort
 Tarikh: 13 Julai 2009

Foto 9.2
Perbandingan Saiz Perusahaan Ikan Masin
Jumlah Pinjaman RM5,000



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Tg. Kapur Kudat
 Tarikh: 11 Ogos 2009

Foto 9.3
Perbandingan Saiz Perusahaan Ikan Masin
Jumlah Pinjaman RM5,000



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Kemansian Kuala Penyu
 Tarikh: 8 Julai 2009

Foto 9.4
Perbandingan Saiz Perusahaan Ikan Masin
Jumlah Pinjaman RM5,000



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Tg. Kapur Kudat
 Tarikh: 11 Ogos 2009

KO-NELAYAN memaklumkan jumlah pinjaman adalah berdasarkan jumlah dimohon oleh peserta. Perbezaan saiz perusahaan adalah bergantung pada kesungguhan dan sikap peminjam. Aktiviti juga bergantung pada bekalan ikan semasa. Kajian impak untuk mengkaji keberkesanan pemberian pinjaman yang dijalankan mulai November 2009 mendapati pendapatan peminjam tahun 2006 hingga 2008 meningkat sebanyak 38%.

Pada pendapat Audit, pencapaian perusahaan tidak dapat diukur kerana tiada garis panduan dan peraturan bagi standard dan sasaran yang jelas mengenainya.

b) Perusahaan Tidak Diteruskan

Matlamat utama PIKP dilaksanakan adalah untuk membantu para peminjam yang menghadapi masalah modal untuk membesarkan perusahaan masing-masing. Adalah diharapkan dengan adanya pinjaman yang diberikan sebagai suntikan modal, peminjam boleh meneruskan perusahaan yang sedia ada dengan lebih maju dan berdaya saing serta dapat meningkatkan taraf hidup. Semasa lawatan Audit di daerah terpilih, pihak Audit mendapati seramai 13 peminjam dengan jumlah pinjaman RM74,089 tidak lagi meneruskan perusahaan masing-masing sejak 2007 disebabkan sumber terhad, bertukar pekerjaan atau berpindah. Perusahaan yang tidak diteruskan oleh peminjam mengakibatkan matlamat mempertingkatkan produktiviti dan seterusnya pendapatan peminjam terlibat tidak tercapai dan bayaran balik pinjaman tertangguh. Contoh perusahaan yang terbiar dan tidak diteruskan adalah seperti di **Foto 9.5** dan **Foto 9.6**.

Foto 9.5
Tempat Perusahaan
Penjemuran Ikan Masin Terbiar
Sejak April 2009



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Kg. Tambun Laut Kota Marudu
Tarikh: 11 Ogos 2009

Foto 9.6
Tempat Perusahaan
Penjemuran Ikan Masin Terbiar
Sejak April 2007



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Kg. Mempakul Menumbuk Kuala Penyu
Tarikh: 8 Julai 2009

KO-NELAYAN memaklumkan bahawa memang terdapat peminjam telah menghentikan perusahaan kerana masalah sikap dan kesihatan peminjam serta bekalan ikan yang tidak menentu. Bagaimanapun, KO-NELAYAN akan membuat pemantauan dan lawatan tapak dengan lebih kerap untuk memberi nasihat dan bimbingan bagi memastikan peminjam meneruskan perusahaan masing-masing. Pada Mei 2009, KO-NELAYAN telah meluluskan cadangan hapuskira terhadap tunggakan peminjam yang perusahaannya tidak dapat diteruskan disebabkan bencana alam dan menghadapi masalah kesihatan yang kronik.

Pada pendapat Audit, perusahaan tidak dapat meningkatkan taraf hidup peminjam kerana pinjaman yang diperoleh tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

c) Produk Tidak Dikomersilkan

PIKP adalah program yang diilhamkan oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk memperbaiki sosio ekonomi masyarakat nelayan dengan mengenal pasti penghasilan produk-produk Perusahaan Hiliran Perikanan yang boleh dibangunkan dengan mempertingkatkan saiz dan kualiti produk masing-masing serta boleh dipasarkan secara komersil. Semakan Audit terhadap 92 perusahaan yang dijalankan mendapati hanya 10 peminjam dapat menghasilkan produk secara komersil. Manakala 82 peminjam menghadapi masalah memasarkan produk secara komersil kerana kurang bimbingan dan pengetahuan serta pendedahan mengenai tatacara pembungkusan yang mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985. Kesukaran produk untuk dipasarkan secara komersil menyebabkan matlamat dasar KO-NELAYAN melalui pemberian pinjaman ini untuk meningkatkan taraf perusahaan peminjam tidak tercapai. Akibatnya produk hanya dipasarkan di Pasar Tani, Pasar Minggu dan jualan secara borong kepada peraih berbanding dengan produk yang boleh dikomersilkan di pasaran yang lebih luas. Produk yang telah dikomersilkan hendaklah mematuhi syarat asas pelabelan dan pembungkusan seperti di **Foto 9.7** hingga **Foto 9.10**.

Foto 9.7
Keropok Ikan Yang Siap
Untuk Dipasarkan Mengikut Syarat
Asas Pembungkusan Dan Pelabelan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Kg. Cenderawasih Kunak
Tarikh: 2 Ogos 2009

Foto 9.8
Keropok Udang Yang Siap Untuk
Dipasarkan Tidak Mematuhi Syarat
Asas Pembungkusan Dan Pelabelan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Lokasi: Kg. Menengah Weston Beaufort
Tarikh: 7 Julai 2009

Foto 9.9
Ikan Masin Yang Siap Untuk
Dipasarkan Mengikut Syarat
Asas Pembungkusan Dan Pelabelan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: KO-NELAYAN, Kota Kinabalu
 Tarikh: 3 November 2009

Foto 9.10
Ikan Masin Yang Siap Untuk
Dipasarkan Tidak Mematuhi Syarat
Asas Pembungkusan Dan Pelabelan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Pantai Bahagia Kudat
 Tarikh: 10 Ogos 2009

KO-NELAYAN memaklumkan, fungsi agensi adalah hanya membantu dari segi modal. Masalah pasaran dan pembungkusan adalah tanggungjawab peminjam sendiri. KO-NELAYAN bersetuju bahawa selain daripada kemudahan pinjaman, peminjam sepatutnya dibantu dari segi hal-hal pemasaran, pembungkusan dan latihan. Bermula tahun 2009, KO-NELAYAN telah mula membimbing peminjam dengan mengadakan latihan/kursus yang khusus serta aktiviti promosi produk nelayan. KO-NELAYAN juga telah mewujudkan Unit Pemasaran untuk membantu memasarkan produk pengusaha selain menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak swasta. Selain itu, memasukkan komponen pembungkusan dan pelabelan dalam permohonan peruntukan program sambungan PIKP dalam RMKe-10.

Pada pendapat Audit, matlamat KO-NELAYAN untuk memasarkan produk secara komersil adalah kurang memuaskan kerana peminjam tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985. Namun usaha KO-NELAYAN memohon peruntukan bagi pembungkusan dan pelabelan adalah baik.

d) Pengendalian Perusahaan Pengeringan Tidak Teratur Dan Bersih

Kualiti produk yang dihasilkan dalam perusahaan pemprosesan makanan daripada hasil laut terutamanya perusahaan pengeringan adalah bergantung kepada penyediaan tempat penjemuran. Lawatan fizikal Audit ke tempat perusahaan pengeringan mendapati penyediaan tempat penjemuran tidak seragam seperti di **Foto 9.11** hingga **Foto 9.14**.

Foto 9.11
Tempat Penjemuran Keropok Kering
Di Lantai Ruang Tamu Rumah Peminjam



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Taman Wawasan, Tawau
 Tarikh: 5 Ogos 2009

Foto 9.12
Tempat Penjemuran Ikan Masin
Di Lantai Hadapan Rumah Peminjam



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Kolapis, Beluran
 Tarikh: 18 Ogos 2009

Foto 9.13
Tempat Penjemuran
Udang Kering Di Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Tg. Aru, Sandakan
 Tarikh: 18 Ogos 2009

Foto 9.14
Tempat Penjemuran
Ikan Masin Di Kawasan Lapang



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
 Lokasi: Kg. Landung Ayang, Kudat
 Tarikh: 10 Ogos 2009

Semakan Audit mendapati KO-NELAYAN tidak menyediakan satu garis panduan yang khusus sebagai tatacara dan panduan kepada peminjam untuk penyediaan tempat penjemuran yang betul dan seragam supaya kualiti produk yang dihasilkan boleh dipasarkan secara komersil dan perusahaan yang diusahakan berkembang maju.

KO-NELAYAN mengakui kelemahan ini dan telah menjadikannya sebagai syarat wajib yang mesti dipatuhi oleh peminjam bermula pada tahun 2010. Jawatankuasa Pemantauan Projek-projek Pembangunan KO-NELAYAN telah mengarahkan tindakan segera diambil untuk menyediakan reka bentuk tempat penjemuran yang sesuai serta dilengkapi 'netting' sebagai peralatan wajib.

Pada pendapat Audit, kualiti pengendalian perusahaan pengeringan kurang memuaskan kerana tidak teratur dan terdedah kepada kekotoran.

9.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Objektif KO-NELAYAN melaksanakan Program PIKP untuk membantu golongan nelayan adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan program ini terutamanya berhubung dengan aktiviti perusahaan dan pemasaran produk yang perlu dibuat penambahbaikan dengan segera. Sehubungan ini, bagi tujuan penambahbaikan adalah disyorkan supaya KO-NELAYAN memberi pertimbangan terhadap perkara-perkara berikut:

- a)** Mengkaji semula had pinjaman yang diberi kepada peminjam agar bersesuaian dengan saiz perusahaan.
- b)** Kajian Impak dibuat selepas setahun pinjaman dikeluarkan.
- c)** Memberi latihan industri dan bimbingan yang khusus berkaitan dengan pemasaran, teknologi pembungkusan dan pelabelan sesuai dengan kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985.
- d)** Menyediakan garisan panduan untuk menerangkan tatacara dan reka bentuk yang standard tempat penjemuran/pengeringan yang meliputi aspek kebersihan dan penyimpanan.
- e)** Memohon peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk membantu peminjam dari segi kewangan dan bantuan kemudahan perusahaan seperti tempat pemprosesan dan peralatan agar produk boleh dikembangkan dan dikomersilkan.
- f)** Memohon khidmat nasihat daripada pihak Jabatan Kesihatan berhubung dengan kualiti dan mutu produk yang dihasilkan.

10. PENGURUSAN TANAH WAKAF

10.1 LATAR BELAKANG

10.1.1 Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan, perkara yang berkaitan dengan Agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ketua Agama Islam di Negeri Sabah ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana kuasa tersebut diberi kuasa kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Pengurusan dan pentadbiran Agama Islam dilaksanakan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) melalui Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah Tahun 2004. **Ini selaras dengan peranan MUIS sebagai Badan Berkanun Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, mengurus dan menjamin harta wakaf dibangunkan secara teratur dan sistematik mengikut Undang-undang Hukum Syarak.**

10.1.2 Pengurusan tanah wakaf di MUIS dilaksanakan oleh Unit Wakaf/Bahagian Aset Hartanah dan Wakaf, manakala di peringkat daerah dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). MUIS mempunyai sebanyak 1,966 bidang tanah yang terdiri daripada 239 bidang tanah perkuburan, 702 buah masjid, 836 buah surau, 185 buah Sekolah Ugama Islam Sabah (SUIS) dan empat bidang tapak tanah.

10.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada harta wakaf diurus dengan cekap serta dibangunkan berlandaskan hukum syarak dan tujuan wakafnya.

10.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 merangkumi pengauditan di Ibu Pejabat MUIS Kota Kinabalu dan cawangan JHEAINS. Lokasi lawatan yang dipilih adalah daerah Tawau, Semporna, Sandakan, Beluran, Kinabatangan dan Kota Belud. Kaedah pengauditan adalah dengan membuat semakan terhadap rekod, fail dan dokumen tanah wakaf di Ibu Pejabat MUIS dan JHEAINS daerah Tawau, Semporna, Sandakan, Beluran, Kinabatangan dan Kota Belud. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan harta wakaf serta pegawai MUIS dan JHEAINS juga dilakukan.

10.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 mendapati, pada keseluruhannya pengurusan tanah wakaf adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah hanya empat daripada 94 fail tanah wakaf atau 4.25% yang disemak telah selesai pewakafannya dan geran tanah telah diletak hak milik MUIS; MUIS tidak menyediakan Daftar Tanah Wakaf. Tanah Wakaf MUIS berdasarkan kepada Senarai Masjid, Surau, Sekolah Ugama, Tanah Perkuburan dan Tapak Tanah yang disediakan sebagai Daftar Tanah Wakaf berjumlah 1,966; Perletakan hak wakaf dan Pewartaan Tanah Wakaf tidak dilaksanakan; Pembangunan Tanah Wakaf dengan aktiviti tanpa kebenaran; Penyelenggaraan dan Pemantauan tidak dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan-kelemahan ketara yang diperhatikan seperti di perenggan berikut:

10.4.1 Permohonan Mewakaf Harta

MUIS menerima permohonan wakaf daripada individu atau pemilik yang sah untuk mewakafkan harta sama ada untuk wakaf am atau wakaf khas. Harta tersebut terdiri daripada harta tak alih seperti tanah, bangunan dan harta lain yang dibenarkan oleh MUIS. Mengikut Bab E Prosedur Wakaf - Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Majlis Agama Islam, pemohon hendaklah mengisi borang permohonan wakaf. Permohonan ini akan diproses dan diluluskan oleh MUIS setelah semua syarat yang ditetapkan dipenuhi dan syarat wakaf dipersetujui oleh kedua belah pihak. Seterusnya harta tersebut akan didaftarkan atas nama MUIS dan ditandakan jenis wakafnya, direkod pada daftar wakaf dan satu senarai harta akan disediakan serta disahkan oleh MUIS pada 31 Disember setiap tahun.

Semakan Audit mendapati proses permohonan pewakafan belum selesai sepenuhnya walaupun pewakaf telah lama mewakafkan tanah berkaitan iaitu sebelum tahun 1990 hingga 2009. Maklumat pewakafan belum selesai mengikut jenis pewakafan dan tahun adalah seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Pewakafan Yang Belum Selesai

Bil.	Jenis Tanah Wakaf	Ada Nama MUIS	Wakaf Belum Selesai				
			Tahun				
			Sebelum 1990	1991 Hingga 1999	2000 Hingga 2006	2007 Hingga 2008	2009
1.	Tanah Perkuburan Warta/Wakaf	-	-	3	2	2	-
2.	Masjid	2	32	4	3	5	1
3.	Surau	2	5	13	6	1	-
4.	Sekolah Ugama Islam Sabah	-	2	7	3	1	
Jumlah		4	39	27	14	9	1

Sumber: Majlis Ugama Islam Sabah

Pemeriksaan Audit mendapati hanya empat daripada 94 fail tanah wakaf atau 4.25% yang disemak telah selesai pewakafannya dan geran tanah telah diletak hak milik MUIS. Tindakan tidak melaksanakan peletakan hak wakaf akan menyebabkan kehilangan hak milik MUIS ke atas tanah wakaf.

Pada pendapat Audit, permohonan mewakaf tanah wakaf di MUIS adalah tidak memuaskan kerana proses mewakafkan tanah tidak dibuat dengan cekap.

10.4.2 Pendaftaran Tanah Wakaf

MUIS bertanggungjawab untuk mendaftarkan semua harta yang diwakafkan untuk diletakkan hak atas nama MUIS. Ini adalah selaras dengan peranan MUIS sebagai badan yang mentadbir, mengurus dan menjamin harta wakaf dibangunkan mengikut Undang-undang Hukum Syarak. Daftar Tanah Wakaf perlu disediakan untuk tujuan merekodkan semua tanah wakaf di seluruh Negeri Sabah yang merupakan rekod inventori Tanah Wakaf MUIS.

Setakat tahun 2009, semakan Audit mendapati bilangan sebenar tanah diwakafkan kepada MUIS tidak dapat dikenal pasti kerana MUIS tidak menyediakan Daftar Tanah Wakaf. MUIS bergantung sepenuhnya kepada Senarai Masjid, Surau, Sekolah Ugama, Tanah Perkuburan dan Tapak Tanah yang disediakan sebagai Daftar Tanah Wakaf. Bilangan tanah wakaf berdasarkan Senarai Masjid, Surau, Sekolah Ugama, Tanah Perkuburan dan Bidang Tapak Tanah yang di kemukakan oleh pihak MUIS adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Bilangan Dan Jenis Tanah
Di Bawah Pentadbiran MUIS Sehingga Tahun 2009

Bil.	Jenis Tanah Wakaf	Bilangan Mengikut Senarai MUIS
1.	Tanah Perkuburan Warta/Wakaf	239
2.	Masjid	702
3.	Surau	836
4.	Sekolah Ugama Islam Sabah	185
5.	Tapak Tanah	4
Jumlah		1,966

Sumber: Rekod Majlis Ugama Islam Sabah

Pada pendapat Audit, pendaftaran tanah wakaf tidak memuaskan kerana Daftar Tanah Wakaf tidak disediakan.

10.4.3 Penyelenggaraan Rekod Dan Fail Tanah Wakaf Tidak Lengkap

Bagi mendaftarkan tanah wakaf, dokumen seperti salinan Kad Pengenalan, Surat Niat mewakafkan tanah, salinan geran dan lokasi/tempat hendaklah dikemukakan semasa membuat permohonan mewakafkan tanah.

Semakan Audit terhadap 94 fail tanah wakaf yang dipilih mendapati rekod tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Ini adalah kerana borang untuk niat mewakafkan tanah, salinan Kad Pengenalan, salinan geran tanah sipemilik dengan menandakan lokasi yang hendak diwakafkan, surat wasiat daripada pewakaf dan resit pembayaran cukai tanah yang terkini tidak ada di dalam fail.

Rekod dan maklumat tanah tidak disimpan dengan lengkap kerana kekurangan kakitangan yang berkemahiran dalam bidang hartanah. MUIS hanya mempunyai dua kakitangan/pegawai yang menguruskan semua tanah wakaf di Negeri Sabah termasuk di peringkat daerah yang dipertanggungjawabkan kepada pegawai JHEAINS.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod dan data tanah wakaf adalah tidak memuaskan kerana maklumat untuk mengenal pasti tanah wakaf sebelum tahun 2009 tidak lengkap, tidak tepat dan tidak kemas kini.

10.4.4 Peletakan Hak Wakaf Tidak Dilaksanakan

Mengikut Perkara 319 Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Majlis Agama Islam, setiap permohonan wakaf hanya akan diluluskan oleh Timbalan Yang Di-Pertua/Pengerusi/Setiausaha setelah semua syarat yang ditetapkan oleh MUIS dipenuhi dan syarat wakaf dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Di samping itu, Seksyen 52(2), Enakmen MUIS tahun 2004 berkaitan peletakan harta wakaf, nazr' dan amanah kepada MUIS menyatakan, "*MUIS hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk meletak hak padanya bagi maksud-maksud yang bersamaan mana-mana harta sedemikian yang terletak di tempat di luar Negeri Sabah*".

Semakan Audit mendapati, setakat tahun 2009 sebanyak 25 bangunan/tanah wakaf belum diletak hak wakaf kepada MUIS. Kegagalan MUIS memproses permohonan wakaf telah menyebabkan peletakan hak ke atas tanah berkaitan tidak dapat dilaksanakan mengikut syarat yang ditetapkan dan merugikan masyarakat Islam kerana tidak dapat dimanfaatkan untuk kebajikan. Di samping itu, pemegang amanah wakaf telah gagal menunaikan hasrat pewakaf, iaitu menggunakan manfaat atau hasil harta wakaf mengikut niat pewakaf. Tanah wakaf yang belum diletak hak adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3
Tanah Belum Diletak Hak Wakaf Setakat Tahun 2009

Bil.	Jenis	Daerah	Tahun Serah
1.	Masjid Muanad 2	Beluran	1993
2.	Masjid Miftahul Jannah, Kg Kolapis Darat	Beluran	2009
3.	Masjid Pelantong	Beluran	Tidak Diketahui
4.	Masjid Kampung Membalua	Tawau	Tidak Diketahui
5.	Masjid Jamek Kampung Runggu	Tawau	1998
6.	Masjid Sirathal Mustaqim Tanjung Batu Laut	Tawau	1981
7.	Masjid Kg. Membalu	Tawau	Tidak diketahui
8.	Tapak Tanah Kampung Membalu	Tawau	2004
9.	Masjid Nurul Iman, Kampung Juragan	Tawau	Tidak diketahui
10.	Masjid Nurul Huda, Tanah Merah	Tawau	2004
11.	Masjid Bantayan	Semporna	1996
12.	Masjid Kg. Sowang Bubul	Semporna	2007
13.	Perkuburan Kampung Labuan Senang	Semporna	Tidak Diketahui
14.	Masjid Al-Umar, Kampung Sg. Gajah Darat	Semporna	2007
15.	Masjid Ar Nur Kampung Sungai Buaya	Semporna	2007
16.	Surau Kampung Seguntor	Sandakan	Tidak Diketahui
17.	Masjid Al-Rasul, Kampung Jawa 2	Sandakan	2005
18.	Masjid Kampung Banting Rancangan Sungai Manila	Sandakan	2007
19.	Surau Peringkat 2, Sungai Manila	Sandakan	1997
20.	Masjid Al-Kuddus, Peringkat 3, Sungai Manila	Sandakan	2008
21.	Masjid An Nur Mustaqim Kampung Paris 2	Kinabatangan	1996
22.	Madrasah Kampung Muhibbah Hujung Bukit Garam	Kinabatangan	1997
23.	Madrasah Kampung Usaha Jaya	Kinabatangan	2003
24.	Madrasah At-Tarbiyah, Kampung Berjaya	Kinabatangan	1999
25.	Masjid Kampung Kaseh Sayang	Kinabatangan	2005

Sumber: Majlis Ugama Islam Sabah

Lawatan Audit ke Sandakan, Beluran dan Tawau bagi memeriksa tanah wakaf yang belum diletak hak tetapi telah dibangunkan mengikut tujuan wakaf adalah seperti di **Foto 10.1** hingga **Foto 10.4**.

Foto 10.1
Bangunan Masjid Di Atas
Tanah Wakaf Yang Belum Diletak Hak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Masjid Ar-Rasul, Kg. Jawa 2 Sandakan
 Tarikh: 20 Ogos 2009

Foto 10.2
Bangunan Masjid Di Atas
Tanah Wakaf Yang Belum Diletak Hak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Masjid Muanad 2, Beluran
 Tarikh: 17 Ogos 2009

Foto 10.3
Bangunan Masjid Di Atas
Tanah Wakaf Yang Belum Diletak Hak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Masjid Sirathal Mustaqim Tanjung Batu Laut, Tawau
 Tarikh: 11 Ogos 2009

Foto 10.4
Bangunan Masjid Di Atas
Tanah Wakaf Yang Belum Diletak Hak



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Masjid Kg. Membalua, Tawau
 Tarikh: 11 Ogos 2009

Pada pendapat Audit, usaha peletakan hak wakaf tidak memuaskan kerana tidak dibuat dengan segera dan merugikan masyarakat Islam.

10.4.5 Pewartaan Tanah Wakaf

Mengikut Seksyen 57 Enakmen MUIS Tahun 2004 dan Perkara 321 dan Perkara 322 Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Agama Islam, MUIS hendaklah merekodkan semua tanah wakaf ke dalam Daftar Tanah Wakaf dan satu senarai harta berakhir pada 31 Disember setiap tahun hendaklah disediakan dan disahkan. Senarai yang diaudit hendaklah disiarkan dalam warta dan menjadi sebahagian daripada Penyata Kewangan MUIS. Bagaimanapun, MUIS gagal mematuhi perkara ini. Semakan Audit terhadap 94 fail tanah

wakaf yang dikemukakan mendapati, senarai harta wakaf tidak dikemukakan untuk diaudit dan seterusnya diwartakan. Bilangan tanah wakaf yang belum diwartakan adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4
Tanah Wakaf Belum Diwarta Sehingga Tahun 2009

Bil.	Jenis Tanah	Bilangan Tanah Wakaf
1.	Tanah Perkuburan Warta/Wakaf	239
2.	Masjid	702
3.	Surau	836
4.	Sekolah Ugama Islam Sabah	185
5.	Tapak tanah	4
Jumlah		1,966

Sumber: Majlis Ugama Islam Sabah

Pada pendapat Audit, pewartaan tanah wakaf tidak memuaskan kerana tanah wakaf tidak diwarta dan proses pewartaan tidak diuruskan dengan cekap oleh pihak MUIS.

10.4.6 Pembangunan Tanah Wakaf

Tanah wakaf yang diserahkan kepada MUIS adalah Tanah Wakaf Khas iaitu tanah wakaf yang telah ditentukan tujuan pewakafannya oleh pewakaf sama ada untuk pembinaan masjid, surau atau tempat pengajian agama. Oleh itu, tanah wakaf ini tidak boleh digunakan bagi tujuan lain selain daripada yang diniatkan.

Lawatan Audit ke tapak baru Masjid Kampung Kinabutan Besar, Tawau bagi menggantikan tapak lama kerana terlibat dengan projek Rancangan Mencegah Banjir Sungai Kinabutan Fasa II dan III mendapati, tapak baru tersebut telah diusahakan dengan tanaman tomato. Tapak lama dan tapak baru Masjid Kampung Kinabutan Besar yang diusahakan dengan tanaman tomato oleh penduduk kampung tanpa izin MUIS adalah seperti di **Foto 10.5** dan **Foto 10.6**.

Foto 10.5
Tapak Lama Masjid Kg. Kinabutan Besar
Terlibat Dengan Projek Rancangan
Mencegah Banjir



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Masjid Kg. Kinabutan Besar, Tawau
Tarikh: 11 Ogos 2009

Foto 10.6
Tapak Baru Masjid Kg. Kinabutan Besar
Yang Diusahakan Tanaman Tomato



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kinabutan Besar, Tawau
Tarikh: 11 Ogos 2009

Tapak baru masjid telah dikenal pasti sejak tahun 2005, namun tidak dibangunkan sehingga tanah wakaf tersebut diusahakan dengan tanaman tomato. Butiran tanah yang telah dibangunkan dengan perkara selain daripada yang diniatkan semasa lawatan Audit adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5
Aktiviti Tanpa Kebenaran Ke Atas Tanah Wakaf

Bil.	Kawasan	Jenis Aktiviti	Foto
1.	Masjid Jamek Kampung Jawi-Jawi, Kota Belud	Pembinaan Bilik Gerakan Wawasan	10.7
2.	Surau Kampung Linau, Kota Belud	Pembinaan Tabika	10.8
3.	Surau Kampung Linau, Kota Belud	Pembinaan Balai Serbaguna	10.9
4.	Tapak Masjid Kg. Kinabutan Besar, Tawau	Projek Tanaman Tomato	10.10 dan 10.11

Sumber: Jabatan Audit Negara

Foto 10.7
Tanah Wakaf Turut
Didirikan Bilik Gerakan Wawasan




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Masjid Jamek Kg. Jawi-Jawi, Kota Belud
Tarikh: 9 September 2009

Foto 10.8
Tanah Wakaf Turut
Didirikan Bangunan Tabika



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Surau Kg. Linau, Kota Belud
Tarikh: 9 September 2009

Foto 10.9
Tanah Wakaf Turut
Didirikan Balai Serbaguna



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Surau Kg. Linau, Kota Belud
Tarikh: 9 September 2009

Foto 10.10
Projek Tanaman Tomato
Di Atas Tapak Masjid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kinabutan Besar, Tawau
Tarikh: 11 Ogos 2009

Foto 10.11
Projek Tanaman Tomato Di Atas Tapak Masjid



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kg. Kinabutan Besar, Tawau
Tarikh: 11 Ogos 2009

Pada pendapat Audit, pembangunan tanah wakaf tidak memuaskan kerana tanah wakaf tidak dibangunkan mengikut niat pewakaf, pemantauan dan penguatkuasaan perlu lebih tegas supaya tiada perkara lain selain mengikut niat pewakaf.

10.4.7 Penyenggaraan Tanah Wakaf

Seksyen 61, Enakmen MUIS 2004 menghendaki MUIS memastikan semua masjid dan kawasannya dalam keadaan baik dan disenggara bersih. Lawatan Audit ke tapak masjid, surau, Sekolah Ugama/madrasah/tadika mendapati ianya tidak disenggara dengan baik dan rapi. Sampah sarap, rumput rampai dan semak samun tidak ditebas dan dibersihkan bagi menjamin keselamatan pengguna seperti di **Foto 10.12** hingga **Foto 10.16**.

Foto 10.12
Sampah Bertaburan
Di Atas Tanah Wakaf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Surau Kg. Linau, Kota Belud
Tarikh: 9 September 2009

Foto 10.13
Rumput Di Kawasan
Tanah Wakaf Tidak Ditebas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Madrasah Kg. Usaha Jaya, Kinabatangan
Tarikh: 18 Ogos 2009

Foto 10.14
Semak Di Kawasan Tanah
Wakaf Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Madrasah Kg. Usaha Jaya, Kinabatangan
 Tarikh: 18 Ogos 2009

Foto 10.15
Papan Tanda Di Kawasan
Tanah Wakaf Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Masjid Jamek Kg. Rangu, Tawau
 Tarikh: 11 Ogos 2009

Foto 10.16
Rumput Di Kawasan
Tanah Wakaf Tidak Ditebas



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Masjid Jamek Kg. Rangu, Tawau
 Tarikh: 11 Ogos 2009

Semakan lanjut Audit mendapati, penyenggaraan tanah wakaf tidak dibuat kerana MUIS tidak menyediakan peruntukan khusus bagi pengurusan tanah wakaf. Perbelanjaan untuk membayar caj-caj yang berkaitan dengan tanah wakaf diakaunkan ke akaun Tanah dan Pembangunan Tanah. Perbelanjaan bagi mengurus tanah wakaf pada tahun 2007 hingga 2009 masing-masing berjumlah RM11,628, RM38,839 dan RM25,720. Kesan daripada tidak ada peruntukan kewangan bagi menguruskan tanah wakaf, tanah wakaf tidak terurus dan pewakaf serta masyarakat Islam tidak dapat menikmati faedah daripada tanah tersebut.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan tanah wakaf tidak memuaskan kerana tidak ada peruntukan disediakan menyebabkan tanah wakaf tidak terurus.

10.4.8 Pemantauan

Pemantauan yang berterusan terhadap pengurusan tanah wakaf adalah penting bagi memastikan harta wakaf dapat dimanfaatkan. Semakan Audit mendapati, MUIS tidak melaksanakan pemantauan terhadap tanah wakaf. Kegagalan MUIS melaksanakan pemantauan telah menyebabkan kerugian kepada masyarakat amnya dan MUIS khususnya.

a) Penguatkuasaan

Penguatkuasaan adalah perlu untuk menjaga kepentingan harta wakaf. Kakitangan atau pegawai yang mencukupi serta mempunyai kelayakan yang bersesuaian dengan tugas merupakan faktor penting dalam menentukan kecekapan pengurusan dan pembangunan harta wakaf.

Semakan Audit mendapati, pengurusan tanah wakaf di seluruh Negeri Sabah, diuruskan oleh dua kakitangan sahaja. Pihak MUIS tidak mewujudkan perjawatan di daerah bagi menguruskan tanah wakaf kerana MUIS tidak mempunyai cawangan di daerah. Oleh itu, bagi menguruskan tanah wakaf di setiap daerah, MUIS bergantung sepenuhnya kepada pegawai JHEAINS. Di samping itu, MUIS tidak meletak tanda Hak Milik MUIS di setiap tanah wakaf bagi menunjukkan hak miliknya supaya aktiviti tanpa kebenaran oleh pihak lain tidak berlaku di atas tanah wakaf.

b) Jawatankuasa Pengurusan Tanah Wakaf

Seksyen 28(1) Enakmen MUIS 2004, menyatakan "*MUIS boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya*". Bagaimanapun, MUIS tidak mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Harta Wakaf bagi mengurus, membangun, melaksana dan memantau hal ehwal tanah wakaf.

Pada pendapat Audit, MUIS tidak mewujudkan mekanisme pemantauan yang berkesan bagi memastikan tanah wakaf dibangunkan mengikut niat pewakaf.

10.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan tanah wakaf MUIS tidak diurus dengan cekap dan berkesan. Rekod tidak kemas kini dan data di antara JHEAINS daerah dan Pejabat Tanah Dan Ukur bercanggah merupakan punca kelemahan yang perlu diberi perhatian bagi memastikan tanah wakaf diurus mengikut niat pewakaf. Bagi menambah baik pengurusan tanah wakaf adalah disyorkan MUIS mengambil tindakan berikut:

- a)** Menerima pakai Manual Pengurusan Tanah Wakaf yang diterbitkan oleh Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji, Jabatan Perdana Menteri sebagai panduan dalam pengurusan tanah wakaf.
- b)** Mematuhi Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Bagi Majlis Agama Islam supaya pengurusan kewangan tanah wakaf MUIS dapat diurus dengan cekap dan teratur.
- c)** Menyediakan keperluan kewangan yang khusus bagi pembangunan dan penyenggaraan tanah wakaf.
- d)** MUIS perlu mengkaji semula penempatan kakitangan yang bersesuaian bagi mengatasi kekurangan kakitangan yang mengendalikan pengurusan tanah wakaf.
- e)** Jawatankuasa Pengurusan Tanah Wakaf diwujudkan bagi membantu MUIS membangunkan tanah wakaf sebagaimana niat pewakaf.

11. PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESANNYA TERHADAP ALAM SEKITAR

11.1 LATAR BELAKANG

11.1.1 Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan Majlis Daerah Keningau (MDK) merupakan penguasa tempatan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (Kementerian). Antara fungsi Majlis ditubuhkan adalah untuk membina dan menyenggara jalan Majlis, premis awam, longkang dan parit, dewan masyarakat serta menyediakan tempat pelupusan sampah. Penyediaan perkhidmatan pungutan sisa pepejal telah diswastakan antara lain bertujuan untuk meningkatkan tahap kebersihan di kawasan perkadaran di MPS. Purata kuantiti sisa pepejal yang diurus di MPS dan MDK adalah 220 metrik tan dan 40 metrik tan sehari masing-masing.

11.1.2 Sisa pepejal adalah bahan buangan hasil daripada aktiviti sosio-ekonomi atau bahan yang tidak lagi dikehendaki atau lebihan setelah penyiapan sesuatu proses. Sisa pepejal termasuk sisa buangan domestik, sisa buangan pembinaan dan pengubahsuaian, sampah kebun dan sampah pukal.

11.1.3 Penjanaan sisa pepejal akan terus meningkat di negara ini akibat pertumbuhan sosio-ekonomi dan secara khusus disebabkan beberapa aspek seperti perkembangan perdagangan, pertambahan penduduk (tempatan & pendatang), pertumbuhan pembangunan (bangunan & premis), perubahan kebudayaan dan amalan. Sisa pepejal di Malaysia secara purata terdiri daripada sisa makanan, plastik, kertas, besi, kaca dan bahan lain.

11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar.

11.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan sisa pepejal mulai daripada sisa pepejal dikutip hingga ke pelupusannya di tapak pelupusan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di MPS dan MDK dengan menyemak data, rekod, fail dan dokumen berhubung dengan pengurusan sisa pepejal. Selain itu, sebanyak 120 borang soal selidik (masing-masing 60 borang di MDS dan MDK) digunakan dalam temu bual dengan penduduk setempat termasuk penghuni dan pemilik premis untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan mereka mengenai isu yang berkaitan. Lawatan fizikal ke beberapa lokasi meliputi

kawasan perumahan, pasar dan premis perniagaan, stesen pemindahan dan tapak pelupusan sisa pepejal.

11.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara Julai hingga Disember 2009 terhadap pengurusan sisa pepejal di bawah pentadbiran MPS dan MDK didapati tidak memuaskan disebabkan pengurusan yang tidak cekap telah memberi kesan negatif kepada alam sekitar, kesihatan manusia dan sosial. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah kerja penyenggaraan di kedua-dua tapak pelupusan sisa pepejal kurang sempurna, kekerapan kutipan sisa pepejal yang ditetapkan tidak sesuai, bilangan tong sampah yang tidak mencukupi, menyumbang kepada pencemaran air sungai dan gangguan terhadap keselesaan kehidupan penduduk setempat. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan-kelemahan yang diperhatikan adalah seperti perenggan berikut:

11.4.1 Kutipan Sisa Pepejal Tidak Memuaskan

Kontraktor yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan kerja sebagaimana dikehendaki dalam syarat kontrak yang ditandatangani. Mengikut jadual kerja kontraktor yang dilantik oleh MPS, kekerapan mengutip sisa pepejal ialah tiga hari sekali di kawasan kediaman dan setiap hari bagi sisa pepejal perdagangan dan industri. Jadual kekerapan kutipan sisa pepejal oleh kontraktor yang dilantik oleh MDK pula adalah dua kali seminggu. Kedua-dua kontraktor juga dikehendaki memastikan sisa pepejal tidak bertaburan di sekeliling tong sampah selepas kutipan dijalankan. Lori yang diguna untuk memungut sisa pepejal dari tong sampah ke tapak pelupusan oleh kontraktor MPS hendaklah jenis kompaktor manakala kontraktor MDK hendaklah menggunakan kenderaan pengangkut yang sesuai dan bertutup. Semakan Audit terhadap laporan prestasi kontraktor mendapati kontraktor telah melaksanakan kerja kutipan sisa pepejal mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit mendapati prestasi kutipan sisa pepejal tidak memuaskan seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Prestasi Kutipan Sisa Pepejal Tidak Memuaskan

Majlis	Kelemahan Yang Ditemui			
	Tong Penuh	Sampah Bertabur Di Sekeliling Tong	Sampah Dibuang Di Tempat Tidak Dibenarkan	Lori Tidak Bertutup
Majlis Perbandaran Sandakan	✓	✓	✓	Tiada kes
Majlis Daerah Keningau	✓	✓	Tiada kes	✓

Sumber: Jabatan Audit Negara

Berdasarkan **Jadual 11.1**, didapati tong sampah di lokasi yang dilawati di kawasan MPS dan MDK telah penuh dan sisa pepejal bertaburan di sekeliling tong. Selain itu, di kawasan MPS terdapat sisa pepejal yang dibuang di tempat yang tidak dibenarkan walaupun notis “Dilarang Buang Sampah Di Sini” diletakkan di kawasan tersebut. Kenderaan mengangkut

sampah yang diguna oleh kontraktor MDK adalah lori yang tidak bertutup. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh antaranya:

a) Kekerapan Kutipan Sisa Pepejal Tidak Memadai

Kekerapan kutipan sisa pepejal seperti yang ditetapkan dalam jadual tidak memadai untuk mengutip jumlah sisa pepejal yang dijana setiap hari dan bilangan tong sampah tidak mencukupi. Jadual kekerapan kutipan dan bilangan tong sampah yang disediakan bagi kawasan MPS adalah berdasarkan jumlah penduduk pada 10 tahun lalu semasa kontrak ditandatangani, sedangkan kepadatan penduduk di kawasan berkenaan telah meningkat seiring dengan pembangunan yang pesat. Bilangan tong sampah yang ditempatkan di Pekan Apin-Apin, Keningau dan di Bandar Keningau juga tidak mencukupi untuk menampung sisa pepejal. Sewajarnya jadual kekerapan kutipan disemak semula dan bilangan tong sampah yang disediakan perlu ditambah bersesuaian dengan keperluan semasa. Keadaan tong sampah yang penuh dan sisa pepejal yang bertaburan di sekelilingnya adalah seperti di **Foto 11.1** dan **Foto 11.2**.

Foto 11.1

Sisa Pepejal Bertaburan Di Sekeliling Tong



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Ramai-Ramai, Sandakan
Tarikh: 18 November 2009*

Foto 11.2

Tong Sampah Tidak Dapat Menampung Sisa Pepejal



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Apin-Apin, Keningau
Tarikh: 18 November 2009*

b) Lori Yang Digunakan Tidak Bertutup

Lawatan Audit mendapati, lori yang digunakan oleh kontraktor untuk mengutip sampah di kawasan MPS adalah jenis kompaktor dan berkeadaan baik. Bagaimanapun, lori yang digunakan oleh kontraktor di kawasan MDK adalah lori muatan tiga tan yang tidak bertutup seperti di **Foto 11.3**.

Foto 11.3
Lori Yang Digunakan Tidak Bertutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDK
Tarikh: 27 Oktober 2009

Kesan daripada kelemahan-kelemahan tersebut menyebabkan pencemaran bau dan menyumbang kepada pembiakan lalat. Selain itu, imej MPS dan MDK terjejas kerana Bandar Sandakan dan Keningau adalah antara lokasi yang menjadi pilihan pelancong untuk dilawati.

Pihak MPS memaklumkan, kekerapan kutipan sampah di semua kawasan perkadaran akan disemak semula dan dimasukkan ke dalam syarat perjanjian kontrak baru yang akan ditandatangani. Selain itu, bilangan tong sampah telah ditambah mengikut keperluan semasa. Pihak MDK pula memaklumkan bahawa pemantauan terhadap kerja kutipan sampah akan dipertingkatkan iaitu setiap hari di kawasan bandar utama, perumahan dan industri. Manakala kawasan di pekan kecil akan dijalankan sebanyak tiga kali seminggu. Selain itu, menambah bilangan tong sampah di kawasan yang padat penduduk sebanyak 20% serta akan mengarahkan kontraktor menggunakan lori yang bertutup.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan sisa pepejal adalah tidak memuaskan kerana kekerapan kutipan dan bilangan tong sampah tidak berdasarkan keperluan semasa dan menjejaskan kesejahteraan penduduk.

11.4.2 Aktiviti Di Tapak Pelupusan Tidak Memuaskan

MPS mempunyai tapak pelupusan sisa pepejal seluas 101 hektar yang terletak di Batu 10, manakala MDK mempunyai tapak pelupusan sisa pepejal seluas 75 hektar yang terletak di KM 17, Jalan Keningau-Sook. Penyenggaraan tapak pelupusan MPS telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik melalui kontrak yang ditandatangani secara bulanan dengan bayaran RM9,000 sebulan. Tapak pelupusan MDK disenggara oleh kontraktor yang dilantik melalui kontrak yang ditandatangani bagi tempoh tiga tahun mulai 1 Julai 2008 hingga 30 Jun 2011 dengan bayaran berjumlah RM9,400 sebulan atau RM112,800 setahun. Mengikut perjanjian, kontraktor hendaklah menyenggara tapak pelupusan dengan mematuhi syarat-syarat berikut:

- o Menimbus sisa pepejal dengan tanah iaitu merata dan memampat sampah setebal tidak lebih 4 kaki dan menimbus dengan tanah mampat setebal tidak kurang 12 inci.
- o Menjalankan kerja pelupusan sisa pepejal dengan cara menimbus dengan tanah tiga kali seminggu. Semua longgokan sisa pepejal hendaklah ditanam.
- o Membina dan menyenggara parit-parit di kawasan tapak supaya tidak berlaku takungan air yang boleh mengganggu kerja-kerja di tapak pelupusan.

Selain itu, Majlis hendaklah memastikan tapak pelupusan terkawal sama ada dipagar atau dengan menyediakan pengawal supaya tidak dijadikan penempatan setinggan dan tempat mencari barang lusuh. Pemeriksaan Audit di tapak pelupusan MPS dan MDK mendapati semua kelemahan berlaku seperti di **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Kelemahan Aktiviti Di Tapak Pelupusan

Majlis	Kelemahan			
	Sisa Pepejal Tidak Ditimbus	Sistem Perparitan Tidak Dibina	Tidak Berpagar	Tiada Pengawal
MPS	√	√	√	√
MDK	√	√	√	√

Sumber: Jabatan Audit Negara

- a) Keadaan sisa pepejal tidak ditimbus di tapak pelupusan MPS adalah seperti di **Foto 11.4** dan **Foto 11.5**.

Foto 11.4
Sisa Pepejal Tidak Ditimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Di Tapak Pelupusan MPS
Tarikh: 18 November 2009

Foto 11.5
Sisa Pepejal Tidak Ditimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MPS
Tarikh: 18 November 2009

- b) Keadaan sisa pepejal tidak ditimbus di tapak pelupusan MDK adalah seperti di **Foto 11.6** dan **Foto 11.7**.

Foto 11.6
Sampah Berlonggokan Dan Tidak Ditimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDK
Tarikh: 27 Oktober 2009

Foto 11.7
Sampah Bersepah Dan Tidak Ditimbus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDK
Tarikh: 27 Oktober 2009

- c) Sistem perparitan tidak dibina di tapak pelupusan MDK menyebabkan air bertakung adalah seperti di **Foto 11.8** dan **Foto 11.9**.

Foto 11.8
Parit Tidak Dibina Menyebabkan Air Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDK
Tarikh: 27 Oktober 2009

Foto 11.9
Parit Tidak Dibina Menyebabkan Air Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan MDK
Tarikh: 27 Oktober 2009

Tapak pelupusan sisa pepejal MPS dan MDK yang tidak berpagar dan tiada pengawal menyebabkan tapak tersebut diceroboh. Semasa pemeriksaan Audit terdapat antara 25 hingga 30 pencari barang lusuh di tapak pelupusan MPS dan lima orang di tapak pelupusan MDK. Selain itu, terdapat antara 20 hingga 25 buah rumah setinggan di sekitar tapak pelupusan MPS. Pencerobahan di tapak pelupusan MDK juga telah menyebabkan sampah bertaburan dan menjadi rungutan penduduk sekitar seperti dilaporkan dalam akhbar *New Sabah Times* bertarikh 10 Februari 2010 seperti di **Keratan Akhbar 11.1**.

Keratan Akhbar 11.1
Penceroobohan Di Tapak Pelupusan MDK
(Akhbar New Sabah Times Bertarikh 10 Februari 2010)



Lawatan kedua Audit yang dijalankan pada bulan Disember 2009 mendapati, kerja menaik taraf tapak pelupusan MDK daripada pelupusan secara terbuka kepada tapak pelupusan sanitari telah dimulakan.

Pihak MPS memaklumkan, langkah-langkah kawalan akan diambil bagi mengurangkan masalah yang wujud di tapak pelupusan. Pihak MDK pula memaklumkan kerja penyenggaraan di tapak pelupusan telah diambil tindakan seperti sisa pepejal ditimbus dengan tanah setiap hari, sistem perparitan dibina, kawasan akan dipagar dan akan menyediakan pengawal.

Pada pendapat Audit, aktiviti di tapak pelupusan tidak memuaskan kerana sisa pepejal tidak ditimbus, perparitan tidak dibina dan berlaku penceroobohan. Bagaimanapun, kerja menaik taraf tapak pelupusan MDK dijangka akan menyelesaikan kelemahan yang dinyatakan.

11.4.3 Kesan Aktiviti Di Tapak Pelupusan Terhadap Alam Sekitar

Aktiviti di tapak pelupusan yang tidak teratur memberi kesan terhadap alam sekitar. Antara kesan yang dikenal pasti adalah pencemaran kualiti air di permukaan tanah, pencemaran kualiti air sungai dan pencemaran bau. Hasil dua ujian persampelan air yang dijalankan di tapak pelupusan MDK dan MPS adalah seperti berikut:

a) Ujian Kualiti Air Di Tapak Pelupusan Majlis Daerah Keningau

Ujian kualiti air resapan di tapak pelupusan MDK telah dijalankan pada 27 Oktober 2009 oleh pihak Audit dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Cawangan Daerah Sipitang (pengambilan sampel air) dan Jabatan Kimia Malaysia (analisis kualiti air).

Hasil ujian sampel kualiti air berbanding standard yang boleh diterima bagi pembuangan air resapan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan

Kambus Tanah) 2009 mendapati, pepejal terampai telah melebihi standard sebanyak 68% dan minyak serta gris melebihi 100%. Parameter lain adalah sama atau lebih rendah berbanding standard seperti di **Jadual 11.3**.

Jadual 11.3
Hasil Ujian Air Resapan Yang Tidak Dirawat

Bil.	Parameter Dari Sampel Data	Unit	Standard	Hasil Ujian
1.	Pepejal Terampai	mg/l	50	84
2.	Nitrogen Ammonia	mg/l	5	1.0
3.	BOD pada 20°C	mg/l	20	<2
4.	COD	mg/l	400	9
5.	Minyak dan Gris	mg/l	5.0	>10
6.	Raksa	mg/l	0.005	0.001
7.	Kadmium	mg/l	0.01	<0.01
8.	Plumbum	mg/l	0.10	<0.02
9.	Tembaga	mg/l	0.20	0.05
10.	Mangan	mg/l	0.20	0.06
11.	Nikel	mg/l	0.20	0.17
12.	Zink	mg/l	2.0	<0.04
13.	Besi	mg/l	5.0	1.25

Sumber: Jabatan Kimia Malaysia

b) Ujian Kualiti Air Di Tapak Pelupusan MPS

Pengambilan sampel air bagi ujian kualiti air di tapak pelupusan MPS telah dijalankan oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar, Sandakan pada 18 November 2009. Lokasi sampel air di hulu Sungai Jipon yang terletak di pinggir tapak pelupusan dan hilir Sungai Jipon yang terletak 500 meter dari tapak pelupusan.

Hasil daripada ujian yang dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia, Sabah mendapati kualiti air di hulu Sungai Jipon telah tercemar dengan kandungan *nitrogen ammonia* melebihi 600%, *biochemical oxygen demand (BOD)* melebihi 20%, *plumbum* melebihi 140% serta minyak dan gris melebihi 100% berbanding standard. Kualiti air di hilir Sungai Jipon juga tercemar dengan kandungan pepejal terampai melebihi 100%, *plumbum* melebihi 190% serta minyak dan gris melebihi 100% berbanding standard. Bagi parameter lain kedudukannya adalah sama atau kurang daripada standard yang ditetapkan seperti di **Jadual 11.4**.

Jadual 11.4
Hasil Ujian Kualiti Air

Bil.	Parameter	Unit	Standard	Hulu Sungai Jipon	Hilir Sungai Jipon
1.	Pepejal Terampai	mg/l	50	29	100
2.	Nitrogen Ammonia	mg/l	5	35	3.7
3.	BOD pada 20°C	mg/l	20	24	2
4.	COD	mg/l	400	130	28
5.	Minyak dan Gris	mg/l	5.0	>10	>10
6.	Raksa	mg/l	0.005	<0.001	<0.001
7.	Kadmium	mg/l	0.01	<0.01	<0.01
8.	Plumbum	mg/l	0.10	0.24	0.29
9.	Tembaga	mg/l	0.20	0.02	0.03
10.	Mangan	mg/l	0.20	0.20	<0.05
11.	Nikel	mg/l	0.20	0.07	0.07
12.	Zink	mg/l	2.0	<0.04	0.04
13.	Besi	mg/l	5.0	1.42	0.24

Sumber: Jabatan Kimia Malaysia

Pihak MPS memaklumkan satu Program Pengasingan Sisa Pepejal akan dilaksanakan apabila kilang kitar semula dan pengkomposan (*recycling and composting plant*) dibina yang mana sisa pepejal diasingkan dan diproses menjadi baja. Melalui kaedah ini, masalah pencemaran yang disebabkan proses pengkomposan sisa pepejal organik di tapak pelupusan akan dapat dikurangkan. Pihak MDK pula memaklumkan, masalah air resapan akan diatasi dengan pelaksanaan tapak pelupusan sanitari.

Pada pendapat Audit, air resapan daripada tapak pelupusan sisa pepejal telah menyumbang kepada pencemaran air khususnya dan alam sekitar amnya kerana air *leachate* dilepaskan terus ke sungai.

11.4.4 Pewartaan Tapak Pelupusan

Tapak pelupusan hendaklah diwartakan bagi mengelakkan timbulnya tuntutan daripada pihak yang mendakwa mempunyai kepentingan terhadap kawasan tersebut. Selain itu, pewartaan tapak pelupusan adalah satu daripada syarat untuk mendapatkan kelulusan EIA (*Environmental Impact Assessment*).

Semakan Audit mendapati, tapak pelupusan sisa pepejal di MPS telah diwartakan semenjak tapak tersebut beroperasi. Bagaimanapun, tapak pelupusan di MDK masih belum diwartakan walaupun telah mula beroperasi pada tahun 2005 dan permohonan pewartaan telah dikemukakan ke Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Daerah Keningau pada 9 November 2005. Kelewatan pewartaan adalah disebabkan proses kelulusan di peringkat Jabatan Tanah dan Ukur serta Pejabat Hasil Bumi mengambil masa yang lama. Ini menyebabkan tapak pelupusan MDK telah beroperasi tanpa pemilikan yang sah dan boleh menimbulkan masalah sekiranya berlaku tuntutan pihak yang mengaku mempunyai kepentingan ke atas tanah berkenaan.

Pihak MDK memaklumkan, proses pewartaan tapak pelupusan sedang dalam tindakan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur.

Pada pendapat Audit, proses pewartaan tapak pelupusan MDK tidak memuaskan kerana mengambil masa yang lama walaupun tapak tersebut telah beroperasi semenjak tahun 2005.

11.4.5 Maklum Balas Daripada Penduduk

Sebanyak 120 soal selidik iaitu masing-masing 60 di kawasan MPS dan 60 di kawasan MDK telah digunakan untuk menemu bual penduduk yang menerima perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan yang tinggal berhampiran tapak pelupusan. Analisis Audit terhadap maklum balas daripada penduduk di kawasan MPS dan MDK adalah seperti di **Jadual 11.5** dan **Jadual 11.6**.

Jadual 11.5
Maklum Balas Daripada Penduduk Kawasan MPS

Bil.	Pendapat Responden	Bilangan Responden	Peratus (%)
1.	Bau sampah tidak menyenangkan	20	33.3
2.	Tong sampah tidak diletakkan semula dalam keadaan baik	15	25.0
3.	Sisa pepejal yang bertabur tidak dikutip	25	41.7
4.	Air busuk (<i>leachate</i>) tumpah dari lori sampah semasa kutipan	50	83.3
5.	Tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kutipan sampah	25	41.7

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 11.6
Maklum Balas Daripada Penduduk Kawasan MDK

Bil.	Pendapat Responden	Bilangan Responden	Peratus (%)
1.	Bau sampah tidak menyenangkan	14	23.3
2.	Tong sampah tidak diletakkan semula dalam keadaan baik	6	10.0
3.	Sisa pepejal yang bertabur tidak dikutip	22	36.7
4.	Air busuk (<i>leachate</i>) tumpah dari lori sampah semasa kutipan	42	70.0
5.	Tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kutipan sampah	12	20.0

Sumber: Jabatan Audit Negara

Berdasarkan **Jadual 11.5** dan **Jadual 11.6** di atas mendapati, pengurusan sisa pepejal masih tidak mencapai tahap yang memuaskan. Sebanyak 70% responden menyatakan air busuk (*leachate*) tumpah daripada lori sampah semasa kutipan dan 36.7% responden menyatakan sisa pepejal bertaburan tidak dikutip. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh lori sampah yang diguna tidak sesuai dan tidak disenggara dengan sempurna serta pekerja tidak mematuhi garis panduan kutipan sisa pepejal yang ditetapkan. Kesannya, penduduk kurang selesa dengan bau busuk.

Pihak MDK memaklumkan, lori sampah akan disenggara mengikut jadual. Selain itu, MDK juga menyatakan penggunaan lori sampah muatan tiga tan adalah kerana laluan di kawasan perumahan sempit dan tidak sesuai menggunakan lori kompaktor.

Pada pendapat Audit, pengurusan sisa pepejal adalah tidak memuaskan kerana penduduk kurang berpuas hati terhadap mutu perkhidmatan yang diberi.

11.4.6 Aduan Awam

a) Majlis Perbandaran Sandakan

MPS hanya mengemukakan daftar aduan bagi tahun 2009 sahaja untuk diaudit kerana daftar aduan bagi tahun 2007 dan 2008 tidak dapat dikesan. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2009 sejumlah 79 aduan diterima oleh MPS berkaitan kutipan sisa pepejal. Aduan yang kerap diterima adalah sampah tidak dibersihkan, sampah dibuang di kawasan perumahan, tong sampah tidak diletakkan di tempat asal dan tiada lori mengangkut sampah. MPS telah mengambil tindakan dengan mengarahkan kontraktor menyelesaikan aduan berkenaan dengan segera.

b) Majlis Daerah Keningau

Semakan terhadap daftar aduan awam yang disediakan oleh MDK mendapati bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 sebanyak 85 aduan berkaitan pengurusan sisa pepejal diterima oleh MDK. Berdasarkan aduan berkenaan, MDK telah memaklumkan kontraktor untuk menyelesaikan aduan tersebut. Masalah yang kerap diadukan oleh penduduk adalah sampah lewat dikutip dan sampah bertaburan selepas dikutip.

Pada pendapat Audit, tindakan terhadap aduan awam yang diterima adalah baik kerana setiap aduan telah diambil tindakan yang sewajarnya.

11.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pengurusan sisa pepejal di Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Keningau adalah tidak memuaskan daripada aspek kutipan sisa pepejal, aktiviti di tapak pelupusan dan pewartaan tapak pelupusan Majlis Daerah Keningau. Bagaimanapun, kesan terhadap kesihatan penduduk setempat tidak dapat dilaporkan kerana data pesakit yang diperoleh daripada pihak hospital adalah secara umum di mana punca penyakit tidak semestinya akibat daripada pengurusan sisa pepejal yang tidak memuaskan. Bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan tahap kebersihan dan kualiti hidup masyarakat setempat di samping menghalang merebaknya penyakit yang berpunca dari persekitaran yang tidak bersih seperti denggi dan malaria adalah disyorkan Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Keningau mengambil tindakan berikut:

- a) Meningkatkan penyeliaan terhadap pelaksanaan kerja kontraktor semasa kutipan sisa pepejal dan penyenggaraan tapak pelupusan.**

- b)** Menyemak semula jadual kutipan supaya kekerapannya bersesuaian dengan keadaan semasa.
- c)** Menambah bilangan tong sampah di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan menjadi tumpuan pengunjung.
- d)** Mengawal pencerobohan oleh pencari barang lusuh di tapak pelupusan dengan mengeluarkan lesen aktiviti mencari barang lusuh kepada mereka bagi memudahkan pemantauan dan menyediakan kawasan khas untuk aktiviti mencari barang lusuh sebelum sisa pepejal yang tidak dikehendaki oleh mereka dilupuskan.
- e)** Mengambil tindakan susulan berhubung pewartaan tapak pelupusan Majlis Daerah Keningau.



BAHAGIAN II PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

12. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat yang boleh diaudit ialah Syarikat yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan di mana lebih daripada separuh modal saham berbayarnya dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Ini juga selaras dengan Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bertarikh 17 Disember 2009, di bawah perintah P.U. (A) 443 Perlembagaan Persekutuan yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit syarikat.

LEMBAGA INDUSTRI GETAH SABAH

13. TUARAN CRUMB SDN. BHD.

13.1 LATAR BELAKANG

13.1.1 Tuaran Crumb Sdn. Bhd. (TCSB) telah ditubuhkan pada bulan April 1985 dengan modal saham dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal berbayar berjumlah RM5 juta. TCSB dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), sebuah Agensi Kerajaan Negeri. Aktiviti utama TCSB adalah memproses getah kepingan tidak berasap, kentalan dan sekerap kepada *Standard Malaysian Rubber* (SMR) serta lateks getah kepada *Latex Concentrate* (LC) bagi pihak LIGS.

13.1.2 TCSB merupakan salah satu kilang SMR terbesar di Malaysia dan mempunyai mesin dan jentera yang moden untuk menghasilkan SMR dan LC yang berkualiti tinggi. Pada 18 Disember 1998, TCSB telah mendapat pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi sistem pengurusan kualiti terhadap pemprosesan getah SMR 5, SMR 10, SMR 20 dan gred khas. Manakala pada 29 Mei 2009, pensijilan TCSB telah dilanjutkan dan dinaik taraf kepada sijil MS ISO 9001:2008 yang sah sehingga tahun 2010. Objektif penubuhan TCSB adalah untuk mencapai matlamat berikut:

- Menyediakan kemudahan pemprosesan kepada pekebun-pekebun kecil getah;
- Memproses getah mentah seperti getah kepingan tidak berasap, kentalan dan sekerap kepada SMR serta lateks getah kepada LC yang berkualiti tinggi; dan
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

13.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan cekap selaras dengan objektif penubuhannya.

13.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan adalah meliputi aspek tadbir urus korporat, sistem dan prosedur, analisis kewangan serta pengurusan dan operasi/aktiviti Syarikat ini bagi tahun 2007 hingga 2009 di pejabat TCSB. Kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab serta pemeriksaan fizikal terhadap aset juga dijalankan.

13.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga bulan September tahun 2009 mendapati TCSB memperolehi keuntungan kecil berjumlah RM2,640 pada tahun 2008 berbanding keuntungan RM5,466 pada tahun 2007. Pengurusan aktiviti Syarikat ini menunjukkan beberapa kelemahan seperti sasaran pengeluaran tidak dicapai, kos penyenggaraan mesin dan kadar pusing ganti pekerja yang tinggi. Selain itu, Polisi/Garis Panduan berkaitan pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, perolehan dan pengurusan aset tidak disediakan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi pengurusan kewangan dan aktiviti TCSB adalah seperti perenggan berikut:

13.4.1 Prestasi Kewangan

Analisis kewangan berdasarkan Penyata Kewangan Syarikat ini bagi tahun 2006 hingga 2008 yang telah diaudit mendapati perkara berikut:



- a) Pendapatan Syarikat pada tahun 2006, 2007 dan 2008 adalah masing-masing berjumlah RM18.78 juta, RM19.88 juta dan RM22.26 juta. Manakala jumlah perbelanjaan pula adalah masing-masing RM18.78 juta, RM19.88 juta dan RM22.26 juta. Analisis Audit terhadap prestasi kewangan bagi tahun 2006 hingga 2008 mendapati TCSB hanya mencatatkan keuntungan masing-masing berjumlah RM5,038, RM5,466 dan RM2,640. Keuntungan yang nominal adalah disebabkan oleh polisi LIGS untuk menjadikan TCSB sebagai pusat pemprosesan getah bagi pihaknya dan tidak memberi perkhidmatan kepada pihak swasta di mana yuran pemprosesan getah (*throughput fee*) yang dikenakan hanyalah untuk menampung perbelanjaan operasi Syarikat selaras dengan polisi LIGS. Kadar yuran pemprosesan yang dikenakan akan disemak setiap tahun dan pelarasan akan dibuat. Pihak Audit mendapati tiada standard yuran pemprosesan getah daripada industri pengilang getah SMR di negara ini.
- b) Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan TCSB bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 13.1**.

Jadual 13.1
Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung Rugi
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008

Butiran	Tahun		
	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)
Pendapatan	18,649,330	19,861,095	22,240,651
Perbelanjaan Operasi	(17,146,985)	(18,179,088)	(20,787,108)
Untung Kasar	1,502,345	1,682,007	1,453,543
Pendapatan Lain	132,359	21,695	17,536
Perbelanjaan Pentadbiran	(1,158,682)	(1,376,750)	(1,117,456)
Perbelanjaan Operasi Lain	(470,984)	(321,486)	(350,983)
Untung Sebelum Cukai	5,038	5,466	2,640
Cukai	-	-	-
Untung Bersih	5,038	5,466	2,640

Sumber: Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006 -2008

Carta 13.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Bersih
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008



Sumber: Penyata Kewangan TCSB Bagi Tahun 2006-2008

c) Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan TCSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat ini bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 13.2**.

Jadual 13.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008

Butiran	Tahun Kewangan		
	2006	2007	2008
Nisbah Semasa	0.33:1	0.41:1	0.29:1
Margin Keuntungan	0.0003:1	0.0003:1	0.0001:1
Nisbah Pulangan Ke atas Aset	0.0004:1	0.0004:1	0.0002:1
Nisbah Pulangan Ke atas Ekuiti	0.001:1	0.001:1	0.0005:1
Nisbah Hutang Atas Ekuiti	1.31:1	1.48:1	2.11:1

Sumber: Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006 -2008

- i) **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat ini boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecairan TCSB pada tahun 2006 adalah 0.33 kali dan ia meningkat kepada 0.41 kali pada tahun 2007. Bagaimanapun, pada tahun 2008 ia menurun kepada 0.29 kali. Tahap kecairan yang semakin menurun ini adalah disebabkan oleh pengurangan tunai dan penghutang perdagangan berbanding peningkatan pemiutang dan liabiliti lain. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 menunjukkan keadaan yang baik. Jumlah aset semasa yang rendah berbanding jumlah tanggungan semasa menunjukkan syarikat ini menghadapi masalah kecairan. Analisis Audit mendapati pada tahun 2006 hingga 2008, Nisbah Semasa TCSB adalah antara 0.29:1 hingga 0.41:1. **Ini menunjukkan Syarikat ini tidak berupaya untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya.**

TCSB memaklumkan, LIGS bersetuju menjadi penjamin dan menanggung pembayaran kepada pemiutang sekiranya TCSB gagal membuat pembayaran kepada pemiutang-pemiutangnya.

- ii) **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (*core business*) sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value-added*) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap RM100 hasil pendapatan, TCSB telah memperoleh keuntungan berjumlah tiga sen pada tahun 2006 dan 2007 dan menurun kepada satu sen pada tahun 2008.
- iii) **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat ini daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperolehi daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat ini menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, bagi setiap RM100 aset yang digunakan hanya

memperoleh pulangan bersih berjumlah empat sen pada tahun 2006 dan 2007 dan menurun kepada dua sen pada tahun 2008.

- iv) **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat ini yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat ini menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, bagi setiap RM100 modal yang dilaburkan telah memperoleh pulangan bersih berjumlah 10 sen pada tahun 2006 dan 2007 dan menurun kepada lima sen pada tahun 2008.
- v) **Nisbah Hutang Atas Ekuiti** mengukur leveraj kewangan syarikat ini iaitu semakin tinggi nilai nisbah, semakin tinggi risiko untuk melabur dalam syarikat ini tersebut. Analisis Audit bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 mendapati nisbah hutang atas ekuiti bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah antara 1.31 hingga 2.11. **Berdasarkan nisbah ini dapat dirumuskan bahawa kedudukan leveraj kewangan TCSB adalah berisiko tinggi di mana jumlah hutang tidak mampu dibiayai oleh ekuiti.**

Pada pendapat Audit, Syarikat ini menghadapi masalah kecairan kerana aset semasa tidak dapat menampung tanggungan semasa. Selain itu, nisbah margin keuntungan, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti menunjukkan Syarikat ini adalah kurang cekap dan kemampuan ekuiti Syarikat untuk membiayai hutang adalah kurang memuaskan.

13.4.2 Pengurusan Aktiviti

Pada umumnya, pengurusan aktiviti TCSB adalah kurang memuaskan kerana sasaran pengeluaran tidak tercapai, kos penyenggaraan mesin dan kadar pusing ganti pekerja yang tinggi. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

a) Prestasi Pengeluaran

TSCB mempunyai Kilang SMR dan Kilang LC untuk memproses getah kepingan dan lateks pekat mengikut standard yang ditetapkan dan juga mengikut kehendak pelanggan. Semakan Audit terhadap prestasi pengeluaran Kilang SMR dan Kilang LC mendapati perkara berikut:


- i) **Kilang SMR** - Pada tahun 2007 hingga 2009, jumlah pengeluaran sebenar hanya mencapai masing-masing 87.7%, 87.5% dan 63.4% daripada jumlah pengeluaran yang disasarkan. Penjelasan mengenai pengeluaran sebenar berbanding sasaran adalah diringkaskan seperti di **Jadual 13.3** dan **Carta 13.2**.

Jadual 13.3
Pengeluaran Kilang SMR Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Sasaran (Metrik Tan)	Sebenar (Metrik Tan)	Lebih/(Kurang) (Metrik Tan)	Pencapaian (%)
2007	55,000	48,253	(6,747)	87.7
2008	56,000	49,011	(6,989)	87.5
2009	56,000	35,517	(20,483)	63.4

Sumber: Rekod TCSB

Carta 13.2
Pengeluaran Kilang SMR Bagi Tahun 2007 Hingga 2009



Sumber: Rekod TCSB

TCSB memaklumkan, pada tahun 2007, jumlah pengeluaran menurun disebabkan Syarikat ini memperlahankan operasi pengeluarannya kerana terdapat aduan daripada pengguna berhubung kualiti yang tidak konsisten dan sifat-sifat getah yang berbeza. Pada tahun 2008 dan 2009, Syarikat ini gagal mencapai sasaran pengeluaran disebabkan tambahan sebuah mesin pengering lewat dipasang dan kekurangan bekalan bahan mentah.


- ii) **Kilang LC** - Pada tahun 2007 hingga 2009, jumlah pengeluaran Kilang LC adalah masing-masing berjumlah 116.90 metrik tan, 158.73 metrik tan dan 216.54 metrik tan atau 48.7%, 66.1% dan 90.2% berbanding dengan jumlah pengeluaran yang disasarkan seperti di **Jadual 13.4** dan **Carta 13.3**.

Jadual 13.4
Pengeluaran Kilang LC Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Sasaran (Metrik Tan)	Sebenar (Metrik Tan)	Lebih/(Kurang) (Metrik Tan)	Pencapaian (%)
2007	240	116.90	(123.10)	48.7
2008	240	158.73	(81.27)	66.1
2009	240	216.54	(23.46)	90.2

Sumber: Rekod TSCB

Carta 13.3
Pengeluaran Kilang LC Bagi Tahun 2007 Hingga 2009



Sumber: Rekod TSCB

Berdasarkan kepada **Jadual 13.4** di atas, jumlah pengeluaran lateks pekat tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

TCSB menyatakan, sasaran pengeluaran adalah berdasarkan kepada anggaran keperluan lateks pekat kilang Beaufort Specialty Rubber Sdn. Bhd. Bagaimanapun, permintaan sebenar daripada kilang Beaufort Specialty Rubber Sdn. Bhd. adalah berkurangan.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran Syarikat ini tidak mencapai sasaran kerana Syarikat memperlahankan pengeluaran pada tahun 2007. Manakala pada tahun 2008 dan 2009, sasaran tidak tercapai disebabkan oleh bekalan bahan mentah tidak mencukupi dan mesin tambahan lewat dipasang.

b) Penggunaan Kenderaan Kilang

TCSB mempunyai sebuah *Toyota Fortuner*, dua buah *Isuzu Pickup*, enam buah *forklift*, tiga buah *shovel*, sebuah *back hoe* dan sebuah *excavator*. Pada keseluruhannya, kenderaan Syarikat ini telah diurus dengan memuaskan iaitu kos pengendalian (*running cost*) tidak melebihi kos yang dianggarkan kecuali tiga buah *shovel* dan sebuah *forklift*. Pada tahun 2008, kos pengendalian sebenar untuk ketiga-tiga *shovel* tersebut telah melebihi kos anggaran sebanyak 70.0%, 103.3% dan 271.4% masing-masing. Sebuah *forklift* No.4 pula telah melebihi anggaran sebanyak 106.7%. Semakan Audit mendapati peningkatan dalam kos pengendalian adalah disebabkan oleh kos penyenggaraan yang tinggi kerana empat buah kenderaan tersebut telah berusia antara 13 hingga 30 tahun. Selain itu, kenderaan tersebut sering mengalami kerosakan menyebabkan kadar penggunaan yang rendah berbanding penggunaan yang dianggarkan. Semakan lanjut mendapati *Shovel B* dan *Shovel C* adalah merupakan kenderaan terpakai yang telah digunakan selama 19 tahun dan 30 tahun semasa pembelian dibuat pada April 2006 dan April 2008 dengan kos RM135,000 dan RM128,550 masing-masing. Temu bual

Audit dengan pegawai Syarikat ini mendapati penilaian kenderaan tersebut dibuat oleh Pengurus Kilang dan Juruteknik Syarikat. Syarikat ini sepatutnya mendapatkan penilaian daripada pihak ketiga yang pakar dalam bidang mekanikal. Semakan Audit selanjutnya mendapati kos penyenggaraan untuk *Shovel B* bagi tahun 2006 hingga 2008 berjumlah RM149,807 telah melebihi kos pembelian selepas hanya tiga tahun digunakan manakala kos penyenggaraan bagi *Shovel C* adalah berjumlah RM58,873 selepas sembilan bulan digunakan.

TCSB memaklumkan, kos penyenggaraan yang tinggi disebabkan oleh penggunaan yang intensif terhadap kenderaan kilang iaitu lebih kurang 350 metrik tan hingga 500 metrik tan (basah) sehari untuk menampung bahan mentah yang banyak dan kos penyenggaraan yang tinggi kerana kenderaan kilang disenggara oleh bengkel swasta. Pada tahun 2009, Syarikat ini telah membina bengkel sendiri untuk menyenggara semua kenderaan kilang. Kesannya, pada tahun 2009, kos penyenggaraan termasuk kerja servis untuk dua buah shovel adalah masing-masing berjumlah RM11,054 dan RM14,782 sahaja.

Pada pendapat Audit, prestasi penggunaan kenderaan kilang adalah memuaskan kecuali tiga buah shovel dan sebuah forklift.

13.4.3 Tadbir Urus Korporat

TCSB merupakan Syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Agensi Kerajaan. Sebagai sebuah syarikat, TCSB perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Memorandum Dan Artikel Syarikat dari semasa ke semasa. Antara lain, Akta Syarikat 1965 dan Memorandum Dan Artikel menetapkan tentang keperluan melantik Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta tanggungjawab mereka terhadap pengurusan TCSB. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat TCSB mendapati perkara berikut:

a) Pengurusan Sumber Manusia

Sumber manusia merupakan aset penting kepada Syarikat. Sumber manusia yang mencukupi, berkecekapan dan berpengalaman adalah penting untuk menjalankan fungsi Syarikat. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan dapat menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan membantu Syarikat mencapai matlamatnya. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan sumber manusia mendapati perkara berikut:

i) Kadar Pusing Ganti Pekerja

Pada tahun 2007 hingga 2009, bilangan perjawatan dalam Syarikat ini bagi kakitangan tetap tidak berlaku perubahan. Bagaimanapun, kadar pusing ganti bagi pekerja kontrak adalah tinggi iaitu antara 40.3% hingga 44.4%. Kadar pusing ganti pekerja yang tinggi boleh memberikan impak dari aspek kecekapan dan kos latihan kepada pekerja baru. **Jadual 13.5** menunjukkan kadar pusing ganti pekerja am bagi tahun 2007 hingga 2009.

Jadual 13.5
Kadar Pusing Ganti Pekerja Kontrak Bagi Tahun 2007 Hingga 2009

Tahun	Jumlah Pekerja Kontrak (Orang)	Jumlah Diambil (Orang)	Jumlah Berhenti (Orang)	Kadar Pusing Ganti Pekerja (%)
2007	196	86	79	40.3
2008	196	87	83	42.3
2009	196	80	87	44.4
Jumlah		253	249	

Sumber: Rekod TCSB

Antara sebab yang dikenal pasti adalah kadar gaji yang terlalu rendah iaitu antara RM416 sebulan bagi tahun pertama perkhidmatan hingga RM952 sebulan bagi 30 tahun perkhidmatan. Pihak Audit telah menjalankan kajian melalui soal selidik kepada 40 orang kakitangan berkaitan kepuasan pekerja terhadap beberapa perkara seperti gaji, beban kerja, kemudahan serta hubungan antara pekerja dengan majikan. **Hasil daripada kajian tersebut, menunjukkan 93% daripada pekerja am tidak berpuas hati dengan gaji yang diterima.**

ii) Pelan Peralihan Tugas

Pelan peralihan tugas hendaklah disediakan sebagai perancangan strategik sumber manusia bagi memastikan aktiviti Syarikat berjalan lancar dan kecemerlangan organisasi berterusan. Semakan Audit mendapati TCSB tidak menyediakan pelan peralihan tugas bagi memastikan aktiviti Syarikat berjalan dengan lancar apabila pengurusan sedia ada akan bersara. Selain itu, umur Pengurus Kilang dan Penolong Pengurus Kilang (operasi) adalah masing-masing 59 tahun dan 57 tahun.

TCSB memaklumkan, pihak pengurusan belum menentukan pegawai yang berpotensi untuk mengambil alih tugas.

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan sumber manusia TCSB adalah tidak memuaskan kerana kadar pusing ganti pekerja yang tinggi dan pelan peralihan tugas tidak disediakan.

b) Polisi/Garis Panduan/Prosedur Kerja

Sistem dan prosedur yang menyeluruh, lengkap dan jelas dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ia dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dan mengambil tindakan dengan segera dan seterusnya dapat membantu Syarikat mencapai misi dan objektifnya. Semakan Audit mendapati TCSB hanya mempunyai Prosedur Kerja yang lengkap berkaitan operasi Syarikat iaitu Manual Kualiti yang telah diiktiraf oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. Manakala polisi/garis panduan berkaitan Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Aset dan Stor tidak disediakan.

Pada pendapat Audit, penyediaan polisi/garis panduan/prosedur kerja adalah tidak memuaskan kerana Polisi/Garis Panduan Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Pengurusan Aset dan Stor tidak disediakan.

c) Strategi Dan Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, menghendaki syarikat kerajaan menyediakan Rancangan Korporat. Setiap syarikat perlu merancang strategi perniagaan bagi memastikan perniagaan yang diusahakan mencapai objektif penubuhannya dan mendatangkan pulangan yang baik. Semakan Audit mendapati TCSB tidak pernah menyediakan Pelan Perniagaan Syarikat. Temu bual Audit dengan Pengurus Kilang mendapati Syarikat ini tidak mempunyai keperluan untuk mengadakan Pelan Perniagaan Syarikat kerana operasi Syarikat adalah berdasarkan kepada permintaan oleh pelanggan. Oleh yang demikian, adalah sukar bagi Syarikat untuk menyediakan Pelan Perniagaan Syarikat.

Pada pendapat Audit, TCSB perlu menyediakan strategi dan rancangan korporat supaya pelan perkembangan Syarikat ini pada masa hadapan dapat dirancang dengan baik.

d) Kelemahan Dalam Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan yang cekap adalah penting di mana sesebuah organisasi perlu memenuhi tatacara dan peraturan yang ditetapkan untuk memperoleh dan menggunakan sumber berdasarkan kepada objektif tertentu.

i) Penyediaan Belanjawan - Semakan Audit mendapati TCSB ada menyediakan belanjawan tahunan bagi tahun 2007 hingga 2009 dan belanjawan tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, penyediaan belanjawan tersebut adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa perbelanjaan modal yang dilaksanakan tidak diambil kira dalam belanjawan tahunan. Kelulusan terhadap perbelanjaan modal tersebut hanya diperolehi daripada Lembaga Pengarah secara *ad-hoc*. Semakan lanjut mendapati Syarikat ini telah melakukan perbelanjaan melebihi peruntukan tambahan yang diluluskan.

ii) Kawalan Perbelanjaan Dan Perolehan - Pengurusan perbelanjaan meliputi aktiviti membuat perolehan, memproses bayaran dan mengakaunkannya. Langkah kawalan perbelanjaan yang sempurna menjamin wang awam dibelanjakan dengan cekap dan berhemat selaras dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan dan perolehan mendapati TCSB tidak menyediakan garis panduan dan prosedur kewangan. Ini menyebabkan urusan kewangan dan perolehan tidak teratur seperti perbelanjaan melebihi peruntukan, pengasingan tugas tidak diwujudkan, daftar bil tidak diselenggara, bil lewat dibayar dan perolehan tidak diurus secara sebut harga/tender.

iii) Pengurusan Aset Dan Inventori - Pengurusan aset merupakan antara aspek penting dalam pengurusan kewangan dan wajar diberi keutamaan oleh syarikat. Semakan Audit mendapati polisi/garis panduan berhubung pengurusan aset Syarikat ini tidak disediakan, menyebabkan kelemahan seperti daftar aset dan inventori tidak diselenggara, aset tetap tidak diberi tanda pengenalan, pemeriksaan fizikal terhadap aset tidak dijalankan dan aset/inventori yang tidak boleh digunakan tidak dilupuskan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan TCSB adalah tidak memuaskan kerana polisi/garis panduan pengurusan kewangan dan pengurusan aset tidak disediakan.

13.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, objektif penubuhan TCSB adalah tercapai dari aspek penyediaan kemudahan pemprosesan getah kepada pekebun kecil dan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Bagaimanapun, dari segi pengurusan kewangan dan aktiviti masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh Syarikat ini seperti berikut:

- a)** Menyediakan polisi/garis panduan yang lengkap terhadap pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan aset bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan Syarikat.
- b)** Menyemak semula gaji pekerja am bagi mengelakkan pusing ganti pekerja yang tinggi serta menyediakan pelan peralihan tugas.
- c)** Menyediakan perancangan strategik yang merangkumi pelan jangka pendek dan jangka panjang terhadap perkembangan Syarikat.

14. SEDCOVEST HOLDINGS SDN. BHD.

14.1 LATAR BELAKANG

14.1.1 Sedcovest Holdings Sdn. Bhd. (Sedcovest) telah ditubuhkan pada tahun 1995 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan modal saham dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal saham berbayar berjumlah RM1.50 juta. Sedcovest merupakan Syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (SEDCO) iaitu sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Sabah, 1971. Lembaga Pengarah Sedcovest dianggotai oleh tujuh orang yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan enam orang ahli.

14.1.2 Objektif Sedcovest adalah untuk menyelaraskan, merangka dasar dan polisi serta melaksanakan program sosio-ekonomi yang berkaitan dengan pembangunan usahawan bumiputera di Negeri Sabah dengan tujuan seperti berikut:

- Meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam aktiviti kumpulan SEDCO.
- Menyediakan kemudahan premis perniagaan dan industri kepada masyarakat bumiputera.
- Mewujudkan peluang perniagaan dan meningkatkan penyertaan bumiputera di bidang perniagaan dan perindustrian.
- Meningkatkan ilmu keusahawanan dan memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat bumiputera.

14.1.3 Aktiviti utama yang dijalankan oleh Sedcovest adalah pengurusan, pelaburan dan pembangunan hartanah, latihan organisasi serta program pembangunan perniagaan. Perkhidmatan yang disediakan pula terdiri daripada penyediaan infrastruktur perniagaan dan perindustrian, program pembangunan usahawan dan pembiayaan, program bimbingan dan pembudayaan serta program sokongan.

14.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Sedcovest telah melaksanakan aktiviti utamanya dengan cekap dan berkesan serta berhemat selaras dengan objektif penubuhan yang telah ditetapkan.

14.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek tadbir urus korporat, prestasi kewangan, pengurusan kewangan dan aktiviti serta pemantauan Sedcovest bagi tahun 2007 hingga 2009 di pejabat Sedcovest di Wisma SEDCO, Kota Kinabalu. Kaedah pengauditan adalah dengan membuat semakan terhadap rekod, fail, minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan dokumen lain berkaitan dengan pengurusan Sedcovest. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan juga dilakukan. Selain itu, lawatan dibuat ke 13 premis perniagaan di lapan daerah iaitu Kota Kinabalu, Penampang, Kota Marudu, Papar, Ranau, Tamparuli, Lahad Datu dan Semporna.

14.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2009 mendapati pada umumnya prestasi kewangan Sedcovest adalah memuaskan. Sedcovest telah mencatat keuntungan bersih sejumlah RM508,714 pada tahun 2009. Pengurusan aktiviti utama Sedcovest pula adalah kurang memuaskan di mana terdapat kelemahan dari segi pelaksanaan 23 projek usaha sama tanpa perjanjian, pelantikan konsultan tidak melalui jawatankuasa, konsultan/kontraktor tidak melaksanakan tugas dengan memuaskan dan mutu kerja, penyenggaraan premis serta pemantauan/penilaian terhadap peserta kursus untuk usahawan tidak memuaskan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus Sedcovest adalah seperti berikut:

14.4.1 Prestasi Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan Sedcovest, analisis terhadap trend dan nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

- a) Analisis trend bagi tahun 2007 hingga 2009 mendapati jumlah pendapatan telah meningkat masing-masing sejumlah RM241,113 atau 4.7% kepada RM5.39 juta pada tahun 2008 dan RM1.21 juta atau 22.4% kepada RM6.60 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan dalam kutipan sewa premis pada tahun 2008 dan pertambahan dalam pendapatan pembangunan latihan dan perniagaan pada tahun 2009. Perbelanjaan juga telah meningkat sejumlah RM156,027 atau 3% kepada RM5.32 juta pada tahun 2008 dan RM754,170 atau 14.2% kepada RM6.07 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan perbelanjaan untuk pengurusan premis perniagaan telah meningkat pada tahun 2008 dan perbelanjaan untuk pembangunan latihan dan perniagaan telah meningkat pada tahun 2009. Sedcovest telah mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM13,260 pada tahun 2007 tetapi telah mencatat keuntungan sebelum cukai masing-masing sejumlah RM71,826 dan RM526,260 pada tahun 2008 dan 2009.


- b) Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Sedcovest bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 14.1** dan **Carta 14.1**.

Jadual 14.1
Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung Rugi Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun		
	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
Pendapatan	4,978,661	5,162,849	6,374,286
Perbelanjaan	(4,089,351)	(4,255,450)	(5,208,860)
Untung Kasar	889,310	907,399	1,165,426
Pendapatan Lain	114,794	175,944	171,729
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(1,055,870)	(1,050,605)	(855,255)
Untung/(Rugi) Operasi	(51,766)	32,738	481,900
Pendapatan Faedah	53,353	49,128	50,510
Perbelanjaan Faedah	(14,847)	(10,040)	(6,150)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(13,260)	71,826	526,260
Cukai	(2,492)	(9,223)	(17,546)
Untung/(Rugi) Bersih	(15,752)	62,603	508,714
Kerugian Terkumpul	(1,864,193)	(1,801,590)	(1,292,876)

Sumber: Penyata Kewangan Sedcovest Bagi Tahun 2007-2009

Carta 14.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Sedcovest Bagi Tahun 2007-2009

c) Analisis Nisbah Kewangan

Analisis Nisbah Kewangan yang dibuat adalah meliputi analisis Nisbah Semasa, Nisbah Keuntungan dan Nisbah Kestabilan. Kedudukan Nisbah Kewangan Sedcovest adalah seperti di **Jadual 14.2**.

Jadual 14.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	Tahun		
	2007	2008	2009
Nisbah Semasa	0.91:1	0.94:1	1:1
Margin Keuntungan	-	0.01:1	0.08:1
Nisbah Pulangan Atas Aset	-	0.01:1	0.08:1
Nisbah Pulangan Atas Ekuiti	-	(0.21):1	2.46:1
Nisbah Hutang Atas Aset	0.99:1	1.01:1	0.96:1
Nisbah Hutang Atas Ekuiti	(19.36):1	(22.87):1	29.70:1

Sumber: Penyata Kewangan Sedcovest Bagi Tahun 2007-2009

Nota: Sedcovest mengalami kerugian sebelum cukai dan kerugian bersih masing-masing sejumlah RM13,260 dan RM15,752 pada tahun 2007

i) Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecairan Sedcovest pada tahun 2007 adalah 0.91 kali. Tahap kecairan telah meningkat kepada 0.94 kali pada tahun 2008 dan satu kali pada tahun 2009. Nisbah ini menunjukkan bahawa Sedcovest tidak mempunyai keupayaan untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya pada tahun 2007 dan 2008.

ii) Margin Keuntungan

Margin Keuntungan mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (*core business*) sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value-added*) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, Sedcovest telah mendapat keuntungan sejumlah satu sen pada tahun 2008 dan lapan sen pada tahun 2009. Berdasarkan kepada margin ini dapat dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi syarikat ini pada tahun 2009 adalah lebih baik berbanding tahun 2008.

iii) Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati tahap kecekapan Sedcovest menguruskan asetnya pada tahun 2009 adalah lebih baik berbanding dengan tahun 2008.

iv) Nisbah Pulangan Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang

digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati tahap kecekapan Sedcovest untuk menguruskan modal syarikat semakin meningkat.

v) Nisbah Hutang Atas Aset

Nisbah Hutang Atas Aset digunakan bagi menilai kestabilan syarikat ini dengan menunjukkan jumlah hutang yang perlu ditanggung untuk menghasilkan aset syarikat. Mengikut standard biasa, nisbah hutang berbanding dengan aset adalah pada kadar 0.5:1 iaitu jumlah hutang kurang 50% daripada aset adalah dianggap *prudent*. Mengikut perkiraan Audit, Nisbah Hutang Sedcovest bagi tahun 2007 hingga 2009 masing-masing adalah 0.99 (99%), 1.01 (101%) dan 0.96 (96%). Nisbah ini menunjukkan jumlah hutang Sedcovest berbanding aset adalah tinggi iaitu tidak mampu menjelaskan hutangnya dengan jumlah aset yang ada.

vi) Nisbah Hutang Atas Ekuiti

Nisbah Hutang Atas Ekuiti adalah untuk mengukur leveraj kewangan syarikat ini iaitu semakin tinggi nilai nisbah, semakin tinggi risiko untuk melabur dalam syarikat tersebut. Mengikut perkiraan Audit, Nisbah Hutang Atas Ekuiti Sedcovest masing-masing adalah negatif 19.36, negatif 22.87 dan 29.70. Berdasarkan kepada nisbah ini menunjukkan bahawa kedudukan leveraj kewangan Sedcovest berisiko tinggi di mana jumlah liabiliti tidak mampu dibiayai oleh ekuiti. Ini disebabkan kedudukan ekuiti Sedcovest yang berada pada paras negatif bagi tahun 2007 dan 2008 berbanding jumlah liabiliti yang tinggi.

Sedcovest memaklumkan bahawa Syarikat tidak dibenarkan untuk memegang aset yang banyak disebabkan objektif penubuhannya yang berlandaskan kepada tanggungjawab pengurusan dan sosio ekonomi. Penetapan aspek ekuiti dan aset yang dibenarkan adalah bergantung sepenuhnya kepada polisi SEDCO. Selain itu, pihak SEDCO juga telah mengesahkan untuk memberi sokongan kewangan kepada Sedcovest.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan Sedcovest pada tahun 2009 semakin baik berbanding tahun-tahun sebelumnya.

14.4.2 Pengurusan Operasi

Operasi Sedcovest adalah menjurus kepada dua bidang utama iaitu penyediaan premis perniagaan dan perindustrian serta program pembangunan usahawan.

a) Prestasi Pembinaan Premis Perniagaan Dan Perindustrian

Pembinaan premis hendaklah dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan dalam perjanjian kontrak. Sebarang kelewatan menyiapkan projek perlu mendapat kelulusan lanjutan masa atau *extension of time* (EOT) daripada Lembaga Pengarah. Kelewatan menyiapkan projek tanpa kelulusan lanjutan masa akan menyebabkan kontraktor dikenakan denda berdasarkan kadar yang telah ditetapkan. Pembinaan projek juga hendaklah dipantau oleh konsultan yang dilantik untuk memastikan mutu kerja dan

bahan binaan adalah mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Selain itu, setiap premis yang telah siap perlu diberi sijil menduduki atau *occupation certificate* (OC) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan untuk mengesahkan premis adalah selamat diduduki. Semakan Audit terhadap prestasi pembinaan premis perniagaan dan perindustrian mendapati kelemahan berikut:

i) Pelaksanaan Projek Tanpa Perjanjian Usaha Sama

Sedcovest melaksanakan projek usaha sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan/Agensi Kerajaan/pemilik tanah di lokasi yang telah dikenal pasti. Projek usaha sama tersebut melibatkan pembinaan premis perniagaan di atas tanah pemilik yang mana akan diserahkan kepada pemilik tanah selepas tempoh perjanjian tamat.

Perjanjian usaha sama perlu ditandatangani oleh Sedcovest dan pemilik tanah dengan menetapkan syarat dan terma usaha sama secara terperinci antaranya berhubung tempoh usaha sama dan pulangan hasil. Perjanjian usaha sama sepatutnya ditandatangani pada peringkat perancangan atau sebelum projek mula dilaksanakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 23 perjanjian usaha sama untuk projek yang sudah siap/sedang dalam pembinaan tidak ditandatangani oleh pihak yang terlibat seperti di **Jadual 14.3**.

Jadual 14.3
Projek Dilaksanakan Tanpa Perjanjian Usaha Sama

Bil.	Projek	Projek Usahasama Bersama	Geran MECD (RM Juta)	Tarikh Siap
1.	Waterfront Esplanade, Kota Kinabalu	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	3.16	14.11.2000
2.	Taman Medan Selera Likas, Kota Kinabalu	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2.04	2.2.2001
3.	Premis Perniagaan Kota Marudu	Majlis Daerah Kota Marudu	1.90	12.9.2002
4.	Premis Perniagaan Gum-Gum, Batu 16, Sandakan	Majlis Perbandaran Sandakan	1.00	29.8.2002
5.	Premis Perniagaan Kuala Penyu	Majlis Daerah Kuala Penyu	0.90	22.8.2002
6.	Premis Perniagaan, Nabawan	Majlis Daerah Nabawan	0.80	18.5.2003
7.	Premis Perniagaan Beaufort	Majlis Daerah Beaufort	1.00	16.8.2002
8.	Tamu Apas Balung, Batu 15, Tawau	Majlis Perbandaran Tawau	0.90	3.8.2003
9.	Arked Perniagaan Kota Belud	Majlis Daerah Kota Belud	1.90	21.6.2004
10.	Premis Perniagaan Tenom	Majlis Daerah Tenom	1.00	1.4.2003
11.	Premis Perniagaan Papar	Majlis Daerah Papar	0.90	27.5.2005
12.	Premis Perniagaan Pitas	Majlis Daerah Kota Marudu	1.50	6.8.2005
13.	Premis Perniagaan Kinabatangan	Majlis Daerah Kinabatangan	1.00	30.1.2006
14.	Premis Perniagaan Bumiputera Jln. Leila, Sandakan	Majlis Perbandaran Sandakan	1.80	12.6.2007
15.	Pusat R&R Bundu Tuhan, Ranau	Koperasi Kg. Bundu Tuhan Ranau Berhad	1.50	8.9.2008
16.	Premis Perniagaan Menumbok	Majlis Daerah Kuala Penyu	1.00	18.12.2007
17.	Premis Perniagaan Tamparuli	Majlis Daerah Tuaran	1.00	20.3.2009
18.	Premis Perniagaan Tandek	Majlis Daerah Kota Marudu	1.00	Belum Siap
19.	Pusat R&R Pitas	Majlis Daerah Kota Marudu	2.00	Belum Siap
20.	Pusat R&R Sindumin	Majlis Daerah Sipitang	2.00	Belum Siap
21.	Premis Perniagaan Matunggong, Kudat	Majlis Daerah Kudat	1.50	Belum Siap
22.	Pusat R&R Kinabatangan	Majlis Daerah Kinabatangan	3.50	Belum Siap
23.	Premis Perniagaan Membakut	Majlis Daerah Kuala Penyu	2.10	Belum Siap

Sumber: Rekod Sedcovest

Nota: MeCD – Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

Semakan Audit mendapati Sedcovest memulakan pelaksanaan projek berdasarkan surat kebenaran masuk tapak daripada pemilik tanah walaupun perjanjian belum ditandatangani. Semakan lanjut mendapati surat tersebut hanya memberi kebenaran kepada Sedcovest untuk masuk ke tapak tanah tanpa syarat lain yang lebih spesifik.

Sedcovest memaklumkan bahawa tindakan untuk menandatangani perjanjian sedang diambil di mana draf perjanjian akhir telah dikemukakan kepada peguam Syarikat/pemilik tanah untuk semakan atau persetujuan.

ii) Pelantikan Dan Prestasi Konsultan Tidak Memuaskan

Bagi meningkatkan kawalan dalaman, pemilihan konsultan hendaklah dibuat melalui satu jawatankuasa untuk memastikan ketelusan dalam pelantikan konsultan. Semakan Audit mendapati semua konsultan yang dilantik adalah berdaftar dengan Skim Panel Syarikat Bumiputera Kumpulan SEDCO. Bagaimanapun, keputusan pemilihan/pelantikan konsultan tidak dibuat melalui mana-mana jawatankuasa. Pihak Audit dimaklumkan pemilihan konsultan dibuat oleh Pengurus Besar disebabkan bilangan konsultan yang berdaftar adalah sedikit.

Pihak Sedcovest memaklumkan pihak pengurusan Syarikat ini terlepas pandang tentang keperluan melantik konsultan menggunakan polisi perolehan sedia ada iaitu melalui tender. Bagaimanapun, Sedcovest akan memastikan pemilihan konsultan pada masa akan datang dibuat melalui Jawatankuasa Tender.

Semakan Audit selanjutnya mendapati prestasi beberapa konsultan kurang memuaskan. Konsultan tersebut didapati belum mendapatkan Sijil Menduduki (OC) bagi 12 premis yang telah siap dan tidak memantau pelaksanaan projek oleh kontraktor. Berdasarkan kepada perjanjian, konsultan adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan OC bagi premis yang telah siap daripada PBT yang berkenaan. Semakan Audit mendapati setakat bulan Julai 2010, terdapat 12 premis perniagaan yang telah siap sejak tahun 1999 hingga 2009 belum diberi OC oleh PBT. Bagaimanapun, sebanyak sembilan premis perniagaan tersebut telah beroperasi sepenuhnya tanpa OC atau Sijil Menduduki Sementara (TOC). Semakan Audit selanjutnya mendapati sembilan konsultan yang terlibat telah dibayar yuran sepenuhnya oleh Sedcovest seperti di **Jadual 14.4**.

Jadual 14.4
Senarai Premis Perniagaan Yang Belum Diberi Sijil Menduduki

Bil.	Projek	Konsultan	Tarikh Siap	Bayaran Yuran (%)	Catatan
1.	Gerai Tamu Tuaran	Arkitek A. Karim Hussein	12.7.1999	100	Beroperasi
2.	Tamu Apas Balung, Batu 15, Tawau	Chan & Shahriman Arkitek Sdn. Bhd.	3.8.2003	100	Beroperasi
3.	Premis Perniagaan, Nabawan	Perunding Era Daya Sdn. Bhd.	18.5.2003	100	Beroperasi
4.	Pusat R&R Langkon, Kota Marudu	Perunding Shahelmey & Rakan-Rakan Sdn. Bhd.	9.8.2004	100	TOC
5.	Premis Perniagaan Kg. Paris III	Ariffin Sudin Architect	29.6.2005	100	Beroperasi
6.	Premis Perniagaan Pitas	Perunding Era Daya Sdn. Bhd.	6.8.2005	100	Beroperasi
7.	Premis Perniagaan Kinabatangan	Chan & Shahriman Arkitek Sdn. Bhd.	30.1.2006	100	Beroperasi
8.	Pusat R&R Batu 24, Tawau	Perunding Shahelmey & Rakan-Rakan Sdn. Bhd.	11.1.2007	100	Beroperasi
9.	Premis Perniagaan Sipitang	Arkitek A. Karim Hussein	14.4.2008	100	Beroperasi
10.	Pusat R&R Bundu Tuhan, Ranau	Perunding Shahelmey & Rakan-Rakan Sdn. Bhd.	8.9.2008	85	Beroperasi
11.	Premis Perniagaan Kunak	Ariffin Sudin Architect	29.2.2008	85	TOC
12.	Premis Perniagaan Pulau Bum-Bum, Semporna	Chan & Shahriman Arkitek Sdn. Bhd.	30.1.2008	85	Belum ada penyewa

Sumber: Rekod Sedcovest

PBT memaklumkan sebab kelewatan adalah terdapat syarat yang tidak dipatuhi oleh kontraktor.

Sedcovest memaklumkan bahawa konsultan yang terlibat telah diberi surat peringatan. Selain itu, Sedcovest juga akan memasukkan klausa dalam perjanjian agar yuran profesional tidak dibayar sepenuhnya kepada konsultan sehinggalah OC diperolehi.

iii) Prestasi Kontraktor Tidak Memuaskan

Kontraktor yang dilantik perlu berdaftar dengan syarikat panel SEDCO dan pemilihannya dibuat melalui jawatankuasa. Semakan Audit mendapati semua kontraktor yang dilantik adalah syarikat bumiputera yang telah berdaftar dengan syarikat panel SEDCO. Pemilihan kontraktor telah dibuat melalui Jawatankuasa Tender dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Sedcovest. Semakan Audit selanjutnya mendapati prestasi tujuh kontraktor kurang memuaskan kerana tidak dapat menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan. Pemeriksaan fizikal Audit secara persampelan terhadap premis perniagaan yang telah siap pula mendapati mutu kerja kurang memuaskan dan bahan binaan yang digunakan oleh kontraktor kurang berkualiti.

Sedcovest memaklumkan tindakan telah diambil untuk menyenaraihitamkan semua kontraktor yang terlibat.

- **Projek Lewat Disiapkan** – Semakan Audit mendapati lima projek telah lewat disiapkan antara 11 hari hingga 358 hari daripada tarikh penyiapan baru iaitu selepas mendapat kelulusan lanjutan masa daripada Sedcovest. Bagaimanapun, hanya tiga kontraktor yang gagal menyiapkan projek mengikut tarikh penyiapan baru telah dikenakan denda masing-masing sejumlah RM92,292, RM88,243 dan RM65,000. Dua kontraktor lagi tidak dikenakan denda kerana kelewatan hanya melibatkan kerja pembersihan dan pemotongan rumput.
- **Mutu Kerja Dan Bahan Binaan Tidak Memuaskan** – Lawatan Audit ke Pusat Rehat & Rawat (R&R) Anjung Malawa, *Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP)*, *Light Industrial Building* Kolombong, Pusat R&R Bundu Tuhan, Ranau dan premis perniagaan Pulau Bum-Bum, Semporna antara 7 hingga 19 Ogos 2009 mendapati sebahagian mutu kerja dan bahan binaan yang digunakan adalah kurang memuaskan. Kelemahan dari segi kerja yang tidak memuaskan adalah seperti atap bocor, dinding retak, struktur lantai jubin tidak rata, kabel elektrik tidak ditutup dan laluan pejalan kaki tidak ditimbus selepas kerja pembaikan dibuat. Terdapat juga penggunaan bahan binaan yang tidak memuaskan seperti kayu yang mudah reput dan cat yang mudah pudar.

Sedcovest memaklumkan, tindakan telah diambil oleh kontraktor untuk membaiki kerosakan premis perniagaan tersebut.

Pada pendapat Audit, prestasi pembinaan premis perniagaan dan perindustrian Sedcovest adalah kurang memuaskan.

b) Prestasi Pengurusan Hartanah/Premis Perniagaan

Sedcovest menyediakan premis perniagaan untuk disewakan kepada peniaga bumiputera dan bukan bumiputera di seluruh Negeri Sabah. Keutamaan adalah diberi kepada peniaga bumiputera di mana peniaga bukan bumiputera hanya dibenarkan menyewa tidak melebihi 30% daripada keseluruhan premis perniagaan Sedcovest. Setakat bulan Mei 2009, sebanyak 81 lot premis perniagaan komersil, 450 lot premis perniagaan sosio ekonomi, 18 lot arked dan 23 lot inkubator telah disewakan kepada 532 peniaga bumiputera dan 40 peniaga bukan bumiputera. Selain itu, Sedcovest perlu membuat penyenggaraan/pembaikan terhadap tujuh premis komersil/SEDCO dan 13 premis perniagaan sosio ekonomi. Sebanyak 14 premis sosio ekonomi lagi disenggara oleh PBT/orang perseorangan (diswastakan). Semakan Audit terhadap prestasi pengurusan hartanah/premis perniagaan mendapati kelemahan berikut:

i) Perjanjian Penyewaan Lot Dengan Penyewa Belum Ditandatangani

Perjanjian penyewaan perlu ditandatangani antara pemilik dengan penyewa untuk memastikan syarat dan terma penyewaan dipatuhi. Semakan Audit mendapati 44 penyewa premis komersil, tujuh penyewa arked dan enam penyewa inkubator masing-masing belum menandatangani perjanjian penyewaan. Pihak Audit

dimaklumkan penyewa tidak menandatangani perjanjian kerana enggan menanggung kos yuran guaman. Selain itu, terdapat kes di mana kunci premis telah diserahkan oleh pihak Sedcovest kepada penyewa yang belum menandatangani perjanjian penyewaan. Tanpa perjanjian penyewaan, pihak yang terlibat adalah terdedah kepada risiko sekiranya syarat dan terma penyewaan tidak dipatuhi. Bagi perjanjian penyewaan premis sosio ekonomi, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kewujudannya kerana pihak Sedcovest tidak ada menyimpan salinan perjanjian yang telah ditandatangani. Selain itu, pemeriksaan ke pejabat Majlis Daerah Papar (MDP) pada 11 Ogos 2009 mendapati perjanjian penyewaan tidak pernah ditandatangani antara MDP dengan penyewa. MDP hanya menggunakan surat tawaran penyewaan sebagai dokumen asas untuk membolehkan kutipan sewa dan tindakan lain diambil. Status perjanjian penyewaan premis komersil, arked dan inkubator setakat bulan Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 14.5**.

Jadual 14.5
Status Perjanjian Penyewaan Setakat Bulan Disember 2009

Bil.	Premis	Bil. Unit/Lot Disewakan	Perjanjian Ditandatangani		
			Sudah	Dalam Proses	Belum
	Komersil				
1.	Wisma SEDCO	20	13	-	7
2.	Asia City	14	8	-	6
3.	Bandar Baru Penampang	15	8	-	7
4.	KKIP	6	5	-	1
5.	Kiosk Wisma SEDCO	2	-	-	2
6.	Anjung Selera	21	-	-	21
	Jumlah	78	34	-	44
	Pusat Bimbingan Usahawan Negeri Sabah				
1.	Aarked	18	9	2	7
2.	Inkubator	23	14	3	6
	Jumlah	41	23	5	13

Sumber: Rekod Sedcovest

ii) Penyenggaraan Premis Tidak Memuaskan

Penyenggaraan premis yang diuruskan oleh Sedcovest dilakukan apabila aduan diterima daripada penyewa atau kerosakan dikesan semasa lawatan mengikut jadual dibuat oleh pegawai Sedcovest. Lawatan ke premis perniagaan Pulau Bum-Bum, Semporna mendapati siling yang rosak tidak dibaiki dan kawasan premis ditumbuhi semak samun seperti **Foto 14.1** dan **Foto 14.2**.

Foto 14.1
Siling Rosak Tidak Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Premis Perniagaan Pulau Bum-Bum,
Semporna
Tarikh: 19 Ogos 2009

Foto 14.2
Kawasan Premis Tidak Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Premis Perniagaan Pulau Bum-Bum,
Semporna
Tarikh: 19 Ogos 2009

Premis perniagaan sosio ekonomi yang tidak disenggara dengan memuaskan boleh menyebabkan premis cepat usang dan tidak dapat menarik minat penyewa.

Sedcovest memaklumkan, tindakan membaiki premis tersebut akan dibuat apabila ada penyewa baru.

iii) Penambahan (*Extension*) Kepada Struktur Bangunan Asal Tanpa Kebenaran Sedcovest

Penambahan kepada struktur bangunan asal perlu mendapat kebenaran daripada pemilik premis terlebih dahulu. Lawatan Audit ke Kilang KKIP, Anjung Selera Likas dan Pusat R&R Bundu Tuhan mendapati, penyewa telah membuat penambahan kepada struktur bangunan asal. Bagaimanapun, menurut pihak Sedcovest hanya seorang penyewa di kilang KKIP sahaja yang telah diberi kebenaran untuk membuat penambahan. Lima penyewa di kilang KKIP, seorang di Anjung Selera (dua lot) dan Pusat R&R Bundu Tuhan pula tidak mengemukakan permohonan mereka kepada Sedcovest. Perkara ini berlaku kerana kurangnya pemantauan atau penguatkuasaan di pihak Sedcovest. Penambahan kepada struktur asal bangunan tanpa diperiksa oleh pihak yang bertaualiah boleh menyebabkan keselamatan bangunan, penyewa dan orang awam tidak terjamin.

Sedcovest memaklumkan, tindakan telah diambil dengan mengeluarkan surat arahan kepada penyewa terlibat supaya merobohkan penambahan struktur bangunan yang dibuat tanpa kebenaran.


Penambahan yang tidak mendapat kebenaran Sedcovest dan struktur tambahan yang telah dirobohkan selepas teguran Audit adalah seperti di **Foto 14.3** hingga **Foto 14.5**.

Foto 14.3
Pertambahan Struktur
Bangunan Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kilang KKIP, Sepanggar
Tarikh: 7 Ogos 2009

Foto 14.4
Penambahan Struktur
Bangunan Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Anjung Selera Likas
Tarikh: 7 Ogos 2009

Foto 14.5
Struktur Tambahan
Yang Telah Dirobohkan



Sumber: Sedcovest
Lokasi: Anjung Selera Likas
Tarikh: 19 Julai 2010

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan premis perniagaan adalah kurang memuaskan.

c) Prestasi Pembangunan Usahawan

Sedcovest melaksanakan tanggungjawabnya dalam aspek pembangunan usahawan melalui perancangan pembangunan usahawan bumiputera, memberi pinjaman dan kemudahan kewangan kepada usahawan, mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dan pelaburan serta menyediakan kursus/latihan/khidmat sokongan. Semakin terhadap prestasi pembangunan usahawan mendapati perkara berikut:

i) Pelaksanaan Kursus Dan Latihan

Kursus yang dirancang hendaklah dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati Sedcovest ada menyediakan jadual bagi kursus yang dirancang pada setiap tahun. Semakan selanjutnya mendapati bilangan kursus yang dirancang bagi tempoh tahun 2007 dan 2008 tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana peruntukan tidak mencukupi. Bagaimanapun, pelaksanaan kursus pada tahun 2009 adalah mengikut perancangan yang disediakan. Peratus pencapaian pelaksanaan kursus berbanding sasaran yang ditetapkan pada tahun 2007 hingga 2009 adalah masing-masing sejumlah 78%, 52% dan 99%. Maklumat perancangan dan pelaksanaan kursus bagi tempoh tiga tahun adalah seperti di **Jadual 14.6**.

Jadual 14.6
Pelaksanaan Kursus/Latihan Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009

Bil.	Jenis Kursus/Latihan Mengikut Sektor	2007		2008		2009	
		a	b	a	b	a	b
1.	Sektor Pelancongan	6	3	6	1	14	3
2.	Sektor Pertanian Dan Penternakan	2	-	-	-	6	5
3.	Sektor Pembuatan Dan Perkhidmatan	23	23	43	22	55	92
4.	Sektor Teknologi Maklumat	8	-	2	-	8	2
5.	Umum	11	13	14	11	31	11
Jumlah		50	39	65	34	114	113
Pencapaian (%)		78		52		99	

Sumber: Rekod Sedcovest

Nota: a – Dirancang, b – Dilaksana

Sedcovest memaklumkan bahawa pelaksanaan kursus adalah menggunakan peruntukan daripada MeCD atau SEDCO. Bagaimanapun, sejak tahun 2007 MeCD telah mengurangkan sumber pembiayaan program latihan kepada semua Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri. MeCD seterusnya telah dimansuhkan pada awal tahun 2009. Oleh itu, Sedcovest tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan kursus dan latihan kepada golongan bumiputera pada tahun 2007 dan 2008.

ii) Maklum Balas Penilaian Latihan Dan Kursus Untuk Usahawan

Syarikat ini perlu membuat susulan terhadap peserta kursus untuk mengetahui prestasi pencapaian peserta selepas mengikuti kursus/latihan. Sedcovest ada mengedarkan borang maklumat peserta kursus untuk mendapatkan maklumat peribadi (biodata) dan perniagaan mereka serta borang penilaian penceramah dan penilaian kursus untuk mendapatkan maklum balas tentang kesesuaian penceramah, kandungan ceramah, tempat kursus dan kursus lain yang diperlukan daripada peserta. Maklumat yang diperolehi akan dianalisis oleh pegawai Bahagian Latihan dan rumusan keseluruhan dimasukkan dalam laporan kursus. Selain itu, Bahagian Pembangunan Usahawan Dan Hal Ehwal Korporat ada membuat susulan pelaksanaan kursus melalui pengedaran borang soal selidik terhadap peserta kursus bagi tempoh 2001 hingga 2007. Bagaimanapun, maklum balas yang diterima

adalah tidak menggalakkan di mana peratusan yang memberi respons hanya mencapai 16% seperti di **Jadual 14.7**.

Jadual 14.7
Impak Pelaksanaan Kursus Sedcovest Bagi Tempoh 2001 Hingga 2007

Bil.	Kategori Peserta/Impak	Bil. Kursus	Bil. Peserta		
			Keseluruhan	Responden	Peratus (%)
1.	Penjaja Dan Peniaga Kecil Bumiputera	8	320	51	15.9
	Membuka Perniagaan			12	
	Bertambah Maju			44	
	Pengeluaran Meningkatkan			20	
	Pelanggan Meningkatkan			31	
2.	Wanita	88	6,428	74	1.2
	Membuka Perniagaan			13	
	Bertambah Maju			59	
	Pengeluaran Meningkatkan			23	
	Pekerja Bertambah			22	
	Pelanggan Meningkatkan			37	
	Peluang Bertambah			66	
3.	Umum	58	3,945	43	1.1
	Membuka Perniagaan			14	
	Bertambah Maju			37	
	Pengeluaran Meningkatkan			26	
	Pekerja Bertambah			12	
	Pelanggan Meningkatkan			38	
	Kerja Kontrak Bertambah			18	

Sumber: Rekod Sedcovest

Pihak Audit difahamkan bahawa bekas peserta kursus enggan memberi kerja sama atau tidak dapat dihubungi kerana alamat tidak lengkap atau telah berpindah ke tempat lain. Ini menyebabkan pihak Sedcovest tidak dapat menilai keberkesanan kursus yang telah dianjurkan.

Pada pendapat Audit, prestasi pembangunan usahawan adalah memuaskan kecuali pemantauan terhadap peserta kursus dan latihan.

14.4.3 Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus korporat yang baik amat penting kerana ia membantu sektor korporat bersaing dengan lebih cekap dan memperoleh pencapaian terbaik dalam sektor kewangan dan pasaran saham, mengukuhkan nama baik syarikat ini dan meningkatkan budaya kerja yang sihat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat Sedcovest mendapati kelemahan seperti berikut:

a) Unit Audit Dalam Tidak Ditubuhkan

Unit Audit Dalam perlu ditubuhkan untuk mengenal pasti kelemahan pengurusan syarikat ini. Pihak Audit mendapati Sedcovest tidak menubuhkan Unit Audit Dalam. Ini disebabkan Unit Audit Dalam SEDCO adalah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pengauditan terhadap Sedcovest. Semakan Audit mendapati pengauditan telah dijalankan setiap tahun oleh Unit Audit Dalam SEDCO. Sepanjang tahun 2007 hingga 2009, sebanyak enam pengauditan telah dijalankan. Bagaimanapun,

pemeriksaan oleh Unit Audit Dalam SEDCO adalah tidak menyeluruh kerana skop pengauditan adalah terhad kepada perkara berikut:

- Akaun Belum Terima (*Accounts Receivable*);
- Akaun Kena Bayar (*Accounts Payable*);
- Projek; dan
- Susulan kepada minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan.

Sedcovest memaklumkan pihaknya tidak mampu untuk menubuhkan Unit Audit Dalam. Bagaimanapun, pihak pengurusan Sedcovest telah berbincang dengan SEDCO supaya Unit Audit Dalam SEDCO menjalankan pengauditan sekerap mungkin dan memperluaskan lagi skop pengauditan. Selain itu, Sedcovest juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan untuk membantu dan menyelaras pembangunan usahawan bumiputera.


b) Kelemahan Dalam Pengurusan Kewangan

Pendekatan pematuhan terhadap pengauditan pengurusan kewangan dijalankan selaras dengan kehendak Seksyen 6, Akta Audit 1957. Aspek yang diliputi bagi pengauditan ini adalah berkaitan dengan kawalan bajet, kawalan terimaan atau jualan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset dan pengurusan pelaburan.

i) Kawalan Terimaan

Pengurusan terimaan merupakan prosedur yang diwujudkan bagi memastikan semua pungutan/hasil syarikat diurus dan dikendalikan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan dan diakaun dengan sempurna. Semakan Audit terhadap kawalan terimaan Sedcovest mendapati tunggakan hasil telah meningkat daripada RM869,683 pada tahun 2005 kepada RM1.41 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, tunggakan hasil telah menurun kepada RM1.23 juta pada tahun 2009. Mengikut perjanjian penyewaan lot premis, sewa lot premis Sedcovest sepatutnya dibayar oleh penyewa selewat-lewatnya pada 7 hari bulan, bulan berikutnya. Bagaimanapun, terdapat penyewa yang gagal membayar sewa mengikut tempoh yang ditetapkan dan menyebabkan tunggakan sewa meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 2009. Kedudukan tunggakan sewa premis bagi tempoh 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Carta 14.2**.

Carta 14.2
Tunggakan Sewa Premis Bagi Tahun 2005 Hingga 2009



Sumber: Rekod Sedcovest

Tunggakan sewa premis perniagaan Sedcovest pada tahun 2009 adalah berjumlah RM1.23 juta. Tunggakan tersebut terdiri daripada sewa premis komersil berjumlah RM881,231, premis sosio ekonomi berjumlah RM285,569, inkubator berjumlah RM50,340 dan arked berjumlah RM16,970 yang tertunggak antara satu bulan hingga enam tahun. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan hasil tersebut telah berkurang nyata kerana tidak termasuk tunggakan sewa bagi sembilan premis sosio ekonomi yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di mana jumlah agihan bulanan adalah tidak tetap. Oleh itu, pihak Sedcovest tidak dapat menentukan hasil sewaan yang sepatutnya diterima daripada PBT berkenaan.

ii) Kawalan Perbelanjaan

Pengurusan perbelanjaan meliputi aktiviti membuat perolehan, memproses bayaran serta mengakaunkannya. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan Sedcovest mendapati kelemahan berikut:

- **Pengurusan Perolehan Tidak Memuaskan** – Pemeriksaan Audit mendapati prosedur perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang digunakan oleh Sedcovest adalah tidak seragam. Ini disebabkan terdapat perolehan yang dibuat tanpa menggunakan Borang Pesanan Pembelian Tempatan (LPO) atau Pesanan Kerja (WO). Semakan Audit mendapati LPO dan WO yang digunakan oleh Sedcovest tidak mempunyai nombor siri yang bercetak (*pre-printed*). Borang tersebut hanya akan diberi nombor siri secara manual oleh Ketua Kerani pada masa LPO atau WO dikeluarkan/gunakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati semua urusan perolehan bekalan iaitu mendapatkan sebut harga, mengeluarkan LPO dan menerima, merekod serta menyimpan bekalan dilakukan oleh seorang kakitangan sahaja iaitu Ketua Kerani.

- **Bayaran Tidak Dijelaskan Kepada SEDCO/Pemiutang Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan** – Mengikut perjanjian pengurusan, Sedcovest sepatutnya membayar 60% daripada hasil sewa premis SEDCO yang diuruskan pada setiap tahun kepada pihak Pengurusan SEDCO. Bagaimanapun, Sedcovest tidak membayar pembahagian tersebut mengikut tempoh yang ditetapkan kerana kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan. Semakan Audit mendapati tunggakan bayaran kepada SEDCO adalah berjumlah RM5.68 juta yang tertunggak sejak tahun 2002. Selain itu, Sedcovest juga mempunyai tunggakan bayaran kepada pelbagai pemiutang perniagaan berjumlah RM541,442.

Sedcovest memaklumkan bahawa satu persetujuan telah dicapai antara Pengurusan SEDCO dan Sedcovest untuk menjelaskan bayaran tunggakan sejumlah RM80,000 sebulan.

Pada pendapat Audit, tadbir urus Sedcovest adalah memuaskan kecuali pengurusan kewangan yang perlu dipertingkatkan lagi.

14.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, pengurusan kewangan dan operasi Sedcovest adalah kurang memuaskan di mana terdapat kelemahan seperti pelaksanaan 23 projek usaha sama tanpa perjanjian, pelantikan konsultan tidak melalui jawatankuasa, konsultan/kontraktor tidak melaksanakan tugas dengan memuaskan dan mutu kerja, penyenggaraan premis serta pemantauan terhadap peserta kursus untuk usahawan tidak memuaskan. Sehubungan itu, adalah disyorkan agar pihak Sedcovest mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- a) Mengambil tindakan susulan terhadap perjanjian usaha sama yang belum ditandatangani dengan pemilik tanah.
- b) Mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan terutamanya kawalan terimaan dan perolehan.
- c) Mempertingkatkan pemantauan dan mengambil tindakan susulan terhadap penghutang perniagaan bagi mengelakkan tunggakan hasil yang boleh menjejaskan aliran tunai Syarikat. Bagi tujuan ini, Indeks Petunjuk Prestasi perlu ditetapkan bagi pegawai yang ditugaskan mengutip hutang.
- d) Mempertingkatkan pemantauan terhadap pembinaan projek/premis untuk memastikan pelaksanaannya selaras dengan perancangan yang dibuat.
- e) Mempertingkatkan pemantauan terhadap konsultan untuk memastikan konsultan lebih komited/bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya.
- f) Mempertingkatkan pemantauan terhadap peserta kursus untuk menilai keberkesanan kursus yang telah dianjurkan.



BAHAGIAN III PERKARA AM

15. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2008.
- b) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2008.

16. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2008

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2008. Pemeriksaan susulan dibuat terhadap **10** Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008. Kedudukan masa kini perkara yang berbangkit adalah seperti di **Jadual 16.1**.

Jadual 16.1
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti
Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Syarikat Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2008

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
1.	JABATAN PERHUTANAN NEGERI SABAH - Pengurusan Hutan Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar			
	2.5.1(a)(i)	Pencemaran Sungai Berdasarkan keputusan ujian kualiti air sungai di kawasan FMU 11 – Hutan Simpan Ulu Milian Dan Hutan Simpan Sepulut di Daerah Sook, Keningau bagi tahun 2005 dan 2006 menunjukkan Sungai Pingas dan Sungai Labau telah tercemar. Laporan ujian kualiti air bagi tahun 2007 dan 2008 tidak dikemukakan kepada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) oleh syarikat konsesi. Ujian kualiti air bagi Sungai Melikop dan Sungai Pinangah tidak dijalankan.	Laporan ujian air Sungai Labau dan Sungai Pingas telah dikemukakan oleh Pelesen kepada JPAS pada 1 Mac 2010. Sungai Melikop dan Sungai Pinangah belum dijalankan ujian kualiti air memandangkan tidak ada aktiviti yang dijalankan berdekatan kedua-dua sungai tersebut.	Pihak Audit berpuas hati dengan jawapan dan tindakan yang telah diambil oleh Jabatan.
	2.5.1(b)(i)	Kawalan Pencerobohan Kawasan Tadahan Air Atau Zon Penampian Berdasarkan ujian kualiti air yang dijalankan di Sungai Landau dan Ulu Sungai Merotai menunjukkan terdapat dua parameter kimia iaitu <i>Total Coliform</i> dan <i>E-Coli</i> telah melebihi standard yang ditetapkan.	Tindakan memindahkan penceroboh secara berperingkat dari kawasan hutan simpan telah diambil bagi memastikan Sungai Landau dan Ulu Sungai Merotai tidak terus dicemari.	Pihak Audit berpuas hati dengan jawapan dan tindakan yang telah diambil oleh Jabatan.
	2.5.1 (c)	Pembuangan Sisa Minyak Atau Sisa Pepajal Tong berisi minyak dalam kawasan Sungai Milian di dalam kawasan FMU – 11 tidak disimpan dan dilindungi daripada sinar matahari dan hujan serta tidak beralas serta perangkap minyak tidak disediakan.	Perkara ini telah diatasi oleh pelesen dengan menyediakan stor untuk menyimpan tong minyak.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	2.5.3	Komunikasi Dan Koordinasi Antara Jabatan Negeri Pada pendapat Audit, sistem komunikasi yang sedia ada kurang memuaskan. Oleh yang demikian, perlu diwujudkan satu mekanisme pemberitahuan agar JPAS dapat bertindak dengan kadar segera bagi mengelakkan kesan pencemaran alam sekitar berlarutan dan sukar dibendung.	JPAS mencadangkan supaya Pegawai Perhutanan dapat memaklumkan JPAS sekiranya terdapat ketidakpatuhan Syarat-syarat Alam Sekitar. Ini adalah kerana Jabatan Perhutanan mempunyai bilangan kakitangan yang ramai di semua daerah perhutanan berbanding dengan JPAS yang hanya mempunyai 12 pegawai penguatkuasa memantau semua aktiviti pembangunan dengan kelulusan EIA/PMM di seluruh Sabah. Bagaimanapun, maklum balas daripada Jabatan Perhutanan mengenai perkara ini belum diterima.	JPAS hendaklah memastikan kekurangan pegawai Penguatkuasa diatasi.
2.	JABATAN AIR NEGERI SABAH - Pengurusan Kualiti Air Minum			
	3.5.1	Pewartaan Kawasan Tadahan Air Permohonan pewartaan 12 kawasan tadahan seluas 38,045 kilometer persegi dan kawasan tadahan air Empangan Babagon, Penampang meliputi sungai-sungai berkeluasan 32 kilometer persegi belum diwarta kerana proses pewartaan rumit.	• Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang meminda Enakmen Sumber Air 1998 agar dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan. • Undang-undang dan peraturan serta pelaksanaan aktiviti air dilaksanakan di bawah RMKe-10. • Kawasan tertentu yang dikenal pasti berada dalam kawasan tadahan air akan diwartakan sebagai kawasan pemeliharaan air jika ada aktiviti. Kawasan tanah Kerajaan yang belum dimiliki dan didiami akan diwartakan sebagai kawasan perlindungan air.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang diambil.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	3.5.2	Aktiviti Komersil Di Kawasan Sungai Aktiviti pengambilan pasir dan batu sungai yang berdekatan dengan muka sauk loji rawatan tidak dipantau menyebabkan kualiti air Sungai Padas tercemar. Pejabat Pemungut Hasil Tanah (PPHT) tidak menjalankan penguatkuasaan terhadap aktiviti pengambilan pasir dan batu sungai yang dibuat tanpa kebenaran.	PPHT memaklumkan bahawa aktiviti pengambilan pasir sungai di kawasan terlibat dilaksanakan tanpa lesen kerana syarikat berkenaan masih dalam proses permohonan lesen mengambil pasir sungai. Surat arahan pemberhentian telah dikeluarkan oleh PPHT dan pemantauan juga diadakan.	Tindakan yang diambil memuaskan.
	3.5.3	Muka Sauk Loji Rawatan Air Kedudukan muka sauk yang tidak sesuai menyebabkan sumber air ke loji rawatan tercemar akibat aktiviti komersil di pekan dan aktiviti pengambilan pasir tanpa kebenaran.	Cadangan untuk memindahkan muka sauk di kawasan pekan akan dimasukkan dalam RMKe-10.	Cadangan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) adalah baik.
	3.5.4	Rawatan Pelanggaran kualiti air di peringkat loji rawatan dan di peringkat agihan disebabkan proses rawatan yang tidak sempurna, sumber air mentah yang tercemar, kerosakan alat <i>dosing</i> atau sukat <i>dosing</i> yang tidak tepat, kemampuan pengeluaran air dari loji yang tidak mampu menampung permintaan dan ujian kekeruhan tidak dapat dilaksanakan kerana alat ujian rosak.	Pemantauan kualiti air dijalankan dari semasa ke semasa terutamanya sistem pemprosesan air mentah dan alat-alat pendosan kimia serta peralatan ujian akan dibaik pulih dengan segera.	Tindakan yang diambil memuaskan.
	3.5.5	Stesen Persampelan/Pencontohan Pembinaan reka bentuk kabinet persampelan air tidak mengikut pelan standard Jabatan Kerja Raya.	Reka bentuk persampelan <i>goose neck</i> daripada jenis tembaga diguna pakai.	Tindakan JANS adalah baik.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
		Pengambilan sampel air dilakukan di tempat awam seperti dalam pasar dan kawasan sekolah di sekitar Kota Kinabalu dan Penampang kerana tidak disediakan stesen persampelan mengakibatkan hasil keputusan ujian yang dibuat diragui. JANS juga tidak menyediakan peruntukan khas untuk membina stesen persampelan.	JANS dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah bersetuju untuk mengambil sampel air di tempat yang ditetapkan.	
	3.5.6	Pencucian Paip Retikulasi Jabatan Air Bahagian Kota Kinabalu dan Tenom menjalankan pencucian paip retikulasi secara <i>ad-hoc</i> atau mengikut keperluan atau berdasarkan aduan pengguna.	Pihak JANS memaklumkan kerja <i>flushing</i> tidak dapat dilakukan secara berjadual kerana kekurangan air atau tekanan air yang rendah. Pencucian secara <i>ad-hoc</i> adalah berdasarkan aduan pengguna sekiranya berlaku penurunan kualiti.	Tindakan JANS adalah memuaskan.
	3.5.7	Florida Dalam Air Terawat - Sembilan buah loji rawatan telah dibekalkan florida <i>feeder</i> tetapi hanya <i>feeder</i> di Loji Rawatan Air Simpangan Kota Marudu sahaja yang beroperasi/berfungsi manakala di lapan loji lagi telah rosak. - JANS sukar mematuhi standard penggunaan florida dalam air terawat iaitu 0.4 – 0.6 mg/l. - Tiada penggunaan florida dalam air terawat bagi loji yang dikendali oleh konsesi berdasarkan perjanjian konsesi yang diluluskan.	- Pada tahun 2009, sejumlah RM114,570 dibelanjakan untuk membeli bahan kimia <i>silicofluoride</i> bagi enam buah loji rawatan air. - Sejumlah RM260,000 dibelanjakan untuk memasang florida <i>feeder</i> baru di dua buah loji. - JANS tidak mengendalikan pemfleurida air kerana tidak dinyatakan dalam dasar Kerajaan.	Tindakan yang diambil adalah memuaskan dan perlu diperluaskan penggunaan florida ke loji rawatan yang lain termasuk yang dikendali oleh konsesi.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
3.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT - Pengurusan Program e-Desa			
	4.5.1.1 4.5.1.1(a)	Penyediaan Prasarana Pemilihan Tapak Pusat e-Desa Kg. Indai, Tuaran tidak mempunyai kemudahan capaian internet.	Pusat tersebut telah menerima kemudahan capaian internet.	Tindakan oleh Kementerian adalah baik.
	4.5.1.2 4.5.1.2(a)	Jawatankuasa Pengurusan Pusat e-Desa Mesyuarat JKPeD Kekerapan mesyuarat tidak mengikut jadual iaitu setiap tiga bulan sekali. Bagi mesyuarat yang diadakan, minit mesyuarat tidak dikemukakan ke Unit KIT.	Unit KIT merancang menjalankan satu kajian strategi peningkatan pelaksanaan Program e-Desa pada April 2010 termasuk mencari penyelesaian terhadap isu dibangkitkan.	Tindakan oleh Kementerian adalah memuaskan.
	4.5.1.2(b)	Operasi Harian Pusat e-Desa Tiga daripada tujuh Pusat e-Desa yang dilawat belum beroperasi sepenuh masa.		
	4.5.1.2(c)	Pengurusan Kewangan Pusat e-Desa Pengurusan rekod kewangan tidak teratur kerana tidak ada garis panduan mengenai format penyediaan laporan kewangan yang seragam.		
	4.5.1.3	Aktiviti Pusat e-Desa JKPeD tidak aktif merancang aktiviti atau latihan sokongan yang dapat membantu pembangunan masyarakat setempat dengan kemudahan yang ada di Pusat bagi melahirkan <i>local IT champions</i>.		

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	4.5.1.4 4.5.1.4(a)	Operator Pusat e-Desa Pemilihan Dan Pelantikan Operator Perkhidmatan Pusat e-Desa tidak memuaskan kerana operator kerap berhenti hingga menjejaskan operasi Pusat.		
	4.5.1.6	Penyenggaraan Jadual penyenggaraan untuk kelengkapan di Pusat e-Desa tidak disediakan dan tidak ada sistem pelaporan terhadap aduan kerosakan.		
	4.5.2(c)	Pemantauan Pemantauan terhadap Pusat e-Desa kurang berkesan kerana lawatan dibuat secara <i>ad-hoc</i> disebabkan pegawai yang sama perlu memantau program lain yang dilaksanakan Unit KIT.		
4.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR - Pengurusan Peruntukan Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah			
	5.5.1	Penyediaan Kertas Cadangan Pelaksanaan Projek Tidak Lengkap Kertas cadangan pelaksanaan projek yang dikemukakan oleh Agensi Pelaksana kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) terlalu umum dan tidak terperinci.	Bagi memastikan setiap kertas cadangan pelaksanaan projek disediakan dengan lengkap, seorang Pembantu Teknik, Gred J29 telah ditempatkan di setiap daerah.	Tindakan yang diambil oleh Kementerian adalah memuaskan.
	5.5.2 (i)	Kerja-Kerja Teknikal Dibuat Secara Gotong Royong Sejumlah RM1.83 juta daripada RM27.96 juta atau 6.5% jumlah peruntukan bagi lima daerah untuk projek membina dan membaiki pulih balai raya serta membina jalan kampung/ <i>gravel</i> yang memerlukan kemahiran teknikal telah dilaksanakan secara gotong royong oleh	Pelaksanaan kerja-kerja melalui gotong-royong adalah berdasarkan surat pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah yang tidak menyebut JKKB/JKDB perlu memiliki sijil CIDB.	Pihak Audit berpuas hati dengan maklum balas Kementerian.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
		Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau Jawatankuasa Kemajuan Dalam Bandar (JKDB). Selain itu, JKKK atau JKDB tidak memiliki sijil CIDB sebagai sokongan kepada kemahiran teknikal.		
	5.5.2(ii)	Dokumen Kontrak/Tender Tidak Disediakan Pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) tidak menyediakan dokumen kontrak walaupun pengecualian tatacara sebut harga dan penyediaan dokumen kontrak daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah diperolehi.	Pihak DBKK telah diberikan kelulusan pengecualian tatacara sebut harga dan penyediaan dokumen kontrak oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.	Pihak Audit berpuas hati dengan maklum balas Kementerian.
	5.5.3 (a)	Projek Siap Tetapi Tidak Digunakan - Bangunan kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang dibina dengan kos RM3,000 tidak lengkap. - Membina gelanggang takraw Kg. Warisan, Karambunai, Kota Kinabalu dengan kos RM30,000. - Projek pemprosesan minyak kelapa dara, Kg. Marang Parang, Kudat dengan kos RM99,930 dan 6 unit peralatan lengkap memproses minyak kelapa dara dengan kos RM35,940. - Membina kolam ikan 20' x 20' x 10' di Kg. Tombirog, Kudat dengan kos RM25,000.	- Kelas KAFA berkenaan telah dibina dengan lengkap dan telah digunakan. - Gelanggang takraw berkenaan telah digunakan oleh penduduk. - Makmal berkenaan telah digunakan dan menggunakan generator bagi mendapat bekalan elektrik. - Kolam berkenaan telah digunakan menjadi takungan air bagi kegunaan penduduk setempat.	- Tindakan yang telah diambil oleh Agensi Pelaksana adalah memuaskan. - Tindakan yang telah diambil oleh Agensi Pelaksana adalah memuaskan. - Tindakan yang telah diambil oleh Agensi Pelaksana adalah memuaskan. - Tindakan yang telah diambil oleh Agensi Pelaksana adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	5.5.3 (b)	Projek Tidak Dilaksanakan Pembinaan jambatan 2, Kg. Gusung, Karambunai, Kota Kinabalu berukuran 150' panjang x 4' lebar dengan kos RM20,000.	Pihak DBKK menyatakan bahawa projek berkenaan adalah projek yang dibina pada tahun 2008 dan pembayaran dibuat enam bulan kemudian.	Pihak Audit berpuas hati dengan maklum balas yang diberi.
	5.5.3 (c)	Bantuan Projek Kepada Individu Pembinaan jalan simen ke rumah seorang individu di Kg. Sinopuru, Inanam, Kota Kinabalu dengan kos RM50,000.	Lot tanah di sekitar dan sepanjang jalan simen berkenaan telah dibahagikan untuk penempatan semula penduduk Kampung Darau, Menggatal yang terlibat dengan projek mendalamkan Sungai Darau, Menggatal. Hanya seorang pemilik telah mendiami lot dan membina rumah terlebih dahulu. Pemilik lain masih belum membersihkan lot mereka kerana masalah jalan raya sebelum ini.	Pihak Audit berpuas hati dengan maklum balas Agensi Pelaksana.
	5.5.3 (d)	Projek Tidak Mengikut Spesifikasi i) Atap/bumbung yang dipasang di makmal dan stor Kg. Marang Parang, Kudat bukan atap jenis <i>spandex</i> . ii) Bantuan 9,245 keping zink bukan 'Cap Harimau' dibekalkan kepada penduduk kawasan Tungku, Lahad Datu dengan kos RM235,850. iii) Tangki air berkapasiti 400 gelen yang termasuk dalam kontrak membina balai raya Kg. Tekalan Ulu Tungku, Lahad Datu dengan kos RM10,000 tidak disediakan.	Atap jenis <i>spandex</i> tidak digunakan lagi sebagai atap/bumbung tetapi perubahan jenis atap kepada zink tidak dimaklumkan kepada pihak KPLBS sebagaimana yang sepatutnya. Pihak auditi mengakui kesilapan dan akan mengambil tindakan sewajarnya serta memastikan ianya tidak akan berulang lagi. Pejabat Daerah Lahad Datu menyatakan telah berlaku kesilapan semasa menyediakan kertas cadangan projek tersebut dan kos RM10,000 hanyalah mencukupi untuk membina balai raya. Bagi mengatasi masalah bekalan tangki air, peruntukan tambahan akan dimohon.	Pihak Audit berpuas hati dengan maklum balas yang diberi. Dalam siasatan SPRM. Pihak Audit berpuas hati dengan maklum balas yang diberi.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	5.5.4	Bantuan Yang Bukan Dalam Kategori Peruntukan ADUN Sebanyak RM1.13 juta daripada RM27.96 juta atau 4% Peruntukan Khas ADUN bagi 5 daerah telah dibelanjakan bagi perolehan yang bukan dalam kategori seperti yang dibenarkan dalam Garis Panduan Peruntukan ADUN.	Penggunaan Peruntukan Khas ADUN untuk projek dan aktiviti telah mendapat pengesahan Jemaah Menteri Negeri.	Pihak Audit berpuas hati dengan maklum balas Kementerian.
	5.5.5 (i) <			

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
6.	JABATAN PERTANIAN NEGERI SABAH - Program Pembangunan Tanaman Padi Negeri Sabah			
	7.5.2	Prestasi Program Insentif Pembajakan Pelaksanaan insentif pembajakan adalah kurang memuaskan kerana sasaran yang ditetapkan masih tidak dapat dicapai oleh Jabatan.	Mengikut maklum balas Jabatan, antara sebab keluasan tanah sawah yang dibajak tidak mencapai sasaran adalah kerana kos pembajakan tinggi, masalah sistem pengairan dan saliran, banjir dan kekurangan jentera pembajak.	Jabatan hendaklah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini.
	7.5.3 (a)	Kadar Subsidi tidak mengikut Kos Semasa Bantuan insentif pembajakan adalah tidak memuaskan kerana tidak mengambil kira kos pembajakan semasa menyebabkan pesawah terpaksa menampung perbezaan kos.	Perkara ini telah dibincangkan di peringkat Jabatan untuk tindakan lanjut.	Jabatan hendaklah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini.
	7.5.4	Jentera Pembajak Penyediaan jentera pembajak tidak memuaskan kerana insentif pembajakan yang rendah berbanding kos pembajakan semasa yang tinggi.	Jabatan memaklumkan perkara ini sedang dibincangkan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang selaku agensi pelaksana untuk mengatasi kekurangan jentera pembajak.	Jabatan hendaklah memastikan masalah penyediaan jentera pembajak diatasi.
	7.5.5	Sistem Pengairan Dan Saliran Sistem pengairan dan saliran adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana terdapat kawasan sawah yang lebih tinggi daripada sistem pengairan, kekurangan sumber air dan terdapat pam air yang rosak.	Perkara ini adalah di luar bidang kuasa Jabatan. Bagaimanapun, perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran untuk tindakan.	Jabatan hendaklah bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran agar masalah ini dapat diatasi.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	7.5.8	Prestasi Bantuan Baja Padi Huma Program bantuan baja padi huma adalah tidak memuaskan kerana tidak ada permohonan bantuan baja padi huma daripada pesawah dan ini mengakibatkan longgokan baja di stor Jabatan.	Mulai tahun 2009, Jabatan telah melaksanakan insentif tanaman padi bukit/huma di bawah dasar Jaminan Bekalan Makanan dalam bentuk input dan peralatan pertanian seperti alat penyembur, racun rumpai, racun perosak dan baja foliar bertujuan menggalakkan penanaman padi bukit/huma.	Tindakan yang diambil oleh Jabatan adalah memuaskan.
7.	LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH - Penswastan Operasi Komersil Pelabuhan-Pelabuhan Sabah			
	8.5.1.1 (c)	Pindah Milik Tanah Komersil Tanah komersil seluas 23.25 ekar belum dipindah milik kepada Suria Capital Holdings Berhad. Tanah ini sepatutnya dipindah milik untuk dibangunkan sebagai <i>terminal cruise</i> antarabangsa dan pusat pelancongan.	Tanah komersil seluas 23.25 ekar belum dipindah milik kepada Suria Capital Holdings Berhad. Perkara ini sedang dibincang di peringkat Pejabat Hasil Bumi, Unit Penswastan Negeri, Jabatan Tanah Dan Ukur dan Kabinet Negeri Sabah.	Pihak yang terlibat dengan perbincangan hendaklah menyelesaikan pindah milik ini dengan sewajarnya.
	8.5.1.2 (a)	Penyenggaraan Kemudahan Pelabuhan Kerosakan kecil di Pelabuhan Sandakan, Lahad Datu dan Tawau perlu disenggara. Kerosakan di Pelabuhan Kudat juga perlu dibaiki secara menyeluruh.	Sabah Ports Sdn. Bhd. (syarikat konsesi) telah mengambil tindakan terhadap isu yang dibangkitkan. Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS) selaku Badan Kawal Selia mengesahkan penyenggaraan telah dijalankan oleh syarikat konsesi.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh syarikat konsesi dan pengesahan oleh LPPS.
	8.5.4.2 (c)	Prestasi Bayaran Balik Perbelanjaan Modal LPPS <i>Port Handling Equipment</i> berjumlah RM7.41 juta hendaklah dilupuskan. Hasil yang diperolehi daripada pelupusan hendaklah diserahkan kepada LPPS.	<i>Ports Handling Equipment</i> belum dilupuskan.	LPPS hendaklah memastikan hasil pelupusan diserahkan kepadanya.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit																				
8.	DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU - Pengurusan Pengenaan Dan Kutipan Cukai Taksiran																							
	9.5.4	a) Penilaian Semula Perkadaran Senarai penilaian yang diguna adalah senarai tahun 1981 iaitu lebih 20 tahun. Penilaian semula yang siap pada tahun 1999 tidak dilaksana kerana bantahan penduduk dan kekangan kewangan.	Masih belum dilaksanakan.	DBKK hendaklah mengambil tindakan melaksanakan perkadaran baru.																				
	9.5.5 i)	b) Kutipan Cukai Taksiran Tahunan Kutipan cukai pada tahun 2006 hingga 2008 berbanding cukai sepatutnya dikutip adalah kurang 60% seperti berikut: i) 2006 – 55.6% ii) 2007 – 52.7% iii) 2008 – 53.2%	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah berusaha mengemas kini maklumat pemilik harta pegangan supaya kutipan cukai taksiran lebih teratur.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh pihak DBKK.																				
	9.5.5 ii)	c) Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Kutipan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2006 hingga 2008 antara 21.1% hingga 26.2% seperti berikut: <table><tr><th>Tahun</th><th>2006</th><th>2007</th><th>2008</th></tr><tr><td>Patut Kutip (RM juta)</td><td>36.62</td><td>38.74</td><td>39.96</td></tr><tr><td>Anggaran (RM juta)</td><td>11</td><td>12</td><td>12</td></tr><tr><td>Kutip Sebenar (RM juta)</td><td>7.71</td><td>8</td><td>10.48</td></tr><tr><td>Peratus (%)</td><td>21.1</td><td>20.7</td><td>26.2</td></tr></table>	Tahun	2006	2007	2008	Patut Kutip (RM juta)	36.62	38.74	39.96	Anggaran (RM juta)	11	12	12	Kutip Sebenar (RM juta)	7.71	8	10.48	Peratus (%)	21.1	20.7	26.2	DBKK telah mengadakan kempen kesedaran pembayar cukai. Pada 31 Disember 2009 tunggakan cukai taksiran adalah berjumlah RM19.40 juta.	DBKK hendaklah mengambil tindakan yang berterusan untuk mengurangkan tunggakan cukai taksiran.
Tahun	2006	2007	2008																					
Patut Kutip (RM juta)	36.62	38.74	39.96																					
Anggaran (RM juta)	11	12	12																					
Kutip Sebenar (RM juta)	7.71	8	10.48																					
Peratus (%)	21.1	20.7	26.2																					
9.	I. MAJLIS PERBANDARAN TAWAU II. MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN III. MAJLIS DAERAH RANAU - Pengurusan Infrastruktur Pihak Berkuasa Tempatan																							
	10.5.1	a) Cadangan Projek • Lima daripada 19 projek di Majlis Perbandaran Tawau (MPT) tidak dirancang olehnya tetapi dicadangkan oleh	Majlis akan memastikan projek yang dirancang oleh Majlis sahaja akan dilaksanakan.	Majlis hendaklah memastikan perkara sama tidak berulang lagi.																				

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
		kontraktor. Penyediaan taman permainan dicadang oleh kontraktor pada tahun 2005 dan dimasukkan dalam bajet tahun 2007. 30 daripada 67 projek di Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) tidak dirancang olehnya tetapi dicadang oleh Pemimpin Kemajuan Rakyat kawasan ADUN masing-masing.		
	10.5.2	b) Spesifikasi Kerja Tidak Dinyatakan Dengan Jelas - Perisian komputer tidak dinyatakan. - Bilangan peralatan elektrik yang perlu diganti tidak dinyatakan. - Bilangan ruang tambahan dan saiz tidak dinyatakan.	Majlis Daerah Ranau (MDR) akan memastikan spesifikasi komputer riba yang perlu dibeli akan dimasukkan dalam dokumen tender sebagai rujukan kepada pihak kontraktor untuk pembelian.	Majlis hendaklah memastikan perkara sama tidak berulang.
	10.5.3 b)	c) Menaik Taraf Sistem Perparitan Di Pekan Kundasang, Ranau Pelaksanaan projek tidak mengambil kira kawasan tersebut berpotensi berlaku gelinciran bawah tanah seperti kajian yang dijalankan oleh UKM.	Perbincangan telah dijalankan bersama pihak kontraktor bagi membina parit konkrit lencongan supaya air akan dapat mengalir dengan sempurna. Kerja pembinaan lencongan belum dijalankan.	MDR hendaklah memastikan lencongan air dibina.
	10.5.3 c)	d) Menaik Taraf Pasar Besar Pekan Ranau Gerai yang diubah suai dan siap pada November 2008 belum diagihkan kepada peniaga pada masa pengauditan.	Senarai nama pemohon asal dan baru yang berminat telah diterima dan disenaraikan oleh pihak MDR. Pemohon yang berjaya untuk menyewa ruangan tambahan bagi aktiviti perniagaan ini telah dimaklumkan.	MDR hendaklah memastikan gerai diagihkan dengan segera kepada pemohon yang berjaya.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	10.5.5	e) Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Hanya sebahagian daripada 296 pokok kayu dan bunga bernilai RM14,900 ditanam di kawasan sekeliling Pasar Besar Ranau. Selain itu, 200 pokok kayu dan bunga bernilai RM16,500 tidak ditanam di kawasan projek sistem perparitan di Pekan Kundasang, Ranau.	Pokok kayu dan bunga telah ditanam seperti ditetapkan dalam kontrak.	Tindakan MDR adalah memuaskan.
10.	PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI - KKYS Sdn. Bhd.			
	12.5.3.4	Prestasi Kewangan Kedudukan kewangan KKYS Sdn. Bhd. pada tahun 2005 hingga 2007 menunjukkan Syarikat mengalami kerugian setiap tahun di mana kerugian terkumpul sehingga tahun 2007 adalah berjumlah RM27.69 juta.	Prestasi kewangan KKYS Sdn. Bhd. bertambah baik yang mana kedudukan Akaun Untung Rugi pada tahun 2008 berkurang kepada RM1.6 juta berbanding RM3.2 juta pada tahun 2007. Pada tahun 2009, kedudukan Akaun Untung Rugi dianggarkan mencatat untung bersih berjumlah RM1.4 juta. Kerugian terkumpul pada tahun 2009 telah menurun kepada RM28 juta berbanding RM29 juta pada tahun 2008.	KKYS Sdn. Bhd. hendaklah terus berusaha untuk menambah baik kedudukan kewangan.
	12.5.3.5 (b)	Tunggakan Sewa Bangunan Tunggakan sewa bangunan Yayasan Sabah berjumlah RM22.08 juta pada 31 Disember 2008.	Yayasan Sabah sedang menstruktur semula modal KKYS Sdn. Bhd. di mana hutang KKYS Sdn. Bhd. kepada Yayasan Sabah akan ditukarkan kepada saham.	KKYS Sdn. Bhd. hendaklah memastikan penstrukturan semula modal berjaya.
	12.5.3.6 (b)	Tunggakan Yuran Tunggakan yuran pengajian berjumlah RM3.79 juta pada tahun 2007.	KKYS Sdn. Bhd. menghadapi kesukaran untuk menuntut pembayaran daripada pelajar-pelajar yang telah berhenti dan gagal. Namun, KKYS Sdn. Bhd. akan meneruskan usaha untuk menuntut pembayaran daripada pelajar yang masih belum mengambil Sijil dan Diploma mereka. Tanpa	KKYS Sdn. Bhd. hendaklah mewujudkan mekanisme untuk menyelesaikan tunggakan yuran.

Bil.	No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	12.5.4.5	Kelayakan Tenaga Pengajar Hanya dua daripada 35 tenaga pengajar mempunyai sijil <i>Vocational Training Officer</i> (VTO) yang diwajibkan kepada tenaga pengajar yang mengajar program JPK oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).	penyelesaian hutang mereka, KKYS Sdn. Bhd. tidak akan mengeluarkan Sijil dan Diploma mereka. Mulai Ogos 2009, seramai 38 orang tenaga pengajar telah menghadiri kursus dalaman (VTO) dan dijangka tamat pada Julai 2010.	
	12.5.4.8 (b)(i) & (v)	Kemudahan Dan Kelengkapan Ruang pejabat dan bilik asrama yang disediakan adalah terlalu sempit dan kurang selesa.	Yayasan Sabah telah membina sebuah asrama baru di Kampus Likas yang boleh memuatkan 600 orang pelajar, lengkap dengan perabot bilik dan bilik mandi. Asrama baru ini telah pun disiapkan pada Februari 2010 dan sedang menunggu kelulusan Sijil Kebenaran Menduduki (OC). Lembaga Pengarah Yayasan Sabah juga telah meluluskan pembinaan kampus baru di <i>City Campus</i> , Sembulan dan pembinaan dijangka bermula pada bulan Mei 2010 dan siap dalam tempoh 2 tahun.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh KKYS Sdn. Bhd. Tindakan KKYS Sdn. Bhd. adalah baik.
	12.5.4.8 (b)(iv)	Komputer di makmal komputer Kampus Likas berhabuk dan tidak disenggara secara berjadual.	Tenaga kerja untuk menyenggara komputer telah pun ditambah bagi mengatasi masalah penyenggaraan komputer khususnya di Kampus Likas. Pihak Kolej juga telah melantik dua orang Juruteknik Makmal Komputer dan seorang daripadanya ditempatkan di Kampus Likas.	Tindakan KKYS Sdn. Bhd. adalah baik.

17. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2008

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Setakat 23 Mac 2010, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 16 November 2009.

18. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pada tahun 2009, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri telah mengadakan dua kali mesyuarat dan memanggil Ketua Jabatan terlibat iaitu pada 19 Mac 2009 dan 19 hingga 20 Mei 2009 untuk memberi penjelasan terhadap isu-isu Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2006 dan 2007. Manakala bagi Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun 2008, mesyuarat pertama Jawatankuasa diadakan pada 29 dan 30 Mac 2010.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan penyeliaan yang rapi, kurang komitmen, peruntukan kewangan yang terhad dan kekurangan kakitangan.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan kelemahan yang sama tidak berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA
PUTRAJAYA**

9 Julai 2010



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2010
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773